



**INSTITUT PENDIDIKAN GURU  
KAMPUS SARAWAK**

# **JURNAL PENYELIDIKAN PENDIDIKAN**

**JILID 16, 2021**



# *Jurnal Penelitian Pendidikan*

*Jilid 16, 2021*



Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri  
*Institute of Teacher Education Sarawak Campus, Miri*

**PENASIHAT (ADVISOR)**

HAJI MOHAMAD ZAILANI BIN JAYA, Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak

**PENYELARAS (COORDINATOR)**

Dr NORSARIHAN BIN AHMAD

HOON SWEE KIM

TRACY ANAK MENSAN

Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi

**Penilai Luar (External Reviewers)**

Professor Dr KAMISAH OSMAN

Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Professor Madya Dr NAZRUL ANUAR NAYAN

Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Dr LEE CHUO HIONG

Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan  
Inovasi,

IPG Kampus Batu Lintang

Dr RAMLAN BIN MUSTAPHA

Akademi Pengajian Islam dan  
Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Pahang

Dr AMEIRUEL AZWAN BIN AB AZIZ

Akademi Pengajian Bahasa,  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Cawangan Melaka

Dr NORASYIKIN BIN MAHMUD

Fakulti Pendidikan, Kemanusiaan dan  
Sastera,  
Kolej Universiti Poly-Tech MARA  
Kuala Lumpur

**Penilai Dalam (Internal Reviewers)**

Dr NORSARIHAN BIN AHMAD, Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi

Dr HUANG CHWEI ING, Jabatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik

Dr BAITY ANAK BUJENG, Jabatan Ilmu Pendidikan

Dr MAGDELINE ANAK NOR, Jabatan Pengajian Melayu

**Editor Grafik (Graphic Editor)**

HOON SWEE KIM, Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi

**Jurnal Penyelidikan Pendidikan, IPG Kampus Sarawak** menerbitkan hasil-hasil penyelidikan staf akademik, bekas staf akademik, para peserta kursus dalam perkhidmatan, dan para pelatih guru pra dan dalam perkhidmatan di IPG Kampus Sarawak. Satu salinan manuskrip mengikut gaya yang dispesifikasikan dalam Publication Manual of the American Psychological Association (APA) boleh dialamatkan ke Sidang Editor, Jurnal Penyelidikan Pendidikan, IPG Kampus Sarawak, Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak, Malaysia.

*The IPG Kampus Sarawak Journal of Education Research publishes educational research works of the academic staff, ex-academic staff, in-service course participants, and pre-service teacher trainees of IPG Kampus Sarawak. A copy of each manuscript confirming to the style specified by the Publication Manual of the American Psychological Association (APA) can be addressed to the Editorial Board, Jurnal Penyelidikan Pendidikan, IPG Kampus Sarawak, Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak, Malaysia.*

---

Hak Cipta Terpelihara ©2021 oleh IPG Kampus Sarawak, Miri, Sarawak  
*Copyright ©2021 by Institute of Teacher Education Sarawak Campus, Miri, Sarawak*

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan jurnal ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau apa sahaja cara sebelum mendapat kebenaran secara bertulis daripada Pengarah, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri.

*Partial reproduction of article/s, illustrations and contents in any form and means, be it electronically, photocopying, mechanically, recordings or any other means is prohibited before written permission is requested from the Director, Institute of Teacher Education Sarawak Campus, Miri.*

Segala surat-menyurat boleh dialamatkan kepada:  
*All correspondence can be addressed to:*

Sidang Editor,  
Jurnal Penyelidikan Pendidikan  
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak  
Jalan Bakam, 98009 Miri  
Sarawak, Malaysia

## **SEMADAH KATA, SEMANIS PEMBUKA BICARA PENGARAH IPG KAMPUS SARAWAK**


Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Tahniah dan syabas kepada semua Penulis, Penyelaras, Sidang Editor Jemputan Luar dan Sidang Editor IPG Kampus Sarawak 2021 di atas usaha dan komitmen dalam menjayakan penerbitan Jurnal Penyelidikan Jilid 16, Tahun 2021.

Penyelidikan dalam pendidikan merupakan usaha yang dijalankan oleh para pendidik untuk meneroka dan memahami fenomena atau masalah untuk tujuan penambahbaikan. Jurnal Penyelidikan Pendidikan ini merupakan jurnal ke-16 yang memuatkan pelbagai artikel berkaitan dengan bidang TVET, bidang STEM, bidang Pentadbiran dan Pengurusan Pendidikan, bidang Pentaksiran Pendidikan, bidang Pendidikan awal kanak-kanak, bidang Bahasa dan bidang Sains Sosial. Jurnal seperti ini akan dapat dijadikan wadah penting untuk para pendidik dalam menyumbang dan berkongsi pengetahuan baru berkaitan dunia pendidikan yang semakin berkembang. Semoga hasil penulisan dalam jurnal ini dapat dimanfaatkan oleh pelbagai pihak dalam meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi (JPPI), IPG Kampus Sarawak di atas usaha mereka dalam menyediakan Jurnal Penyelidikan, Jilid 16 ini. Semoga artikel dalam jurnal ini memberi inspirasi dan amalan-amalan baru untuk mengorak langkah ke arah kecemerlangan pengajaran dan pemudahcaraan.

Sekian. Terima kasih.



(HAJI MOHAMAD ZAILANI BIN JAYA)  
Pegarah,  
IPG Kampus Sarawak

## **Prakata**

Penerbitan Jurnal Penyelidikan IPG Kampus Sarawak Jilid 16 diteruskan dengan memberi fokus kepada usaha membudayakan penyelidikan dalam pendidikan di dalam kalangan pendidik khususnya dalam amalan melaksanakan penyelidikan di dalam bilik darjah.

Penerbitan jilid 16 kali ini, 14 artikel penyelidikan dalam pendidikan berkaitan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPC) telah dipilih untuk diterbitkan. Daripada 14 artikel ini, 1 artikel bidang TVET, 2 artikel bidang STEM, 4 artikel bidang Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan, 2 artikel Pendidikan Awal Kanak-kanak, 2 artikel bidang Pentaksiran Pendidikan, 2 artikel bidang Bahasa dan 1 artikel bidang Sains Sosial telah dipilih untuk dimasukkan ke dalam Jurnal ini. Semoga artikel-artikel dapat membantu menyumbang idea-idea baru dalam dunia pendidikan yang semakin mencabar ini.

Sesungguhnya amalan penyelidikan dalam bilik darjah dapat membantu dalam usaha penambahbaikan proses PdPC sekaligus menjana idea untuk melakukan sesuatu pembaharuan dalam proses pengajaran bagi menjayakan sesi PdPC selepas membuat refleksi. Jika amalan refleksi ini diperkukuhkan secara terancang dan menjadi rutin, ia boleh membantu mengembangkan ilmu baharu yang akan memberi manfaat kepada pembelajaran, seterusnya meningkatkan amalan profesionalisme masing-masing.

Sidang Editor ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada para penyumbang dan berharap usaha yang baik ini dapat diteruskan.

Sekian. Terima kasih.

Sidang Editor,  
Jurnal Penyelidikan Pendidikan, Jilid 16, 2021

**JURNAL PENYELIDIKAN PENDIDIKAN  
IPG KAMPUS SARAWAK**

**JILID 16**

**TAHUN 2021**

---

	<b>Halaman</b>
Semadah Kata, Semanis Pembuka Bicara	iv
Prakata	v
Isi Kandungan	vi
<b>Kesan Modul Multimedia Interaktif Membuat Pakaian (MIMP) Terhadap Kemahiran Prosedural Menjahit Pakaian Tingkatan Empat</b> Baity Anak Bujeng, PhD	1
<b>Amalan Pengajaran Guru Di Program Pendidikan Khas Integrasi</b> Kama Shaffeei, PhD, Abdul Rahim Razalli, PhD, Shamsul Rizal Khalil	9
<b>Pencapaian Hasil Pembelajaran (HP) Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) Oleh Pelajar Ambilan Jun 2020 Di Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak (IPGKS) : Satu Tinjauan</b> Chin Peng Yee, PhD	18
<b>Tahap Kemahiran Membaca Dalam Kalangan Murid SVM Tahun 2 Program Pengurusan Perniagaan Dan Program Pemulihan</b> Wong Chiew Yien, Magdeline Anak Nor, PhD	30
<b><i>Teachers' Perspective: How Challenging Is ESL Flipped Classroom?</i></b> Yong Zhen Qi, Ngo Hui Kiang, Ho Suok Ting	39
<b><i>Parental Involvement In Home-Based Learning And Socioemotional Readiness Among Preschoolers In The Era Of Pandemic</i></b> Goh Phei Zhee, Mohd Nazri Abdul Rahman, PhD	51

<b>Pembelajaran Dalam Talian Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19: Satu Tinjauan Di IPGKBL</b> Agatha Francis Umbit, PhD	61
<b><i>Factors Influencing Perceived e-Learner Satisfaction In The COVID-19 Pandemic: A Correlation Study In South Area Of Johor</i></b> Boon-Fei Lee, Ying-Leh Ling, PhD	75
<b>Kebolehlaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Dalam Talian Bagi Kemahiran Membaca Tingkatan 1 SMK ST. Patrick, Mukah</b> Annatashia Qacuelyna Binti Raubi, Magdeline anak Nor, PhD	87
<b>Penggunaan Telefon Pintar Di Bilik Darjah Dalam Kalangan Pelajar DVM Tahun 2 Program Seni Reka Fesyen</b> Melissa Wong Chee Chin, Magdeline Anak Nor, PhD	96
<b>Amalan Terbaik Pentaksiran PdPR Di Sebuah Prasekolah Institut Pendidikan Guru</b> Siti Saleha Binti Samsuri, PhD	106
<b>Hubungan Kecerdasan Emosi dDan Pencapaian Akademik Geografi Menengah Rendah Di Sekolah Menengah Kebangsaan Saint Columba (M) Miri</b> Ong Sze Chong, PhD, Subah Anak Nyareng, Pau Kek Ming	115
<b>Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Buku "<i>Introduction To Engineering Mathematics For Polytechnic Students</i>" Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Politeknik Sultan Idris Shah</b> Norsuzana binti Zakaria, Nadzirah binti Rasdi, Norhafizah binti Arshad	127
<b>Pelaksanaan Pembelajaran Kolaboratif Menggunakan Aplikasi <i>Jamboard</i> Dalam Menyatakan Pendapat Tentang Bahan Rangsangan</b> Carmela Edwin, Magdeline Anak Nor, PhD	135



## **KESAN MODUL MULTIMEDIA INTERAKTIF MEMBUAT PAKAIAN (MIMP) TERHADAP KEMAHIRAN PROSEDURAL MENJAHIT TINGKATAN EMPAT**

**BAITY BUJENG, PhD**

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Jalan Bakam 98009 Miri, Sarawak.  
baitybujeng@yahoo.com

### **ABSTRAK**

Modul Multimedia Interaktif Membuat Pakaian (MIMP) dibangunkan untuk kegunaan guru dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) topik membuat pakaian bagi mata pelajaran Sains Rumah Tangga (SRT) di sekolah menengah harian di Malaysia. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran SRT adalah lebih berbentuk kemahiran amali berbanding teori. Kajian ini bertujuan untuk menguji kesan penggunaan modul MIMP ke atas kemahiran prosedural menjahit pakaian dalam kalangan murid tingkatan empat. Rekabentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah kuasi eksperimen digunakan dalam kajian ini. Proses pengumpulan data pula menggunakan reka bentuk ujian pra dan post. Sampel kajian seramai 73 orang murid SRT tingkatan empat yang telah dipilih secara rawak kelompok dan dibahagikan kepada kumpulan rawatan dan kawalan. Seramai 37 orang murid kumpulan rawatan diajar menggunakan modul MIMP manakala 36 orang murid kumpulan kawalan pula diajar secara konvensional. Data dianalisis menggunakan ujian SPANOVA. Dapatan menunjukkan bahawa modul MIMP memberi kesan yang signifikan terhadap kemahiran prosedural menjahit dengan nilai  $p < 0.05$ . Implikasi daripada kajian ini menunjukkan bahawa modul MIMP berjaya meningkatkan keupayaan kognitif dan psikomotor murid dalam pembelajaran topik membuat pakaian. Sebagai kesimpulannya, pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan multimedia mampu memberi kesan yang lebih baik berbanding dengan kaedah konvensional.

**Kata kunci:** Modul Multimedia Interaktif, Membuat Pakaian, Pemahaman, PAK-21

### **PENGENALAN**

Mulai tahun 2016, Pendidikan ERT dikenali sebagai Sains Rumah Tangga (SRT) setelah melalui fasa semakan dan penambahbaikan dari segi kandungan dan kurikulum. Dengan kata lain, SRT merupakan penjenamaan semula mata pelajaran ERT tingkatan empat dan lima yang telah dilaksanakan semenjak tahun 1992 dan seterusnya melalui semakan semula pada tahun 2002. SRT adalah mata pelajaran elektif ikhtisas (MPEI) untuk murid menengah atas (KPM, 2015). Matlamat SRT adalah untuk membekalkan pengetahuan dan kemahiran bagi meningkatkan kualiti hidup individu, keluarga dan komuniti (Bamalli, 2014). Ini seiring dengan matlamat Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) iaitu untuk melahirkan individu yang berpengetahuan dan berkemahiran serta berkeupayaan menghasilkan produk dan perkhidmatan (Anis & Nur Aisyah, 2017; Reeve, 2016).

Topik membuat pakaian merupakan kandungan standard kurikulum SRT yang berada dalam bidang pengajian Pakaian dan Jahitan (KPM, 2015); berbentuk pembelajaran kemahiran (amali) yang berasaskan pengetahuan (Teori). Latihan amali dalam bidang pakaian dan jahitan telah memberi peluang kepada murid untuk menginterpretasikan pengetahuan serta kemahiran asas tentang fabrik dan prinsip pemilihan pakaian dalam menghasilkan artikel jahitan. Murid beroleh pengetahuan dan kemahiran semasa proses menyiapkan sesuatu projek (KPM, 2015). Ini seiring dengan kajian Suriani Mohamed, Arasinah Kamis dan Norhayati Ali (2016) yang berpendapat bahawa pengajaran dan pembelajaran SRT adalah berasaskan kompetensi iaitu 80 peratus kerja praktikal manakala 20 peratus adalah berbentuk teori. Manakala aktiviti pengajaran dan pembelajaran SRT adalah lebih berbentuk amali berbanding teori (Anis Zakaria & Nur Aisyah, 2017; Reeve, 2016; Bamalli, 2014).

Seiring dengan pembelajaran abad ke-21, elemen kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) turut ditekankan dalam DSKP mata pelajaran SRT. Menurut Ma & Pendergast (2010), Pendidikan Sains Rumah Tangga juga harus akur dengan perubahan pembelajaran abad ke-21. Bermakna, guru-guru SRT perlu lebih bijak untuk membuat inovasi dalam pengajaran (Castro, Andres & Prestoza, 2018; Ma & Pendergast, 2010) untuk mencapai kualiti pembelajaran yang lebih baik. Nuruddinova et al. (2016) mengatakan bahawa strategi pembelajaran yang berbantuan komputer merupakan salah satu inovasi pengajaran yang menarik, mengembangkan kompetensi dan motivasi murid. Pengaplikasian ICT menjadikan PdP lebih efektif dan berkualiti (Sarkar, 2012) serta matlamat dan keperluan pembelajaran dapat dicapai (Karaci, Akyuz & Arici 2018). Sehubungan itu, modul

multimedia interaktif telah dibangunkan untuk kegunaan guru dalam PdP topik membuat pakaian bagi mata pelajaran Sains Rumah Tangga (SRT) tingkatan empat. Modul MIMP mempunyai kesahan yang baik iaitu 82.5 peratus dan nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu .92 (Baity, Arasinah, Mohd Azlan, Mohd Bekri & Sunaryo, 2019). Modul MIMP telah dibangunkan dengan memasukkan unsur-unsur bunyi, animasi, video, simulasi, gambar rajah dan teks (Baity et al., 2019). Unsur video dalam modul MIMP dapat membantu guru untuk membuat demonstrasi bagi kemahiran amali menjahit pakaian. Dalam kelas yang berbentuk amali, penggunaan video dilihat sebagai wakil tenaga pengajar untuk membuat demonstrasi bagi kemahiran yang ingin dicapai (Hung, Kinshuk & Chen, 2017; Afizal Shahir, Ahmad Fauzi Mohd Ayub & Rosini Abu, 2017).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang dikeluarkan pada tahun 2015 bagi mata pelajaran RBT tingkatan satu menunjukkan bahawa murid tidak didedahkan dengan kemahiran asas menjahit. Ini bermakna murid-murid yang berada di menengah rendah tidak mempunyai pengetahuan sedia ada asas menjahit setelah mereka berada di menengah atas. Pengetahuan sedia ada merujuk kepada pengalaman lalu yang diperolehi sama ada secara langsung atau tidak langsung dan masih kekal (Allsop, Debbie dan Cassidy & Tracy, 2017). Pengetahuan sedia ada murid tentang sesuatu mata pelajaran mampu mempengaruhi prestasi penguasaan pemahaman murid (Ahmad Arifin, Nazirah Radin, Ahmad Fikri & Mat Taib, 2013). Kenyataan ini disokong oleh kajian Allsop et al. (2017), yang mendapati murid yang tidak mempunyai kemahiran asas menjahit mengalami kesukaran untuk memahami konsep membuat pakaian dan mempunyai kemahiran menjahit pakaian yang rendah. Bukan itu sahaja, murid juga mempunyai tahap keyakinan yang rendah untuk menghasilkan pakaian yang berkualiti. Menurut Allsop et al. (2017) lagi, kemahiran asas menjahit diperolehi daripada pengalaman lalu menjadi keutamaan untuk mengembangkan kemahiran yang melibatkan teknik yang lebih kompleks. Kenyataan ini telah membuktikan bahawa pencapaian yang baik adalah berhubung kait dengan pengetahuan sedia ada dan pengalaman lampau yang berulang. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa tahap penguasaan murid dari segi teori dan kemahiran amali komponen pakaian dan jahitan masih berada pada tahap yang sederhana (Tee et al., 2016; Dalilah Mohd Rubi, Suriani Mohamed & Nur Ainil Sulaiman, 2014).

Oleh yang demikian, adalah wajar guru-guru SRT mengaplikasikan pengajaran berasaskan modul untuk meningkatkan pencapaian psikomotor murid dalam bidang membuat pakaian. Ini seiring dengan saranan oleh Reezlin, Mohamad dan Mohd Salehuddin (2016) yang mencadangkan supaya bidang-bidang pembelajaran yang berkaitan dengan kemahiran psikomotor mengaplikasikan pengajaran berasaskan modul. Tujuan kajian ini adalah untuk menguji kesan penggunaan modul MIMP terhadap kemahiran prosedural murid dalam menjahit pakaian tingkatan empat.

### **Persoalan kajian:**

1. Adakah terdapat kesan penggunaan modul pengajaran MIMP terhadap pencapaian kemahiran prosedural menjahit?

### **Hipotesis:**

Ho1 Penggunaan modul Multimedia Interaktif Membuat Pakaian (MIMP) tidak memberi kesan terhadap pencapaian kemahiran prosedural menjahit.

## **KAJIAN LITERATUR**

### **Pembelajaran Berasaskan Modul Dalam Pendidikan SRT**

Modul merupakan bahagian-bahagian kecil yang lengkap dan berkait rapat antara satu sama lain (Russell, 1974). Selain itu, modul juga merupakan satu unit pengajaran dan pembelajaran yang membincangkan sesuatu tajuk tertentu secara sistematik dan berurutan bagi memudahkan murid belajar dan menguasai sesuatu unit pembelajaran (Sidek & Jamaludin, 2005) dengan mudah, cepat dan tepat sama ada berbantuan fasilitator atau tidak berbantuan fasilitator (Jamaludin, 2016). Aktiviti modul merupakan satu pakej pengajaran berkaitan dengan satu unit konsep mata pelajaran. Menurut Jamaludin (2016), pendekatan dan penggunaan aktiviti modul sering kali digunakan oleh pelbagai pihak bagi menghasilkan pelbagai bahan, alat, sumber dan panduan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Terdapat beberapa kajian pembangunan modul dalam PdP bidang SRT. Martindale dan McKinney (2016), telah membangunkan sebuah modul video dalam talian yang dinamakan sebagai *Home Sewing Pattern*. Modul yang dibangunkan bertujuan untuk mengajar murid dalam bidang rekaan fesyen untuk mereka cipta, menghasilkan dan memasarkan pola digital. Penyelidik menggunakan beberapa teknologi untuk membangunkan modul tersebut dan ia boleh digunakan secara bersemuka atau jarak jauh. Sementara itu, Allsop et al. (2017) pula membangunkan alat sumber yang bertujuan untuk memulihkan dan meningkatkan kepakaran dan kemahiran menjahit dalam kalangan murid rekaan fesyen. Idea pembangunan alat sumber dibangunkan bermula dengan kekurangan kefahaman, kemahiran dan keyakinan murid rekaan fesyen dalam menghasilkan pakaian yang berkualiti. Menurut Allsop et al. (2017), kemahiran asas membuat pakaian menjadi keutamaan untuk mengembangkan kemahiran yang melibatkan teknik yang lebih kompleks.

Pada tahun 2018 pula, Astuti telah memperkenalkan media pengajaran yang dikenali sebagai *Multimedia Knife Pleated Skirt Video Tutorial*. Media ini yang telah menggunakan integrasi antara audio dan video sebagai tutor. Media ini dibangunkan sebagai bahan pengajaran inovatif untuk meningkatkan kualiti pembelajaran murid. Media inovatif dihasilkan ekoran daripada pengajaran yang sedia ada hanya berbentuk konvensional iaitu menggunakan kaedah demonstrasi, nota lampiran, *powerpoint* dan media yang tidak teratur. Yick et al. (2018), telah membangunkan modul dalam talian iaitu *the online modul: blended learning*. Modul dibangunkan adalah untuk memberi latihan menjahit secara atas talian bagi kegunaan murid bidang fesyen. Modul ini mengandungi sembilan aktiviti pengajaran yang menyampaikan kemahiran menjahit secara demonstrasi melalui video. Demonstrasi menggunakan video boleh dipasang secara berulang mengikut keperluan murid. Di Malaysia pula, Rohani Seman (2018) telah membangunkan sebuah modul pengajaran yang dinamakan Modul Kemahiran Jahitan Asas Flip Card (*M-JsasFC*) untuk kegunaan pembelajaran murid Pendidikan Asas Vokasional (PAV) tingkatan satu. Modul *M-JsasFC* dibangunkan bertujuan untuk meningkatkan pencapaian, kemahiran menjahit, motivasi, minat dan keyakinan diri murid terhadap pembelajaran jahitan asas PAV.

Kemahiran membuat pakaian memerlukan murid menggunakan kemahiran psikomotor untuk menjahit. Psikomotor merupakan kemahiran fizikal seperti pergerakan, koordinasi mata, manipulasi, ketangkasan dan kelajuan melalui aspek motor kasar dan motor halus. Pembelajaran psikomotor dalam mata pelajaran SRT yang bercorak praktikal serta amali memerlukan murid menggunakan, mengendalikan, menyelenggarakan serta membaik pulih peralatan dan bahan menjahit seperti alatan memotong, mengukur dan menanda. Oleh yang demikian, adalah wajar guru-guru SRT mengaplikasikan pengajaran berasaskan modul untuk meningkatkan pencapaian psikomotor murid dalam bidang membuat pakaian. Ini seiring dengan saranan oleh Reezlin Abdul Rahman et al. (2016) supaya bidang-bidang pembelajaran yang berkaitan dengan kemahiran psikomotor mengaplikasikan pengajaran berasaskan modul kerana murid berpeluang untuk menguasai kemahiran dan meningkatkan pengetahuan praktikal dalam bidang yang dipelajari.

### **Kemahiran Prosedural dalam Pendidikan SRT**

Kemahiran prosedural merupakan kesinambungan daripada ingatan jangka panjang iaitu ingatan prosedural. Ingatan prosedural bermaksud ingatan bagaimana melakukan sesuatu (Noriati Rashid et al., 2017; Woolfolk & Margetts, 2013; Woolfolk, 2010) terutamanya yang melibatkan aktiviti fizikal dan pengetahuan tersebut memerlukan demonstrasi (Woolfolk, 2010). Ingatan prosedural mewakili peraturan atau syarat untuk menghasilkan sesuatu produk. Kadang kala seseorang individu tidak sedar bahawa mereka mengikuti sesuatu peraturan. Semakin mereka kerap melakukan sesuatu prosedur, lama-kelamaan ia akan menjadi tindak balas terlazim. Kemahiran prosedural telah dikuasai setelah ia dijadikan sebagai rutin. Kemahiran prosedural pula melibatkan kemahiran dan juga rutin untuk membuat sesuatu (Woolfolk & Margetts, 2013). Sebagai kesimpulannya, kemahiran prosedural merupakan kemampuan seseorang individu untuk mengingat peraturan, syarat dan proses menghasilkan sesuatu produk sehingga ia menjadi rutin kepada individu tersebut. Kemahiran prosedural diperoleh dari ingatan prosedural pada awal pembelajaran dan ingatan tersebut telah menjadi rutin.

Kajian Hutkemri Zulnaidi dan Sharifah Norul Akmar Syed Zamri (2017) berjaya membuktikan bahawa pengetahuan konseptual dan prosedural murid meningkat setelah diajar menggunakan modul yang telah dibangunkan. Dalam kajian ini, kemahiran prosedural melibatkan proses membuat pakaian (blaus dan rompi) serta proses menjahit sampel jahitan yang tertakluk kepada peraturan dan langkah-langkah menjahit dengan betul. Demonstrasi menyediakan proses jahitan dan langkah-langkah menjahit ditunjukkan melalui tayangan video yang dipaparkan melalui modul MIMP.

## METODOLOGI KAJIAN

### Reka bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuasi eksperimen yang bertujuan untuk menguji kesan modul MIMP terhadap pencapaian pemahaman murid dan kemahiran prosedural menjahit. Kuasi bermaksud memiliki sebahagian tetapi bukan semua ciri-ciri eksperimen. Bermaksud reka bentuk kajian adalah mirip eksperimen tetapi bukan eksperimen sepenuhnya (Holmes, 2014). Reka bentuk kuasi eksperimen berbeza dengan reka bentuk eksperimen sebenar dari segi kewujudan kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Pemilihan responden yang bukan secara rawak juga telah membezakan reka bentuk kuasi eksperimen dengan reka bentuk eksperimen sebenar (Creswell, 2014; Holmes, 2014).

### Sampel kajian

Seramai 73 orang murid SRT tingkatan empat dari zon selatan, Sarawak terpilih secara rawak kelompok telah terlibat dalam kajian ini. Kumpulan murid dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu 37 orang kumpulan rawatan dan 36 orang kumpulan kawalan. Responden kajian terdiri dari 20 orang lelaki dan 53 orang perempuan. Responden lelaki terdiri daripada sembilan orang Melayu, seorang Cina dan 10 orang kaum Bumiputera Sarawak. Bagi responden perempuan pula, 16 orang Melayu, lima orang Cina dan 32 orang kaum Bumiputera Sarawak. Jumlah responden mengikut kaum ialah 25 orang Melayu, enam orang Cina dan 42 orang Bumiputera Sarawak. Pemilihan saiz sampel melebihi 30 orang bagi setiap kumpulan adalah memadai untuk memenuhi syarat minimum sampel untuk setiap kumpulan kaedah experimental (Fraenkel, 1996).

### Instrumen kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian amali menjahit yang digunakan untuk menguji kemahiran prosedural menjahit sampel jahitan sebelum dan selepas rawatan. Kemahiran prosedural merupakan ingatan bagaimana untuk melakukan sesuatu mengikut proses dan langkah-langkah yang betul (Woolfolk & Margetts, 2013). Dalam konteks kajian, ujian amali menjahit diberikan kepada murid dalam tempoh satu minggu sebelum rawatan dilaksanakan. Manakala selepas rawatan, sekali lagi ujian yang sama diberikan kepada murid selepas seminggu rawatan dijalankan

### Analisis data

Data dianalisis dan dilaporkan dalam bentuk statistik inferensi. Setelah mempertimbangkan hipotesis nol dan syarat-syarat analisis inferensi, maka penyelidik memilih analisis ujian *Split plot ANOVA* (SPANOVA) untuk menganalisis dan melaporkan data kajian. Menurut Chua (2014) ujian SPANOVA digunakan untuk mengenal pasti kesan sebelum dan selepas rawatan diberikan terhadap pembolehubah bersandar dengan membuat perbandingan antara kumpulan-kumpulan eksperimen.

## DAPATAN KAJIAN

Ho1: Penggunaan modul Multimedia Interaktif Membuat Pakaian (MIMP) tidak memberi kesan terhadap kemahiran prosedural menjahit.

Jadual 6.1

*Analisis ujian SPANOVA kesan ujian pra dan ujian pos kemahiran menjahit terhadap kumpulan kajian*

	Source	Type III Sum of Squares	Df	Mean Square	F	Sig.
PraPos	Huynh-Feldt	32589.54	1	32589.54	524.73	.00
PraPos *	Huynh-Feldt	1101.81	1	1101.81	17.74	.00
Kumpulan						
Error(PraPos)	HuynhFeldt	4409.63	71	62.11		

Jadual 6.1 menunjukkan analisis ujian SPANOVA kesan ujian pra dan ujian pos kemahiran prosedural menjahit terhadap kumpulan kajian. Keputusan ujian *Sphericity Mauchly* yang signifikan menyebabkan penyelarasan nilai df kajian perlu dilakukan. Keputusan ujian selepas penyelarasan dengan menggunakan nilai *Huynh-Feldt* menunjukkan bahawa terdapat kesan utama pembolehubah bebas ujian PraPos [ $F(1, 71) = 524.73, p < .05$ ]. Didapati juga terdapat kesan interaksi ujian PraPos\*Kumpulan [ $F(1, 71) = 17.74, p < .05$ ] yang signifikan. Dengan itu, penyelidik menolak hipotesis nol dan melaporkan

bahawa modul MIMP memberi kesan utama dan kesan interaksi kepada kemahiran prosedural menjahit pakaian murid SRT tingkatan empat.


Jadual 6.2

*Analisis ujian SPANOVA perbandingan pasangan skor ujian pra dan ujian pos kemahiran prosedural menjahit.*

(I) Pra_Pos	(J) Pra_Pos	Mean Difference (I-J)	Std. Error	Sig. <sup>b</sup>
Ujian Pra	Ujian Pos	-29.88*	1.31	.000
Ujian Pos	Ujian Pra	29.88*	1.31	.000

Jadual 6.2 menunjukkan analisis ujian SPANOVA perbandingan pasangan skor ujian pra dan pos kemahiran prosedural menjahit. Keputusan perbandingan pasangan menunjukkan bahawa selepas mengawal ralat jenis 1 dengan menggunakan kaedah Bonferroni, skor min bagi ujian pos kemahiran prosedural menjahit mengatasi skor ujian pra secara signifikan (perbezaan nilai min skor ujian pos-ujian pra = 29.88,  $p < .05$ ). Keputusan ini menunjukkan bahawa secara signifikan, terdapat peningkatan nilai min skor dari ujian pra kemahiran prosedural menjahit ke ujian pos.

Bentuk graf *Profile Pilots* dalam Rajah 6.1 jelas menunjukkan bahawa wujud kesan interaksi skor ujian kemahiran prosedural menjahit antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan, di mana nilai skor min ujian kemahiran prosedural menjahit bagi kumpulan rawatan (diajar menggunakan modul MIMP) meningkat secara linear dari ujian pra ke ujian pos. Manakala nilai min skor ujian kemahiran prosedural menjahit bagi kumpulan kawalan (kaedah pengajaran konvensional) juga turut meningkat secara linear dari ujian pra ke ujian pos. Bentuk graf ini mengesahkan bahawa pengajaran menggunakan modul MIMP berkesan dalam meningkatkan kemahiran prosedural menjahit dalam topik membuat pakaian.



Rajah 6.1. Ujian kemahiran prosedural menjahit Pra dan Pos antara kumpulan kajian

## PERBINCANGAN

1. Adakah terdapat kesan penggunaan modul pengajaran MIMP terhadap pencapaian pemahaman membuat pakaian?

Dapatan analisis ujian SPANOVA menunjukkan bahawa modul MIMP berkesan secara signifikan terhadap pencapaian kemahiran menjahit murid SRT tingkatan empat. Analisis ujian SPANOVA perbandingan pasangan skor ujian pra dan pos juga telah menunjukkan bahawa skor min bagi ujian pos kemahiran prosedural menjahit telah mengatasi skor min ujian pra dengan perbezaan nilai min = 29.88,  $p < .05$ .

Dapatan kajian ini adalah seiring dengan kajian Wingo et al. (2015) dan Muhamad Asri (2016) yang mendapati bahawa pengajaran berasaskan modul telah berjaya meningkatkan pencapaian murid dalam bidang yang dikaji. Selain itu, dapatan ini juga selari dengan kajian Cyril (2016), Reezlin Abdul Rahman et al. (2016), Yuskel dan Yuskel (2015) dan Plass et al. (2014), bahawa pembelajaran berasaskan

multimedia mampu memberi kesan yang baik terhadap pencapaian kemahiran dan aspek psikomotor murid.

## KESIMPULAN

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sains Rumah Tangga (SRT) juga tidak terkecuali daripada trend pembelajaran abad ke-21. Pembangunan modul MIMP telah mempertimbangkan tiga komponen iaitu pengaplikasian ICT, strategi pengajaran dan kepelbagaian konteks pembelajaran yang bertujuan untuk membantu guru-guru SRT mewujudkan suasana pembelajaran abad ke-21. Melalui modul MIMP, guru berupaya untuk mengubah pendekatan pengajaran dari berpusatkan guru secara konvensional ke pendekatan yang berpusatkan murid. Menurut Baity et al. (2019), salah satu unsur multimedia yang dimasukkan dalam modul MIMP adalah video. Penggunaan video dalam pengajaran sesuai dengan pelbagai persekitaran pembelajaran. Ia dapat menggambarkan dengan jelas konsep yang sukar dan abstrak (Smaldino, Lowther & Russell, 2012). Justeru itu, penyelidik mencadangkan agar kajian lanjutan diperluaskan kepada penggunaan modul MIMP semasa Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) secara dalam atau luar talian. Guru boleh memuat turun modul MIMP semasa terdapat capaian Internet dan diberikan kepada murid melalui medium komunikasi yang bersesuaian. Ini seiring dengan kaedah PdPR yang disarankan oleh KPM iaitu pembelajaran menggunakan modul (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021).

## RUJUKAN

- Afizal Shahir, Ahmad Fauzi Mohd Ayub & Rosini Abu. (2017). *Penyelidikan Dalam Sains Rumah Tangga*. Dlm. Arasinah Kamis, Rahimah Jamaluddin & Ahmad Fauzi Mohd Ayub, (hlm.103 – 120). Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad Arifin Sapar, Nazirah Radin Salim, Ahmad Fikri Husin & Mat Taib Pa. (2013). Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Kata Pinjaman Bahasa Arab Berasaskan Pengetahuan Sedia Ada. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1),48-59 <http://e-journal.um.edu.my/publish/O-jIE/>
- Allsop, Debbie and Cassidy & Tracy. (2017). The development of resource tool for the revitalization and enhancement of sewing skills and expertise. Global Fashion Management Conference, 6-9 July 2017, Vienna.
- Anis Zakaria & Nur Aisyah. (2017). Transformasi PTV: Kesiediaan guru vokasional dalam pelaksanaan pengajaran Kursus Seni Kulinari. *Journal FamilyEdu*. 111(2), 65-72.
- Astuti, A. (2018). Knife Pleated Skirt Multimedia Video Tutorial to Improve Learning Quality. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 299, 384-388.
- Baity Bujeng, Arasinah Kamis, Mohd Azlan Mohammad Hussain, Mohd Bekri Rahim & Sunaryo Soenarto (2019). Validity and Reliability of Multimedia Interactive Making Clothes (MIMP) Module for Home Science Subjects. *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering (IJITEE)*, 8(8S), 593-596.
- Bamalli, H. S. (2014). Competencies and Strategies for the Teaching of 21<sup>st</sup> Century Learners in Vocational Home Economic Education. *International Letters of Social and Humanistic Sciences*, 19: 50-55.
- Castro, M. R. D., Andres, P. D. & Prestoza, M. J. R. (2018). The Teaching Techniques and Strategies Use by the Dressmaking Teachers Perceive by the Dressmaking Students. *International Journal of Assessment and Evaluation in Education*, 8, 48-56. Retrieved from <http://ojs.upsi.edu.my/index.php/IJAE/article/view/1988>
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 4. Ujian Univariat dan Multivariat* (Edisi ke-2). Selangor: Mc Graw Hill Education.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 4<sup>th</sup> Ed. Boston: Pearson.
- Cyril, M. U. (2016). Effects of Multimedia Instruction on Retention and Achievement of Machining Skills in Mechanical Craft Practice. *International Journal of Education and Information Technology*, 2(1), 1-7.
- Dalilah Mohd. Rubi, Suriani Mohamed & Nur Ainil Sulaiman. (2014). Analisis pengetahuan isi kandungan komponen pakaian dan jahitan guru pelatih UPSI dalam bidang Teknik dan Vokasional. International Seminar on Technical and Vocational Education 2014 (TVEIS 2014), 143 -156. UTM

- Fraenkel, J. R & Wallen, N. E. (1996). *How to Design and Evaluate Research in Education*. 3<sup>rd</sup> Ed. New York: Mc Graw-Hill.
- Holmes, W. M. (2014). *Using Propensity Scores in Quasi-Experimental Designs*. USA: SAGE Publications.
- Hung, I.-C., Kinshuk & Chen, N.-S. (2017). Embodied interactive video lectures for improving learning comprehensive and retention. *Computers & Education*. doi:10.1016/j.compedu.2017.10.005
- Hutkemri Zulnadi & Sharifah Norul Akmar Syed Zamri. (2017). The Effectiveness of the Geogebra Software: The Intermediary Role of Procedural Knowledge on Students' Conceptual Knowledge and Their Achievement in Mathematics. *EURASIA Journal of Mathematics< Science and Technology Education*, 13(6), 2155-2180.
- Jamaludin Ahmad. (2016). *Modul Motivasi Diri*. Ed. Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karaci, A., Akyuz, G. B. & Arici, N. (2018). Effects of Web-based Intelligent Tutoring Systems on Academic Achievement and Retention. *International Journal of Computer Applications*, 181(16).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Sains Rumah Tangga Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Manual Pengajaran Dan Pembelajaran Versi 2*.
- Ma, A. & Pendergast, D. (2010). Innovative Pedagogies for Family and Consumer Science/Home Economic Education-Utilizing Computer-Based Collaborative Learning to Foster Lifelong learning Attributes. *Family & Consumer Sciences Research Journal*, 38(3), 273 – 288. doi:10.1111/j. 1552-3934.2009.00018.x
- Martindale, A & McKinnney, E. (2016). Exploring the Inclusion of Sewing Pattern Development in a Fashion Design Course. International Textile and Apparel Association (ITAA) 2016, Vancouver, British Columbia.
- Muhammad Asri Madmor, Tee, T. K., Mohamed Nor Azhari Azman, Ridwan Che Rus, Zaliza Hanafi, Jailani Md Yunos et al. (2016). Modul Peta Buzan dan Pencapaian pelajar Pendidikan Asas Vokasional di Malaysia: Satu Kajian Keberkesanan. *Geografia Online, Malaysia Journal of Society and Space* 12(3), 139-144.
- Noriati A. Rashid, Boon, P. Y. & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2017). *Murid dan Pembelajaran*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Nurutdinova, A. R., Perchatkina, V. G., Zinatullina, L. M, Zubkova, G. I & Galeeva, F. T. (2016). Innovative Teaching Practise: Traditional and Alternative Methods (challenges and implications). *International Journal of Environmental and Science Education*, 11(10): 3807-3819.
- Plass, J. L., Heidig, S., Hayward, E. O., Homer, B. D. & Um, E. (2014). Emotional design in multimedia learning: Effects of shape and color on affect and learning. *Learning and Instruction*, 29, 128-140.
- Reezlin Abdul Rahman, Mohamad Amer Hasbullah & Mohd Salehuddin Mohd Zahari. (2016). Modular System and Students' Psychomotor Performance. *Journal of Tourism, Hospitality & Culinary Arts (JTHCA)*, 8(1), 17-34.
- Reeve, E. M. (2016). 21st century skills needed by students in technical and vocational education and training (TVET). *Asian International Journal of Social Sciences*, 16(4), 65-82. Retrieved from <http://aijss.org/index.php/aijss20160404/>
- Rohani Seman (2018). *Pembinaan Modul Berasaskan Pendekatan Projek Untuk meningkatkan Kemahiran Berkomunikasi Murid Tadika*. (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).
- Russell, D. J. (1974). *Modular Instruction. A Guide to the Design, Selection, Utilization and Evaluation of Modular Materials*. USA: Burgess Publishing Company.
- Sarkar, S. (2012). The Role of Information and Communication Technology (ICT) in Higher Education for the 21<sup>st</sup> Century. *The Science Probe*, 1(1), 30-41.
- Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad. (2005). *Pembinaan Modul: Bagaimana Membina Modul Latihan dan Modul Akademik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Smaldino, S. E, Lowther, D. L. & Russell, J. D. (2012). *Instructional Technology and Media for Learning*. (10<sup>th</sup> Edition). Boston, MA: Pearson Education.
- Suriani Mohamed, Arasinah Kamis & Norhayati Ali. (2016). Gauging the assessment literacy of Malaysia's Home Economics teachers: An empirical study. *Geografia Online, Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (3). 130 – 138.
- Tee, Z. K., Alvy W. F, Mariam Abu, Dalilah Mohd Rubi, Suriani Mohamed, Yee, M. H., et al. (2016). Tahap penguasaan teori dan amali dalam kalangan pelajar ekonomi rumah tangga: Kajian persepsi di Universiti awam Malaysia. *Geografia Online, Malaysia Journal of society and space* 12(3), 79-87.

- Wingo, M. T., Thomas, K. G., Thompson, W.G. & Cook, D. A. (2015). Enhancing motivation with the "virtual" supervisory role: a randomized trial. *BMC Medical Education*, 15:76 doi10.1186/s12909-015-0348-8
- Woolfolk, A. (2010). *Educational Psychology* (11<sup>th</sup> Ed.). Ohio: Pearson Education.
- Woolfolk, A. & Margetts, K. (2013). *Educational Psychology* (3<sup>rd</sup> ed.). Frenchs Forest: Pearson Australia Group.
- Yick, K-I., Yip, J., Au, S-C., Lai, Y-Y & Yu, A. (2018). Effectiveness of blended learning in the first year of fashion education. *International Journal of Fashion Design, Technology and Education*. [https://doi.org/ 10.1080/17543266.2018.1546910](https://doi.org/10.1080/17543266.2018.1546910)
- Yuksel, H. & Yuksel, A. (2015). The effect of the computer assisted instruction on the academic achievement and retention of technical programme students' in vocational foreign language. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 174(2015), 2513-2518. doi:10.1016/j.sbspro.2015.01.924



## AMALAN PENGAJARAN GURU DI PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI

**KAMA SHAFEEI, PhD<sup>1</sup>, ABDUL RAHIM RAZALLI, PhD<sup>2</sup>,  
SHAMSUL RIZAL KHALIL<sup>3</sup>**

Universiti Pendidikan Sultan Idris<sup>12</sup>, Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman<sup>3</sup>  
Kama@fpm.upsi.edu.my<sup>1</sup>, rahim.r@fpm.upsi.edu.my<sup>2</sup>, Shamsulrizal@ipda.edu.my<sup>3</sup>

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti komposisi amalan pengajaran guru pendidikan khas yang mengajar di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Kajian ini dijalankan terhadap guru pendidikan khas yang mengajar sepenuh masa di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di negeri Selangor, Malaysia. Reka bentuk kajian secara tinjauan dengan persampelan bertujuan melibatkan 195 guru yang mengajar di sekolah rendah dan menengah. Alat kajian yang digunakan ialah borang soal selidik yang menggunakan skala likert empat mata untuk tujuan mengenal pasti amalan pengajaran guru pendidikan khas. Data yang diperolehi dianalisa menggunakan perisian SPSS version 21. Secara keseluruhannya penemuan menunjukkan bahawa semua komposisi yang dicadangkan seperti kualiti pengajaran guru, kesesuaian mengajar, insentif, masa dan penyediaan pengajaran berada pada tahap yang tinggi dengan purata min terendah adalah 3.47 dan tertinggi adalah 3.64. Hasil kajian menunjukkan pendekatan pengajaran 'multitasking' perlu diaplikasi dalam pengajaran guru di Program Pendidikan Khas Integrasi. Implikasi kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada proses penambahbaikan Pedagogi Pendidikan Khas di masa depan.

**Kata kunci:** Amalan Pengajaran, Kualiti Guru, Program Pendidikan Khas Integrasi

### ABSTRACT

*This study aims to identify the composition of teaching practices of special education teachers who teach in the Special Education Integration Program (SEIP). This study was conducted on special education teachers who teach full time in the Special Education Integration Program (SEIP) in the state of Selangor, Malaysia. The design of the study was survey with sampling aimed at involving 195 teachers who teach in primary and secondary schools. The research tool used is a questionnaire that uses a four -point Likert scale for the purpose of identifying the teaching practices of special education teachers. The data obtained were analyzed using SPSS version 21. Overall, the findings show that all the proposed compositions such as teacher teaching quality, teaching suitability, incentives, time and teaching preparation are at a high level with the lowest mean is 3.47 and the highest is 3.64. The results show that the multitasking teaching approach should be applied in the teaching of teachers in the Special Education Integration Program. The implications of this study are expected to benefit the process of improving Special Education Pedagogy in the future.*

**Keywords:** Teaching Practice, Teacher Quality, Special Education Integrated Program

### PENGENALAN

Kebanyakan kemajuan dalam penyelidikan mengenai pengajaran telah berlaku hasil daripada penyelidikan, melibatkan amalan pengajaran guru perlu lebih berkesan, dengan kepentingan akses pendidikan kepada murid berkeperluan khas (Norfishah Mat Rabi, 2019). Menurut Nur Aishah Abdullah, Rosadah Abdul Majid dan Safani Bari (2019), pembelajaran yang bermakna, adalah bergantung kepada kemahiran guru membuat pemilihan, penyediaan dan penggunaan bahan bantu belajar yang memenuhi keperluan Murid Berkeperluan Khas (MBK). Amalan pengajaran guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran penting bagi memastikan setiap objektif pengajaran dapat dicapai sebaik mungkin. Amalan pengajaran guru yang realistik dan berpandukan kepada tahap pengetahuan sedia ada murid membantu mencapai objektif yang disediakan dalam sesi pembelajaran di dalam bilik darjah.

### KAJIAN LITERATUR

Kajian ini adalah berdasarkan teori yang dihasilkan oleh Slavin (1994) yang menetapkan empat faktor yang menyumbang kepada amalan pengajaran berkesan iaitu kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, intensif dan masa. Slavin juga telah mengemukakan dua cara untuk meningkatkan

motivasi agar murid terus berupaya mengekalkan minatnya untuk belajar. Pertama, guru perlu menyediakan pengajaran yang lebih menarik dan menyeronokkan dengan menyediakan pelbagai bahan bantu mengajar. Kedua, guru boleh memberi pujian atau ganjaran apabila murid telah berjaya mencapai objektif pembelajaran yang diharapkan. Aspek masa yang dirujuk oleh Slavin (1994) ialah masa pembelajaran dan pengajaran guru yang mencukupi bagi murid menguasai sesuatu konsep dan kemahiran. Masa pengajaran guru dipengaruhi oleh dua faktor iaitu masa yang diperuntukan oleh pihak sekolah kepada guru yang mengajar suatu mata pelajaran dan masa tugas iaitu masa yang guru gunakan untuk mengajar dan masa yang murid gunakan untuk menguasai kemahiran dan konsep.

Menurut Abdul Ghani Abdullah et al. (2011) semua kaedah pengajaran memberi penekanan kepada aspek tertentu sahaja. Guru tidak semestinya bergantung kepada sesuatu kaedah sahaja. Manakala, kaedah pengajaran semata-mata belum tentu dapat menghasilkan pengajaran yang berkualiti. Ini disebabkan oleh faktor-faktor seperti sifat asas mata pelajaran, keupayaan guru, kedudukan murid, alat bantu mengajar akan menentukan kaedah yang manakah dapat mencapai hasil yang lebih baik. Menurut Hishamuddin et al. (2020), pengurusan pengajaran adalah merancang isi pelajaran yang menepati tajuk dan objektif, merancang aktiviti dan kaedah penyampaian yang berkesan dan penggunaan masa mengajar.

### **Kualiti Pengajaran**

Kualiti arahan dalam pengajaran merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang kita rancang seperti pengajaran berbentuk kuliah, perbincangan, dan arahan kepada pelajar. Perkara ini juga termasuk kurikulum dan buku, perisian, atau bahan bantuan pengajaran yang lain. Apabila arahan yang diberikan difahami dan berkesan, maklumat yang disampaikan terus diterima masuk kepada pelajar, menarik minat kepada mereka, mudah diingat dan diaplikasi. Aspek yang paling penting dalam kualiti pengajaran merupakan apa yang bermain dalam pemikiran pelajar. Menurut Kama (2019), sememangnya tidak ada model pengajaran yang terbaik yang boleh dicontohi oleh semua guru kerana pengajaran guru akan dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti suasana pengajaran, latar belakang murid dan matlamat pengajaran yang berbeza.

### **Kesesuaian Aras Pengajaran**

Tahap aras pengajaran yang sesuai bergantung kepada tahap pengetahuan terdahulu pelajar dan kadar pembelajaran yang berbeza. Sekiranya seorang guru melaksanakan pengajaran di kelas beraras rendah dengan arahan yang beraras tinggi, sebahagian murid mungkin gagal untuk belajar kerana mereka tidak menguasai kemahiran prasyarat tertentu yang sepatutnya dikuasai dahulu. Sekiranya guru menetapkan kadar pengajaran yang sesuai dengan keperluan pelajar, maka arahan yang diberikan kepada pelajar akan lebih berkesan dan berkualiti. Menurut Nurahimah dan Rafisah (2010) menyatakan dalam usaha menjadi guru yang berkesan, pengetahuan tentang kandungan isi pelajaran dan pedagogi sahaja tidak mencukupi dimana ia perlu ditambah dengan cara penyampaian pengajaran guru yang menarik serta difahami murid.

Terdapat pelbagai cara yang untuk memberikan arahan kepada pelbagai keperluan pelajar, tetapi setiap kaedah mempunyai kelemahan yang tersendiri dan kurang produktif. Pendidikan Khas dan program pemulihan adalah bentuk pengumpulan kebolehan khas yang direka untuk menyediakan sumber khas untuk mempercepat pencapaian pelajar dengan masalah pembelajaran. Walau bagaimanapun, perancangan berkumpulan kebolehan antara kelas, seperti pengesanan awal, boleh membuat kelas yang beraras rendah dengan mengekalkan kadar pengajaran yang perlahan, yang akhirnya memudahkan tugas guru (Hishamuddin et al, 2020).

Menurut Jamila (2006), keberkesanan pengajaran dapat dilihat daripada keberkesanan perkembangan sosialisasi dan sendiri murid khas. Semakin banyak yang dicapai oleh murid khas, semakin berkesan pengajaran guru itu. Ini bermakna guru yang efektif bukan sahaja membantu murid khas mencapai objektif pembelajaran tetapi memperkembang kemahiran perlu ada pada murid khas.

### **Insentif**

Pembelajaran adalah kerja. Kerja ini akan memerlukan insentif kerana dengan insentif akan menerbitkan motivasi. Guru boleh membuat minat intrinsik dalam bahan yang akan diajar dengan membangkitkan rasa ingin tahu pelajar, contohnya dengan menggunakan demonstrasi yang mengejutkan, dengan menghubungkan topik dengan kehidupan peribadi pelajar, atau dengan membenarkan pelajar menemui maklumat untuk diri sendiri (Nazirah, 2017).

## **Masa**

Setiap pengajaran memerlukan masa. Jumlah masa yang tersedia untuk pembelajaran bergantung pada dua faktor: Masa yang diperuntukkan dan masa bertugas. Masa yang diperuntukkan adalah masa yang dijadualkan oleh guru untuk pelajaran atau subjek tertentu dan kemudian digunakan untuk aktiviti pengajaran. Masa yang diperuntukkan kebanyakannya di bawah kawalan langsung sekolah dan guru. Menurut Wan Ali Akhbar et. al (2020) masa perlu digunakan dengan cekap bagi mengoptimumkan pembelajaran. Sesi PdP yang terancang dapat dilakukan bagi melaksanakan kehendak, kurikulum dan objektif pembelajaran. Oleh itu, masa yang diperuntukkan adalah elemen pengajaran yang boleh diubah seperti kualiti, kesesuaian, dan insentif, tetapi masa berlakunya adalah pembolehubah pengantara yang menghubungkan pemboleh ubah yang dapat diubah dengan pencapaian pelajar. Walaupun masa yang diperuntukkan mestilah elemen penting dalam mana-mana model organisasi bilik darjah, penyelidikan mengenai pembolehubah ini telah menemui beberapa kesan konsisten terhadap pencapaian pelajar.

## **Rancangan Pengajaran**

Penyediaan pelan pengajaran atau rancangan perancangan harian merupakan perancangan harian yang disediakan oleh guru untuk satu masa pengajaran. Pelan perancangan ini mengandungi maklumat mengenai pelajar, matlamat yang hendak dicapai, kandungan yang akan disampaikan dan penentuan pencapaian matlamat. Persiapan mengajar adalah pelan tindakan yang disediakan oleh guru untuk digunakan ketika berurusan dengan kelas. Komponen persediaan pengajaran boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu penyediaan, pengajaran dan penutupan. Persiapan mengajar merujuk kepada rancangan yang terdiri daripada langkah-langkah pengajaran yang akan dilaksanakan oleh guru di dalam kelas. Pengetahuan sedia ada pelajar juga harus dipertimbangkan sebelum memulakan sesi pengajaran. Menurut Akhbar Pardi dan Shamsina (2010) penulisan rancangan pengajaran yang baik semata-mata tidak menjamin membolehkan murid mempelajari apa yang dikehendaki tetapi sangat membantu untuk mencapai ke arah tersebut. Di samping itu, penerapan pengetahuan dan amalan nilai-nilai murni kepada pelajar seperti kerjasama, keberanian dan kepercayaan adalah penting kerana setiap orang dapat meningkatkan pengetahuan dan memberikan pengalaman baru kepada para pelajar serta membentuk watak yang patut dipuji mereka boleh berlatih dalam kehidupan seharian.

Set induksi adalah pra-awal proses pengajaran dan perlu dirancang sebelum memulakan sesi pengajaran. Teknik pengajaran yang disediakan adalah mengikut kaedah pengajaran yang dipilih. Langkah seterusnya adalah langkah perkembangan dan berakhir dengan sesi penutup atau kesimpulan. Guru perlu merancang elemen penyampaian pengajaran supaya mereka sesuai dengan keupayaan pelajar untuk mengambil kira penggunaan teknik pengajaran dan pembelajaran, masa, kedudukan kandungan dan pemilihan dan kesilapan sumber. Set induksi dalam pengajaran juga berdasarkan kesesuaian aktiviti dengan topik pengajaran, mutu guru itu sendiri di mana gabungan pengetahuan, kepakaran dan pengalaman guru harus diambil kira dan mempunyai sistem penghantaran maklumat yang efektif penghantaran seperti penggunaan teknologi. Dalam komponen ini, guru harus mengaitkan objektif pengajaran dan pembelajaran berkenaan pengetahuan sedia ada pelajar. Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (Kolb, 1984) menekankan kepada keperluan murid dan pengajaran guru perlu lebih berfokus kepada persediaan dalam menggalakkan interaktif dua hala dalam bilik darjah.

## **PENYATAAN MASALAH**

Pengajaran berkesan adalah pengajaran yang membolehkan pelajar memperolehi kemahiran, pengetahuan dan sikap yang ditetapkan. Seseorang guru perlu mempunyai kemahiran menyampaikan pengajarannya dimana pengajaran yang berkesan adalah dihasilkan melalui kualiti pengajaran guru (Abdul Ghani Abdullah et al. 2011). Dalam konteks pendidikan khas dari semasa ke semasa, guru berhadapan dengan murid-murid yang bermasalah pembelajaran seperti mana guru pendidikan khas (Nur Aishah Abdullah, Rosadah Abdul Majid dan Safani Bari (2019). Namun begitu, tidak dinafikan masih ramai guru yang kurang mengetahui bagaimana murid itu perlu dibantu bagi memastikan ia mendapat sesuatu yang boleh dipelajari di dalam bilik darjah. Tidak semua teknik berkesan untuk semua murid dan guru perlu menggunakan pelbagai variasi teknik bagi membantu murid dengan keperluan khas. (Jamila K.A. 2006).

Amalan pengajaran guru Pendidikan khas perlu menekankan keupayaan murid yang pelbagai aras. Menurut Abdull Sukor Shaari (2008), Guru berkualiti ialah bermula dari pengajaran dan pembelajaran yang mana guru haruslah memberikan penekanan kepada empat perkara penting iaitu perancangan, penyampaian, penilaian dan dorongan. Selain itu keyakinan diri dan motivasi yang tinggi juga perlu ada pada seseorang guru agar dapat membimbing dan memotivasikan murid.


Amalan pengajaran guru perlu dikaji daripada aspek kualiti pengajaran, aras pengajaran, komponen intensif dan masa serta komponen pelan pengajaran supaya pengajaran guru lebih berkualiti dan mampu mendidik MBK mengikuti pembelajaran di bilik darjah. Menurut Zakaria dan Ismail (2020), Keberkesanan pengajaran dalam bilik darjah bergantung kepada amalan dan kaedah pengajaran guru yang sistematik bagi memastikan MBK mampu mengikuti pembelajaran sesuatu subjek. Oleh itu, kemampuan guru dalam pengajaran perlu dikenalpasti supaya proses penambahbaikan dari semasa ke semasa dapat dilaksanakan dengan baik.

Berdasarkan penelitian pengkaji, mendapati kurangnya kajian yang mendalam berkaitan kualiti pengajaran guru pendidikan khas di PPKI. Secara umumnya, tidak semua guru mengetahui dan mampu melaksanakan amalan pengajaran yang berjaya dalam pengajaran mereka. Sehubungan itu, kajian tinjauan perlu dilakukan untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan yang mungkin wujud dan meningkatkan kualiti pengajaran guru pendidikan khas khususnya.

## OBJEKTIF KAJIAN

1. Menenalpasti tahap amalan pengajaran guru berdasarkan komponen **Kualiti pengajaran**.
2. Menenalpasti tahap amalan pengajaran guru berdasarkan komponen **kesesuaian aras pengajaran**.
3. Menenalpasti tahap amalan pengajaran guru berdasarkan komponen **intensif dan masa**.
4. Menenalpasti tahap amalan pengajaran guru berdasarkan komponen **pelan pengajaran**.

## KERANGKA KAJIAN



Rajah 1: Tahap Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Khas

Rajah 1 menunjukkan penggunaan Model Slavin (1994) dan Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (Kolb, 1984) dalam kajian ini bagi mengenalpasti komposisi pengajaran guru dan tahap amalan pengajaran guru di PPKI.

## METODOLOGI KAJIAN

### Reka Bentuk

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan (*Cross Sectional*) (Fah & Hoon, 2015). Reka bentuk penyelidikan tinjauan mengumpulkan data daripada sampel yang boleh mewakili populasi pada suatu masa tertentu (Fah & Hoon, 2015). Data kuantitatif merupakan aspek utama dalam pengumpulan data dengan menggunakan soal selidik.

### Populasi Kajian

Populasi kajian ini melibatkan guru pendidikan khas di Selangor. Seramai 195 guru terlibat dalam kajian ini. Menurut Cohen, Manion & Marrison (2007), saiz sampel 30 dan ke atas sesuai untuk menggunakan analisis statistik. Sekolah-sekolah yang terlibat terdiri daripada sekolah rendah dan sekolah menengah telah dikenalpasti dan sumber maklumat diperoleh dari Buku Data Pendidikan Khas (2021).

## DAPATAN KAJIAN

### Kebolehpercayaan

Keputusan dari kajian menunjukkan bahawa nilai kebolehpercayaan antara 0.78 hingga 0.90 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Penemuan ini menunjukkan kebolehpercayaan Cronbach Alpha di atas 0.70 dan sesuai untuk tujuan penyelidikan (Nunally, 1978).

*Jadual 1. Kebolehpercayaan Komposisi*

Komposisi	Alpha Cronbach
Kualiti Arahan	0.904
Tahap Arahan Yang Sesuai	0.891
Insentif	0.850
Masa	0.830
Rancangan Pengajaran	0.788

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Penemuan menunjukkan bahawa Kualiti Arahan adalah yang tertinggi dengan 3.64. Sementara itu, diikuti oleh Aras Arahan yang sesuai dengan nilai 3.61, Insentif 3.59, Pelan Pengajaran adalah pada 3.51 dan Masa pada 3.47 seperti yang ditunjukkan sebagai Jadual 2.

Jadual 2. Purata Komposisi

Komposisi	N	Mean	Sisihan Piawai
Kualiti Pengajaran	195	3.64	0.413
Aras Pengajaran yang sesuai	195	3.61	0.430
Insentif	195	3.59	0.430
Masa	195	3.47	0.463
Pelan Pelajaran	195	3.51	0.486

Pertama, dapatan menunjukkan bahawa **kualiti pengajaran** berada di tahap tertinggi. Kualiti pengajaran memainkan peranan penting dalam pengajaran. Pengajaran sepatutnya berkaitan dengan pengetahuan latar belakang pelajar, menggunakan alat-alat seperti bahan bantu mengajar (Faizah, 2017) atau dengan hanya mengingatkan para pelajar tentang bahan yang telah dipelajari sebelum ini dalam mata pelajaran yang berkaitan. Semangat guru (Zaini, 2020) juga dapat menyumbang kepada kualiti pengajaran, seperti penggunaan media dan konsep visual lain (Siti Ramna et. Al, 2018). Jelas spesifikasi objektif pengajaran kepada pelajar dan korelasi yang ketara antara apa yang diajar dan apa yang dinilai menyumbang kepada kualiti pengajaran, seperti penilaian formal atau informal yang kerap untuk melihat bahawa pelajar menguasai apa yang sedang mengajar. Peningkatan kualiti pengajaran guru juga memerlukan faktor latihan yang berterusan (Zarina Abdul Rashid, 2016) dan peranan guru penting dalam memastikan halatuju pengajaran lebih berkesan (Saedah dan Mohammad Sani, 2012).

Kedua, **Tahap Arahan Yang Sesuai** perlu dilakukan penyelidikan. Penyelidikan mengenai penugasan pelajar kepada kelas berkumpul dengan mengambil kira pencapaian untuk amalan ini di peringkat rendah atau menengah (Aimi, 2017; Slavin 1987b; 1990a; Oakes 1985; 1987). Selain itu, penyelidikan mengenai pengelasan kebolehan dalam kelas mendapati amalan ini dapat meningkatkan pencapaian seperti matematik pelajar, terutamanya apabila bilangan kumpulan yang digunakan adalah kecil dan teknik pengurusan yang direka untuk memastikan peralihan yang lancar dan tugas masa yang tinggi semasa kerja kerusi digunakan (Slavin 1987b; Slavin dan Karweit 1985).

Ketiganya, **Insentif**. Perkara ini menjadi pemangkin utama penggunaan insentif kelas yang berkesan adalah bahawa pelajar umumnya harus bertanggungjawab terhadap apa yang mereka lakukan. Sistem insentif ini mendorong pelajar untuk menggalakkan dan membantu satu sama lain untuk mencapai objektif pembelajaran. Guru berperanan penting dalam memacu pembangunan modal insan dalam sistem pendidikan negara (Zamri, 2014; Noriati, Boon dan Wong, 2009) dengan memastikan kepelbagaian pelajar menerima pembelajaran yang sama rata di sekolah.

Keempat, **Pelan Pengajaran** merupakan persediaan pengajaran penting dalam perancangan mengajar. Pelan ini membolehkan guru menentukan objektif pengajaran yang sesuai dengan sukatan pelajaran dan keupayaan pelajar. Di samping itu, guru juga boleh menentukan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik yang sesuai dengan objektif pengajaran serta membantu guru untuk memilih bahan, sumber dan aktiviti yang sesuai. Guru juga dapat memastikan kandungan pelajaran dapat disampaikan kepada pelajar dengan baik. Persiapan pengajaran dapat memastikan guru tidak menyimpang dalam pengajaran. Pendapat ini disokong oleh Adenan Ayob dan Khairuddin Muhammad (2012) turut menyatakan bahawa persediaan mengajar amat penting bagi pengajaran guru yang berkesan.

Selain itu, **persiapan mengajar** adalah penting dalam memberi keyakinan terhadap guru, khususnya guru baru serta memastikan pengajaran yang lebih sistematik dan berkesan dalam kawalan kelas, interaksi bersama dan penyerapan. Pandangan di atas disokong oleh kajian Zainudin Abu Bakar dan

Nor Hisham Muhammad Noor (2010), menyatakan guru perlu mempelbagaikan pendekatan pengajaran di dalam bilik darjah demi memastikan murid menguasai objektif pembelajaran.

Apabila tugas guru diambil alih oleh guru lain untuk pertukaran, rehat, cuti bersalin dan lain-lain, ia akan memudahkan guru baru untuk merancang pengajaran mereka berdasarkan rekod atau rekod guru yang telah dibuat sebelumnya. Jika persiapan mengajar dibuat sebelum memulakan proses pengajaran dan pembelajaran, hasil atau impak pengajaran dapat diperolehi pada akhir sesi pengajaran di mana guru dapat menilai keberkesanan pengajaran perlu diteruskan atau diperbaiki pendekatan, kaedah, teknik dan sumber digunakan. Akhirnya pengajaran memerlukan masa. Setiap proses pengajaran memerlukan **masa** untuk dinilai prestasi dan perkembangan pelajar. Dapatan ini disokong oleh Khalip Musa dan Hariza (2015); Muhammad Faizal dan Juliee William (2014) menekankan berkaitan faktor pengurusan dan menepati masa dalam pengajaran penting menarik minat murid dalam pembelajaran.

Kesimpulannya, kajian ini berjaya memberikan fokus kepada komposisi utama iaitu kualiti pengajaran, tahap arahan yang sesuai, insentif, pelan pengajaran, persiapan mengajar dan masa perlu dipertingkatkan dalam pengajaran guru pendidikan khas.

## **CADANGAN KAJIAN**

Pengajaran Guru Pendidikan Khas perlu dipertingkatkan dalam usaha mengaplikasi model pengajaran yang bersesuaian kepada MBK di PPKI. Kemahiran *multitasking* perlu diaplikasi oleh guru dalam proses pengajaran yang memerlukan pelbagai pendekatan dengan tahap keupayaan MBK di dalam bilik darjah. Bahan bantu mengajar perlu dipelbagaikan mengikut keperluan MBK dan pengajaran perlu disusun serta dirancang dengan baik supaya lebih berkesan. Pengurusan masa yang sistematik dan insentif yang diberikan perlu dijadikan motivasi dalaman dalam pengajaran guru. Amalan pengajaran Guru Pendidikan Khas perlu konsisten bagi memastikan MBK menerima pendidikan seperti mana murid tipikal di aliran perdana.

## **RUMUSAN**

Kajian ini berjaya memberikan fokus kepada komposisi utama dalam usaha meningkatkan pengajaran guru pendidikan khas. Aspek komposisi pengajaran berpandukan kualiti pengajaran, tahap arahan yang sesuai, insentif, pelan pengajaran, persiapan mengajar dan masa membantu guru dalam usaha meningkatkan aspek pengajaran dalam bilik darjah dengan lebih berkualiti dan memudahkan murid menguasai pembelajaran dengan baik. Guru Pendidikan Khas juga perlu mempunyai amalan pengajaran yang berkualiti berteraskan pengetahuan dan kemahiran yang tinggi bagi memastikan MBK dapat mengikuti PdPc dengan seronok dan menyakinkan. Justeru, Guru Pendidikan Khas perlu mempertingkatkan PdPc dari semasa ke semasa sesuai selaras revolusi 4.0 dan pembelajaran abad ke-21.

## **RUJUKAN**

- Abdullah, N. A., Abdul Majid, R., & Bari, S. (2019). Intervensi Awal Murid Berkeperluan Khas Teori dan Amali. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd. Rahim Abd.Rashid (2005), Profesionalisme Keguruan (Prospek dan Cabaran).Kuala Lumpur.Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Ghani Abdullah, Abdul Rahman Abdul Aziz, Abdul Rashid Mohamed (2011).Humor dalam pengajaran.Batu Caves, Selangor.PTS Publishing Sdn Bhd.
- Abdull Sukor Shaari (2008), Guru Berkesan.UUM Press. Sintok.Univerisiti Utara Malaysia
- Adenan Ayob dan Khairuddin Muhammad (2012).Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu.Shah Alam:Oxford Fajar Sdn.Bhd.
- Aimi Hafizah Fadzilah (2017). Pelaksanaan pengajaran dan pemebelajaran koperatif berasaskan abad ke-21. Satu Tinjauan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

- Akhiar Pardi dan Shamsina Shamsudin(2010).Rancangan Pengajaran Harian dalam Pengajaran dan Pembelajaran.Puchong.Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Cohen L., Manion, L. and Morrison, K. (2007). *Research Methods in Education (6th edition)* London: Routledge-Falmer
- Fah, L. Y., & Hoon, K.C. (2015). *Pengenalan Kepada Pendekatan Kuantitatif Dalam Penyelidikan Pendidikan* (Edisi ke-4).Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Ahli Majlis Penerbitan IlmiahMalaysia (MAPIM)
- Faizah Ja'apar (2017). Bahan Bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Pontian. Disertasi Sarjana tidak diterbitkan. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Jamila K.A. Mohamed (2006). Pendidikan khas untuk kanak-kanak istimewa. Batu Caves, Selangor.PTS Profesional Publishing.
- Kama Shaffeei (2019). Kajian Tahap Pengajaran Guru Pendidikan Khas di Malaysia. Seminar Amalan Terbaik Pengajaran dan Pemudahcaraan Guru Pendidikan Khas dan Pemulihan. Universiti Selangor (Unisel).
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2021). Buku Data Pendidikan Khas. Bahagian Pendidikan Khas. Putrajaya.
- Khalip Musa dan Hariza Abd.Halim(2015). Kemahiran Interpersonal Guru dan Hubungan dengan Pencapaian akademik pelajar.Jurnal Pendidikan Malaysia,4(92):89-99.
- Kolb.D (1984). *Experiential Learning Theory*.
- Mat Rabi, N. (2019). *Transformasi Pendidikan Murid Kurang Upaya* (3rd ed.). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Faizal A.Ghani dan Julie Williams (2014).Harapan murid Bermasalah Terhadap Pengajaran Guru.Kajian Awal di Sebuah Negara Maju.Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik, 2(1), 26-43.
- Noriati.A. Rashid, Boon Pong Yin & Sharifah Fakhirah (2009).Murid dan Alam Belajar.Shah Alam. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Nazirah Hamdam (2017). Komponen pengajaran dan pemebelajaran berkesan guru Pendidikan islam Sekolah Menengah Rendah di Johor. Disertasi Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nurahimah Mohd Yusoff dan Rafisah Osman (2010).Hubungan Kualiti Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran di Bilik Darjah dengan Efikasi Guru. Asia Pacific Journal of Educators and Education, Vol.25,53-71.
- Oakes, J. (1985). *Keeping track: How schools structure inequality*. New Haven, CT: Yale University Press.
- Oakes, J. (1987). *Tracking in secondary schools: A contextual perspective*. *Educational Psychologist* 22: 129-153.
- Saedah dan Mohammad Sani (2012). Standard Kompetensi Guru Malaysia.Dimuat turun 31 Julai 2019 dari <http://www.fp.utm.my/epusatsumber/listseminar/medc2012/pdf/159.pdf>.
- Siti Ramna Khamaruddin et. Al (2018).Analisis keperluan pembangunan bahasa isyarat Malaysia bagi termonologi ibadah. *International Journal for Studies on Children, Women Elderly and Disabled*. 4 hlm. 63-68.
- Slavin, R.E. (1977). *A new model of classroom motivation.Paper presented at the annual convention of the American Educational Research Association*, April, New York.
- Slavin, R.E. (1986). *The Napa evaluation of Madeline Hunter's ITIP: Lessons learned*. *Elementary School Journal* 87: 165-171.
- Slavin, R.E. (1987). *Ability grouping and student achievement in elementary schools: A best evidence synthesis*. *Review of Educational Research* 57: 347-350.
- Slavin, R.E. (1987b). *Ability grouping and student achievement in elementary schools: A best evidence synthesis*. *Review of Educational Research* 57: 347-350.
- Slavin, R.E. (1990). *Achievement effects of ability grouping in secondary schools: A best evidence synthesis*. *Review of Educational Research* 60(3): 471-499.
- Slavin, R.E. (1994). *Educational psychology: Theory into practice (4th ed.)*. Boston: Allyn & Bacon.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razakdan Osa Hamzah (2020). Pengurusan Masa Guru Inovatif Pendidikan Islam. *THE ONLINE JOURNAL OF ISLAMIC EDUCATION* December 2020, Vol. 8, Issue 2. Diperoleh atas talian



- [https://www.researchgate.net/publication/347947321\\_PENGURUSAN\\_MASA\\_GURU\\_INOV\\_ATIF\\_PENDIDIKAN\\_ISLAM](https://www.researchgate.net/publication/347947321_PENGURUSAN_MASA_GURU_INOV_ATIF_PENDIDIKAN_ISLAM) 27 Ogos 2021.
- Zarina Abdul Rashid (2016). Tahap Kesiapan Guru Dalam Aspek Pengetahuan dan Keperluan Latihan Berfokuskan Aplikasi KBAT. Tesis Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional dan Teknologi). Universiti Tun Hussain Onn Malaysia.
- Zaini Abdullah (2020). Perkembangan Pendidikan di Malaysia: Falsafah dan dasar. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zainuddin Abu Bakar dan Nor Hisham Muhammad Noor (2010). Pendekatan pengajaran Guru dan Kesannya Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Di Sekolah Menengah Kebangsaan Senai, Johor. Universiti Teknologi Malaysia.
- [https://www.researchgate.net/publication/49910612\\_Pendekatan\\_Pengajaran\\_Guru\\_Dan\\_Kesannya\\_Terhadap\\_Pencapaian\\_Pelajar\\_Dalam\\_Mata\\_Pelajaran\\_Kemahiran\\_Hidup\\_Di\\_Sekolah\\_Menengah\\_Kebangsaan\\_Senai\\_Johor](https://www.researchgate.net/publication/49910612_Pendekatan_Pengajaran_Guru_Dan_Kesannya_Terhadap_Pencapaian_Pelajar_Dalam_Mata_Pelajaran_Kemahiran_Hidup_Di_Sekolah_Menengah_Kebangsaan_Senai_Johor) [accessed Aug 14 2019].
- Zakaria, Z., & Ismail, S. N. (2020). The Relationship between Organizational Readiness to Change and Professional Learning Community (PLC) Practices in Kelantan Residential School. *International Journal of Management and Humanities*, 4(6), 73–77. <https://doi.org/10.35940/ijmh.f0611.024620>
- Zamri Ariffin & Al Mustaffa (2014). Kualiti Guru Bahasa Arab Dalam Konteks Malaysia. Menangani Persoalan Asas. Kertas Kerja Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab. Universiti Kebangsaan Malaysia.

## **PENCAPAIAN HASIL PEMBELAJARAN (HP) PROGRAM DIPLOMA PASCASISWAZAH PENDIDIKAN (PDPP) OLEH PELAJAR AMBILAN JUN 2020 DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS SARAWAK (IPGKS) : SATU TINJAUAN**

**CHIN PENG YEE, PhD**

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak  
cpyee@ipgm.edu.my

### **ABSTRAK**

Kajian ini dilaksanakan untuk meninjau perspektif tahap pencapaian Hasil Pembelajaran (HP) Program Diploma Pasacasiswa Pendidikan (PDPP) Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri. Aspek pengurusan dan pentadbiran program ini juga diteliti sebagai tindakan penambahbaikan pelaksanaan PdPc dalam talian pada tempoh Pandemik Covid-19. Sampel kajian dipilih secara bertujuan (purposeful), iaitu melibatkan 93 orang pelajar PDPP Ambilan Jun 2020 yang merupakan kumpulan pelajar pertama ditawarkan program pengajian dalam pelbagai bidang teras, iaitu Bahasa Melayu, Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL), Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Reka Benbentuk dan Teknologi. Pelajar-pelajar berkenaan merupakan guru-interim yang sedang mengajar di sekolah rendah atau sekolah menengah negeri Sarawak yang tiada kelayakan ikhtisas pendidikan. Data dikumpul menggunakan instrumen soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan analisis statistik deskriptif. Hasil daripada analisis data kajian yang diperolehi, didapati responden bersetuju bahawa Hasil Pembelajaran (HP) yang perlu dibelajar dan dikuasai seperti yang diperlukan dalam kurikulum PDPP adalah tercapai. Dapatan kajian ini juga menunjukkan pengurusan dan pelaksanaan program ini adalah baik walaupun secara dalam talian. Seterusnya, di harap dapatan kajian ini dapat menjadi panduan dan maklum balas kepada pihak pengurusan institut dalam mengurus dan melaksanakan program pengajian ini selepas ini secara amnya, dan menambahbaik kurikulum PDPP di peringkat pusat secara khususnya.

**Kata kunci :** Hasil Pembelajaran (HP); Program Diploma Pascasiswa Pendidikan (PDPP); Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak (IPGKS).

### **PENDAHULUAN**

Program Diploma Pascasiswa Pendidikan (PDPP) dikhususkan untuk melatih guru dalam pelbagai bidang pengkhususan bagi memenuhi keperluan Kementerian Pendidikan Malaysia. Program pengajian yang ditawarkan bertujuan memberi ilmu pengetahuan ikhtisas dan menyediakan pengalaman bagi membolehkan bakal guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas yang berkaitan dengan profesion keguruan. Matlamat program ini adalah untuk melahirkan guru siswazah yang terlatih, dinamik, berwibawa dan kompeten dalam melaksanakan tugas-tugas mereka sebagai pendidik dan memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru.

Program ini ditawarkan di kampus-kampus Institut Pendidikan Guru (IPG) terpilih di seluruh negara. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak (IPGKS) antara kampus yang terlibat dalam penawaran pengajian PDPP Ambilan Jun 2020, dan ia merupakan program pascasiswa pertama yang dilaksanakan di kampus ini.

PDPP merupakan program sepenuh masa yang dilaksanakan secara mod Kursus Dalam Cuti (KDC). Di IPGKS, kuliah dan tutorial PDPP setiap semester dijadualkan pada waktu sebelah petang, iaitu dari pukul 1.30 petang sehingga 5.30 petang agar tidak mengganggu tugas hakiki pelajar-pelajar yang merupakan guru interim di sekolah masing-masing. Penetapan masa pengajaran dan pembelajaran berkenaan mendapat persetujuan dan kerjasama daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (JPNS). Ini dapat mengelakkan bilangan besar warga guru meninggalkan sekolah dalam satu masa atau meninggalkan waktu mengajar mereka, akibatnya menjejaskan pembelajaran murid-murid sekolah.

Penawaran program ini merupakan usaha dan tindakan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menangani masalah kekurangan guru-guru di sekolah rendah dan sekolah menengah, terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman. Tambahan lagi, pelaksanaan program ini secara mod KDC juga memberikan peluang kepada pelajar-pelajar mengabungjalinkan ilmu pengetahuan, teori pedagogi dan juga kemahiran yang dipelajari dengan pengalaman mengajar di sekolah. Pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman tempat kerja sebenar berharap dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar dan pembangunan pembelajaran sepanjang hayat individu melalui peningkatan kelayakan ikhtisas pendidikan mereka.

Pelajar PDPP Ambilan Jun 2020 di IPGKS merupakan guru-guru interim yang sedang berkhidmat di sekolah rendah dan sekolah menengah negeri Sarawak dan juga negeri Sabah. Mereka ditawarkan kemasukan program ini mengikut tempoh perjanjian sebagai guru interim di sekolah-sekolah dan dikehendaki menamatkan pengajian dengan berjaya dalam masa setahun pengajian. Yuran pengajian program ini adalah tanggungan pelajar masing-masing. Semua pelajar PDPP diwajibkan menghadiri kelas interaksi bersemuka seperti yang ditetapkan dalam kalender akademik. Selepas tamat pengajian para graduan akan dianugerahkan Diploma Pascasiswazah Pendidikan yang menjadi salah satu syarat pelantikan tetap sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, KPM.

### **Kurikulum Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP)**

Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) menggunakan kurikulum baharu yang dibangunkan pada tahun 2019 dan diguna pakai mulai Ambilan Jun 2020. Struktur dan kurikulum tersebut telah mengambil kira teguran dan cadangan penambahbaikan Laporan Penilaian Pengakreditasi MQA Program Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (PDPLI) tahun 2019. Dokumen rujukan utama pembangunan kurikulum baharu PDPP seperti dokumen MQF Edisi Kedua, COPPA Edisi Kedua, Standard: Program Pendidikan (EPS), Buku Panduan Kemahiran Insaniah IPGM, Kompilasi Dasar, Garis Panduan Amalan Terbaik, Garis Panduan Penulisan Akademik, Dasar Pembelajaran Digital IPG dan dokumen lain yang berkaitan.

Sebanyak lima (5) bidang pengajian telah ditawarkan di IPGKS untuk Ambilan Jun 2020 iaitu;

- i. Bahasa Melayu Sekolah Menengah
- ii. Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL) Sekolah Menengah
- iii. Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL) Sekolah Rendah
- iv. Pendidikan Islam Sekolah Menengah
- v. Pendidikan Islam Sekolah Rendah
- vi. Pendidikan Islam Pendidikan Rendah
- vii. Reka Bentuk dan Teknologi Sekolah Menengah

### **Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome-Based Education* – OBE)**

Prinsip pertama dan utama adalah reka bentuk dikonsepsikan supaya menjurus ke arah pencapaian hasil pembelajaran program dan hasil pembelajaran kursus. Sebagai institusi akademik yang menawarkan program peringkat pascasiswazah (Tahap 7), pemberi pendidikan (*education provider*) perlu mematuhi Panduan Standard Program Peringkat Pascasiswazah dan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework- MQF*) yang mengamalkan proses pendidikan berasaskan hasil (*outcome-based education*) serta menerapkan elemen-elemen insaniah selain daripada elemen sosial, kognitif, afektif dan psikomotor dalam kursus pengajian yang ditawarkan. Ini bertujuan untuk melahirkan graduan guru yang lebih kompeten, berkualiti tinggi dan berkemampuan menghadapi dunia pendidikan yang semakin global dan mencabar dalam abad ke-21. Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome-Based Education* – OBE) memberi fokus kepada tahap penguasaan pelajar selepas melalui proses pengajaran dan pembelajaran dalam bidang pengajian tertentu. Terdapat sepuluh (10) hasil pembelajaran MQF (COPPA Edisi 2, 2017) yang perlu dicapai bagi pelajar-pelajar yang mengikuti PDPP pada akhir tempoh pengajian:

- HP1: **Pengetahuan dan Kefahaman.** Menunjukkan kefahaman tentang kandungan ilmu, teori pembelajaran, bahan kurikulum, pentaksiran, pengurusan persekitaran

- HP2: **Kemahiran Kognitif.** Melibatkan kebolehan berfikir secara kritis, dan kebolehan menyelesaikan masalah secara kreatif dan inovatif.
- HP3: **Kemahiran Praktikal.** Berupaya menggunakan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam bidang tertentu dengan mengambil kira faktor fizikal, sosial, budaya, psikologi dan etika profesional keguruan.
- HP4: **Kemahiran Interpersonel.** Menunjukkan kemahiran interpersonal bagi membina hubungan sosial melalui komunikasi interaktif dan bekerjasama dalam organisasi secara kolaboratif serta membina jaringan perhubungan pelbagai budaya.
- HP5: **Kemahiran Komunikasi.** Menunjukkan kemahiran berkomunikasi berkesan dalam penyampaian maklumat dan idea.
- HP6: **Kemahiran Digital.** Berupaya menggunakan teknologi digital secara beretika untuk menyokong tugas dan aktiviti pembelajaran.
- HP7: **Kemahiran Numerasi.** Berupaya menggunakan kemahiran numerasi ketika menjalankan penyelidikan dalam pendidikan dan menyelesaikan masalah berkaitan dengan statistik.
- HP8: **Kepimpinan, Autonomi dan Tanggungjawab.** Mempamerkan autonomi, kepimpinan dan sifat kebertanggungjawaban serta akuntabiliti dalam membuat keputusan.
- HP9: **Kemahiran Personal dan Keusahawanan.** Berupaya meningkatkan perkembangan kerjaya yang berorientasikan ketahanan, kelestarian dan berdaya saing serta meningkatkan kemahiran personal, serta berkebolehan meneroka peluang dan idea baharu untuk menyusun strategi bagi melaksanakan sesuatu yang menunjukkan ciri-ciri keusahawanan.
- HP10: **Etika dan Profesionalisme.** Memiliki dan menampilkan nilai, etika dan amalan yang bertepatan dengan Prinsip Etika Kerja Perkhidmatan Awam dan Kod Etika Keguruan Malaysia.

Sepuluh (10) hasil pembelajaran tersebut di atas adalah penjelasan daripada lima (5) kluster domain hasil pembelajaran MQF (COPPA, Edisi 2, 2017) iaitu Kluster 1 (HP1), Kluster 2 (HP2), Kluster 3 (HP3, HP4, HP5, HP6, HP7 dan HP8), Kluster 4 (HP9) dan Kluster 5 (HP10) yang terdapat dalam dokumen COPPA Edisi Kedua, MQA.

## SOROTAN LITERATUR

PDPP merupakan salah satu program di IPG yang ditawarkan selama satu tahun dalam tiga semester. Program ini telah menggantikan program yang dahulunya dikenali sebagai Program Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (PDPLI) yang dilaksanakan dalam tempoh masa satu tahun setengah atau tiga semester (18 bulan). Manakala, PDPLI adalah program latihan perguruan yang menggantikan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) yang telah ditawarkan di maktab perguruan mulai 90an dengan tempoh pengajian satu tahun atau dua semester.

Struktur dan kurikulum PDPLI telah ditambah baik pada tahun 2015 mengikut keperluan standard Kerangka Kelayakan Malaysia dan Standard Program : Pendidikan oleh pihak MQA yang berkuat kuasa 2014. Mulai tahun 2018, perakuan akreditasi pihak MQA bagi program peringkat diploma pendidikan diperlukan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai syarat pelantikan tetap pegawai perkhidmatan pendidikan. Sehubungan dengan itu, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah melaksanakan penyemakan dan penambahbaikan struktur dan kurikulum PDPP pada tahun 2019 berdasarkan laporan penilaian akreditasi pihak MQA bagi PDPLI pada tahun 2018 dan 2019. Struktur dan kurikulum baharu PDPP diguna pakai mulai Ambilan Jun 2020.

Salah satu fokus utama penyemakan dan penambahbaikan kurikulum PDPP adalah dari aspek Objektif Program Pendidikan (OPP) dan Hasil Pembelajaran (HP) berdasarkan kepada keperluan keguruan dan perkembangan pendidikan semasa serta kehendak dokumen standard MQA terkini. Memandangkan struktur dan kurikulum PDPP baharu dilaksanakan di IPGKS mulai Ambilan Jun 2020, adalah sewajarnya diadakan kajian tinjauan ini untuk mendapat dapatan dan maklum balas serta persepsi dan penilaian mereka terhadap kualiti kurikulum dan sistem pengurusan program di IPGKS. Untuk itu, kajian tinjauan ini memberi fokus kepada pencapaian sepuluh (10) Hasil Pembelajaran yang ditetapkan dalam kurikulum PDPP.

Hasil Pembelajaran (HP) adalah pernyataan-pernyataan tentang apa yang pelajar perlu tahu, faham dan boleh lakukan apabila tamat suatu tempoh pengajian. Kualiti program akhirnya akan ditentukan oleh keupayaan pelajar melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang diharapkan dalam masyarakat. Hal ini memerlukan satu pernyataan jelas tentang hasil pembelajaran yang diharap dicapai oleh pelajar tersebut. (COPPA, 2010, ms. 17).

Beberapa kajian pernah dijalankan berhubung pelaksanaan program pendidikan lepas ijazah di IPG KPM sebelum ini memandangkan program diploma pendidikan lepas ijazah ini telah ditawarkan di maktab perguruan/institut perguruan sejak tahun 90an. Walau bagaimanapun, kajian tersebut menumpu kepada aspek keberkesanaan pengurusan dan pentadbiran program seperti Keberkesanan Latihan Perguruan KPLI di Maktab Perguruan Malaysia : Satu Analisis Kecekapan (2005). Kajian terkini tentang PDPLI di buat oleh IPGM, KPM adalah Laporan Kajian Pengesahan Graduan PDPLI 2019 yang diterbitkan pada tahun 2021.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Sepuluh pernyataan hasil pembelajaran bertujuan menjelaskan apa yang pelajar harus tahu, faham dan boleh lakukan setelah selesai suatu tempoh pengajian. Kerangka Kelayakan Malaysia menyarankan penganalisis pencapaian hasil pembelajaran program para pelajar bagi sesuatu program dinilai pada peringkat akhir tempoh pengajian pelajar. Sebagai program yang baharu, kualiti program akan ditentukan oleh keupayaan serta keyakinan pelajar untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka apabila mereka bertugas sebagai guru siswazah nanti.

Sejak pelaksanaan PDPP pada bulan Jun 2020, pelajar kohort pertama telahpun masuk ke semester tiga tahun pengajian, maka adalah sesuai kajian dijalankan untuk mengenalpasti sejauh mana tahap kecekapan bakal graduan PDPP menguasai sepuluh domain kompetensi hasil pembelajaran seperti yang digariskan dalam Buku Panduan Akademik PDPP. Dapatan kajian boleh digunakan untuk penambahbaikan dan pemantapan pelaksanaan PDPP dan program lain yang setara dengannya.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau pencapaian sepuluh (10) domain kompetensi hasil pembelajaran di bawah lima (5) kluster seperti yang dinyatakan dalam COPPA, Edisi Kedua, MQA yang mencakupi domain taksonomi kognitif, psikomotor dan afektif.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini seperti berikut;

- i. mengenalpasti pencapaian hasil pembelajaran sepuluh (10) domain kompetensi dalam program PDPP
- ii. mengenalpasti aspek kekuatan, kelemahan dan cabaran berkaitan pelaksanaan kurikulum PDPP IPGKS secara dalam talian dalam situasi Pandemik Covid-19
- iii. menyenaraikan cadangan-cadangan pelajar bagi menambah baik dan memantapkan kurikulum PDPP.

## **SOALAN KAJIAN**

Berdasarkan objektif kajian di atas, kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan berikut:

- i. Adakah hasil pembelajaran berdasarkan sepuluh (10) domain kompetensi dalam PDPP dapat dicapai oleh pelajar?
- ii. Adakah aspek pengurusan dan pelaksanaan kurikulum PDPP dijalankan secara dalam talian dengan teratur dan lincis dalam tempoh masa pandemik Covid-19?
- iii. Apakah faktor-faktor kekuatan, kelemahan dan cabaran dalam kurikulum PDPP dari persepsi pelajar PDPP?

- iv. Apakah cadangan-cadangan untuk menambah baik dan memantapkan kurikulum PDPP yang dikemukakan oleh para pelajar PDPP?

## BATASAN KAJIAN

Batasan dalam menjalankan penilaian ini adalah:

- i. Isu-isu yang dikaji hanya berdasarkan perspektif responden oleh itu, keberkesanan dapatan kajian bergantung kepada sejauh mana responden jujur memberikan respon.
- ii. Penggunaan kemudahan fizikal seperti infrastruktur dan infostruktur tidak dapat dinilai dengan sepenuhnya kerana pelajar-pelajar tidak dapat hadir secara fizikal ke kampus semenjak Jun 2020, iaitu semester pertama bermula sehingga sekarang.
- iii. Kajian kali ini hanya meninjau persepsi pelajar berhubung pencapaian hasil pembelajaran setelah tamat pengajian program. Kajian lanjut boleh dibuat selepas ini.
- iv. Aspek-aspek sebab dan akibat (*causality*) program tidak dapat ditentukan secara muktamad hasil daripada kajian ini.

## METODOLOGI KAJIAN

Beberapa aspek yang berkaitan dengan metodologi kajian seperti reka bentuk kajian, instrumen kajian, sampel kajian, dan teknik menganalisis data dibincangkan dalam bahagian ini. Perbincangan ke atas aspek-aspek ini bertujuan untuk memberi satu gambaran yang menyeluruh mengenai metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini.

### Reka Bentuk

Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan sokongan data kualitatif bertujuan untuk meninjau pencapaian hasil pembelajaran PDPP dari perspektif pelajar yang mengikuti program tersebut. Sehubungan dengan itu, kaedah tinjauan digunakan untuk menilai pencapaian hasil pembelajaran PDPP. Menurut Fraenkel dan Wallen (1993), kaedah tinjauan sesuai digunakan untuk memperolehi data daripada sampel dalam sesuatu populasi untuk menentukan status atau ciri-ciri semasa populasi tersebut berdasarkan satu atau lebih variabel yang dikenal pasti. Instrumen soal selidik ditadbirkan melalui Penyelaras PDPP IPGKS bagi diberikan kepada pelajar dalam dokumen *Google Form*.

### Instrumen

Kaedah soal selidik digunakan untuk menilai pencapaian hasil pembelajaran PDPP telah dibina oleh panel penyelidik yang mengandungi empat bahagian, iaitu Bahagian A, B, C, dan D. Bahagian A mengandungi item-item berkaitan latar belakang responden seperti nama, jantina, umur, pengalaman mengajar, mata pelajaran sekolah dan bidang pengkhususan pengajian. Soalan-soalan dalam bahagian B bertujuan untuk menjawab persoalan kajian 1 dan 2, bahagian C untuk menjawab persoalan kajian 3, manakala bahagian D adalah untuk menjawab persoalan kajian 4.

Bahagian B yang mengandungi 36 item soalan untuk mendapatkan maklumat mengenai pencapaian hasil pembelajaran PDPP daripada lima kluster domain kompetensi, iaitu pengetahuan dan kefahaman, kemahiran kognitif, kemahiran praktikal, kemahiran interpersonal, kemahiran komunikasi, kemahiran digital, kemahiran numerasi, kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab, kemahiran personel dan keusahawanan, etika dan profesionalisme. Item-item di Bahagian B ditentukan dengan menggunakan Skala Likert 4-poin, yakni responden dikehendaki menyatakan tahap persetujuan mengikut skala berikut (1) untuk "*sangat tidak setuju*", (2) untuk "*tidak setuju*", (3) untuk "*setuju*" dan (4) untuk "*sangat setuju*." Bahagian C pula mengandungi soalan-soalan berbentuk terbuka bertujuan untuk mendapatkan pandangan pelajar mengenai kekuatan (*Plus*), kelemahan (*Minus*) dan menarik (*Interesting*) berkaitan kurikulum PDPP yang baharu dilaksanakan. Tambahan pula, pelaksanaan kurikulum PDPP kali ini, adalah secara dalam talian sepenuhnya melalui *Google Classroom* dan bantuan sosial media yang lain seperti telegram, whatsapp, facebook dan sebagainya. Begitu juga, pentaksiran kerja kursus dan pentaksiran alternatif atau peperiksaan akhir juga dilaksanakan secara dalam talian. Bahagian D mengandungi soalan-soalan berbentuk terbuka yang memerlukan responden untuk memberi cadangan tentang cara-cara memantapkan PDPP jika berkaitan.

## SAMPEL KAJIAN

Populasi kajian terdiri daripada sembilan puluh enam (96) orang pelajar PDPP kohort pertama bagi tahun pengambilan Jun 2020 yang mendaftar di IPGKS. Sampel kajian diterima terdiri daripada 93 pelajar PDPP telah mengembalikan soal selidik yang ditadbirkan. Daripada jumlah responden seramai 27 orang adalah lelaki, 66 orang perempuan. Majoriti sampel kajian mempunyai pengalaman mengajar antara 1 hingga 3 tahun. Jika membandingkan bidang pengkhususan yang dipelajari dan mata pelajaran diajar di sekolah, didapati kebanyakannya adalah sejajar dan sama. Kesamaan ini amat penting untuk memastikan guru yang dihasilkan nanti dapat memenuhi keperluan di sekolah masing-masing. Buitr-butir lain berkaitan dengan sampel adalah dalam jadual 1 berikut:

Jadual 1: Taburan responden daripada aspek jantina, umur, pengkhususan, mata pelajaran sekolah dan pengalaman

	Variabel	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	27	29
	Perempuan	66	71
Umur	21-25 tahun		
	26-30 tahun	58	62.4
	31-35 tahun	35	37.6
Pengkhususan PDPP (Teras)	Bahasa Melayu	25	26.9
	Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL)	22	23.7
	Reka Bentuk & Teknologi	12	12.9
	Pendidikan Islam	18	19.4
	Pendidikan Moral	16	17.2
Mata pelajaran utama diajar di sekolah tahun 2021	Bahasa Melayu	21	22.6
	Bahasa Inggeris	22	23.7
	Pendidikan Islam	17	18.3
	Pendidikan Moral	13	14
	Reka Bentuk & Teknologi/Kemahiran Hidup	11	11.8
	Lain-lain	9	9.7
Pengalaman sebagai guru sekolah	1-3 tahun	89	95.7
	4-6 tahun	3	3.2
	7-9 tahun	1	1.1

## PROSEDUR PENGANALISISAN DATA KAJIAN

Terdapat dua jenis data yang diperoleh dan dianalisis, iaitu data kuantitatif dan data kualitatif. Data kuantitatif dikumpul dengan menggunakan soal selidik, penilaian pelajar terhadap pencapaian hasil pembelajaran berdasarkan lima kluster domain kompetensi yang utama bagi PDPP. Penilaian program ini berbentuk kajian deskriptif. Data kuantitatif diperoleh daripada set soal selidik yang diedarkan dan diproses dengan menggunakan kaedah analisis statistik deskriptif bertujuan untuk mendapatkan taburan peratus.

Data kualitatif diperolehi daripada set soalan terbuka yang terdapat pada Bahagian C dan D daripada instrumen kajian. Data dianalisis mengikut beberapa kategori tertentu di mana respon daripada bahagian ini dibaca sebanyak dua kali bagi mengenal pasti isu-isu, membanding-beza dan mengkategorikan mengikut komponen-komponen yang timbul (*emerge*).

## ANALISIS DATA

### Analisis Data Kuantitatif

Analisis taburan peratus digunakan sebagai alat ukur bagi menentukan sama ada hasil pembelajaran (HP) berdasarkan lima kluster domain kompetensi (10 HP) dicapai atau tidak oleh pelajar

PDPP. Responden yang memilih “sangat setuju” dianggap sebagai pilihan yang lebih positif daripada “setuju”.

**Soalan 1: Adakah sepuluh hasil pembelajaran (HP) berdasarkan lima kluster domain kompetensi dalam kurikulum PDPP dapat dicapai oleh para pelajar PDPP Ambilan Jun 2020 di IPGKS.**

Berdasarkan analisis data yang dijalankan, dapatan menunjukkan taburan peratus keseluruhan bagi 10 hasil pembelajaran (HP) pada skala (3) “setuju” dan (4) “sangat setuju” adalah pada taburan peratus 90 dan ke atas bagi setiap pernyataan relevan dan berkaitan dengan HP masing-masing. Jadual 2- Jadual 8, menunjukkan taburan peratus yang diperolehi mengikut hasil pembelajaran yang ditetapkan dalam kurikulum PDPP.

Bagi item soalan dalam Jadual 2 (HP1), Jadual 5 (HP4, HP8), Jadual 6 (HP5) dan Jadual 8 (HP10) yang berkaitan, lebih lapan puluh peratus responden memilih “sangat setuju” berhubung tahap pencapaian HP berkenaan, khasnya HP1 yang berkaitan dengan domain pengetahuan dan kefahaman, mempunyai peratus tertinggi bagi “sangat setuju” jika berbanding dengan pencapaian HP lain. Hasil pembelajaran dalam jadual tersebut di atas ( HP1, HP4, HP5, HP8 dan HP10) adalah mencerminkan tahap penguasaan domain pengetahuan, kemahiran insahniah dan nilai profesionalisme dan etika.

Manakala bagi HP2 yang mencakupi domain kemahiran kognitif (Jadual 3) hanya mencapai tujuh puluh lima peratus yang memilih “sangat setuju”, sedangkan kemahiran kognitif merupakan domain hasil pembelajaran yang paling penting dalam pembelajaran suatu ilmu pengetahuan. Terdapat juga ketidakselarasan maklum balas responden terhadap pencapaian item soalan berhubung penggunaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dengan pencapaian dalam item soalan berkaitan dengan kemampuan mensintesis dan menyelesaikan masalah.

Berdasarkan Jadual 4 (HP3, HP6, HP7), kemahiran melaksanakan penyelidikan untuk penambahbaikan PdP merupakan item yang perlu diberikan perhatian pada masa depan kerana hasnya tujuh puluh lima peratus responden memilih “ sangat setuju” berbanding dengan item soalan lain yang mencapai lapan puluh ke atas walaupun pelajar PDPP telah memiliki ijazah sarjana muda yang sepatutnya telah mempunyai kemahiran dan ilmu pengetahuan tentang penyelidikan.

Pencapaian HP9, iaitu kemahiran personel dan keusahawanan (Jadual 7), jumlah responden yang memilih “sangat setuju” sekitar tujuh puluh lima peratus sahaja. Besar kemungkinan kerana responden adalah guru interim yang baharu dalam arena pendidikan, masih tidak mempunyai pengalaman secukupnya bagi membolehkan mereka mengenalpasti peluang baharu dan menjalankan inovasi.

Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa responden memberikan skala (1) “*sangat tidak setuju*” dan (2) “*tidak setuju*” terhadap kemahiran berpasukan (HP4), kemahiran komunikasi (HP5), kemahiran kepimpinan (HP8) dan kemahiran keusahawanan (HP9). Perkara ini perlu diambil perhatian walaupun ia hanya melibatkan peratus kecil dan tidak memberikan implikasi negatif terhadap persektif pencapaian hasil pembelajaran (HP) PDPP pada keseluruhannya.

**Jadual 2:** Hasil Pembelajaran Kurikulum PDPP: Pengetahuan dan Kefahaman (HP1)

	STS (%)	TS (%)	S (%)	SS (%)
memperolehi ilmu yang berkaitan bidang pengkhususan			6(6.5)	87(93.5)
memperolehi teori-teori pengajaran dan pembelajaran baru			7(7.5)	86(92.5)
meningkatkan proses pengajaran & pembelajaran dengan berkesan			8(8.6)	85(91.4)
mendedahkan jenis-jenis pentaksiran yang relevan dengan amalan di sekolah			9(9.7)	84(90.3)
menggunakan pelbagai sumber yang bersesuaian dengan konteks amalan p&p di sekolah			9(9.7)	84(90.3)

Catatan : Sangat Tidak Setuju (STS); Tidak Setuju (TS); Setuju (S); Sangat Setuju (SS)



**Jadual 3:** Hasil Pembelajaran Kurikulum PDPP: Kemahiran Kognitif (HP2)

	STS (%)	TS (%)	S (%)	SS (%)
menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi			12(12.9)	81(87.1)
mengkaji konsep dan proses utama dalam menyelesaikan masalah			18(19.4)	75(80.6)
mensintesis maklumat daripada pelbagai sumber untuk membuat keputusan			20(21.5)	73(73.5)
menggunakan pertimbangan yang bijaksana dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan			15(16.1)	78(83.9)
menggalakkan pembelajaran secara inkuiri dan koperatif			20(21.5)	73(78.5)

Catatan : Sangat Tidak Setuju (STS); Tidak Setuju (TS); Setuju (S); Sangat Setuju (SS)

**Jadual 4:** Hasil Pembelajaran Kurikulum PDPP: Kemahiran Praktikal (HP3); Kemahiran Digital (HP6) dan Kemahiran Numerasi (HP7)

	STS (%)	TS (%)	S (%)	SS (%)
merancang aktiviti p&p dengan lebih baik			7(7.5)	86(92.5)
mengintegrasikan pelbagai kemahiran mengajar dan TMK bagaimana menterjemah isi pelajaran kepada aktiviti p&p yang bermakna			10(10.8)	83(89.2)
memantau, mentaksir pengetahuan dan kemahiran murid			12(12.9)	81(87.1)
merangka dan menjalankan penyelidikan untuk penambahbaikan P&P			13(14)	80(86)
menggunakan bahan sumber internet secara berkesan dalam P&P			18(19.4)	75(80.6)
menafsir pencapaian pentatsiran murid untuk membantu meningkatkan tahap pembelajaran murid			9(9.7)	84(90.3)
			10(10.8)	83(89.2)

Catatan : Sangat Tidak Setuju (STS); Tidak Setuju (TS); Setuju (S); Sangat Setuju (SS)

**Jadual 5:** Hasil Pembelajaran Kurikulum PDPP: Kemahiran Interpersonel (HP4); Kemahiran Kepimpinan, Autonomi dan Tanggungjawab (HP8)

	STS (%)	TS (%)	S (%)	SS (%)
melatih dan menampilkan ciri-ciri kepimpinan			12(12.9)	81(87.1)
membina dan mempertahankan hujah berasaskan fakta			13(14)	80(86)
bekerjasama dengan rakan sejawat/sekelas untuk menyempurnakan aktiviti dan tugas kursus yang diberi		1(1.1)	8(8.6)	84(90.3)
membiasakan diri kerja secara berpasukan		1(1.1)	7(7.5)	85(91.4)
bekerjasama dan berinteraksi dalam pelbagai budaya dan kepercayaan		1(1.1)	6(6.5)	86(92.5)

Catatan : Sangat Tidak Setuju (STS); Tidak Setuju (TS); Setuju (S); Sangat Setuju (SS)

**Jadual 6:** Hasil Pembelajaran Kurikulum PDPP: Kemahiran Komunikasi (HP5)

	STS (%)	TS (%)	S (%)	SS (%)
berkomunikasi secara efektif		1(1.1)	11(11.8)	81(87.1)
keperluan mewujudkan hubungan mesra dan kerjasama yang erat dengan ibu bapa/penjaga dan masyarakat		1(1.1)	11(11.8)	81(87.1)
keperluan berkomunikasi dengan murid mengikut peringkat umur dan situasi sebenar	1(1.1)	1(1.1)	9(9.7)	82(88.2)

Catatan : Sangat Tidak Setuju (STS); Tidak Setuju (TS); Setuju (S); Sangat Setuju (SS)

**Jadual 7:** Hasil Pembelajaran Kurikulum PDPP: Kemahiran Personel dan Keusahawanan (HP9)

	STS (%)	TS (%)	S (%)	SS (%)
mengenal pasti peluang dan risiko untuk melaksanakan tanggungjawab baharu			13(14)	80(86)
mengenal pasti sumber kewangan, bahan dan tenaga manusia untuk melaksanakan sesuatu projek dengan berkesan			22(23.7)	71(76.3)
berkomunikasi dengan berkesan untuk meyakinkan pelbagai pihak yang terlibat dalam membuat keputusan		1(1.1)	16(17.2)	76(81.7)
mencantumkan pelbagai idea untuk menghasilkan sesuatu projek baharu			17(18.3)	76(81.7)
menyusun strategi untuk melaksanakan sesuatu tugas secara kritis, kreatif dan inovatif			16(17.2)	77(82.8)

Catatan : Sangat Tidak Setuju (STS); Tidak Setuju (TS); Setuju (S); Sangat Setuju (SS)

**Jadual 8:** Hasil Pembelajaran Kurikulum PDPP: Etika dan Profesionalisme (HP10)

	STS (%)	TS (%)	S (%)	SS (%)
meningkatkan profesionalisme sendiri secara berterusan			9(9.7)	84(90.3)
mempamerkan komitmen, akauntabiliti dan integriti semasa melaksanakan tugas			10(10.8)	83(89.2)
memupuk kesedaran bertanggungjawab terhadap keperluan pelajar			9(9.7)	84(90.3)
mengamalkan etika kerja perkhidmatan awam dan kod etika keguruan			10(10.8)	83(89.2)
berusaha menangani pelbagai cabaran dalam pendidikan			10(10.8)	83(89.2)
melaksanakan tanggungjawab dan memberi perkhidmatan secara profesional dan beretika			9(9.7)	84(90.3)

Catatan : Sangat Tidak Setuju (STS); Tidak Setuju (TS); Setuju (S); Sangat Setuju (SS)

**Soalan 2: Adakah pengurusan dan pelaksanaan kurikulum PDPP dijalankan secara dalam talian dengan teratur dan licin dalam tempoh masa pandemik Covid-19?**

Berdasarkan analisis data yang dijalankan, dapatan menunjukkan taburan peratus keseluruhan bagi aspek pengurusan dan pelaksanaan kurikulum PDPP pada skala (3) "setuju" dan (4) "sangat setuju" adalah pada taburan peratus 90 dan ke atas bagi setiap pernyataan relevan dan berkaitan dengan item masing-masing seperti Jadual 2.

Walau bagaimanapun, terdapat maklum balas mengatakan bahawa keprihatinan tentang kebajikan dan pembelajaran pelajar, informasi dan maklumat pelaksanaan kurikulum perlu lebih jelas dan baik, serta kerja kursus dan peperiksaan perlu bersesuaian dengan mod KDC.

**Jadual 9:** Aspek pengurusan dan pelaksanaan PDPP IPGKS

	STS (%)	TS (%)	S (%)	SS (%)
mengambil berat dan prihatin tentang kebajikan dan pembelajaran pelajar		2(2.2)	10(10.8)	81(87.1)
infomasi dan maklumat berhubung pelaksanaan kurikulum disampaikan dengan jelas dan baik		1(1.1)	17(18.3)	75(80.6)
memaklumkan perkara-perkara penting yang perlu diambil tindakan oleh saya			10(10.8)	83(89.2)
menyampaikan maklumat mengenai pentaksiran kerja kursus dan peperiksaan secara jelas			16(17.2)	77(82.8)
mengendalikan peperiksaan dan pentaksiran kerja kursus bersesuaian dengan dengan mod Kursus Dalam Cuti		2(2.2)	15(16.1)	76(81.7)

pengajaran dan pembelajaran dalam talian dengan Google Classroom dilaksanakan dengan baik	16(17.2)	77(82.8)	
pengalaman mengajar di sekolah dapat membantu saya lebih mudah dan praktis dalam menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran pedogagi kursus PDPP	11(11.8)	82(88.2)	
Ilmu pengetahuan dan kemahiran pedagogi kursus PDPP dapat menyakinkan diri saya sebagai seorang guru yang berkualiti dan berkompeteresi selepas tamat pengajian ini	9(9.7)	84(90.3)	
pengurusan masa diri sendiri adalah cabaran utama sepanjang pengajian PDPP	11(11.8)	82(88.2)	
tempoh masa pengajian selama setahun (tiga semester) bagi PDPP cukup dan sesuai	3(3.2)	13(14)	77(82.8)

Catatan : Sangat Tidak Setuju (STS); Tidak Setuju (TS); Setuju (S); Sangat Setuju (SS)

### Analisis Data Kualitatif

Data kualitatif dianalisis secara manual bagi mengenal pasti faktor-faktor kekuatan dan kelemahan program serta cadangan penambakan kurikulum PDPP. Sebanyak empat persoalan kajian yang menjadi fokus utama kajian.

#### Soalan 3: Apakah faktor-faktor kekuatan, kelemahan dan cabaran dalam kurikulum PDPP dari persepsi pelajar PDPP?

##### a. Kekuatan.

Aspek kekuatan program PPDP yang dapat dikenal pasti boleh dikategorikan kepada tiga komponen: (1) kurikulum, dan (2) unsur kemanusiaan. Di bawah komponen kurikulum, didapati kurikulum PDPP adalah terkini, luas dan mencabar terutamanya menggalakkan mereka berfikir secara kritis dan kreatif. Di samping itu, kurikulum PDPP dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran sebagai seorang guru selaras dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Tambahan, responden menyatakan bahawa kurikulum sesuai dengan perkembangan profesion keguruan mereka. Ilmu yang diperolehi didapati relevan dan terkini, seperti pedagogi abad ke-21. Kekuatan isi kandungan pedagogikal diperlihatkan dalam komen pelajar seperti “meningkatkan kemahiran mengajar, mendapat pembelajaran baru dan kaedah pengajaran terkini.”

Komponen kedua, yakni komponen unsur kemanusiaan merangkumi faktor pensyarah seperti “pensyarah berpengalaman, dan sedia membantu” dalam keadaan pelaksanaan kurikulum secara dalam talian. Pelajar banyak berterima kasih kepada para pensyarah komitmen dalam menyampaikan dan mencurahkan ilmu keguruan yang dapat memanfaatkan semua guru. Pada masa yang sama mereka berpeluang memperbaiki kelemahan diri dan sedia menerima perubahan ke arah meningkatkan tahap profesionalisme mereka.

##### b. Kelemahan.

Melalui analisis catatan aspek kelemahan PDPP, komponen kurikulum telah dikenal. Di bawah komponen kurikulum, kelemahan utama yang sering dibangkitkan ialah cabaran pelaksanaan kurikulum secara dalam talian kerana pandemik Covid-19, di mana pelajar tidak dibenarkan berada di kampus secara fizikal. Penyampaian maklumat berkaitan perlu diselaraskan agar tidak berlaku kekeliruan. Terdapat maklum balas yang mengatakan bahawa beban kerja tugas banyak dan membebaskan pelajar.

#### Soalan 4: Apakah cadangan-cadangan penambakan kurikulum PDPP yang dikemukakan oleh para pelajar PDPP?

Cadangan-cadangan yang diberi oleh pelajar boleh dikategorikan dalam dua komponen utama: (1) kurikulum, dan (2) Pengurusan dan Pentadbiran. Bagi komponen kurikulum, mereka mencadangkan elemen teknologi digital dan IR 4.0 lebih diterapkan dalam pengurusan, pentadbiran

dan PdPc PDPP walaupun dalam tempoh masa pasca pandemic Covid-19 supaya dapat dimanfaatkan oleh semua pelajar. Tambahan lagi, dicadangkan mewujudkan satu sistem berpusat untuk segala urusan penghantaran maklumat kursus, kerka kursus, boring-borang dan sebagainya.

Komponen kedua, yakni pengurusan dan pentadbiran. Terdapat maklum balas mencadangkan tempoh pengajian dipendekkan, manakala juga mencadangkan yuran pengajian adalah tidak munasabah disebabkan segala kelengkapan yang disediakan oleh pelajar dijalankan secara dalam talian sahaja, dan mereka tiada peluang menggunakan kemudahan-kemudahan kampus secara fizikal. Cadangan meperlihatkan semula istilah “ kursus dalam cuti” agar selaras dengan pelajar-pelajar yang juga merupakan guru dengan tugas hakiki mengajar dan tanggungjawab mereka di sekolah.

## KESIMPULAN

Dapatan kajian ini akan memberi gambaran dan perspektif pelajar-pelajar mengenai status pencapaian hasil pembelajaran (HP) dalam PDPP dan dijangka dapat dimanfaatkan untuk menambah baik, memperbaiki kelemahan dan mengurangkan kesilapan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan segala aktiviti yang dijalankan untuk pelajar PDPP. Sekalipun pelaksanaan kurikulum dan pentaksiran PDPP Ambilan Jun 2020 secara dalam talian atas kekangan perintah pergerakan kawalan menangani penularan Covid-19, maklum balas pelajar-pelajar adalah positif dan bersetuju bahawa ianya merupakan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran dalam norma baharu, khasnya dalam era perkembangan teknologi yang pesat.

Pencapaian HP2, HP3, HP6 dan HP7 diperlukan perhatian selanjutnya berdasarkan dapatan kajian di atas, khansya pencapaian HP2 yang melibatkan domain kognitif yang merupakan aspek penting yang mesti dikuasa bagi memastikan kualiti guru yang dihasratkan. Tindakan penambahbaikan seharusnya dapat diperlihatkan dari pelbagai aspek, termasuk pengajaran dan pembelajaran serta penyemakan semula kurikulum jika beekenaan.

Kepakaran dan keupayaan para pensyarah menyampaikan kurikulum secara dalam talian dengan mengintegrasikan pelbagai *digital tools* dengan cemerlang memberi keyakinan kepada pihak Institut Pendidikan Guru Kampus ini untuk terus maju bersaing diperingkat global dalam arena pendidikan guru.

Akhir kata, kajian tinjauan berkenaan dicadangkan diteruskan untuk pelajar-pelajar PDPP IPGKS untuk pelajar-pelajar kohort Ambilan Oktober 2020 dan Ambilan Jun 2021 supaya sampel populasi lebih meluas dan dapatan kajian lebih relevan.

## RUJUKAN

- Azizah bt Sarkowi, Shamsazila bt Sa'aban, & Nor Hayati bt Hj. Mt. Ali. (2021). Laporan Kajian Pengesahan Graduan Program Diploma Perguruan Lepas Ijazah 2019. *Laporan Kajian Pengesahan Graduan Institut Pendidikan Guru (IPG), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) 2019*. 40-97.
- Agensi Kelayakan Malaysia (2010). Kod Amalan Akreditasi Program (Edisi Pertama), Petaling Jaya.
- Agensi Kelayakan Malaysia (2018). Code of Practice for Programme Accreditaion (2<sup>nd</sup> Editon), Petaling Jaya.
- Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia (1995). *Kajian Keberkesanan Kurikulum Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Institut Peguruan Malaysia*.
- Bahagian Standard (2016). Garis Panduan Amalan Terbaik: Pembelajaran Berasaskan Kerja, Agensi Kelayakan Malaysia, Petaling Jaya.
- Fraenkel, J.R., & Wallen, N.E. (1993). *How to design and evaluate research in education* (2<sup>nd</sup>. ed.). Boston, MA:McGraw Hill.

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak (2020). Buku Panduan Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP), Ambilan Jun 2020 (Kemasukan Ogos 2020).

Pusat Kecemerlangan Akademik (2020). Buku Panduan Akademik Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP), Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Zahedah bt Abdul Hafiz, Jamaliah bt Kamal, & Lau Hieng Soon. (2005). Keberkesanan Latihan Perguruan KPLI Di Maktab Perguruan Malaysia : Satu Analisis Kecekapan. Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru BPG Tahun 2005, Jilid 1. 22-39.

## **TAHAP KEMAHIRAN MEMBACA DALAM KALANGAN MURID SVM TAHUN 2 PROGRAM PENGURUSAN PERNIAGAAN DAN PROGRAM PEMULIHAN (*LEVEL OF READING SKILLS AMONG SVM STUDENTS YEAR 2 BUSINESS MANAGEMENT PROGRAMME AND REHABILITATION PROGRAMME*)**

**WONG CHIEW YIEN<sup>1</sup>, MAGDELINE ANAK NOR, PhD<sup>2</sup>**

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak  
chiewyien1987@hotmail.com<sup>1</sup>, magsmks@yahoo.com.my<sup>2</sup>

### **ABSTRAK**

Tabiat membaca sering menjadi perbincangan dalam media. Kajian ini memberi fokus kepada tahap kemahiran membaca dalam kalangan murid peringkat Sijil Vokasional Malaysia (SVM) Tahun 2 Program Pengurusan Perniagaan dan Program Pemulihan. Punca murid tidak mahir membaca, masalah yang sering dihadapi semasa melaksanakan kemahiran membaca dalam kelas, cara memupuk kemahiran membaca merupakan aspek yang diberi tumpuan dalam kajian ini. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif, iaitu temubual dan pemerhatian. Kajian ini mendapati bahawa murid yang tidak mengamalkan amalan membaca sejak kecil merupakan punca terbesar murid tidak mahir membaca. Selain itu, masalah yang sering dihadapi dalam kelas ialah murid tidak faham dengan konteks dan tidak mahir dengan asas suku kata. Amalan membaca harus dipupuk dan dilihat sebagai cara yang efektif dalam usaha meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid. Program pemulihan telah dijalankan sebagai intervensi untuk menyelesaikan isu tersebut.

**Kata Kunci:** tabiat membaca, kemahiran membaca, SVM, Program Pemulihan

### **ABSTRACT**

*Reading habits are often the talk of the media. This study focuses on the level of reading skills among students at the level of Malaysian Vocational Certificate (SVM) Year 2 Business Management Programme and Rehabilitation Programme. Causes of students not proficient in reading, problems that are often encountered while implementing reading skills in the classroom, how to cultivate reading skills are aspects that are focused on in this study. The research methodology used in this study is a qualitative method, namely interviews and observations. This study found that students who do not practice reading since childhood is the biggest cause of students not being proficient in reading. In addition, a problem often encountered in the classroom is that students do not understand the context and are not proficient with the basics of syllables. Reading practice should be nurtured and seen as an effective way to improve reading skills among students. Rehabilitation programmes have been conducted as an intervention to resolve the issue.*

**Keywords:** reading habits, reading skills, SVM, Rehabilitation Programme

### **PENGENALAN**

Kemahiran membaca ialah komponen penting dan merupakan kunci kepada ilmu pengetahuan. Oleh itu, kemahiran membaca perlu dipelajari seawal yang boleh. Atan Long (1978) menyatakan proses membaca melibatkan kebolehan mengenal lambang-lambang dan menterjemah lambang-lambang itu semula kepada bunyi suara dan memahami makna atau tanggapan yang disampaikan oleh tulisan itu. Tujuan utama kemahiran membaca adalah murid-murid dapat mengenal dan membezakan setiap huruf dan perkataan. Seterusnya murid-murid dapat membaca dan memahami pelbagai bahan bacaan yang dikehendaki. Murid-murid yang tidak celik huruf dan tidak mampu membaca menyebabkan hidup mereka tidak lengkap kerana membaca merupakan jalan utama untuk mencapai kejayaan.

Kebolehan membaca kanak-kanak wujud sekiranya kanak-kanak itu memahami dan bertindak secara bersesuaian apabila melihat perkataan-perkataan yang ditulis. Kanak-kanak boleh cepat membaca sekiranya mereka dilahirkan dalam persekitaran yang mendedahkan mereka kepada tulisan seperti buku, surat khabar, iklan dan sebagainya. Mengikut kaedah abjad, kanak-kanak perlu menguasai huruf-huruf terlebih dahulu. Mereka perlu mengenal, menyebut dan menghafal huruf 'a' hingga 'z' mengikut susunannya. Kemudian diikuti dengan mengeja suku kata dan perkataan.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kemahiran membaca murid. Tahap kemahiran membaca dalam kalangan murid SVM Tahun 2 Program Pengurusan Perniagaan telah dikaji. Kajian tentang punca sebenar murid tidak menguasai kemahiran membaca dan jenis masalah yang telah timbul dalam kelas serta cara memupuk kemahiran membaca murid telah dibuat. Pengalaman lalu telah mengesakan bahawa murid tidak dapat menguasai kemahiran membaca. Apabila membaca, murid tidak dapat menyebut asas suku kata dengan betul. Malah, sebilangan kecil murid tidak dapat memahami konteks dan tidak dapat membaca dengan lancar. Hasil temu bual dan pemerhatian telah mendedahkan bahawa tahap kemahiran membaca yang rendah adalah disebabkan dengan kurang pendedahan pada peringkat awal persekolahan. Sekiranya murid-murid telah diajar amalan membaca sejak kecil, tahap kemahiran membaca akan meningkat. Oleh itu, kemahiran membaca harus dipupuk sejak kecil. Murid yang tidak mahir terhadap asas suku kata telah menyebabkan mereka tidak dapat membunyikan perkataan Bahasa Melayu dengan tepat. Hal ini telah menyebabkan tahap kemahiran membaca menurun. Asas suku kata harus dipelajari semasa permulaan bangku persekolahan supaya murid boleh mahir dalam asas suku kata sebelum melatih membaca perkataan dan ayat. Cara yang paling berkesan dalam memupuk kemahiran membaca ialah aktiviti membaca buku harus dijalankan dalam setiap minggu. Dengan pembacaan buku yang banyak, tahap kemahiran membaca baru dapat ditingkatkan. Aktiviti latihan membaca yang dijalankan dalam kelas telah mendedahkan terdapat dua orang murid mengalami masalah kemahiran membaca. Mereka tidak dapat membaca dengan lancar. Lebih-lebih lagi, mereka tidak dapat membunyikan suku kata dengan betul sekali. Suasana kelas yang mempunyai 20 orang murid telah menyebabkan dua orang murid ini ketinggalan semasa menjalankan aktiviti membaca. Murid yang ramai menyebabkan guru tidak dapat mengajar dua orang murid yang ketinggalan ini pada masa yang sama. Oleh itu, dua orang murid ini akan dijalankan intervensi pada masa selepas kelas untuk meningkatkan tahap kemahiran membaca.

## **KAJIAN LITERATUR**

Menurut Bucholz dan Sheffler (2009) guru berupaya mencorakkan persekitaran bilik darjah supaya selesa dan seterusnya meningkatkan kemampuan pelajar untuk belajar. Persekitaran bilik darjah yang kondusif akan terhasil apabila ada kerjasama dan interaksi berkesan antara guru dan pelajar. Oleh hal yang demikian, guru perlu memastikan persekitaran bilik darjah adalah kondusif dalam pembelajaran supaya murid tidak mengantuk dan bersemangat dalam mempelajari kemahiran membaca Bahasa Melayu.

Ali Abdul Ghani (1993) menulis dalam Jurnal Teknologi Pendidikan mengatakan bahawa belajar membaca merupakan satu aktiviti mental yang kompleks. Ia juga merupakan satu proses yang lambat dan sukar. Sesetengah murid tidak dapat menguasai bidang pembacaan sepenuhnya dalam jangka masa yang sepatutnya seperti yang ditetapkan dalam kurikulum ini juga kerana murid mempunyai kelainan keupayaan dan minat.

Menurut Abdul Rasid dan Zulkafli (2008), masalah menguasai kemahiran membaca dan menulis menjadikan murid lemah dan tidak berminat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah akibat ketidakcekapan mereka menguasainya. Permasalahan membaca yang ada dalam diri murid adalah seperti keliru mengecam huruf besar dan huruf kecil semasa membaca, tidak membunyikan perkataan dengan betul dan tepat, tidak dapat menyebut perkataan yang dieja serta sering meninggalkan perkataan yang tidak ketahui makna atau gagal membunyikannya. Ini menimbulkan pola bacaan yang merangkak-rangkak dan pastinya menjadikan murid-murid tidak memahami maklumat dan makna bahan bacaan tersebut. Selain itu, murid ini juga lemah dan tidak berminat mencari maklumat yang terdapat dalam gambar rajah atau bahan rangsangan yang diberikan oleh guru. Menurut Yahya (2004), membaca merupakan proses interaksi antara teks dengan imaginasi pembaca. Justeru, guru perlu mempelbagaikan teknik pengajaran membaca agar dapat menjadikan pengajaran lebih bervariasi, menarik serta dapat menimbulkan minat murid untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh.

Abbas Pourhosein Gilakjani (2016) membuat satu kajian mengenai cara untuk meningkatkan penguasaan membaca dalam kalangan murid di sekolah. Beliau memberikan penekanan terhadap teknik pembacaan secara efektif. Oleh hal yang demikian, murid harus dibimbing untuk mempunyai penguasaan kemahiran membaca khususnya dalam petikan teks naratif yang berkaitan dengan rentetan peristiwa secara berturutan agar murid mampu menceritakan semula sesuatu kejadian yang

dibaca oleh mereka mengikut aspek yang ingin dikaji iaitu aras pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Apabila seseorang murid tidak menguasai kemahiran membaca bahasa Melayu dengan baik, ini akan menjejaskan proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di dalam kelas.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Sejak kebelakangan ini, kemahiran membaca dalam kalangan murid semakin merudum. Sebagaimana yang kita tahu, membaca adalah salah satu cara yang paling mudah untuk kita mendapatkan ilmu pengetahuan sekaligus mendapatkan berita-berita terkini yang terjadi di sekeliling kita. Sebagai generasi muda yang akan menerajui negara kita Malaysia pada suatu hari nanti, para pelajar seharusnya bersedia dan peka terhadap perubahan-perubahan yang berlaku di negara kita terutamanya di sekeliling mereka dengan melalui pembacaan. Namun, tahap kemahiran membaca yang rendah telah mengakibatkan murid-murid langsung tidak berminat dalam membaca buku ataupun surat khabar. Hal ini menyebabkan tahap kemahiran membaca menjadi semakin rendah. Sekiranya isu ini tidak ditangani dengan segera, negara akan menghadapi masalah kehilangan bakal pemimpin yang cekap dan berkaliber. Isu ini harus ditangani dengan latihan membaca dalam kelas. Malah, isu ini juga boleh ditangani dengan menjalankan kempen membaca di peringkat sekolah. Selain itu, pelbagai program intervensi boleh dijalankan untuk meningkatkan tahap kemahiran membaca pada peringkat sekolah. Dengan melalui program pemulihan, murid dapat membunyikan asas suku kata dengan tepat. Murid boleh membaca dengan lebih lancar. Cadangan penambahbaikan ialah sekolah boleh menambahkan buku pemulihan Bahasa Melayu dan latihan untuk meningkatkan penguasaan murid. Malah, video pembacaan yang menarik boleh ditambah untuk meningkatkan semangat murid dalam meningkatkan kemahiran membaca. Kajian ini dijalankan untuk melihat tahap kemahiran membaca dalam kalangan pelajar. Punca murid mempunyai tahap kemahiran membaca yang rendah, masalah yang sering dihadapi dalam bilik darjah, cara memupuk kemahiran membaca telah dikaji.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian dalam kajian kes ini adalah melihat keberkesanan Program Pemulihan dalam meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid SVM Tahun 2 Program Pengurusan Perniagaan.

## **KUMPULAN SASARAN**

Kajian ini memilih dua orang pelajar perempuan SVM Tahun 2 Program Pengurusan Perniagaan sebagai responden.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi adalah menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji. Tujuan metodologi adalah untuk membantu memahami dengan lebih terperinci lagi tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif, iaitu pemerhatian dan temubual. Pengkaji telah membuat pemerhatian melalui kelas bersemuka. Catatan telah dibuat untuk membuat laporan.

## **Tinjauan Masalah**

Dalam kajian ini, masalah utama yang dikaji adalah tahap kemahiran membaca murid. Tahap kemahiran membaca murid yang rendah akan membawa pelbagai masalah kepada negara kita, Malaysia. Oleh itu, satu kajian mengenai masalah ini telah dikaji. Hal ini bertujuan untuk menyelesaikan masalah ini dari akar umbi supaya tahap kemahiran membaca murid dapat ditingkatkan.



### **Pemerhatian**

Berdasarkan pemerhatian, apabila pengkaji memerhati proses PdPc di dalam kelas, pengkaji mendapati bahawa terdapat sebilangan kecil murid tidak dapat membaca dengan bunyi yang tepat. Malah, pengkaji juga mendapati murid tidak faham konteks dan tidak fasih apabila membaca perkataan dan ayat. Malah, ada murid yang tidak dapat menumpukan perhatian dan mengantuk dalam kelas. Hal ini menunjukkan murid tidak berminat dalam aktiviti kemahiran membaca. Oleh itu, satu kajian kes tentang tahap kemahiran membaca telah dikaji.

### **Temu Bual**

Berdasarkan temu bual, pengkaji mendapati murid tidak mengamalkan amalan membaca sejak kecil dan kurang penggunaan Bahasa Melayu kerana persekitaran membaca yang kurang. Murid tidak mahir dalam menyebut suku kata dengan tepat kerana mereka tidak mempunyai asas mempelajari suku kata. Malah, murid yang tidak memahami kandungan maklumat teks mengakibatkan mereka tidak dapat membaca kosa kata dengan betul. Hal ini demikian adalah kerana murid kurang mempelajari dalam pembelajaran kosa kata sejak bangku sekolah. Malah, murid tidak dapat membezakan huruf besar atau huruf kecil atau tanda baca tersebut. Hal ini demikian adalah kerana murid tidak berminat langsung dengan tatabahasa Bahasa Melayu dan meluangkan banyak masa ke aktiviti lain.

*“...er...Saya tidak berminat dengan membaca lah.....memang bosan ba..” (murid intervensi 1)*  
*“ Saya tidak tau macam mana menyebut perkataan itu, cikgu...”(murid intervensi 1)*  
*“ Saya tidak faham isi pelajaran yang cikgu...” (murid intervensi 2)*

Sikap malas sendiri dan tahap kecerdasan otak juga merupakan salah satu punca murid tidak menguasai kemahiran membaca. Pendedahan gajet yang semakin hangat pada abad ke-21 ini juga mengakibatkan murid tidak berminat langsung dalam pembacaan. Hal ini menyebabkan tahap kemahiran membaca semakin merosot.

*“ tidak ada mood ....Saya tidak bersemangat nak belajar lah, cikgu....saya suka main games handphone...(murid lain 1)*

### **Analisis tinjauan masalah**

Berdasarkan masalah murid yang mempunyai tahap kemahiran membaca yang rendah, pelbagai masalah telah dikesan melalui kaedah pemerhatian dan kaedah temu bual. Murid-murid dan ibu murid telah ditemubual. Hasil temu bual telah direkod. Analisis dan laporan telah disiapkan berdasarkan pendapat murid dan ibu.

### **Pemerhatian**

Berdasarkan pemerhatian, terdapat dua orang murid tidak dapat membaca dengan bunyi yang tepat, tidak faham konteks dan tidak fasih dalam membaca perkataan dan ayat. Sebilangan kecil murid yang lain tidak dapat menumpukan perhatian dan mengantuk dalam kelas.

### **Temu bual**

20% murid tidak mengamalkan amalan membaca sejak kecil dan kurang penggunaan Bahasa Melayu serta tidak mahir dalam menyebut suku kata dengan tepat kerana mereka tidak mempunyai asas suku kata.

*“ Saya tidak guna Melayu sebab tidak mengenali.....” (murid intervensi 1)*  
*“ Ermm....rumah saya tak ada buku cerita pun. Saya jarang membaca buku.....” (murid intervensi 2)*

80% murid lain adalah bersikap malas dan mempunyai gajet yang mengakibatkan mereka tidak berminat dalam Bahasa Melayu walaupun boleh menguasai kemahiran membaca.

*“ Ha...Saya main handphone saja. Handphone lebih menarik saya....” (murid lain 1)*

*“ Anak saya malas. Dia langsung tak nak membaca buku, asyik main phone saja...” (ibu murid 2)*

### **Tindakan yang dijalankan**

Program yang pengkaji jalankan ialah program pemulihan. Program Pemulihan dijalankan adalah untuk membantu murid menguasai kemahiran asas membaca yang belum dikuasai. Objektif program ini adalah membantu murid mengatasi masalah pembelajaran dalam kemahiran membaca, membantu murid mengubah sikap negatif dan tingkah laku yang menjejaskan pelajaran serta menanam sifat yakin pada diri sendiri. Program pemulihan ini dijalankan dengan menggunakan buku “Bacalah Sayang”. Buku ini telah memperkenalkan satu “formula” dan cara yang sistematik untuk membina kemahiran bacaan secara cepat dan tepat tanpa perlu mengenal keseluruhan abjad A hingga Z terlebih dahulu. Kaedah ini disusun berdasarkan konsep terus membaca melalui kaedah suku kata. Sebuah buku cerita iaitu “Taman Seribu Bunga” telah digunakan untuk memahirkan murid dalam sebutan kosa kata. Pada akhir sekali, satu set inventori kemahiran membaca telah disediakan untuk menilai kemahiran membaca Bahasa Melayu dari huruf abjad, suku kata hinggalah ke ayat pendek dan petikan pendek.

### **Cadangan Penambahbaikan Yang Akan Dilaksanakan Untuk Menangani Isu**

Masalah tahap kemahiran membaca membawa pengaruh yang agak besar kepada masa depan murid. Oleh itu, masalah tahap kemahiran membaca yang rendah ini harus ditangani dengan segera supaya tahap kemahiran membaca boleh ditingkatkan semula. Terdapat beberapa kaedah telah digunakan dalam program pemulihan ini. Antaranya termasuklah kaedah cepat membaca- Bacalah Sayang, 30 minit bersama buku dan set inventori.

### **Aktiviti 1: Kaedah Cepat Membaca- Bacalah Sayang (dua jam sehari)**

Kaedah cepat membaca merupakan salah satu kaedah dalam mengajar murid membaca dari asas suku kata ke ayat dan petikan. Kaedah ini telah menggunakan buku “Bacalah Sayang” sebagai asas pembelajaran. Murid akan diajar vokal, konsonan dan akhirnya suku kata. Aras pembacaan adalah dari mudah ke susah. Intonasi juga dipentingkan. Pemerhatian akan dibuat.

### **Cara Aktiviti Dijalankan**

Aktiviti ini dijalankan dengan menggunakan buku “Bacalah Sayang” pada setiap hari. Pengkaji telah menggunakan dua jam setiap hari untuk memperkenalkan vokal dan konsonan satu persatu melalui proses membunyikan huruf dan latihan menulis huruf. Selepas itu, gabungan konsonan dan vokal dengan membentuk suku kata. Pelbagai latihan seperti latih tubi bunyi huruf, latih tubi bunyi suku kata, membatang suku kata, membaca perkataan, membaca ayat atau frasa, membaca petikan telah dijalankan. Murid-murid diajar dengan membaca terus ayat atau frasa dan petikan dengan intonasi bacaan yang betul.



Pembacaan buku “Bacalah Sayang”

### **Pemerhatian**

Melalui pemerhatian, pengkaji dapat memerhatikan bahawa murid-murid boleh menguasai asas sebutan suku kata iaitu gabungan vokal dan konsonan dengan tepat selepas menjalankan program intervensi ini. Murid-murid boleh membaca huruf abjad, suku kata, ayat pendek dan petikan pendek berdasarkan kaedah suku kata.

### **Refleksi**

Pada permulaannya, dua orang murid mempunyai tahap rendah dalam kemahiran membaca. Selepas aktiviti “Bacalah Sayang” ini, murid-murid boleh menguasai asas suku kata dan boleh menyebut dengan intonasi yang tepat. Kekuatan aktiviti ini adalah aktiviti ini boleh mengajar murid membaca satu persatu langkah supaya murid boleh belajar balik kaedah yang telah tertinggal masa sekolah rendah. Kelemahan bagi aktiviti ini ialah murid tidak dapat menumpukan perhatian sekiranya mengambil masa yang panjang dalam menjalankan aktiviti ini. Cadangan penambahbaikan ialah pengkaji boleh memendekkan masa dalam latihan membaca dengan menyelitkan masa rehat sebelum menyambung aktiviti ini. Dengan itu, murid lebih senang menumpukan perhatian.

### **Aktiviti 2: 30 minit bersama buku**

Aktiviti 30 minit bersama buku adalah dijalankan dengan menggunakan sebuah buku cerita yang dipilih. Buku cerita yang bertajuk “Taman Seribu Bunga” adalah dipilih melalui e-buku. Buku ini dipilih adalah kerana ia mempunyai cerita yang amat menarik. Murid dapat meningkatkan penguasaan kemahiran membaca selepas habis membaca buku ini. Pemerhatian juga akan dibuat.

### **Cara Aktiviti Dijalankan**

Pengkaji telah membawa sebuah buku cerita yang bertajuk “Taman Seribu Bunga”. Setiap hari, pengkaji telah menjalankan pembacaan buku tersebut selama 30 minit selepas aktiviti “Bacalah Sayang”. Penjelasan konteks telah dijalankan sebelum membaca buku cerita tersebut. Pengkaji telah membaca sekali dan dua orang murid akan mendengar dan mengikuti pembacaan dengan intonasi yang tepat. Soalan akan ditanya sebaik sahaja habis membaca setiap bahagian urutan cerita. Perbincangan pengajaran cerita telah dijalankan pada akhir pembacaan.



Penjelasan konteks cerita dan pembacaan buku cerita

### **Pemerhatian**

Melalui pembacaan buku cerita, pengkaji memerhatikan bahawa murid lebih seronok dan bersemangat dalam membaca. Hal ini demikian adalah murid dapat memahami konteks cerita tersebut. Dengan itu,

murid dapat lebih senang menguasai sebutan setiap perkataan dan ayat. Murid tidak sabar hendak menghabiskan cerita yang mereka baca walaupun masa yang diperuntukan adalah terhad.

### **Refleksi**

Melalui aktiviti ini, murid dapat menguasai sebutan dengan lebih senang. Pemahaman konteks adalah amat penting sebelum membaca sesuatu perkataan atau konteks. Kekuatan aktiviti ini adalah dengan memahami maksud setiap perkataan, murid boleh menguasai dengan lebih baik berbanding dengan langsung tidak memahami sesebuah perkataan. Kelemahan aktiviti ini adalah murid tidak dapat membayangkan cerita yang dibaca kerana adalah dalam bentuk buku. Cadangan penambakan ialah pengkaji boleh mencari cerita yang bersifat animasi atau dalam bentuk video supaya murid lebih bersemangat dalam mempelajari kosa kata dan menyebut setiap perkataan atau ayat dengan tepat.

### **Aktiviti 3: Set Inventori**

Set inventori ini dibina untuk menguji kefahaman dan penguasaan murid terhadap kemahiran membaca. Dalam set inventori ini, murid-murid dikehendaki membaca huruf abjad dan perkataan yang digabung oleh pelbagai jenis suku kata. Ujian set inventori ini dijalankan adalah untuk memastikan murid sudah menguasai kemahiran membaca. Keputusan penilaian akan direkod.

### **Cara Yang dijalankan**

Pengkaji telah menyediakan satu set inventori untuk menguji sebutan murid. Objektif set inventori ini adalah pada akhir ujian, guru dapat mengetahui kelemahan murid secara khusus di dalam kemahiran membaca Bahasa Melayu. Murid-murid dikehendaki membaca huruf abjad kecil a hingga z, suku kata konsonan vokal konsonan (KVK), suku kata vkvk, suku kata kvkv, suku kata kvkvk, suku kata kvkvkk, suku kata kvkvkvk, ayat pendek, dan petikan pendek. Pembacaan adalah berdasarkan urutan mudah ke susah. Satu borang penilaian telah disediakan untuk mencatat keputusan murid.



Penilaian dijalankan dengan menggunakan set inventori yang telah disediakan

### **Pemerhatian**

Melalui pemerhatian, murid boleh membaca perkataan, ayat dan petikan dengan sebutan intonasi yang tepat jika berbanding dengan sebelumnya langsung tidak mahir dalam kemahiran membaca. Ujian ini dijalankan untuk memastikan murid telah lulus dalam program pemulihan yang telah dijalankan dalam masa dua minggu ini. Markah telah dicatatkan sebagai bukti rujukan nanti.

### **Refleksi**

Melalui aktiviti penilaian ini, pengkaji dapat memastikan bahawa dua orang murid ini telah menguasai asas suku kata dengan tepat. Kekuatan aktiviti ini ialah kemahiran murid dapat diketahui dengan bukti penilaian

yang direkod. Kelemahan aktiviti ini ialah set inventori ini dibentuk dalam format yang agak ringkas. Cadangan penambahbaikan ialah pengkaji boleh menambahkan soalan penilaian untuk memperkukuhkan lagi penilaian.

### Refleksi Keseluruhan Kajian

Kedua-dua orang murid boleh membaca semasa dalam kelas. Capaian murid ialah 98% dan 95% masing-masing. Dua orang murid dapat menyebut sebutan intonasi dengan tepat melalui program pemulihan yang telah dijalankan. Tahap kemahiran membaca telah ditingkatkan selepas program ini jika berbanding dengan sebelum ini yang langsung tidak boleh menyebut dengan bunyi yang betul, tidak faham konteks dan tidak fasih dalam pembacaan ayat. Guru juga lebih senang menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran apabila semua murid dalam kelas mempunyai tahap kemahiran membaca yang lebih kurang sama. Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat dijalankan tanpa ada murid yang tertinggal pelajaran akibat tidak mahir dalam kemahiran membaca. Dengan itu, program pemulihan ini telah dijalankan dengan jayanya sekali melalui tiga aktiviti yang telah dijalankan dalam masa dua minggu. Pendek kata, program pemulihan harus dijalankan sepanjang tahun sekiranya terdapat murid yang kurang mahir dalam kemahiran membaca. Aktiviti program pemulihan boleh diubah mengikut kesesuaian supaya objektif program dapat dicapai dengan tahap maksimum.

### CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Cadangan penambahbaikan untuk kajian seterusnya bagi tajuk yang hampir sama ialah kajian mengenai pendekatan pengajaran dalam program pemulihan Bahasa Melayu untuk melihat tahap kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Terdapat beberapa cadangan kajian seterusnya bagi topik lain iaitu menjalankan kajian tentang faktor yang mempengaruhi budaya membaca dalam kalangan pelajar seperti ibu bapa, rakan sebaya, multimedia dan sebagainya dan mengenal pasti kesan pemupukan budaya membaca dalam kalangan pelajar.

### RUJUKAN

- Abbas Pourhosein Gilakjani. (2016). How Can Students Improve Their Reading Comprehension Skill. *Journal of Studies in Education*, Vol. 6(2), 229-240
- Abdul Rasid Jamian. (2011). *Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar Bandar*. [http://journalarticle.ukm.my/2528/1/1-12\\_Jurnal\\_Pendidikan\\_Bahasa\\_Melayu.pdf](http://journalarticle.ukm.my/2528/1/1-12_Jurnal_Pendidikan_Bahasa_Melayu.pdf)
- Abdul Rasid Jamian & Zulkafli Abu Zarin. (2008). Keupayaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid sekolah rendah kebangsaan luar bandar. Kertas kerja *Konvensyen Pendidikan Nasional 2008*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2 – 4 Jun 2008.
- Ali bin Abdul Ghani. (1993). Teknik membaca murid dan pelajar. Kertas kerja *Khemah Membaca peringkat Kebangsaan 1993 anjuran Bahagian Teknologi Pendidikan Kementerian Pendidikan*. Empereror Hotel, Melaka. 15-18 Nov. 1993.
- Atan Long. (1978). *Psikologi pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bucholz, J.L. & Sheffler, J. L. (2009). *Creating a warm and inclusive classroom environment: Planning for all children to feel welcome*. *Electronic Journal for Inclusive Education*, 2(4), 1-14
- CAA Jailaini. (2012). *Kemahiran membaca*. [http://studentsrepo.um.edu.my/4014/2/Full\\_chapters.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/4014/2/Full_chapters.pdf)

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Lembaran kerja Bahasa Melayu Program Pemulihan Khas*. <https://dokumen.tips/documents/lembaran-kerja-bm-pemulihan-khas.html>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Program Pemulihan Khas: Buku panduan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. <https://www.scribd.com/document/419959549/Buku-Panduan-PdP-Bahasa-Melayu-Program-Pemulihan-Khas-2606SS19>
- Manira Kesuma. (2017). *Program bijak kelas pemulihan Bahasa Melayu*. <https://prezi.com/or0rpvn1lm5u/program-bijak-kelas-pemulihan-bahasa-melayu/>
- Mansor Embong. (n.d.). *Bab 8: Kemahiran membaca dalam Bahasa Melayu*. [https://www.academia.edu/39095375/Bab\\_8\\_Kemahiran\\_Membaca\\_dalam\\_Bahasa\\_Melayu](https://www.academia.edu/39095375/Bab_8_Kemahiran_Membaca_dalam_Bahasa_Melayu)
- Mohd Asnorhisham Adam, Abdul Rahim Hamdan. (2017). *Pendekatan pengajaran secara berkumpulan dalam Program Pemulihan Khas Bahasa Melayu*. [https://www.researchgate.net/publication/324982668\\_PENDEKATAN\\_PENGAJARAN\\_SECARA\\_BERKUMPULAN\\_DALAM\\_PROGRAM\\_PEMULIHAN\\_KHAS\\_BAHASA\\_MELAYU\\_Group\\_Teaching\\_Approach\\_in\\_the\\_Malay\\_Language\\_Special\\_Remedial\\_Program](https://www.researchgate.net/publication/324982668_PENDEKATAN_PENGAJARAN_SECARA_BERKUMPULAN_DALAM_PROGRAM_PEMULIHAN_KHAS_BAHASA_MELAYU_Group_Teaching_Approach_in_the_Malay_Language_Special_Remedial_Program)
- Sylvester Lau Yueh Wei, Alizah Lambri, Rosliah Kiting. (2020). *Penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu murid buka penutur jati di Bintulu, Sarawak*. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/EJOSS/article/view/3449/2381>
- Yahya Othman. (2004). *Mengajar membaca: Teori dan aplikasi*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zainal Othman. (2012). *Kemahiran membaca*. [https://www.academia.edu/5041536/KEMAHIRAN\\_MEMBACA](https://www.academia.edu/5041536/KEMAHIRAN_MEMBACA)

## TEACHERS' PERSPECTIVE: HOW CHALLENGING IS ESL FLIPPED CLASSROOM?

YONG ZHEN QI<sup>1</sup>, NGO HUI KIANG<sup>2</sup>, HO SUOK TING<sup>3</sup>

Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang, Bintangor, Sarawak, Malaysia<sup>1</sup>, Sekolah Kebangsaan Ulu Pedanum, Julau, Sarawak, Malaysia<sup>2</sup>, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Su Tak, Sarikei, Sarawak, Malaysia<sup>3</sup>

zhenqiyong@ipgm.edu.my<sup>1</sup>, huikiang928@gmail.com<sup>2</sup>, hosuokting5512@yahoo.com<sup>3</sup>

### ABSTRACT

Student-centered teaching and learning methods are in favouritism as they tend to foster active and collaborative learning. In flipped classroom approach, student-centered teaching and learning is the focus of the learning process. The approach has garnered the attention of educators from all levels worldwide. The present study sought to explore the challenges faced by the Malaysian ESL (English as a Second Language) teachers in the implementation of the approach, through a survey, open-ended questions, and interviews. Hence, the study used a mixed-method design; a Likert- scale questionnaire, open-ended questions, and interviews. This research applied a whole population sample. The population for the study is the ESL primary schools teachers in a rural district of Sarawak. The findings showed that there were some challenges faced by the teachers in implementing the flipped classroom, such as poor or no internet services, lack of ICT gadgets at home, the attitude of parents and students, and low proficiency level of students. The findings were further discussed in the discussion of data. The researcher recommended future studies could be conducted by involving a larger population including both rural and urban areas, in a longer time frame to better generalise the results.

**Keywords:** Flipped classroom, ESL, Perception, Challenges, Education

### ABSTRAK

*Kaedah pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar adalah menjadi pilihan ramai kerana cenderung mendorong pembelajaran aktif dan kolaboratif. Dalam pendekatan kelas berbalik, pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar adalah fokus proses pembelajaran. Pendekatan ini telah menarik perhatian para pendidik dari semua peringkat di seluruh dunia. Kajian ini bertujuan untuk meneroka cabaran yang dihadapi oleh guru-guru ESL Malaysia (Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua) dalam pelaksanaan kaedah ini, melalui soal selidik berskala Likert, soalan terbuka, dan temu ramah. Oleh itu, kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah campuran; soal selidik berskala Likert, soalan terbuka, dan temu ramah. Penyelidikan ini menggunakan sampel keseluruhan populasi. Populasi untuk kajian ini adalah guru sekolah rendah ESL di sebuah daerah luar bandar di Sarawak. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan kelas berbalik, seperti perkhidmatan internet yang lemah atau tiada, kekurangan peralatan ICT di rumah, sikap ibu bapa dan pelajar, dan tahap kecekapan pelajar yang rendah. Penemuan ini dibincangkan dengan lebih lanjut dalam perbincangan data. Penyelidik mengesyorkan kajian masa depan dapat dilakukan dengan melibatkan populasi yang lebih besar termasuk kawasan luar bandar dan bandar, dalam jangka masa yang lebih panjang untuk menggeneralisasikan hasil dengan lebih baik dan tepat.*

**Kata Kunci :** Kelas berbalik, ESL, Persepsi, Cabaran, Pendidikan

### INTRODUCTION

Teaching and learning of English language in the 21st century require the integration of technology. The students in this era do not fancy the traditional teaching methods. Hence, the English language teachers need to be innovative by applying better and modern teaching approaches to attract the students in order to maximise the delivery of contents knowledge and enhance the learning outcomes. A student-centered teaching and learning method is in favouritism to promote active and collaborative learning. In flipped

classroom approach, student-centered teaching and learning is the focus of the learning process. The students collaborate with their peers in the classroom by discussing the content of the lesson prepared by the teachers before the in-class lesson. The materials such as videos are being prepared by teachers before the next lesson. The students read and may look for more information on the internet about the next-day lesson. Hence, the teachers are able to maximise the time for discussion and lessen the lecturing time in the classroom.

Flipped classroom approach has gained growing popularity in many countries. Therefore, many researchers explored the teachers' and students' perception and their attitudes towards this model (Dweikat & Raba 2019). There are several past studies conducted on the teachers' perceptions towards the implementation of the flipped classroom (Ansori & Nafi 2018; Dweikat & Raba 2019; Yang 2017; Yang & Chen 2020). However, there is only a small number of studies carried out to find out the Malaysian Primary ESL teachers' perceptions towards the implementation of flipped classroom approach. Hence, this study aims to explore the Malaysian ESL (English as a Second Language) teachers' challenges they faced in the implementation of flipped classroom, through a survey, open-ended questions, and an interview.

### **PURPOSE OF THE STUDY**


The research in exploring the advantages of flipped classroom model and flipped learning has been carried out worldwide (Dweikat & Raba 2019). However, in the study done by Siti Fatimah et al. (2019), the number of studies on flipped learning studies in Malaysia is still small compared to the number of studies done around the globe. Although there were only a small number of research studies have been done on the flipped classroom, it is undeniable that the flipped classroom approach is advantageous to the education domain in Malaysia based on the data collected in the previous studies. However, the use of flipped classrooms is yet to be implemented broadly in a rural district of Sarawak, due to some challenges such as the availability of internet access in more rural areas.

During a discussion session in a CEFR course, most of the teachers explained that they were unable to carry out flipped classroom approach in their schools due to some challenges, even though they were aware of the popularity of implementing the flipping classroom approach in their teaching session. Hence, this research which involved a questionnaire, open-ended questions, and one-to-one interviews aimed to discover the primary ESL teachers' challenges in implementing the flipped classroom approach in their schools located in the rural area of Sarawak, Malaysia.

### **LITERATURE REVIEW**

#### **Bloom's Revised Taxonomy**

Bloom's Taxonomy is a concept of learning developed by Bloom with six levels of learning, in the order from the lowest level of the cognitive domain to the highest level of the cognitive domain. The six levels of Bloom's Revised Taxonomy are remembering, understanding, applying, analysing, evaluating, and creating, as shown in Figure 1 below.



*Figure 1: Bloom's Revised Taxonomy*



According to Eppard & Rochdi (2017), the revised version of Bloom’s Taxonomy is relevant to the concept of flipped learning which involved independent learning and assimilation of learning. It was mentioned that independent learning occurs outside of the class while the assimilation of information that needs greater critical thinking and reasoning occurs in the classroom under the guidance of teachers. In implementing flipped classroom, Zamzami & Siti Hajar (2016) claimed that the lower levels of cognitive domain normally happened outside the classroom where the students study the materials prepared by the teachers, the reading was completed independently by the students, while the higher levels of cognitive levels happened inside the classroom during the collaborative discussion with teachers and peers. The flipped classroom allows the students to have more time and opportunities to enhance their higher level of cognitive activities.

The claim is supported by the study of Eppard & Rochdi (2017), which also mentioned that the skills at the base of the pyramid occur outside of the classroom without supervision. The students may study the educational materials as frequently as needed before the class to comprehend the concept. The higher level in the pyramid occurs in the classroom with more collaboration happens among the students and teachers, under the supervision of teachers and peer collaboration. A clearer view of the flipped classroom concept based on Bloom’s Revised Taxonomy is shown in Figure 2 below.




Figure 2: Theory of Bloom’s Revised Taxonomy in Flipped Classroom

Furthermore, as presented in Figure 2 above, Alsowat (2016) mentioned the highest three levels of Bloom’s Taxonomy are known as the higher-order thinking skills (HOTS) while the bottom three levels are known as the lower-order thinking skills (LOTS). Additionally, Zamzami & Siti Hajar (2016) compared the differences between conventional classrooms and flipped classrooms in achieving the higher-order thinking skills of Bloom’s Revised Taxonomy. The comparison is shown in Table 1 below.

Levels of Learning	Traditional Classroom Tools	Flipped Classroom Tools
Remembering	Face-to-face lecture	Watching recorded lectures, reading materials, and online materials independently
Understanding	Question and answer (Q&A)	Reflection, peer discussion, and collaboration
Analysing	Homework	Classroom activities such as collaborative discussion
Applying	Homework or not applicable	Projects, presentations, peer evaluation, and instructor evaluation
Evaluating		
Creating		

Table 1: A comparison between traditional classroom approach and flipped classroom approach by Zainuddin and Halili (2016)

It is noticeable that the flipped classroom approach is able to help students use HOTS in the classroom through peer discussion and collaboration. Furthermore, Sharma (2018) stated that the traditional method of teaching always focuses on the lower level of Bloom's taxonomy in the classroom, and the students are left to work independently on the higher levels' skills with homework or additional exercises.

### **Concepts Of Flipped Classroom Approach**

The flipped classroom is a type of blended learning in which the teachers choose and prepare pre-class work, such as online materials, and the in-class time is devoted to collaborative tasks among students (Ho, 2020; Unal & Unal, 2017). It is well documented in the literature that interaction among learners helps learning take place (McCallum et al., 2015; Murray et al., 2015; Nguyen, B., et al., 2016). Moreover, Teo and Sathappan (2020) defined flipped classrooms in terms of the shifted roles of learners and teachers: the learners are responsible for their learning, and the teachers provide guidance and assistance to the learners. In a flipped classroom, different learning activities and platforms are used to teach the lessons (Yousufi, 2020). Discussion and collaboration among learners are the focus throughout the lessons.

In a flipped classroom setting, the teaching content and activities are provided online to students in advance so that they may read the materials before the next lesson (Jones, 2016; Yousufi, 2020). Hence, the students are familiar with the content of the lesson and the activities planned. Fauzan and Ngabut (2018) stated that a flipped classroom helps avoid teacher-centered lessons as teachers have the chance to use the classroom time for countless student-centered activities. Al-Ibrahim (2019) asserted that the flipped classroom approach has positive effects on students' learning as it increases their motivation to learn and keeps them engaged in student-centered activities, which help in developing collaborative, research, and inquiry skills. To implement flipped learning effectively, technical infrastructure, particularly high-speed Internet, should be reinforced, and students should be encouraged and motivated to study using various sources and course contents offered online (Say & Yildirim, 2020).

### **CHALLENGES IN IMPLEMENTING FLIPPED CLASSROOM**

Even though flipped classrooms had shown a lot of benefits and bring advantages to the development of teaching pedagogy and learning style around the globe, but some studies showed that it had pitfalls too. According to the study conducted by Dweikat & Raba (2019), the majority of teachers indicated that flipped classroom model does not suit young learners as it requires technological resources at school and home. Internet connection might not exist in some rural areas. Some teachers stated that students cannot work on their own as they depended greatly on teachers. Parents who did not allow their children to browse the internet to watch videos also contributing to the challenges in implementing the flipped classroom approach. The participants in the study also stated that the flipped model is more suitable for university students, but not school students. The findings from the interviews also showed that flipped learning might decrease students' motivation and distract attention without teachers' and parents' supervision and guidance. Furthermore, teachers also stated that flipped classroom model added more duties to the teachers. The teachers in this model will have to prepare and provide resources such as videos, audio, PowerPoint presentation, and other reading materials which requires more time and effort compared to the conventional classroom model.

A study by Nguyen et al. (2018) investigated students' perceived challenges when attending a flipped EFL classroom in Vietnam. The challenges were grouped into four themes, specifically as self-regulated learning difficulty, heavy learning workload, lack of immediate help, and lack of ICT tools. In the open-ended questionnaire and interviews, students mentioned that they found it difficult to take accountability for their learning at home due to many distractions that caused distraction and affected their concentration in studying the pre-class materials. Students also indicated that due to the distraction, students may not fully understand the educational videos and hence be unable to be fully prepared to participate actively during class time. The next major theme of challenges is the heavy learning workload. The participants mentioned the flipped learning model required the students to do out-of-class activities such as watching the prepared videos and completing online quizzes before coming to class. Hence, the students involved in the study asserted that they had to work extra in a flipped classroom. The third main theme of challenges is the lack of immediate support from the teachers. Students watched the videos at home as the preparation for the next lesson without their teachers' help. Therefore, if they have any questions regarding the materials, they were unable to reach for help immediately as compared to the traditional classroom. Next, the lack of ICT

resources was also the common challenge faced by the students in the flipped classroom. ICT resources such as the internet and mobile devices play a crucial role in the flipped classroom. Some of the students claimed that they had no laptop, had no access to a wireless network, and had slow internet access speed. These challenges hindered the implementation and success of the flipped classroom.

According to Table 2, the overall perception of the parents of their level of involvement in HBL is interpreted as moderately high (Mean=3.98, SD=0.65). For all the subscales measured, all the responses obtained mean values in the range of between 3.51 to 4.50, which indicates a moderately high level. From the results, it demonstrates that parents have moderately high involved themselves in their children's HBL, such as monitoring a child's learning (Mean=3.80, SD=0.73), providing a supportive home learning environment (Mean=4.47, SD=0.37), social interaction with a child (Mean=3.83, SD=0.77), and supporting a child's learning (Mean=3.80, SD=0.73). The results revealed that parents, specifically whose children study in preschools in Klang Valley have a moderately high level of involvement in HBL.

### Level of Socioemotional Readiness Among Preschoolers

In accordance with Objective 2 "To identify the level of socioemotional readiness among preschoolers if their parents are involved in home-based learning", Table 3 demonstrates the the descriptive analysis of the level of socioemotional readiness among preschoolers. The



analysis results are shown in the form of mean score and standard deviation as indicated in Table 3.

Table 3  
*Socioemotional Readiness*

No.	<i>Socioemotional Readiness</i>	N	Mean	SD
1.	Self-awareness	135	4.22	0.64
2.	Social awareness	135	3.47	0.85
3.	Self-management	135	3.79	0.80
4.	Relationship skills	135	4.28	0.63
5.	Responsible decision-making	135	4.33	0.68
Overall mean			4.02	0.72

According to Table 3, the overall achievement of the preschoolers on the socioemotional readiness is interpreted as moderately high (Mean=4.02, SD=0.72). For all the subscales measured, all the responses obtained mean values in the range of between 3.51 to 4.50, which indicates a moderately high level except for social awareness which fall between 2.51 to 3.50. From the results, it demonstrates that preschoolers' socioemotional readiness are moderately high in the specific skills examined, such as self-awareness (Mean=4.22, SD=0.64), self-management (Mean=3.79, SD=0.80), relationship skills (Mean=4.28, SD=0.63), and responsible decision-making (Mean=4.33, SD=0.68). However, only one skill, which was social awareness (Mean=3.47, SD=0.85) was at moderate level. The results revealed that preschoolers who have been enrolled in preschools in Klang Valley have a moderately high level of socioemotional readiness as their parents are involved in HBL.

**Relationship Between Parental Involvement in Home-Based Learning and Socioemotional Readiness Among Preschoolers**

In accordance with Objective 3 "To determine the relationship between parental involvement in home-based learning and socioemotional readiness among preschoolers", a Pearson's Correlation was run to establish the relationships between the study variables. The hypotheses are formulated as below:

H<sub>01</sub>: There is no significant relationship between parental involvement in home-based learning and socioemotional readiness among preschoolers.

H<sub>a1</sub>: High level of parental involvement in home-based learning will enhance socioemotional readiness among preschoolers.

Table 4  
*Relationship Between Parental Involvement and Socioemotional Readiness*

<b>Pearson's Correlations</b>		n	Pearson's r	p
Level of parental involvement in home-based learning	- Level of socioemotional readiness	135	0.741 ***	< .001

\* p < .05, \*\* p < .01, \*\*\* p < .001

Table 4 showed the inferential statistics generated through Pearson's correlation. According to the findings in Table 4, parental involvement in HBL is significantly related to socioemotional readiness, r (N= 135) =.74, p<.001. The value of r (r=0.74) indicates a strong positive linear relationship between the level of parental involvement in HBL and the level of socioemotional readiness. In other words, as the level of parental involvement in HBL increases, the level of socioemotional readiness also increases. Hence, the null hypothesis (H<sub>01</sub>) is rejected and the alternative hypothesis (H<sub>a1</sub>) is accepted.

## DISCUSSION

This study showed that generally there was a moderately high level of parental involvement in HBL. This finding is aligned with LPPKN (2020) that parents do spend time to involve in their children's HBL. The findings of the online public opinion poll reveal that 53% of parents spent 1 to 3 hours on average in assisting HBL with their children, 39% of parents were confident they were able to support their children's HBL with 50% convinced of using digital learning apps. This data is expected to rise as parents' readiness for their children's HBL rises.

Although the majority of the 79 respondents (58.5%) are employed, it means they are still working either at the office or working from home during the pandemic, but they are still able to involve themselves in their children's HBL. This could probably be explained by the updated manual for HBL, namely Teaching and Learning At Home Manual Version 2, which is intended to assist teachers to build a "parent-friendly" home-based teaching and learning environment (MOE, 2021). Hence, the mode of HBL carried out is convenient for parents and parents may give ongoing assistance with their child's learning activities during HBL.

In this study, it was surprisingly found that there is a moderately high level of socioemotional readiness among preschoolers. However, the result contradicted the findings of Egan et al. (2021), who depicted a lower level of socioemotional development in which this development had been severely disrupted during the pandemic. On the other hand, Egan et al. also mentioned that there were certain parents who reported a positive effect on children's socioemotional aspects in the midst of the pandemic as children had more time to interact with their family members.

In addition, the finding of the correlation analysis revealed that there was a positive significant relationship between the level of parental involvement in HBL and socioemotional readiness among preschoolers. This is because interaction between parents and children can reduce the stress and anxiety of preschoolers when encountering the countless challenges of the current crisis (Moroni et al., 2019). With the involvement of parents in HBL, preschoolers are not alone and are guided through the learning process. They are also well-informed about the current crisis and the sudden change in learning mode with their teachers and friends being separated. When the COVID-19 impact on socioemotional aspects is reduced, the psychological disorders of children can be attenuated (Moroni et al., 2019).

## CONCLUSION

In short, in the midst of the pandemic, parental involvement is a significant predictor of socioemotional readiness among preschoolers. Parents should take the responsibility of monitoring their child's learning, providing a supportive home learning environment, having social interaction with their child and supporting their child through collaboration with teachers. Preschoolers may feel more companionship with their parents as a result of this additional support, and they may struggle less with boredom and feelings of isolation. Hence, socioemotional readiness, which is one of the aspects of school readiness, can be enhanced. Preschoolers are not alone in experiencing disruptions caused by the pandemic. In fact, there are another four domains of school readiness. It is believed that parental involvement also plays a vital role in affecting other aspects of school readiness. Further research could discover more about the other factors that can contribute to socioemotional readiness.

The findings of this study will help parents gain a better insight into their roles in their children's education and well-being. They ought to reclaim their roles as primary providers and stewards of their children's education and well-being. In addition, this study will also encourage policymakers to develop a guideline specifically for parents to follow when carrying out HBL in order to increase the effectiveness of HBL and thus develop preschoolers' socioemotional

readiness. A clearer guideline is deemed needed to provide guidance as parents are squeezed into jobs, households and the responsibility of guiding their children's HBL. Parents may experience stress and anxiety in these circumstances. Consequently, it might have an adverse effect on children's socioemotional readiness. Hence, parents' readiness, knowledge and skills to participate in HBL cannot be overlooked. Prolonged lockdowns have made us realize that education is not only exemplified within the four walls, but that learning in the new normal can also be aligned with learning. This is a golden time for parents to reconsider their role as parents of their children in order to bring more benefits to their children's development.

## ACKNOWLEDGEMENT

Special thanks to the Community Engagement Grant, Universiti Malaya – UMCARES2020-11 and Impact Oriented Interdisciplinary Research Grant – IIRG010C-19SAH.

## REFERENCES

- Ary, D., Jacobs, L. C., Irvine, C. K. S., & Walker, D. (2018). *Introduction to Research in Education*. Cengage Learning.
- Ashdown, D. M., & Bernard, M. E. (2011). Can Explicit Instruction in Social and Emotional Learning Skills Benefit the Social-Emotional Development, Well-being, and Academic Achievement of Young Children? *Early Childhood Education Journal*, 39(6), 397–405. <https://doi.org/10.1007/s10643-011-0481-x>
- Attanasio, O., Blundell, R., Conti, G., & Mason, G. (2020). Inequality in socio-emotional skills: A cross-cohort comparison. *Journal of Public Economics*, 191, 1-32. <https://doi.org/10.1016/j.jpubeco.2020.104171>
- Bono, E. D., Francesconi, M., Kelly, Y., & Sacker, A. (2016). Early Maternal Time Investment and Early Child Outcomes. *The Economic Journal*, 126, F96–F135. <https://doi.org/10.1111/eoj.12342>
- Bronfenbrenner, U., & Morris, P. A. (2007). The Bioecological Model of Human Development. *Handbook of Child Psychology*, 1, 793–828. <https://doi.org/10.1002/9780470147658.chpsy0114>
- Department for Education and Skills. (n.d.). *The Impact of Parental Involvement on Children's Education*. <https://campussuite-storage.s3.amazonaws.com/prod/1558547/25fac70c-4889-11e8-81cf-123d46065de8/1791897/4f285b62-7048-11e8-b464-12e5197c3b90/file/TheImpactofParentalInvolvementon365kb.pdf>
- Domitrovich, C. E., Durlak, J. A., Staley, K. C., & Weissberg, R. P. (2017). Social-Emotional Competence: An Essential Factor for Promoting Positive Adjustment and Reducing Risk in School Children. *Child Development*, 88(2), 408–416. <https://doi.org/10.1111/cdev.12739>
- Egan, S. M., Pope, J., Moloney, M., Hoyne, C., & Beatty, C. (2021). Missing Early Education and Care During the Pandemic: The Socio-Emotional Impact of the COVID-19 Crisis on Young Children. *Early Childhood Education Journal*, 1–10. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.21316.24962>
- El Nokali, N. E., Bachman, H. J., & Votruba-Drzal, E. (2010). Parent Involvement and Children's Academic and Social Development in Elementary School. *Child Development*, 81(3), 988–1005. <https://doi.org/10.1111/j.1467-8624.2010.01447.x>
- Fiorini, M., & Keane, M. P. (2014). How the Allocation of Children's Time Affects Cognitive and Noncognitive Development. *Journal of Labor Economics*, 32(4), 787–836. <https://doi.org/10.1086/677232>
- Giedd, J. N. (2012). The Digital Revolution and Adolescent Brain Evolution. *Journal of Adolescent Health*, 51(2), 101–105. <https://doi.org/10.1016/j.jadohealth.2012.06.002>
- Jones, D. E., Greenberg, M., & Crowley, M. (2015). Early Social-Emotional Functioning and Public Health: The Relationship Between Kindergarten Social Competence and Future

- Wellness. *American Journal of Public Health*, 105(11), 2283–2290. <https://doi.org/10.2105/ajph.2015.302630>
- Kanmani Batumalai. (2020, June 9). Children Deemed 'High Risk' to Protect Them From Covid-19: MOH. *CodeBlue*. <https://codeblue.galencentre.org/2020/06/09/children-deemed-high-risk-to-protect-them-from-covid-19-moh/>
- Kostelnik, M., Whiren, A., Soderman, A., Rupiper, M. L., & Gregory, K. (2014). *Guiding Children's Social Development and Learning* (8th ed.). Cengage Learning.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. (2020). Parental Involvement in Children's Home-Based Learning (HBL), Kuala Lumpur.
- Ministry of Education Malaysia. (2019). *Pre-School Education Goals*. <https://www.moe.gov.my/en/education/preschool-education>
- Ministry of Education Malaysia. (2021). *Teaching and Learning At Home Manual Version 2*. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/4081-manual-pengajaran-dan-pembelajaran-versi-2-2-feb-2021-1/file>
- Moroni, G., Nicoletti, C., & Tominey, E. (2019). Child Socio-Emotional Skills: The Role of Parental Inputs. *Labor: Demographics & Economics of the Family eJournal*.
- Moroni, G., Nicoletti, C., & Tominey, E. (2020). *Children's Socio-emotional Skills and The Home Environment During The COVID-19 Crisis*. VoxEU. <https://voxeu.org/article/children-s-socio-emotional-skills-and-home-environment-during-covid-19-crisis>
- National Association for the Education of Young Children. (2020). *What Do Children Learn in a High-Quality Preschool Program? | NAEYC*. Naeyc. <https://www.naeyc.org/our-work/families/what-do-children-learn-preschool-program>
- Pallant, J. (2010). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using SPSS*, (4<sup>th</sup> ed.). Australia: Allen & Unwin.
- Prime, H., Wade, M., & Browne, D. T. (2020). Risk and Resilience in Family Well-Being During The COVID-19 Pandemic. *American Psychologist*, 75(5), 631–643. <https://doi.org/10.1037/amp0000660>
- Rohaty Mohd Majzub, & Salim, E. J. H. (2011). Parental involvement in selected private preschools in Tangerang, Indonesia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 15, 4033–4039. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2011.04.409>
- See, S.Y. (2013). Mandarin As The Chosen Foreign Language Course Among Learners of Foreign Languages: A Case Study. *Journal of Arts, Science and Commerce*, 3(1), 80–88. [https://www.researchgate.net/publication/327102731\\_Mandarin\\_as\\_the\\_chosen\\_foreign\\_language\\_course\\_among\\_learners\\_of\\_foreign\\_languages\\_A\\_case\\_study](https://www.researchgate.net/publication/327102731_Mandarin_as_the_chosen_foreign_language_course_among_learners_of_foreign_languages_A_case_study)
- Twenge, J. M., & Campbell, W. K. (2018). Associations between screen time and lower psychological well-being among children and adolescents: Evidence from a population-based study. *Preventive Medicine Reports*, 12, 271–283. <https://doi.org/10.1016/j.pmedr.2018.10.003>
- Uhls, Y. T., Michikyan, M., Morris, J., Garcia, D., Small, G. W., Zgourou, E., & Greenfield, P. M. (2014). Five days at outdoor education camp without screens improves preteen skills with nonverbal emotion cues. *Computers in Human Behavior*, 39, 387–392. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2014.05.036>

## PEMBELAJARAN DALAM TALIAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19: SATU TINJAUAN DI IPGKBL

**AGATHA FRANCIS UMBIT, PhD**

IPG Kampus Batu Lintang  
agatumbit2020@gmail.com

### ABSTRAK

Ekoran dari pandemik Covid-19, kaedah pengajaran dan pembelajaran telah berubah ke pembelajaran dalam talian. Pandemik ini telah mewujudkan pengajaran dan pembelajaran tidak bersemuka. Ini bagi memastikan pembelajaran terus dilaksanakan dengan berkesan dan pelajar tidak ketinggalan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kepuasan pelajar terhadap pembelajaran secara dalam talian dalam kalangan pelajar di IPGKBL. Sampel kajian melibatkan 116 orang responden bagi program PPISMP dan PISMP dan menggunakan soal selidik yang diedarkan secara dalam talian dalam mendapatkan maklum balas. Dapatan kajian dianalisis menggunakan analisis deskriptif bagi mengira min, sisihan piawai, frekuensi, peratusan dan korelasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar menggunakan pembelajaran dalam talian berada pada tahap tinggi ( $M=4.05$ ,  $SP=0.56$ ). Hasil kajian mendapati dua elemen berada pada tahap tinggi dengan min bagi setiap elemen seperti berikut: motivasi ( $M=4.14$ ) dan rupa bentuk ( $M=4.32$ ). Analisis ujian-t menunjukkan bahawa nilai signifikan  $p = 0.602$ , maka wujud perbezaan yang signifikan antara program dan kepuasan pembelajaran dalam talian. Dapatan analisis ujian Korelasi Pearson pula mendapati terdapat hubungan signifikan yang sederhana antara motivasi pelajar dan kepuasan pembelajaran dalam talian dengan nilai korelasi 0.531. Kesimpulannya, pelajar berpuas hati dan mempunyai motivasi yang baik dalam menerima kaedah pembelajaran dalam talian namun, pelbagai pihak harus mengambil pelbagai inisiatif bagi menambahbaik kemudahan-kemudahan yang disediakan.

**Kata kunci:** COVID-19, pembelajaran dalam talian, pembelajaran bersemuka, kepuasan, komunikasi

### PENGENALAN

Pandemik COVID-19 telah mengubah kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) di institusi pengajian tinggi (IPT) negara daripada pengajaran bersemuka kepada pembelajaran maya atau pembelajaran dalam talian. Oleh itu, penggunaan Web 2.0 atau teradun amat dititikberatkan kerana pensyarah dan pelajar wajib menggunakan pengajaran dan pembelajaran maya serta terpaksa menyesuaikan diri dengan keadaan semasa. IPGM telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan platform *Google Classroom* pada awal tahun 2019 bagi melaksanakan pembelajaran teradun (*blended learning*).

Atas inisiatif ini, semua Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus di Malaysia termasuk IPG Kampus Batu Lintang tidak ketinggalan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara maya atau secara dalam talian. Sistem pembelajaran maya yang digunakan ialah *Google Classroom* yang mula diperkenalkan pada awal tahun 2019. Apabila bermulanya pandemik COVID-19, maka platform *Google Classroom* sangat membantu para pensyarah dan pelajar dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Oleh itu, para pensyarah perlu menggunakan pelbagai kaedah dan mod pelaksanaan seperti sinkronous dan asinkronous bagi memudahkan penyampaian pengajaran yang berkesan serta boleh berkomunikasi dengan para pelajar pada bila-bila masa. Alat pembelajaran digital seperti *Microsoft Teams*, *Zoom*, *Google Meet*, *Youtube Live*, *Google Classroom*, *Whatsapp* dan *Telegram* digunakan untuk memenuhi keperluan dan membantu mengatasi proses pengajaran dan pembelajaran.

Penggunaan platform *Google Classroom* telah memberi manfaat kepada pensyarah dan pelajar untuk menjalankan pembelajaran dalam talian. Ia merupakan satu platform pembelajaran yang mesra pengguna dan mudah diguna (Wan Hassan et al., 2020), mudah diakses dan ramai yang mampu menggunakannya (Azhar & Iqbal 2018), memudahkan pensyarah untuk menyampaikan maklumat dan pengetahuan dengan lebih sistematik (Kaviza, 2020), serta bahan pembelajaran lebih mudah untuk diakses dengan pantas di mana-mana sahaja tanpa mengira waktu dan sempadan (Mailis et al., 2020). Justeru, pelajar boleh memilih waktu dan tempat belajar kerana mereka tidak perlu datang ke bilik kuliah atau suatu tempat pada waktu tertentu.

Namun, semua pihak haruslah mempersiapkan diri bagi menghadapi norma baharu (Mailis et al., 2020). Ini kerana pembelajaran dalam talian mempunyai halangan yang tidak dapat dielakkan seperti muat naik atau muat turun bahan dan nota pembelajaran, modul, kandungan, tugas, kuiz, perbincangan yang agak lambat (Waryanto & Setyaningrum, 2014), masalah data mudah alih dan kelemahan Rangkaian data setempat sama ada di rumah atau di kampus (Nur Alim et al., 2019) dan tidak mempunyai capaian akses internet yang berkualiti (Mustapah & Rosli, 2021), maka kesemua ini akan menjadi suatu isu dan cabaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Sehubungan itu, satu kajian bagi mengenal pasti tahap kepuasan dalam kalangan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian bagi memastikan kaedah ini benar-benar membantu pengajaran dan pembelajaran di IPGKBL. Kajian ini juga mengkaji hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah kepuasan pelajar dan motivasi terhadap pembelajaran dalam talian.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pembelajaran dalam talian merupakan suatu keperluan dan kemestian terutamanya semasa pandemik Covid-19. Ekoran daripada ini, IPGKBL mengambil inisiatif untuk melaksanakan pembelajaran dalam talian dengan menggunakan platform *Google Classroom* dan *Google Meet*. Tidak dinafikan bahawa kaedah ini mempunyai cabaran yang dihadapi oleh pelajar dan pensyarah. Antaranya ialah pembelajaran dalam talian memerlukan capaian internet yang kuat untuk melaksanakannya, tidak kira di mana pelajar dan pensyarah itu berada. Masalah kebolehcapaian internet sering berlaku apabila kelas secara dalam talian yang dijalankan sepanjang tempoh kuliah berlangsung (Mailis et al., (2020). Bernama (2020) pula menyatakan pembelajaran secara dalam talian hanya berkesan sekiranya capaian internet dapat dinikmati secara meluas di setiap kawasan sama ada di bandar, luar bandar atau kawasan pedalaman.

Di samping itu juga, kekurangan kemudahan komputer atau komputer riba, telefon bimbit, suasana persekitaran pembelajaran (Abu Hassan et al., 2021) dan kehabisan data mudah alih. Oleh itu, permasalahan tentang pembelajaran dalam talian banyak dilakukan oleh para penyelidik. Ishak dan Mir Ahmad Talaat (2020) dalam kajiannya menyatakan bahawa kaedah pembelajaran dalam talian dipengaruhi oleh penyampaian kandungan dan penyesuaian pelajar hingga mengakibatkan kekeliruan. Tambah mereka, kekurangan kemudahan dan prasarana juga mengakibatkan kerencatan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Nur Alim et al. (2019) pula menyatakan penggunaan *Google Classroom* memberi kesan yang amat baik walaupun mempunyai pelbagai batasan seperti tidak semua pelajar mendapat akaun yang diberikan oleh pensyarah kerana mereka tidak mempunyai telefon pintar serta ketersediaan Rangkaian data setempat di kampus dan di rumah adalah terhad. Pelajar tidak mempunyai data mudah alih yang mencukupi semasa pembelajaran dalam talian dan sebilangan pelajar menghantar tugas mereka menggunakan akaun rakan mereka (Nur Alim et al., 2019). Pernyataan ini disokong oleh Salam (2020) ramai pelajar masih bertungkus lumus menyiapkan tugas dan memuat naik tugas mereka sehingga tengah malam dalam situasi yang melibatkan persekitaran pembelajaran maya.

Pelaksanaan pembelajaran dalam talian telah dilaksanakan secara menyeluruh tanpa mengira keberadaan pensyarah dan pelajar. Oleh itu, penggunaan *Google Classroom* yang baru diaplikasi dalam sistem pengurusan pengajaran dan pembelajaran di IPGKBL bermula semester I 2019/2020 hingga berlanjutan ke fasa PKP 3.0 mempunyai matlamat yang besar terutama bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta semasa berlakunya Perintah Pergerakan Kawalan Covid-19.

Justeru itu, objektif dan hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

- I. Mengenal pasti tahap kepuasan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian dalam kalangan pelajar.
- II. Mengkaji perbezaan tahap kepuasan dalam kalangan pelajar yang mengikuti pembelajaran dalam talian berdasarkan program.
- III. Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah kepuasan pelajar dan motivasi terhadap pembelajaran dalam talian.

Ho1: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi tahap kepuasan dalam kalangan pelajar yang mengikuti pembelajaran dalam talian berdasarkan program

Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah kepuasan pelajar dan motivasi terhadap pembelajaran dalam talian

## SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Skop dan batasan kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Kajian ini tertumpu kepada pelajar yang mengambil kursus BMMB3152 Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran serta GPM1083 Pendidikan Moral.
- ii) Kajian ini berdasarkan persepsi pelajar mengenai kepuasan terhadap pembelajaran dalam talian dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran.
- iii) Kajian ini juga bagi melihat tentang hubungan yang wujud antara kepuasan dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran dalam talian.

## SOROTAN KAJIAN

*Google Classroom* sebagai suatu alternatif dalam proses pembelajaran dan pengajaran serta membantu para pelajar dan pensyarah dalam melaksanakan pembelajaran dalam talian terutama semasa pandemik Covid-19. Kaedah ini digunakan dengan tujuan agar pelajar tidak ketinggalan dan pembelajaran tidak terencat serta semua pelajar dapat mengikuti pembelajaran pada bila-bila masa dan di mana-mana mereka berada. Kaedah ini juga diambil sebagai satu langkah bagi mengelak pelajar tidak ketinggalan dalam proses pembelajaran serta boleh melihat kekerapan pelajar menggunakan sistem ini. Kwofie dan Henten (2011) berpendapat bahawa pelajar perlu mempunyai alternatif dan diberi peluang untuk memilih medium pembelajaran sendiri. Jika pelajar tidak diberi peluang dan mereka dihadkan kepada pembelajaran dalam talian yang tidak sesuai dengan keadaan mereka, ini boleh membawa ketidakpuasan terhadap e-pembelajaran. Oleh itu, Kwofie dan Henten (2011) menyatakan e-pembelajaran boleh terdiri daripada pelbagai medium seperti pembelajaran atas talian, penggunaan CD, telesidang video dan lain-lain. Kepelbagaian medium ini memberi peluang kepada pelajar untuk membuat pemilihan berdasarkan minat dan keupayaan mereka. Lantaran itu, pembelajaran dalam talian yang berkonsepkan “di mana-mana sahaja, pada bila-bila masa, di mana-mana tempat” menggantikan konsep kelas tradisional serta dapat menarik lebih ramai orang terutamanya yang sudah bekerja untuk terus melanjutkan pelajaran (Cadenhead & Van Belle, 2011; Malik, 2009).

Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM, 2014) pula menyatakan peluang pembelajaran yang fleksibel dari segi akses pembelajaran dan kepelbagaian mod mencapai pelajaran seperti aktiviti berikut:

- i. Mengakses dan muat turun bahan pembelajaran seperti modul pembelajaran, soalan tugas, nota pensyarah dan bahan rujukan yang membantu pembelajaran
- ii. Berinteraksi dengan pensyarah dan Mentor melalui forum, blog, media sosial dan emel.
- iii. Berkongsi pengalaman pembelajaran dengan pelajar lain
- iv. Mendapat maklumat terkini atau berita terkini tentang informasi pengurusan PPG

Kajian yang dilaksanakan oleh Wan Hassan et al. (2020) menyatakan bahawa cabaran yang dihadapi oleh para pelajar dalam melaksanakan pembelajaran dalam talian berada pada tinggi, mencatat nilai min 3.46. Dalam kajian tersebut, pelajar menghadapi masalah semasa membuat kerja berkumpulan, masalah internet dan berkomunikasi dengan pensyarah mengenai sesuatu topik. Manakala kajian Abu Hassan et al. (2021) menyatakan bahawa pembelajaran dan pengajaran dalam talian menyediakan

peluang kepada generasi baharu dengan aktiviti pembelajaran dan komunikasi yang lebih baik tanpa mengambil kira faktor masa dan tempat.

Motivasi dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian banyak dibahaskan oleh para penyelidik dahulu dan berpendapat bahawa pembelajaran dalam talian memberikan kesan terhadap prestasi pelajar dan hasil pembelajaran. Menurut Ishak dan Mir Ahmad Talaat (2020) pelajar yang bermotivasi tinggi akan mendorong dirinya dan mempunyai keazaman untuk terus mengikuti pembelajaran tanpa gagal. Kok dan Perumale (2016) pula menyatakan strategi motivasi memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran dalam talian. Tambahan mereka strategi motivasi dapat meramalkan persepsi pelajar terhadap cara pengajaran yang sesuai dan seterusnya meningkatkan kepuasan pelajar. Kajian yang dilaksanakan oleh Mohamed Ali (2012) menyatakan ciri-ciri e-pembelajaran seperti perbincangan interaktif dalam talian dan percambahan fikiran, persembahan multimedia, sumber kursus serta proses pengurusan pembelajaran maya mampu membantu pelajar dalam pembelajaran model berkesan dan memberi motivasi terhadap pembelajaran atas talian yang berterusan. Oleh itu, para pensyarah harus menggunakan pelbagai strategi dan kaedah dalam melaksanakan pembelajaran dalam talian agar pengajaran lebih menyeronokkan dan meningkatkan motivasi pelajar.

Kepuasan merupakan isu yang penting dan kritikal bukan hanya dalam bidang perniagaan tetapi juga dalam bidang pendidikan, yang melibatkan universiti, kolej dan institusi pendidikan guru. Setiap institusi perlu menyediakan pelbagai perkhidmatan dan produk bagi membantu melicinkan rutin harian berjalan dengan lancar. Perkhidmatan dan produk yang disediakan perlu memenuhi kepuasan pelanggan dan dapat harus mencapai suatu tahap yang memuaskan. Menurut Kotler dan Keller (2007) kepuasan pelanggan adalah perasaan senang atau kecewa seseorang yang muncul setelah membandingkan hasil produk yang difikirkan terhadap hasil yang diharapkan. Huang et al. (2011) pula menyatakan kepuasan merupakan tindak balas emosi atau kesan terhadap sesuatu dan kepuasan tersebut mengandungi sikap positif dan negatif. Justeru, adalah amat penting setiap institusi pendidikan guru memberikan kualiti yang terbaik bagi memenuhi kepuasan para pelajar kerana ini sekali gus akan memberi impak atau kebekesanan kepada pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid-19.

Kajian yang dijalankan oleh Venkataraman (2012) dengan 200 guru-guru sekolah menengah yang mengajar di Daerah Cuddalore, Tamilnadu di India mendapati guru-guru sekolah menengah mempunyai tahap kepuasan e-pembelajaran rendah. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kepuasan dalam e-pembelajaran dalam kalangan guru sekolah menengah di India berdasarkan jantina. (Venkataraman, 2012). Kajian Venkataraman (2012) juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan tahap kepuasan guru-guru terhadap e-pembelajaran berdasarkan mata pelajaran yang diajar oleh guru-guru di sekolah menengah di India. Venkataraman (2012) menyimpulkan bahawa tahap kepuasan guru-guru terhadap e-pembelajaran dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti pengendalian komuniti di sekeliling, kerjasama dengan pihak pentadbiran dan guru-guru lain.

Ali et al. (2010) pula menyatakan bahawa kualiti kursus boleh menyumbang ke arah kepuasan pelajar terhadap e-pembelajaran. Kepuasan pelajar boleh dicapai apabila pensyarah memberi respons kepada soalan dan pertanyaan pelajar dengan cepat, terlibat secara aktif dalam perbincangan dan pengendalian mata pelajaran (Ali et al., 2010; Devy & Nur Hadi, 2013). Ini bermakna maklum balas daripada pensyarah dan kandungan yang disediakan oleh pensyarah adalah penting. Oleh itu, penyediaan maklumat yang sesuai dan terkini, sistematik, mudah, kandungan yang mencukupi dalam *Google Classroom* amat penting agar membolehkan pelajar mempersembahkan atau membincangkan topik dengan baik. Secara tidak langsung, akan menggalakkan komunikasi dua hala antara pelajar dengan pensyarah dan pelajar dengan rakan melalui *Google Classroom*.

Menurut Mohamed Ali (2012) pula menyatakan bahawa terdapat tiga jenis interaksi dalam aktiviti pembelajaran iaitu pelajar-pelajar dengan guru-guru, pelajar-pelajar dengan bahan-bahan, pelajar dengan pelajar. Interaksi antara pensyarah dan pelajar serta kandungan kursus (Mohamed Ali, 2012; Sun et al., 2008; Waheed & Hussain, 2010), elemen reka bentuk interaktif dan fleksibel (Cadenhead & Van Belle, 2011; Devy & Nur Hadi, 2013; Malik 2009) boleh membantu menyelesaikan masalah seperti penjimatan kos, meningkatkan keyakinan serta meningkatkan prestasi pelajar Namun begitu, interaksi yang tidak jelas antara pensyarah dan pelajar serta reka bentuk yang kurang mesra boleh mengakibatkan pelajar terdedah kepada gangguan dan kesukaran untuk memberi tumpuan atau perhatian kepada bahan-bahan kursus (Mohamed Ali, 2012). Oleh itu, jika elemen ini diabaikan dan



tidak ditangani dengan baik, maka kepuasan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian akan menjadi rendah dan memberi kesan serta pengalaman yang kurang memuaskan.

## METODOLOGI KAJIAN

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti kepuasan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian menggunakan *Google Classroom* sebagai mod pembelajaran bagi program PPISMP Jun 2020, PISMP Jun 2017 dan PISMP JUN 2018 di IPGKBL. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif yang berbentuk soal selidik bagi memberi gambaran tentang kepuasan pembelajaran dalam talian dalam kalangan pelajar. Analisis kuantitatif menggunakan perisian SPSS versi 20.0 bagi memproses dan menganalisis data.

Item-item soal selidik dalam kajian ini direka menggunakan *Google Form* dan dihantar dalam talian serta disesuaikan dengan konteks untuk menilai kepuasan pengguna. Pelajar dikehendaki memberi respons kepada setiap item dengan menggunakan skala Likert lima mata mengikut susunan “sangat setuju” sehingga “sangat tidak setuju”. Data yang dianalisis akan dibentangkan dalam bentuk peratus, min, sisihan piawai, ujian-*t* dan korelasi. Nilai pekali kebolehpercayaan ‘Cronbach Alpha’ yang diperolehi bagi sampel ini (N-116) ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Nilai pekali kebolehpercayaan ‘Cronbach Alpha’ bagi instrumen kajian

No Item	Item	Bilangan Item	Min	SP	Nilai Cronbach Alpha
1	Kandungan dalam Google Classroom	5	3.99	.57	.86
2	Interaksi	5	4.08	.55	.84
3	Maklum balas	4	4.09	.58	.85
4	Motivasi	4	4.14	.53	.84
5	Rupa bentuk GC	4	4.32	.61	.89
6	Kepuasan	6	3.68	.53	.86

### Populasi dan Sampel

Responden kajian ialah 116 orang pelajar bagi PISMP Jun 2017, PISMP Jun 2018 dan PPISMP Jun 2020 Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang yang mengambil pelbagai kursus. Mereka telah menggunakan *Google Classroom* (GC) selama setahun setengah. Bilangan responden perempuan adalah sebanyak 88 dan bilangan responden lelaki adalah sebanyak 28. Kesemua 116 pelajar berada di kampung halaman dan berada di institut. Semasa tempoh PKP dilanjutkan, mereka belajar dalam talian. Kaedah bertujuan digunakan dengan memilih populasi yang menggunakan GC dan keberadaan di kampung halaman. Oleh itu, kepuasan dalam kalangan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian boleh diuji.

## ANALISIS DATA

Item-item di bahagian A dianalisis berdasarkan kekerapan dan peratusan. Sementara item-item dalam bahagian B, C, D, E dan F telah dinilai dengan skala Likert 5-poin, iaitu daripada julat skala 1: sangat tidak setuju hingga skala 5: sangat setuju. Dapatan kajian telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 21. Data kuantitatif yang dikumpul telah dianalisis secara deskriptif dengan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Data kualitatif turut dikumpul dan dianalisis untuk menyokong data kuantitatif. Data skor min ditafsir menggunakan interpretasi dapatan statistik deskriptif berdasarkan Nunnally dan Bernstein (1994) seperti Jadual 2.

Jadual 2

Penentuan Tahap Keberkesanan Pembelajaran dalam Talian

Kategori	Julat Min
----------	-----------

Rendah	1.00 – 2.00
Sederhana	2.01 – 3.00
Sederhana Tinggi	3.01 – 4.00
Tinggi	4.01 – 5.00

Data juga dianalisis menggunakan kolerasi Pearson bagi menguji hipotesis kajian. Hasil analisis data diinterpretasi menggunakan anggaran kekuatan hubungan antara pemboleh ubah oleh Chua (2014) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3  
 Aras Kekuatan Nilai Pekali Korelasi (Chua, 2014)

Saiz Pekali Korelasi (r)	Kekuatan Korelasi
.91 hingga 1.00 atau -.91 hingga -1.00	Sangat kuat
.71 hingga .90 atau -.71 hingga -.90	Kuat
.51 hingga .70 atau -.51 hingga -.70	Sederhana
.31 hingga .50 atau -.31 hingga -.50	Lemah
.01 hingga .30 atau -.01 hingga -.30	Sangat Lemah
.00	Tiada korelasi

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam kajian ini, 116 orang responden (100%) telah menjawab soal selidik dalam talian menggunakan *Google Form*. Dari segi jantina seramai 88 responden atau 75.9 % adalah perempuan manakala 28 atau 24.1 % adalah lelaki yang terlibat secara langsung dalam kajian ini yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden perempuan merupakan bilangan pelajar yang paling ramai yang terlibat dalam kajian ini.

Dari segi umur pula, seramai 8 orang responden atau 6.9 % berumur kurang dari 20 tahun dan 56 orang atau 48.3 % berumur antara 19 hingga 20 tahun. Ini diikuti oleh seramai seramai 31 orang atau 26.7 % berumur antara 21 hingga 22 tahun dan seramai 21 orang atau 18.1 % berumur lebih dari 22 tahun. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa responden yang berumur antara 19 hingga 20 tahun merupakan bilangan pelajar yang paling ramai yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 4  
 Maklumat Demografi responden (N=116)

Aspek	Kekerapan	Peratus (%)
<b>Jantina</b>		
Lelaki	28	24.1
Perempuan	88	75.9
<b>Umur</b>		
Kurang dari 20	8	6.9
19 – 20	56	48.3
21 – 22	31	26.7
Lebih dari 22	21	18.1
<b>Progam</b>		
PISMP	51	44
PPISMP	65	56
<b>Kaum</b>		

Bidayuh	10	8.6
Cina	43	37.1
Iban	14	12.1
Melayu	31	26.7
Orang Ulu	18	15.5

Jadual 4 menunjukkan program yang terlibat, seramai 51 orang responden atau 44% mewakili pelajar dari program PISMP dan seramai 65 orang atau 56 % mewakili pelajar dari program PPISMP. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa lebih ramai responden dalam program PPISMP terlibat dalam kajian ini berbanding dengan program PISMP seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

Bagi kaum pula, seramai 10 orang responden atau 8.6 % mewakili kaum Bidayuh, seramai 43 orang atau 37.1 % mewakili kaum Cina, seramai 14 orang responden atau 12.1 % kaum Iban, 31 orang atau 26.7 % kaum Melayu manakala 18 orang atau 15.5 % kaum Orang Ulu seperti dalam Jadual 4. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa lebih ramai responden berbangsa Cina terlibat dalam kajian ini berbanding dengan kaum lain seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

#### Jadual 5: Kandungan

Min dan Sisihan Piawai bagi Kandungan *Google Classroom* (N=116)

No Item	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Tajuk perbincangan sesuai dengan kursus yang diambil	4.11	.71
2	Topik perbincangan mencabar minda saya	3.90	.73
3	Perbincangan atas talian merupakan kesinambungan topik yang diajar semasa kuliah bersemuka	3.98	.77
4	Sumber PdP (cth. nota, video, gambar) banyak membantu di dalam kursus	4.31	.72
5	Perbincangan dalam talian membantu saya lebih memahami perkara yang sukar	3.66	.94
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>3.99</b>	<b>0.77</b>

Jadual 5 menunjukkan skor min keseluruhan bagi kandungan pembelajaran dalam talian berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min 3.99. Ini menunjukkan topik perbincangan perlu mempunyai ciri-ciri perbincangan yang kritis dan kreatif walaupun topik tersebut sesuai dengan kursus yang diambil (M=4.11). Item ke-4 "Sumber PdP (cth. nota, video, gambar) banyak membantu di dalam kursus" merupakan item yang memperoleh min tertinggi dengan nilai 4.31 dan berada pada tahap tinggi. Manakala, item ke-5 "Perbincangan atas talian membantu saya lebih memahami perkara yang sukar" merupakan item yang paling rendah dengan nilai min 3.66 dan berada pada tahap sederhana tinggi.

#### Jadual 6: Interaksi

Min dan Sisihan Piawai bagi Interaksi Pensyarah dengan Pelajar (N=116)

No Item	Item	Min	Sisihan Piawai
6	Perbincangan antara pensyarah dan pelajar berjalan secara konsisten sepanjang semester	3.89	.73
7	Perbincangan antara rakan sekursus banyak membantu mempertingkatkan kefahaman saya	4.09	.75
8	Ramai rakan sekursus yang menyertai perbincangan atas talian	4.03	.73
9	Pensyarah saya menggalakkan pelajar berinteraksi antara satu dengan lain dalam talian	4.23	.60
10	Interaksi antara pensyarah dan pelajar membantu saya di dalam kursus ini	4.18	.67
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>4.08</b>	<b>.70</b>

Jadual 6 menunjukkan skor min keseluruhan bagi interaksi antara pensyarah dan pelajar semasa pembelajaran dalam talian berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.08. Item ke-9 “Pensyarah saya menggalakkan pelajar berinteraksi antara satu dengan lain dalam talian” merupakan item yang memperoleh min tertinggi dengan nilai 4.23 dan berada pada tahap tinggi. Manakala, item ke-6 “Perbincangan antara pensyarah dan pelajar berjalan secara konsisten sepanjang semester” merupakan item yang paling rendah dengan nilai min 3.89 dan berada pada tahap sederhana tinggi. Ini bermakna responden setuju bahawa berinteraksi antara pensyarah dan pelajar semasa pembelajaran dalam talian amat baik, mencatat nilai min sebanyak 4.08 dengan sisihan piawai 0.70. Justeru, interaksi yang baik antara pensyarah dan pelajar dapat menggalakkan komunikasi yang berkesan dan interaktif.

Jadual 7: Maklum balas  
Min dan Sisihan Piawai bagi Maklum balas (N=116)

No Item	Item	Min	Sisihan Piawai
11	Pensyarah memberi maklum balas segera terhadap persoalan saya	4.03	.71
12	Pensyarah memberi jawapan yang dikehendaki	4.12	.64
13	Pensyarah memberi maklumat tambahan yang diperlukan	4.08	.69
14	Saya memahami maklum balas yang disampaikan oleh pensyarah	4.15	.65
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>4.10</b>	<b>.67</b>

Jadual 7 menunjukkan skor min keseluruhan bagi maklum balas yang diberikan oleh pensyarah semasa pembelajaran dalam talian berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.10. Item ke-14 “Saya memahami maklum balas yang disampaikan oleh pensyarah” merupakan item yang memperoleh min tertinggi dengan nilai 4.15 dan berada pada tahap tinggi. Manakala, item ke-11 “Pensyarah memberi maklum balas segera terhadap persoalan saya” merupakan item yang paling rendah dengan nilai min 4.03 dan berada pada tahap tinggi. Kedua-dua item ini berada pada tahap tinggi. Ini bermakna kolaborasi antara pensyarah dan pelajar amat penting agar maklum balas yang diberikan dapat difahami oleh pelajar.

Jadual 8: Motivasi  
Min dan Sisihan Piawai bagi Motivasi (N=116)

No Item	Item	Min	Sisihan Piawai
15	Pensyarah menggalakkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan dan pembentangan	4.23	.61
16	Pensyarah memberi motivasi dan galakan apabila saya hadir di dalam perbincangan dan pembentangan	4.13	.63
17	Pensyarah menggunakan maklum balas saya bagi menggalakkan perbincangan selanjutnya	3.97	.64
18	Pensyarah memberi motivasi dengan menggalakan semua pelajar menyertai perbincangan	4.22	.57
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>4.14</b>	<b>.61</b>

Jadual 8 menunjukkan skor min bagi tahap motivasi pelajar berada pada tahap tinggi dengan nilai min keseluruhan 4.14. Item ke-15 “Pensyarah menggalakkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan dan pembentangan” merupakan item yang memperoleh min tertinggi 4.23. Manakala, item ke-17 “Pensyarah menggunakan maklum balas saya bagi menggalakkan perbincangan selanjutnya” merupakan item yang paling rendah dengan nilai min 3.97 dan berada pada tahap sederhana tinggi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8. Ini menunjukkan bahawa motivasi responden terhadap pembelajaran dalam talian melalui Google Classroom adalah berada pada tahap positif tinggi.

Jadual 9 Rupa bentuk GC  
Min dan Sisihan Piawai bagi Rupa bentuk *Google Classroom* (N=116)

No Item	Item	Min	Sisihan Piawai
19	Saya tahu mengakses Google Classroom	4.49	.65
20	Saya boleh mengakses Google Classroom dengan mudah	4.50	.64
21	Saya suka dengan paparan perbincangan atas talian Google Classroom	4.16	.79
22	Platform Google Classroom menarik	4.12	.79
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>4.32</b>	<b>.72</b>

Jadual 9 menunjukkan skor min keseluruhan bagi rupa bentuk *Google Classroom* berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.32. Item ke-20 "Saya boleh mengakses *Google Classroom* dengan mudah" merupakan item yang memperoleh min tertinggi dengan nilai 4.50 dan berada pada tahap tinggi. Manakala, item ke-22 "Platform *Google Classroom* menarik" merupakan item yang paling rendah dengan nilai min 4.12 dan berada pada tahap tinggi. Ini bermakna responden setuju bahawa *Google Classroom* mempunyai rupa bentuk yang menarik dan mesra pengguna boleh memudahkan responden untuk mengaksesnya.

Jadual 10: Kepuasan  
Min dan Sisihan Piawai bagi Kepuasan Pelajar Terhadap *Google Classroom* (N=116)

No Item	Item	Min	Sisihan Piawai
23	Pensyarah mempelbagaikan teknik/strategi penyampaian bagi mengukuhkan kefahaman dalam pembelajaran saya.	3.74	.77
24	Saya lebih bersedia memilih kaedah pembelajaran dalam talian berbanding bersemuka	3.88	.76
25	Saya suka menggunakan pembelajaran dalam talian berbanding pembelajaran bersemuka	3.72	1.02
26	Teknik pembelajaran dalam talian memberikan kelebihan berbanding teknik pembelajaran bersemuka	4.08	.78
27	Kelajuan internet di rumah baik	3.63	1.03
28	Kelajuan internet di institut (IPG) baik	3.05	1.05
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>3.68</b>	<b>.90</b>

Jadual 10 menunjukkan skor min keseluruhan bagi tahap kepuasan terhadap pembelajaran dalam talian berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min 3.68. Item ke-26 "Teknik pembelajaran dalam talian memberikan kelebihan berbanding teknik pembelajaran bersemuka" merupakan item yang memperoleh min tertinggi dengan nilai 4.08 dan berada pada tahap tinggi. Manakala, item ke-28 "Kelajuan institut (IPG) baik" merupakan item yang paling rendah dengan nilai min 3.05 dan berada pada tahap sederhana tinggi. Ini bermakna capaian internet mestilah tinggi agar responden dapat melaksanakan pembelajaran dalam talian dengan baik. Dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa responden mempunyai kepuasan yang agak positif terhadap pembelajaran dalam talian melalui *Google Classroom* yang mampu memberi kelebihan dari segi kepelbagaian kaedah dan teknik berbanding pembelajaran bersemuka.

**Objektif 2:** Tidak terdapat perbezaan min bagi kepuasan pembelajaran dalam talian dalam kalangan pelajar berdasarkan program

Jadual 11  
Analisis ujian -t antara kepuasan pelajar berdasarkan program bagi pembelajaran dalam talian

Variabel	Min	Sisihan Piawai	F	Nilai-T	Df	Sig. (2-hujung)	
Kepuasan	PISMP (N=51)	3.65	.51	.235	-.522	114	.602
	PPISMP (N=65)	3.71	.54				

\*Signifikan pada tahap  $p=0.05$

Jadual 11 menunjukkan dapatan kajian hasil analisis menggunakan ujian-*t* bagi menjawab perbezaan antara kepuasan pembelajaran dalam talian dengan program. Dapatan kajian ini menunjukkan skor min kepuasan pembelajaran dalam talian bagi PISMP ( $M=3.65$ ,  $SD=0.51$ ) adalah lebih kecil daripada bagi PPSIMP ( $M=3.71$ ,  $SD=0.54$ ). Ini menunjukkan bahawa kepuasan terhadap pembelajaran dalam talian dan program adalah hampir sama. Analisis diteruskan dengan melihat keputusan ujian-*t* bagi kepuasan pembelajaran dalam talian dalam kalangan pelajar. Dapatan ujian-*t* menunjukkan bahawa nilai  $F = 0.235$  manakala nilai  $t = -.522$  dan darjah kebebasan atau  $df = 114$ . Analisis ujian-*t* menunjukkan bahawa nilai signifikan  $p = 0.602$ , iaitu  $p=0.05$ , maka, hipotesis nol ditolak.

### Hubungan Kepuasan dengan Motivasi

Bagi menjawab **Objektif 3**: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah kepuasan pelajar dan motivasi terhadap pembelajaran dalam talian.

Jadual 12:

Hubungan antara pemboleh ubah kepuasan pelajar dan motivasi terhadap pembelajaran dalam talian

Kepuasan Pembelajaran dalam talian			
	Korelasi Pearson, nilai pekali 'r'	Sig.(2-Tailed)	Kekuatan korelasi
Motivasi	0.531*	.000	Sederhana

\*. Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

Jadual 12 menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan di antara pemboleh ubah kepuasan pelajar dan motivasi terhadap pembelajaran dalam talian. Maka, hipotesis nol ditolak. Ini kerana nilai signifikannya adalah 0.000 iaitu lebih kecil dari nilai signifikan yang ditetapkan, 0.05 ( $p < 0.05$ ). Manakala, nilai pekali 'r' bagi pemboleh ubah kepuasan pelajar dan pembelajaran dalam talian adalah 0.531. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua pemboleh ubah ini mempunyai hubungan positif yang sederhana.

### Cadangan Penambahbaikan oleh Responden

Antara cadangan yang diberikan oleh responden terhadap pembelajaran dalam talian adalah seperti berikut:

- i. Pembelajaran dalam talian akan berkesan sekiranya seseorang pelajar tidak menghadapi masalah internet. Tapi, terdapat segelintir pelajar mengalami masalah internet. Pelajar harus cuba untuk mencari tempat atau bertukar ke telekomunikasi lain yang mempunyai rangkaian internet yang lebih laju di kawasannya. Sekiranya kawasan pedalaman tempat pelajar sememangnya susah untuk mengakses internet, pelajar mungkin boleh membuat permohonan untuk balik ke institusi. Di samping itu, pembelajaran dalam talian menjadi sukar apabila terdapatnya masalah capaian internet dan ketidakberkesanan semasa berkomunikasi atau perbincangan.
- ii. Kurangkan pembelajaran secara segerak kerana ia menggunakan kos yang tinggi untuk membeli pelan internet dan singkatkan kaedah tidak segerak.
- iii. Beri elaun tambahan untuk membeli data internet dan sediakan capaian internet yang baik semasa di IPG.
- iv. Masalah Internet di IPG perlu ditambahbaik supaya pelajar dengan pensyarah dapat memberikan maklum balas dengan efisien.
- v. Pelbagaikan aplikasi atau platform seperti *Microsoft Teams*, *Zoom* dan *Google Meet* agar lebih mudah untuk diakses dan bahan boleh dikongsikan melalui *Schoolology* dan *Telegram*. Memasukkan elemen kuiz dan menggalakkan pelajar membuat ulang kaji melalui Kahoot atau uizizz.
- vi. Pelbagaikan aktiviti yang menarik untuk mengelakkan kebosanan, perbanyakkan perbincangan dengan pelbagai teknik.
- vii. Penyediaan bahan perlu dipelbagaikan serta disebarikan menggunakan platform yang mudah diakses oleh semua pelajar, misalnya penggunaan *whatsapp*, *telegram*, rakaman audio dan video.
- viii. Pembelajaran dalam talian membolehkan saya belajar di mana sahaja dan bila-bila masa yang saya mahukan.

- ix. Walaupun bagaimanapun, sekiranya pandemik telah tamat, amat digalakkan menggunakan pembelajaran secara hybrid supaya dapat belajar bersemuka dengan rakan-rakan dan pensyarah.

## PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan julat min yang telah ditetapkan, didapati bahawa purata min yang diperolehi untuk semua aspek dalam melaksanakan pembelajaran dalam talian adalah pada tahap tinggi dengan skor min 4.05 seperti yang ditunjukkan pada Jadual 13.

Jadual 13  
Purata min setiap aspek atau faktor pembelajaran dalam talian

Aspek	Min	Tahap
Kandungan	3.99	Sederhana tinggi
Interaksi	4.08	Tinggi
Maklum balas	4.09	Tinggi
Motivasi	4.14	Tinggi
Rupa bentuk	4.32	Tinggi
Kepuasan	3.68	Sederhana Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>4.05</b>	<b>Tinggi</b>

- Muhammad Ismail Mokhtar, Muhammad Hakimi Mohd Yuki, Nurul Akmal Mohd Yusuf, Nurul Syahida Mat Yusof, & Muhamad Saufiyudin Omar. (2020). Students' satisfaction towards e-learning system: A case study of Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 2(4), 42-51.
- Najeeb Abbas Al-Sammarraie, Yousef A. Baker El-Ebiary, Suhad Ibrahim Kazem, Seita Almandeel, & Areej Alshamasi. (2019). E-learning and students satisfaction – Case study MEDIU. *International Journal of Recent Technology and Engineering (IJRTE)*, 7(6), 220-226.
- Nasir, M. K. M. (2020). The influence of social presence on students' satisfaction toward online course. *Open Praxis*, 12(4), 485-493. doi: 10.5944/openpraxis.12.4.1141
- Nursuhaila Zaili, Leow, Y.M., Noor Asmiera Yusof, Mohammad Nurhaaza Hanfi, Mohd Hafizie Suhaimi. (2019). The factors of satisfaction on e-learning usagge among univerisyt Malaysia Kelantan students. *Journal of Information System and Technology Management*, 4(11), 73-83.
- N.-T., Nguyen. (2021). A study on satisfaction of users towards learning management system at International University Vietnam National University HCMC, *Asia Pacific Management Review*, 1-11. doi: 10.1016/j.apmr.2021.02.001
- Ramayah, T., & Lee, J. W. C. (2012). System characteristics, satisfaction and e-learning usage: A structural equation model (SEM). *TOJET: The Turkish Online Journal of Educational Technology*, 11(2), 196-206.
- Santhi R., Ganesh R., (2015). Addressing service quality to increase students' satisfaction and retention in Malaysian private higher education institutions, *American Journal of Economics*, 5(2), 243-250. doi: 10.5923/c.economics.201501.31
- Shahzad, A., Hassan, R., Aremu, A. Y., Hussain, A., & Lodhi, R. N. (2020). Effects of COVID-19 in e-learning on higher education institution students: The group comparison between male and female. *Quality & Quantity*, 1-22. doi:10.1007/s11135-020-01028-z
- Sia, J. K. M., & Adamu Abbas Adamu. (2020). Facing the unknown: Pandemic and higher education in Malaysia. *Asian education and development studies*.
- Siu, C. K., Chan, T. W., Huang, R. H., & Cheah, H. M. (2014). A review of e-learning policy in school education in Singapore, Hong Kong, Taiwan, and Beijing: Implications to future policy planning. *Journal of Computers in Education*, 1(2-3), 187–212.
- Stošić, L. (2015). The importance of educational technology in teaching. (*IJCRSEE*) *International Journal of Cognitive Research in Science, Engineering and Education*, 3(1), 111-114.
- Sundarasan, S., Chinna, K., Kamilah Kamaludin, Mohammad Nurunnabi, Gul Mohammad Baloch, Heba Bakr Khoshaim, Syed Far Abid Hossain, & Areej Sukayt. (2020). Psychological impact of COVID-

- 19 and lockdown among university students in Malaysia: implications and policy recommendations. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(6206), 1-2, doi: 10.3390/ijerph17176206
- Sun, P. C., Tsai, R. J., Glenn. F., Chen, Y. Y., & Downing.Y. (2008). What drives a successful e-learning? An empirical investigation of the critical factors influencing learner satisfaction. *Computers & Education*, 50(4), 1183–1202. doi: 10.1016/j.compedu.2006.11.007
- Wale Mugahed Al-rahmi, Norma Alias, Mohd Shahizan Othman, Ahmed Ibrahim Alzahrani, Osama Alfarraj, Ali Ali Saged, & Nur Shamsiah Abdul Rahman. (2018). Use of e-learning by university students in Malaysian higher educational institutions: A case in Universiti Teknologi Malaysia. *IEEE Access*, 6, 14268-14276.

## **KEBOLEHLAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD) DALAM TALIAN BAGI KEMAHIRAN MEMBACA TINGKATAN 1 SMK ST. PATRICK, MUKAH (THE FEASIBILITY OF FORM 1 ONLINE CLASSROOM ASSESSMENT (PBD) FOR READING SKILL, SMK ST. PATRICK, MUKAH)**

**ANNATASHIA QACUELYNA BINTI RAUBI<sup>1</sup> , MAGDELINE ANAK NOR<sup>2</sup>**

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Jalan Bakam, 98009 Miri Sarawak  
158-21-annatashia@epembelajaran.edu.my<sup>1</sup>, magsmks@yahoo.com.my<sup>2</sup>

### **ABSTRAK**

Penularan wabak Covid-19 menyaksikan perubahan dalam pelbagai perkara termasuklah dalam pendidikan. Kekuatan teknologi menjadi titik asas kepada Pengajaran dan Pembelajaran Dari Rumah (PdPR) sekali gus membawa kepada perubahan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) iaitu secara dalam talian. Mengendalikan PBD dalam talian semasa PdPR bukanlah sesuatu tugas yang mudah untuk dilaksanakan oleh semua guru yang mengajar Bahasa Melayu. Cabaran ini turut dialami oleh guru-guru di SMK St. Patrick, Mukah. Maka, kajian ini dijalankan untuk mencapai beberapa objektif iaitu mengenal pasti kaedah yang digunakan oleh guru Tingkatan 1 dalam melaksanakan PBD secara dalam talian bagi kemahiran membaca dan mencadangkan teknik atau kemahiran yang digunakan oleh guru Tingkatan 1 dalam melaksanakan PBD secara dalam talian bagi kemahiran membaca. 3 orang guru telah dipilih sebagai kumpulan sasaran kajian ini dengan menggunakan pendekatan temu bual dan analisis dokumen. Dapatan kajian telah menunjukkan penggunaan satu kaedah sahaja oleh guru Bahasa Melayu Tingkatan 1 dalam melaksanakan penilaian PBD tersebut. Apabila penilaian PBD dilaksanakan dalam talian, beberapa masalah telah timbul. Pengkaji telah mengambil langkah untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan menambahkan kaedah pelaksanaan PBD bagi kemahiran membaca secara dalam talian bagi dua buah kelas yang diajar. Penggunaan teknologi dimanfaatkan iaitu dengan menggunakan aplikasi Tik Tok. Hasil dapatan penggunaan aplikasi Tik Tok dalam menguji PBD kemahiran membaca murid telah menunjukkan maklum balas yang positif daripada murid. Pengkaji memberi cadangan untuk mengadakan pertandingan Hashtag Syoknya Membaca Berita dengan masih menggunakan aplikasi yang sama. Kata Kunci: Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PdPR), Pentaksiran Bilik Darjah, kemahiran membaca, kaedah

### **ABSTRACT**

*The spread of the Covid-19 epidemic saw changes in a variety of things including in education. The strength of technology is a pillar of Pengajaran dan Pembelajaran Dari Rumah (PdPR) leading to changes in the implementation of online Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). PBD operates online while PdPR is not an easy task for all teachers who teach Bahasa Melayu. This challenge is also experienced by teachers at SMK St. Patrick, Mukah. Therefore, this study was conducted to achieve several objectives, namely to identify the methods used by Form 1 teachers in implementing PBD online for reading skills and suggest techniques or skills used by Form 1 teachers in implementing PBD online for reading skills. Three teachers were selected as the target group of this study using interview approach and document analysis. The results showed that the use of only one implementation method for online reading skills by Form 1 Malay Language teacher in the execution of the evaluation. While the PBD assessment is done online, several problems arise. Researchers have taken steps to solve the problems encountered by adding PBD implementation methods for online reading skills for the two classes taught. The use of technology is utilized by using the Tik Tok application. The results of using the Tik Tok application in testing the reading skills of PBD students have shown positive feedback from students. The researcher suggested to hold a Hashtag Syoknya Membaca Berita contest by still using the same app.*

*Keywords: Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PdPR), Online classroom assessment (PBD), reading skill, methods*

## ISU YANG DIFOKUSKAN

Pembelajaran dalam talian adalah satu wahana pembelajaran secara maya melalui capaian Internet untuk membentuk komunikasi antara guru dan murid tanpa bersemuka (Windhiyana, 2020). Sehubungan dengan itu, komunikasi dua hala antara guru dan murid dalam pelaksanaan PBD adalah sangat penting. Namun, sejauh manakah PBD dapat dijalankan secara dalam talian bagi kemahiran membaca?

## PERMASALAHAN KAJIAN

Merujuk kepada teori Connectivism yang dipelopori oleh George Siemen (2004), teknologi Internet telah mencipta peluang-peluang baru bagi murid untuk belajar dan berkongsi pengetahuan antara mereka. Teori ini sangat bersesuaian dengan situasi pembelajaran pada hari ini yang perlu berdepan dengan pandemik Covid-19. Walaupun teori tersebut telah menunjukkan kehebatan teknologi dalam pendidikan, namun demikian ada pihak yang menyatakan bahawa ketidakcapaian dan liputan Internet yang lemah menjadi kekangan dalam melaksanakan PBD secara dalam talian. Kekangan yang berlaku dalam pembelajaran secara dalam talian sepanjang pandemik Covid-19 tidaklah sehingga mencapai tahap yang maksimum (Selvi & Waskita, 2020). Cabaran ini turut dialami oleh guru-guru di SMK St. Patrick, Mukah.

## OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengetahui pasti kaedah yang digunakan oleh guru Tingkatan 1 dalam melaksanakan PBD secara dalam talian bagi kemahiran membaca.
2. Mencadangkan teknik atau kemahiran yang digunakan oleh guru Tingkatan 1 dalam melaksanakan PBD secara dalam talian bagi kemahiran membaca.

## KUMPULAN SASARAN

3 orang guru telah dipilih sebagai kumpulan sasaran kajian kes ini. Guru-guru tersebut ditemui secara dalam talian melalui aplikasi *Google Meet* dan seorang guru lagi adalah melalui aplikasi *WhatsApp*. Pemilihan peserta kajian adalah merupakan guru yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan PBD di sekolah sewaktu menghadapi pandemik Covid-19. Hanya seorang sahaja guru Bahasa Melayu Tingkatan 1 yang terlibat memandangkan pengkaji juga merupakan guru Bahasa Melayu Tingkatan 1 tersebut. Profil peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini boleh dirujuk pada Jadual 1.

**Jadual 1** *Profil Peserta Kajian*

Peserta Kajian	Jantina	Gred	Jawatan	Pendidikan
A	Lelaki	DG52	Penolong Kanan Pentadbiran (Guru Bahasa Melayu Menengah Atas)	Sarjana Muda
B	Lelaki	DG34	Penyelaras PBD (Guru Bahasa Melayu Tingkatan 3)	Diploma
C	Lelaki	DG42	Guru Bahasa Melayu Tingkatan 1	Sarjana Muda

## METODOLOGI KAJIAN

Penelitian kajian menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan kajian kes. Kajian kes adalah pendekatan penyelidikan yang memaparkan keadaan sebenar yang dilalui oleh bahan kajian melalui kehidupan mereka yang sebenar (Patton, 1990). Pendekatan yang digunakan adalah seperti yang dinyatakan berikut.



## TINJAUN MASALAH

### Temu Bual

Kaedah temu bual membolehkan pengkaji mendapatkan data yang berkaitan dengan fokus kajian. Melalui kaedah temu bual, keupayaan penyelidik untuk mendapatkan maklumat secara langsung daripada pihak yang terlibat akan meningkat (Braun & Clarke, 2019). Kaedah temu bual ini dilakukan terhadap peserta kajian secara individu dengan mengintegrasikan teknologi. Semasa temu bual dibuat, pengkaji membuat rakaman video dengan menggunakan fungsi rakaman di dalam *Google Meet* dan syot layar (*screen shot*) untuk temu bual di dalam *WhatsApp*. Rakaman video tersebut kemudiannya akan ditranskrip, dikod dan dianalisis begitu juga dengan syot layar perbualan antara pengkaji dengan peserta kajian.

### Analisis Dokumen

Data yang konkrit diperlukan oleh pengkaji dalam membentuk kenyataan serta penjelasan yang berkaitan dengan fokus kajian. Pengumpulan data melalui analisis dokumen digunakan untuk mendapatkan data kehadiran murid di dalam PdPR dan sebab ketidakhadiran murid semasa PdPR tersebut. Kedua-dua data yang digunakan sekaligus akan membantu menjawab objektif kajian yang kedua.

### Analisis Tinjauan Masalah

#### Temu Bual

Untuk menganalisis temu bual, pendekatan analisis kandungan telah dibuat oleh pengkaji yang disokong oleh cadangan Miles dan Huberman (1995) yang menyarankan pengkaji untuk melakukan analisis kandungan sekiranya membuat kajian kualitatif. Data-data temu bual yang ditranskripsikan telah dikategorikan berdasarkan tema yang dikenal pasti. Analisis tinjauan masalah berdasarkan temu bual boleh dirujuk berdasarkan tema yang berikut.

### Kaedah Penilaian Pbd Yang Digunakan Bagi Kemahiran Membaca Secara Dalam Talian

Dapatan kajian telah menunjukkan penggunaan satu kaedah sahaja oleh Guru C dalam melaksanakan penilaian PBD dalam talian bagi kemahiran membaca Tingkatan 1. Perkara ini dibuktikan menerusi temu bual pengkaji dengan Guru C iaitu

*"Kaedah yang biasa saya gunakan bagi pelaksanaan PBD bagi kemahiran membaca secara dalam talian ialah rakaman suara. Pelajar merakam suara ketika sedang membaca dan menjawab soalan yang berkaitan. Pelajar akan menghantar rakaman kepada guru secara peribadi.*

Penggunaan kaedah ini selaras dengan cadangan yang diberikan oleh Guru A iaitu

*"Untuk kemahiran ini, cikgu boleh minta murid rakam video.. k... mereka membaca dan hantar kepada cikgu dan cikgu boleh ah.. sediakanlah teks, sediakan bahan untuk murid membaca k... dan suruh budak tu sendiri membuat rakaman. Rakaman video atau suara dan hantar kepada cikgu. Dengan cara ini kita boleh buat penilaianlah ahh... kemahiran membaca murid".*

Guru B turut berkongsi pengalaman beliau dalam melaksanakan PBD secara dalam talian walaupun beliau bukanlah guru Bahasa Melayu Tingkatan 1. Pernyataan yang diberikan oleh beliau juga menunjukkan penggunaan kaedah yang sama iaitu

*"Hmmm ini agak sukar eh. Hari itu pun saya ada minta pelajar, buat bacaan ringkas satu perenggan, rakam video."*

Temu bual ringkas ini mendapati penggunaan aplikasi *WhatsApp* merupakan satu kaedah utama dalam melakukan penilaian PBD secara dalam talian bagi kemahiran membaca. Penggunaan *WhatsApp* mempunyai potensi untuk meningkatkan kefahaman murid dalam menguasai sesuatu pembelajaran (Syed Lamsah Syed Chear, 2017). Andaian pengkaji ialah penggunaan *WhatsApp* lebih diutamakan oleh

peserta kajian dalam pelaksanaan PBD dalam talian bagi kemahiran membaca disebabkan penggunaan aplikasi tersebut lebih mudah dan mesra untuk kedua-dua pihak.

### **Isu Dan Cabaran PBD Dalam Talian**

Daripada kajian yang dilakukan oleh Rahayu Ahamad Bahtiar *et al.* (2020) yang bertajuk “Peranan dan Cabaran Pemimpin Pendidikan dalam Memastikan Matlamat dan Agenda Pendidikan Dilestari dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid – 19”, telah menyatakan bahawa pelaksanaan PdPR dalam talian dapat dijalankan dengan baik sepanjang PKP sekiranya guru dapat memanfaatkan aplikasi pembelajaran yang sedia ada. Walaupun sedemikian, dapatan temu bual yang diperoleh oleh pengkaji menunjukkan beberapa masalah berkenaan dengan perkara tersebut.

### **Penglibatan Murid Tidak Memberangsangkan**

Menurut Guru A, banyak masalah yang timbul apabila PBD dilaksanakan secara dalam talian. Antara masalah yang timbul ialah penglibatan murid yang tidak memberangsangkan semasa PdPR iaitu kehadiran murid yang kurang memuaskan. Penyataan masalah ini dibuktikan melalui jawapan yang berikut

*”Okey kalau dilaksanakan secara PdPR kalau kita lihatlah aaa dari segi penglibatan murid k aa memang tidak.. ramai murid tidak terlibat terutama apabila kita secara online k.*

Penglibatan murid di dalam PBD sangat penting kerana PBD dirancang khas untuk membolehkan murid-murid mengambil bahagian yang aktif semasa pembelajaran (Climie & Henley, 2016). Apabila penglibatan murid tidak memberangsangkan, objektif sebenar pelaksanaan PBD kurang tercapai sebagaimana yang dinyatakan oleh Guru B iaitu

*”Ya, objektif kurang tercapai. Itulah yang masalah besar. Selalunya 50 peratus pun sudah okey tau. Tapi selalunya di bawah itulah. Tik itu sampai 80 90 peratus, tik memang sampai 90 peratus tapi hasil tu,. Itu yang menjadi masalah. Hasil tu kita tak nampak.”*

Merujuk kepada penjelasan yang diberikan oleh Guru B tersebut, beliau menyatakan bahawa penglibatan murid adalah di bawah 50 peratus tetapi kehadiran menunjukkan 90 peratus. Namun, murid yang dinyatakan sebenarnya tidak menghantar tugas yang diminta sehingga tidak menunjukkan hasil. Beliau menambahkan lagi bahawa masalah yang berlaku adalah dari segi penghantaran dividen untuk penilaian PBD iaitu

*”..terutamanya bahagian eviden yang nak dihantar tu sorang dua je lah. Macam mana lagi yang lain yang tak hantar tu. Masalah jugak. Tapi, yang mampu hantar okey.”*

### **Masalah Liputan Internet dan Tiada Peranti**

PdPR secara dalam talian memerlukan capaian Internet yang tinggi dan sememangnya memerlukan peranti. Sesungguhnya, pembelajaran di dalam talian benar-benar memberi cabaran kepada pendidik apatah lagi kepada pendidik yang mengajar di luar bandar yang mempunyai masalah kepada capaian Internet (Fakrul, 2020). Bahkan, tidak semua murid mempunyai rangkaian Internet yang baik terutamanya bagi murid yang tinggal di kampung dan pedalaman (Anuar Ahmad, 2020). Penyataan-penyataan tersebut telah menyokong dapatan kajian pengkaji menerusi punca kehadiran yang kurang memberangsangkan sepertimana yang dinyatakan oleh Guru A iaitu

*”Kadang-kadangan pelajar ni pelajar yang kita tidak dapat hubungi sebenarnya.. Walaupun dalam anjakan ketujuh PPPM tu menggalakkan pendigitalan eh aa.. masalahnya sekarang kita tidak tahu murid itu adakah tidak peranti sendiri, line adakah tidak, baik ke tidak.. ”*

Guru C turut menyatakan masalah yang sama iaitu

*"...masalah akses Internet itu pelajar itu sendiri. PBD secara dalam talian hanya dapat diterokai oleh pelajar yang mempunyai capaian Internet yang tinggi bagi menghadapi penilaian yang dilaksanakan."*

Sebilangan murid juga didapati tidak mempunyai telefon bimbit yang canggih seperti penjelasan Guru B iaitu

*"...cuba dapatkan nombor telefon ibu bapa melalui APDM tu. Kita akan cuba tanya ibu bapa dululah terutamanya keperluan telefon tu. Tu yang sangat penting. So ada pelajar kita mereka tak ada telefon canggih. Tu lah masalahnya."*

Dapatan kajian ini adalah selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Rahayu Ahamad Bahtiar *et al.* (2020) yang menyatakan kebimbangan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tentang keciciran murid. Dikatakan sebilangan murid tidak berpeluang untuk mengikuti proses pembelajaran dalam talian kerana kekangan capaian Internet dan peranti teknologi. Rentetan dari kekangan capaian Internet, tular pelbagai berita seperti 'pelajar memanjat pokok untuk menjawab exam', 'pelajar jatuh jamban semasa mencari capaian Internet' dan banyak lagi isu-isu lain. Maka jelaslah bahawa kekangan yang berlaku ini sama ada disebabkan oleh masalah capaian Internet dan ketiadaan peranti adalah cabaran yang perlu diharungi (Berita Harian, 2020).

### **Tiada Disiplin Kendiri**

Apabila PdPR dilaksanakan secara dalam talian, guru sukar untuk memastikan komitmen murid seperti yang dapat diperhatikan semasa pembelajaran bersemuka. Perkara ini dinyatakan oleh Guru A seperti yang berikut

*"...kadang-kadang aa sikap murid itu sendiri, mahu ke tidak belajar, terutama bagi kelas-kelas yang tidak terlibat dengan peperiksaan. Tingkatan 1, Tingkatan 2 k. tahu-tahulah. Jangankan Tingkatan 2, Tingkatan 4 itu sendiri pun mereka tak mahu terlibat. Kadang-kadang yang Tingkatan 5 tu ada 2 3 orang yang tidak terlibat. Itu yang kita sangat sedih sebenarnya."*

Walaupun kehadiran murid di dalam PdPR hampir penuh, namun murid tidak melaksanakan tugas untuk penilaian PBD yang diberikan. Guru B berkongsi pengalaman beliau iaitu

*"Tak ada penyertaan. Itulah masalah dia. Memang dia ada.. kehadiran dia buat semua tu.. hampir nak penuh kehadiran tapi video tu tak ada disertakan. Tak tahu apahal"*

Dapatan kajian ini jelas menunjukkan satu masalah yang menghalang pelaksanaan PBD secara dalam talian bagi kemahiran membaca adalah atas sikap murid itu sendiri. Setakat ini, tiada lagi kajian lain yang berkaitan mampu menyokong dapatan kajian tersebut.

### **Analisis Dokumen**

Analisis dokumen merupakan satu kaedah kajian, fenomenologi dan kajian sejarah yang digunakan bertujuan untuk menganalisis data dokumen dan temu bual yang berbentuk teks (Hsieh & Shannon, 2007). Dalam kajian ini, beberapa bahan bercetak dijadikan sebagai satu pengukuhan dan bukti kepada kajian yang dilakukan. Bahan bercetak tersebut adalah Rekod Kehadiran Murid PdPR dari 14 Jun sehingga 29 Jun 2021 dan Kaji Selidik Masalah Kemudahan Tingkatan 1 2021.

**Jadual 2** Rekod Kehadiran PdPR 14 Jun hingga 29 Jun 2021

TINGKATAN	JUMLAH MURID	HADIR ONLINE	PERATUS	PURATA
1	3060	1981	64.73	69.72%
2	2732	1992	72.91	
3	1890	1222	64.65	
4	1407	1046	74.34	
5	1555	1119	71.96	

Merujuk kepada Jadual 3, hanya 64.73% sahaja kehadiran murid Tingkatan 1 sepanjang PdPR dijalankan pada tempoh tersebut yang menunjukkan perbezaan sebanyak 0.08% dengan jumlah penglibatan yang paling rendah iaitu dari murid Tingkatan 4.

Dengan merujuk kepada data tersebut, jelaslah pernyataan yang diberikan oleh Guru A iaitu penglibatan murid yang tidak memberangsangkan menjadi punca kepada pelaksanaan PBD di sekolah tersebut. Untuk lebih jelas lagi, data untuk menyokong bahagian isu dan cabaran PBD dalam talian dapat dilihat pada Jadual 3 yang berikut.

**Jadual 3** Kaji Selidik Kemudahan Untuk PdPR Tingkatan 1 2021

	PERANTI TELEFON BIMBIT			TIADA PERANTI KOMPUTER	KESTABILAN INTERNET (LEMAH)	PURATA
	KONGSI DENGAN ADIK-BERADIK	KONGSI DENGAN IBU BAPA	TIADA TELEFON BIMBIT			
JUMLAH MURID	11	7	0	49	32	23.65%
PERATUSAN	10.28	6.54	0	45.79	32	

Merujuk kepada Jadual 4, peratusan yang paling tinggi dalam masalah yang dialami oleh murid sepanjang PdPR ialah masalah tiada peranti komputer iaitu sebanyak 45.79% yang merujuk kepada 49 orang murid Tingkatan 1 namun tiada murid yang direkodkan tidak mempunyai telefon bimbit untuk digunakan semasa PdPR namun terpaksa berkongsi dengan adik-beradik dan ibu bapa mereka. Penilaian PBD dalam talian sangat terkait dengan penggunaan telefon bimbit. Namun apabila mereka terpaksa berkongsi telefon bersama adik-beradik atau ibu bapa mereka, besar kemungkinan menjadi penyebab untuk tidak dapat mengikuti penilaian PBD memandangkan anggaran untuk satu subjek diadakan secara dalam talian mengambil masa 2 hingga 3 jam. Bayangkan sahaja sekiranya murid tersebut mempunyai tiga orang adik beradik dan masa untuk PdPR diadakan adalah sama.

Melalui dapatan kajian ini, pengkaji mengandaikan bahawa masalah tersebut adalah berlaku disebabkan oleh masalah sosio ekonomi keluarga murid. Tidak mengejutkan sekiranya tahap sosio ekonomi menjadi punca murid tidak dapat mengikuti PdPR sepenuhnya sehingga mengganggu proses penilaian PBD. PKP yang dikuatkuasakan di seluruh Malaysia telah menyebabkan beberapa industri dalam negara dihadkan bagi mengelakkan penyebaran virus Covid – 19. Ibu bapa pula lebih mengutamakan keperluan asas seperti makanan, membayar sewaan dan simpanan kecemasan berbanding dengan peruntukan untuk persediaan kelengkapan pembelajaran dalam talian (Nor Sahara Mesman & Zulkarnain Abd. Majid, 2021). Dapatan kajian ini adalah selaras dengan kajian yang telah dilakukan oleh Rasmitadila *et. al.* (2020) iaitu tiada sokongan dari aspek kemudahan fizikal seperti laptop, komputer dan sebagainya.

Pengkaji menjangkakan bahawa sekiranya pendapatan keluarga meningkat, maka kesediaan murid untuk mengikuti pembelajaran dalam talian akan meningkat. Dengan ini, trend pendapatan keluarga yang baik akan membolehkan fasiliti pembelajaran disediakan sama ada untuk pembelian peranti telefon bimbit mahupun data Internet. Sekiranya murid mempunyai telefon bimbit sendiri sekalipun tetapi jika berlaku kesukaran untuk membeli data Internet, sudah pasti akan menjadi satu cabaran dan halangan untuk murid mengikuti penilaian PBD yang dijalankan.

Secara kesimpulannya, pelaksanaan PBD secara dalam talian bagi kemahiran membaca Tingkatan 1 telah menunjukkan pelbagai cabaran. Kaedah pengumpulan data yang telah digunakan oleh pengkaji

telah menunjukkan terdapat hubungan di antara kehadiran PdPR dan kemudahan untuk PdPR dalam kalangan murid dengan kebolehlaksanaan PBD. Pengkaji percaya sekiranya murid mempunyai kemudahan untuk PdPR yang lengkap dan memberi kerjasama yang sepenuhnya dengan guru, pasti masalah yang berlaku tersebut akan berkurangan atau hampir tidak berlaku.

### Tindakan Yang Dijalankan

Melalui dapatan kajian tersebut, pengkaji telah mengambil langkah dengan menambahkan kaedah pelaksanaan PBD bagi kemahiran membaca secara dalam talian bagi murid Tingkatan 1. Pengkaji menggunakan dua kelas yang diajar oleh beliau iaitu kelas 1A dan 1D. Kedua-dua kelas ini mempunyai tahap pencapaian akademik yang berbeza dan mempunyai jumlah murid yang sama seperti pada Jadual 4 yang berikut.

**Jadual 4 Jumlah Murid Mengikut Kelas yang Diajar**

1A	30 orang
1D	30 orang
<b>JUMLAH</b>	<b>60 orang</b>

Kaedah pelaksanaan PBD yang digunakan masih mengintegrasikan teknologi maklumat yang sedia ada iaitu aplikasi *Tik Tok*. Idea ini digunakan apabila pengkaji menyelidik semula teori transaksional tekanan yang diperkenalkan oleh Lazarus dan Folkman (1984) yang menyatakan bahawa tekanan dihasilkan disebabkan oleh transaksi antara murid dengan persekitaran. Menurut teori ini, seseorang akan mengalami tekanan apabila berhadapan dengan situasi yang mengganggu pemikiran dan kegiatannya. Dalam konteks PdPR pula, tekanan berlaku disebabkan oleh pemberian tugas yang terlalu banyak dan tidak dapat keluar dari rumah secara bebas sehingga menyebabkan murid berasa bosan dan tertekan. Oleh hal yang sedemikian, *Tik Tok* boleh digunakan untuk mengurangkan tekanan berada di rumah selain untuk tujuan komunikasi (Bastien Onn, 2020).

Umum mengetahui bahawa aplikasi *Tik Tok* adalah satu aplikasi yang popular pada abad ini. Majoriti pengguna *Tik Tok* terdiri daripada murid sekolah. Melihat kelebihan aplikasi ini yang mampu menarik minat murid, pengkaji mengambil inisiatif untuk menggunakan aplikasi tersebut sebagai salah satu medium untuk membuat penilaian PBD kemahiran membaca murid. Bukti pelaksanaan penggunaan aplikasi *Tik Tok* dapat dilihat pada Rajah 5.

**Rajah 5 Penggunaan Aplikasi Tik Tok dalam Penilaian PBD Bagi Kemahiran Membaca**



Guru meminta murid untuk menyiapkan dua cabaran iaitu membaca pantun dan membaca berita melalui aplikasi *Tik Tok*. Tempoh yang diberikan untuk menyiapkan tugas adalah selama tiga hari memandangkan terdapat murid yang berkongsi peranti dengan ibu bapa dan adik-beradik mereka.

### Hasil Dapatan Selepas Penggunaan *Tik Tok* Untuk PBD Kemahiran Membaca Tingkatan 1

Selepas tiga hari pemberian tugas tersebut, pengkaji telah mengumpulkan semua video yang diberi oleh murid dan membuat semakan kehadiran PdPr dan semakan jumlah penghantaran tugas. Data kehadiran PdPR dan jumlah penghantaran tugas dapat dilihat dalam Rajah 6 yang berikut.

**Rajah 6** Data Kehadiran PdPR dan Jumlah Penghantaran Tugas

Tingkatan	Kehadiran PdPR	Jumlah Penghantaran Tugas
1A	21/30	11/21
1D	26/30	8/26

Merujuk kepada data tersebut, pengkaji mendapati kaedah yang digunakan masih tidak dapat menyelesaikan isu dan cabaran yang berlaku. Pengkaji menjangkakan bahawa kaedah yang digunakan ini tidak menyelesaikan masalah kerana masa yang diberikan adalah singkat. Selepas tempoh tiga hari iaitu pada hari keempat dan kelima, masih ada murid yang menghantar tugas. Perkara ini jelas membuktikan bahawa murid memerlukan tempoh masa yang panjang untuk menyelesaikan tugas dan penggunaan aplikasi *Tik Tok* telah menarik perhatian mereka. Perkara ini boleh dikaitkan dengan perkongsian penggunaan peranti bersama adik-beradik dan ibu bapa mereka serta masalah liputan internet.

Salah satu respons yang diterima dari murid berkenaan dengan tugas yang diberikan adalah seperti yang berikut

*"Cikgu, bolehkah kami diberi masa untuk membuat tugas ini sehingga hujung minggu?"*

Sebilangan murid juga tidak mempunyai aplikasi *Tik Tok* iaitu

*"Cikgu saya xda aplikasi Tik tok."*

Untuk mengatasi masalah tersebut, guru memberi kelonggaran kepada murid untuk menghantar rakaman suara mereka menerusi fungsi audio di aplikasi *WhatsApp*.

#### **Cadangan Penambahbaikan Yang Akan Dilaksanakan Untuk Menangani Isu**

Berdasarkan tindakan yang telah dijalankan oleh pengkaji, cadangan penambahbaikan yang akan dilaksanakan untuk menangani isu adalah masih menggunakan aplikasi *Tik Tok*.

#### **Aktiviti 1 – Hashtag Syoknya Membaca Berita**

Aktiviti ini diberikan nama sebagai *Hashtag Syoknya Membaca Berita* memandangkan penggunaan *hashtag* (#) di dalam media sosial menjadi trend dan akan memudahkan pencarian media oleh pengguna. Aktiviti ini merupakan pertandingan membaca berita yang akan dilaksanakan di peringkat sekolah dengan tujuan untuk menarik minat murid dalam penglibatan PBD bagi kemahiran membaca. Tempoh pertandingan adalah selama satu minggu. Peringkat pelaksanaan adalah seperti yang berikut:

Peringkat 1 - Pertandingan antara murid di dalam kelas Tingkatan 1.

Peringkat 2 - Murid yang terbaik akan mewakili kelas mereka untuk bertanding dengan murid dari kelas yang lain mengikut Tingkatan.

Peringkat 3 - Penyampaian hadiah secara dalam talian berbentuk kad tambah nilai (Prepaid) dan sijil penyertaan digital (Rujuk Rajah 7).

**Rajah 7** Hadiah Kad Tambah Nilai (Prepaid) dan Sijil Penyertaan Murid Mengikut Kedudukan

Johan	Kad Tambah Nilai RM30 + Sijil Penyertaan Digital
Naib Johan	Kad Tambah Nilai RM20 + Sijil Penyertaan Digital
Tempat Ketiga	Kad Tambah Nilai RM10 + Sijil Penyertaan Digital

Pemberian markah untuk aktiviti ini akan dinilai oleh murid-murid dengan merujuk kepada *like* yang paling banyak dan penilaian oleh guru dengan menggunakan Borang Pemarkahan Pertandingan *Hashtag Syoknya Membaca Berita*.

## PEMERHATIAN

Melalui pemerhatian pengkaji, cadangan untuk mengadakan Pertandingan *Hashtag* Syoknya Membaca Berita yang menggunakan aplikasi *Tik Tok* akan mendapat sambutan daripada kalangan murid Tingkatan 1. Pemberian hadiah berupa kad tambah nilai (Prepaid) dan sijil penyertaan digital tersebut sudah cukup untuk menarik minat mereka memandangkan keperluan yang diperlukan dalam pembelajaran secara dalam talian adalah data Internet.

## REFLEKSI

Kekuatan:

1. Aktiviti yang menyeronokkan dan tidak membosankan kerana aplikasi *Tik Tok* adalah multimedia interaktif yang berkesan untuk meningkatkan kemahiran membaca.
2. Dapat meredakan stres setelah seharian belajar di rumah.
3. Fleksibel kerana murid boleh menyiapkan tugasan di mana-mana sahaja.

Kelemahan:

1. Memerlukan rangkaian Internet.
2. Aplikasi *Tik Tok* tidak menyokong mod luar kawasan.

## CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Sementara hasil yang diperoleh dari kajian ini akan menyumbang kepada badan penyelidikan, namun, tajuk kajian ini memerlukan penyelidikan yang lebih lanjut dan memerlukan masa yang lebih panjang. Diharapkan, kajian yang dilunaskan ini dapat membuka mata ramai pihak terutamanya kerjasama dari pihak *Malaysian Communication and Multimedia Commission* (MCMC) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam membendung masalah liputan rangkaian Internet.

## RUJUKAN

- Amani Nawi & Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee. (2020). Penerimaan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Terhadap Penggunaan Microsoft Teams sebagai Platform Pembelajaran - Satu Tinjauan *3rd International Seminar on Islamic and Science*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia. Berita Harian Online. *Covid – 19: Pendidikan Menerusi Dunia Maya Cabaran Baharu Buat Guru*. (2021).
- Climie, E. & Henley, L. (2016). A renewed focus on strengths-based assessment in schools. *British Journal of Special Education*, 43(2), 108-121.
- Fatimah Kartini Bohang. (2018). Tik Tok Punya 10 Juta Pengguna Aktif di Indonesia. (NP). <https://teknokompas.com/read/2018/07/05/09531027/tik-tok-punya-10-juta-pengguna-aktif-di-indonesia>
- Miles, M. B. & Huberman, A. N. (1994). *Qualitative Data Analysis: An Expanded Sourcebook*. 2<sup>nd</sup>. Thousand Oaks. Calif: Sage.
- Nor Sahara Mesman & Zulkarnain Abd. Majid. (2021). *Kajian Kesiediaan Pelajar Mengikuti Pembelajaran dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Membendung Covid-19 Fasa 2*.
- Onyema, E., Nwafor, C., Obafemi, F., Sen, S., Atonye, F., Sharma, A. & Alsayed, A. (2020). Impact of Coronavirus Pandemic on Education. *Journal of Education and Practice*, 11, 108 – 121. Doi. 10.7176/JEP/11-13-12.
- Rahayu Ahamad Bahtiar, Sham Ibrahim, Halijah Ariffin, Nor Hazimah Ismail & Wan Mohd Khairul Wan Isa. (2020). Peranan dan cabaran pemimpin pendidikan dalam memastikan matlamat dan agenda pendidikan dilestari dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) Covid-19. <https://iab.moe.edu.my/bahanportal/pemberitahuan/2020/2.%20PERANAN%20DAN%20CABARAN%20PEMIMPIN%20PENDIDIKAN.pdf>
- Selvi Loviana & Waskita Niti Baskara. (2020) Dampak pandemik COVID-19 pada kesiapan pembelajaran Tadris Matematika iain metro lampung. *Jurnal Pendidikan Matematika*, 2(1), 61- 69.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. London: Sage Publications.
- Windhiyana, E. (2020). Dampak COVID-19 terhadap kegiatan pembelajaran online di perguruan tinggi Kristen di Indonesia. *Persepektif Ilmu Pendidikan*, 34 (1), 1-8.
- Yin, R. (1994). *Case study research: design and methods* (2nd ed.). Beverly Hills, CA: Sage Publishing.

## **PENGGUNAAN TELEFON PINTAR DI BILIK DARJAH DALAM KALANGAN PELAJAR DVM TAHUN 2 PROGRAM SENI REKA FESYEN (USE OF SMARTPHONES IN CLASSROOM AMONG DVM YEAR 2 FASHION DESIGN PROGRAM STUDENTS)**

**MELISSA WONG CHEE CHIN<sup>1</sup>, MAGDELINE ANAK NOR, PhD<sup>2</sup>**

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak

<sup>1</sup>melissawong94@gmail.com<sup>1</sup>, magsmks@yahoo.com.my<sup>2</sup>

### **ABSTRAK**

Tajuk kajian kes ialah penggunaan telefon pintar di bilik darjah dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia (DVM) tahun 2 Program Seni Reka Fesyen. Penggunaan telefon pintar secara tidak terkawal terutamanya dalam kalangan pelajar mendatangkan kesan negatif seperti penurunan dalam prestasi dan pencapaian pelajar dalam bilik darjah. Menurut pemerhatian yang dijalankan semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung, pelajar menggunakan telefon pintar tanpa pengetahuan guru yang mengajar. Berdasarkan temu bual bersama dengan guru, guru tahu bahawa pelajar menggunakan telefon pintar secara bersembunyi dalam kelas dan pernah ditegur tetapi pelajar masih mengulang tingkah laku yang sama. Disebabkan itu, objektif yang digunakan ialah untuk membantu guru dalam mengawal penggunaan telefon pintar dalam bilik darjah semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Kaedah yang digunakan untuk menyiapkan kajian ini ialah dengan menggunakan kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian terhadap 3 orang responden daripada program berkenaan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa guru dapat mengawal penggunaan telefon pintar dengan memperkenalkan peraturan bilik darjah iaitu dengan mengenakan denda dan hukuman kepada pelajar sekiranya ditangkap menggunakan telefon pintar. Selain itu, guru juga boleh bertindak sebagai guru disiplin yang "merampas" telefon pintar pelajar setiap kali sebelum memulakan pengajaran. Peranan guru sebagai guru disiplin menunjukkan hasil yang positif dengan peningkatan tumpuan pelajar terhadap pengajaran guru.

**Kata Kunci:** Penggunaan telefon pintar, peranan guru, denda dan hukuman

### **ABSTRACT**

*Title of the case study is the use of smartphones in classroom among students of the Malaysian Vocational Diploma (DVM) year 2 of the Fashion Design Art Program. Uncontrolled use of smartphones especially among students has negative effects such as a decline in student performance and achievement in the classroom. According to observations conducted during the teaching and learning process, students use smartphones without the knowledge of the teacher who is teaching. Based on joint interviews with teachers, teachers knew that students used smartphones secretly in class and had been reprimanded but students still repeated the same behavior. Due to that, the objective design is to assist teachers in controlling the use of smartphones in the classroom during teaching and learning. The method used to complete this study is by interview method and observation method on 3 respondents from the program. The results of this study show that teachers can control the use of smartphones by introducing classroom rules by imposing fines and penalties on students if caught using a smartphone. In addition, teachers can also act as discipline teachers who "snatch" students' smartphones each time before starting teaching. The role of teachers as discipline teachers showed positive results with increased student focus on teacher teaching.*

**Keywords:** Smartphone use, teacher role, fines and punishments

### **ISU YANG DIFOKUSKAN**

Penggunaan telefon pintar dalam kehidupan seharian tidak dapat disangkal kerana kemudahan yang ditawarkannya dalam pencarian maklumat terutamanya maklumat yang mungkin tidak sempat disampaikan oleh guru. Malahan, telefon pintar telah menjadi suatu keperluan dalam kehidupan seharian (Fariza Khalid *et.al.*, 2016). Pelbagai manfaat akan diperolehi oleh seseorang individu



terutamanya dalam memudahkan urusan harian sekiranya digunakan dengan tepat (Paliza Deraman & Norarziana Sasudian, n.d.). Walau bagaimanapun, penggunaan telefon pintar secara tidak terkawal terutamanya dalam kalangan pelajar mendatangkan kesan negatif seperti penurunan dalam prestasi dan pencapaian pelajar dalam bilik darjah. Hal ini kerana pelajar ketagih dengan penggunaan telefon pintar yang mempunyai kemampuan untuk mengakses pelbagai aplikasi yang terdapat di internet. Rashiqah Ilmi (2016, Ogos 14), menyatakan bahawa golongan belia menghabiskan masa lebih lima jam sehari untuk melayari internet, terutama bahan berunsur hiburan. Perkara ini menunjukkan bahawa masa yang diluangkan menggunakan telefon menyebabkan ketagihan dalam kalangan pelajar diploma. Ketagihan terhadap telefon pintar akan menyebabkan pelajar hilang fokus terutamanya semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Situasi ini juga terjadi dalam kalangan pelajar kolej vokasional Matang. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, pelajar mengatakan bahawa dirinya seperti ketagihan untuk melihat telefon setiap kali berada dalam bilik darjah kerana ingin memeriksa pesanan teks yang masuk. Perkara ini disokong oleh Norbaidurah Ithnain *et.al.*, (2018) yang mendapati majoriti pelajar universiti swasta di Malaysia bersetuju telefon menyebabkan mereka pening kepala, hilang daya perhatian mental dan gangguan tidur. Kekurangan tidur dan kehilangan daya perhatian mental akan menyebabkan pelajar tidak dapat mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran dengan efektif. Bahkan pelajar akan mula ketinggalan dalam pembelajaran dan seterusnya menunjukkan penurunan dalam prestasi akademik mereka.

Kebanyakan institusi pengajian tinggi membenarkan pelajar membawa telefon pintar tanpa halangan kerana pelajar disifatkan sebagai individu dewasa yang mampu mengurus diri mereka. Di Kolej Vokasional Matang, membawa telefon pintar adalah dibenarkan bagi pelajar Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) dengan syarat telah mendapatkan surat kebenaran daripada Ketua Unit Hal Ehwal pelajar (KUHEP). Walau bagaimanapun, terdapat pelajar yang tidak memohon kebenaran dan membawa telefon pintar secara bersembunyi. Situasi ini menyebabkan pelajar bebas menggunakan telefon pintar di kawasan sekolah dan semasa pengajaran berlangsung. Kajian yang dijalankan oleh Nurhazieya Asyikin (2012) juga mendapati pelajar mengakui bebas menggunakan telefon pintar di kawasan sekolah. Telefon pintar dikatakan diguna untuk menghubungi ibu bapa apabila perlu atau jika berlaku sebarang kecemasan. Perkara ini dipersetujui oleh Abdul Said Ambotang (2019, Nov 13) yang menyatakan bahawa telefon membolehkan pelajar menghubungi rakan, keluarga mahupun guru dengan mudah. Walaubagaimanapun sebab yang diberikan untuk menggunakan telefon pintar terutamanya untuk menghubungi ibu bapa kurang tepat kerana kebanyakan pelajar di kolej vokasional Matang sering dilihat menggunakan telefon untuk bermain permainan telefon dan berhubung dengan rakan mereka. Hal ini jelas dikaji oleh Nurhazieya Asyikin (2012) yang mendapati tujuan sebenar pelajar membawa telefon pintar ke sekolah bukanlah untuk menghubungi ibu bapa mereka bahkan hanya untuk berhubung dengan rakan-rakan mereka melalui khidmat pesanan ringkas. Kajian daripada Tang & Manisah Mohd Ali (2020) juga menunjukkan penggunaan telefon untuk tujuan komunikasi, bersosial dan hiburan adalah tinggi berbanding tujuan pembelajaran. Justeru, penggunaan telefon pintar secara berleluasa tanpa pengurusan masa yang efektif akan menganggu pembelajaran pelajar.

Kebenaran membawa telefon pintar telah mendatangkan pelbagai kesan kepada proses pembelajaran pelajar Kolej Vokasional Matang. Kesannya boleh dibahagikan kepada kesan positif dan kesan negatif. Antara kesan positif yang dapat dilihat ialah penggunaan telefon pintar secara betul dapat membantu pelajar dalam mencari maklumat yang berkaitan dengan pembelajaran. Kajian Fariza Khalid (2016) mendapati kegunaan telefon pintar termasuklah untuk perbincangan serta perkongsian idea yang memberi isyarat tahap kesediaan pelajar tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada kuliah dan syarahan pensyarah. Guru juga lebih mudah untuk berhubung dengan pelajar sekiranya terdapat perkara yang ingin disampaikan. Sungguhpun begitu, penggunaan telefon pintar secara tidak terkawal terutamanya ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung boleh menyebabkan pelajar hilang fokus dalam pembelajaran dan seterusnya menyebabkan prestasi pelajar menurun. Menurut Nur Amalina (2016) penggunaan telefon menyebabkan gangguan terhadap pelajar lain dan pensyarah yang sedang melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah. Situasi ini turut diperhatikan di kolej vokasional Matang semasa guru mengajar iaitu guru perlu menghentikan pengajaran untuk menegur pelajar yang kelihatan tidak fokus dengan pengajaran guru. Pelajar yang fokus turut terganggu akibat tindakan pelajar yang tidak bertanggungjawab dalam menggunakan telefon mereka.

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan terhadap kelas program Seni Reka Fesyen, didapati bahawa terdapat pelajar yang menggunakan telefon pintar tanpa pengetahuan guru terutamanya pelajar yang duduk di bahagian belakang kelas. Tujuan pelajar menggunakan telefon pintar dikatakan

untuk menghilangkan perasaan mengantuk dan membalas pesanan rakan dan keluarga melalui aplikasi *Whatsapp*. Terdapat juga pelajar yang mengatakan bahawa mereka menggunakan telefon untuk membuat kajian mengenai jenis kain dan jahitan dan ada di kalangan mereka menggunakan telefon pintar untuk mencari maklumat dalam *Google* berkaitan dengan matapelajaran lain. Walaupun tujuan kegunaan dapat dilihat secara positif dan negatif, namun penggunaan telefon semasa guru mengajar akan mengganggu tumpuan pelajar. Disebabkan itu, guru dilihat memainkan peranan penting untuk mengurus bilik darjah dan mengawal tingkah laku pelajar bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif. Menurut Hasfarina Abas (2012), seorang guru seharusnya mampu mengurus bilik darjah dan mengawal tingkah laku pelajar agar proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dengan lancar dan berkesan tanpa gangguan. Pengurusan bilik darjah yang efektif mampu mewujudkan iklim pembelajaran yang selesa untuk pelajar. Kecekapan dan kemahiran guru dalam mengurus bilik darjah dapat menggalakkan pembentukan iklim pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (Hasfarina Abas, 2012). Cabaran dalam bilik darjah termasuklah disiplin pelajar dan tingkah laku pelajar yang mampu mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Kegunaan telefon pintar dalam bilik darjah semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung merupakan cabaran tingkah laku kepada guru yang harus ditangani dengan bijak. Justeru, kajian ini dijalankan bagi membantu guru dalam mengawal penggunaan telefon pintar dalam kalangan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Penggunaan telefon pintar dalam kalangan pelajar adalah dibenarkan di Kolej Vokasional Matang dengan syarat pelajar-pelajar ini telah memohon kebenaran dan permohonan telah disahkan oleh Timbalan Pengarah Sokongan Akademik (TPSA) atau Ketua Unit Hal Ehwal Pelajar (KUHEP). Walau bagaimanapun, menurut pemerhatian yang dijalankan semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung, pelajar menggunakan telefon pintar tanpa pengetahuan guru yang mengajar. Berdasarkan temu bual bersama dengan guru, guru tahu bahawa pelajar menggunakan telefon pintar secara bersembunyi dalam kelas dan pernah ditegur tetapi pelajar masih mengulangi tingkah laku yang sama. Penggunaan telefon pintar dalam kelas kadang-kadang dibenarkan oleh guru kerana guru meminta pelajar untuk melakukan carian bagi mencari idea rekaan fesyen pelajar. Hasil temu bual bersama pelajar, telefon pintar digunakan secara bersembunyi dalam kelas kerana pelajar ingin menyiapkan tugas matapelajaran lain dengan menggunakan carian *Google* untuk mencari makna perkataan. Terdapat juga pelajar yang melakukan pekerjaan sampingan seperti menjual tudung sehingga pelajar menggunakan masa belajar untuk membalas pesanan pelanggan yang membeli tudung daripada pelajar. Selain itu, telefon pintar juga digunakan untuk menghilangkan rasa mengantuk pelajar semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Walaupun pelajar mempunyai sebab tersendiri untuk menggunakan telefon pintar, namun tindakan pelajar menggunakan telefon pintar adalah tidak wajar kerana tugas-tugas yang tidak berkaitan dengan matapelajaran yang diajar harus mereka laksanakan di rumah atau di luar waktu pengajaran dan pembelajaran dan bukan semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Hal ini kerana, pelajar akan ketinggalan dalam matapelajaran yang diajar terutamanya matapelajaran vokasional kerana melibatkan tahap kemahiran amali pelajar. Sekiranya pelajar tidak fokus semasa matapelajaran diajar oleh guru, pelajar akan mengalami kesukaran untuk mengikuti proses amali kerana tidak tahu teknik-teknik serta kemahiran yang diajarkan oleh guru. Perkara ini akan mempengaruhi prestasi pelajar kerana pelajar ketinggalan dalam proses penting amali yang diajar oleh guru. Oleh itu, untuk mengelakkan penggunaan telefon pintar yang tidak wajar sehingga mempengaruhi prestasi pelajar, guru perlu mengambil tindakan yang tegas atas tindakan pelajar.

Bagi membantu guru mengawal penggunaan telefon pintar, antara langkah yang dapat dilakukan adalah dengan memperketatkan peraturan bilik darjah. Kaedah ini dikenali sebagai kaedah pemugaran bilik darjah. Dalam kaedah ini, guru akan memperketatkan peraturan bilik darjah. Jika sebelum ini guru tidak meletakkan apa-apa peraturan bilik darjah, melalui kaedah pemugaran, guru akan memperkenalkan peraturan baru. Guru akan menetapkan denda atau hukuman untuk pelajar yang menggunakan telefon pintar semasa proses pengajaran dan pembelajaran tanpa kebenaran guru. Denda boleh berupa wang ringgit dan hukuman yang dicadangkan ialah membersihkan kelas dan tandas pelajar selama seminggu. Dalam kaedah pemugaran bilik darjah juga, guru boleh bertindak sebagai guru disiplin iaitu menahan telefon pelajar sebelum memulakan pengajaran. Telefon pelajar akan diletakkan dalam sebuah kotak atau bakul dan diletakkan di hadapan iaitu di meja guru. Pelajar

hanya boleh mengambil telefon pintar mereka dengan kebenaran guru dan hanya boleh menggunakan telefon pintar apabila diminta oleh guru untuk mencari maklumat berkaitan matapelajaran yang diajar. Untuk memastikan pelajar tidak menyalahguna telefon pintar semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung, guru perlu konsisten melakukan langkah yang berkesan untuk mengawal penggunaan telefon pintar pelajar bagi memastikan pelajar sedar bahawa guru komited dalam memastikan pelajar kekal fokus tanpa gangguan telefon pintar. Kaedah pemugaran bilik darjah boleh dilaksanakan secara meluas dalam kolej bagi memastikan setiap pelajar patuh dan fokus dengan pembelajaran mereka dan hanya menggunakan telefon pintar dengan kebenaran guru dan di luar waktu pengajaran dan pembelajaran agar prestasi pelajar dalam pembelajaran tidak terganggu.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian penggunaan telefon pintar di bilik darjah dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia Tahun 2 Program Seni Reka Fesyen dijalankan untuk melihat peranan guru dalam mengawal penggunaan telefon pintar semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji tujuan penggunaan telefon pintar di bilik darjah serta implikasi penggunaan telefon pintar terhadap diri pelajar.

### **Objektif**

Membantu guru dalam mengawal penggunaan telefon pintar dalam bilik darjah semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung menggunakan kaedah pemugaran bilik darjah.

## **KUMPULAN SASARAN**

Pelajar yang terlibat ialah 7 orang dari Program Diploma Seni Reka Fesyen namun hanya 3 orang diambil menjadi responden kajian. Kelas ini terdiri daripada 7 orang pelajar perempuan dan tiada pelajar lelaki. 5 orang pelajar berbangsa Melayu dan 2 orang berbangsa Bidayah.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kaedah yang digunakan dalam kajian kes adalah berbentuk kualitatif iaitu dengan menggunakan teknik tinjauan pemerhatian dan teknik temu bual. Teknik pemerhatian dijalankan ketika pengajaran berlangsung manakala teknik temu bual dilaksanakan selepas tamat proses pengajaran.

### **Tinjauan Masalah**

#### **Pemerhatian**

Pemerhatian dilakukan semasa berlangsungnya proses pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan kepada tinjauan yang dilakukan semasa guru mengajar, terdapat beberapa tingkah laku pelajar yang diperhatikan. Antaranya ialah pelajar sering menggunakan telefon pintar terutamanya pelajar yang duduk di bahagian belakang kelas. Pelajar-pelajar ini dilihat menggunakan telefon secara bersembunyi ketika guru mengajar. Telefon diletakkan dalam beg sekolah dan digunakan tanpa pengetahuan guru. Pelajar juga dilihat menggunakan telefon pintar selepas kira-kira 20 minit proses pengajaran dan pembelajaran bermula. Selain itu, pelajar juga dilihat tidak dapat menjawab soalan guru ketika ditanya berkaitan dengan topik pembelajaran. Pelajar yang menggunakan telefon pintar secara bersembunyi ketika guru mengajar kelihatan terkejut apabila nama dipanggil untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru. Pelajar hanya mendiamkan diri dan mengatakan dirinya tidak tahu. Pelajar juga tidak pelajar mempedulikan teguran guru walaupun setelah guru menegur pelajar berkenaan penggunaan telefon pintar di bilik darjah. Pelajar akan berhenti menggunakan telefon pintar buat sementara selepas ditegur oleh guru dan akan membuka semula telefon pintar ketika guru mengalihkan pandangannya.

#### **Temu bual**

Temu bual dilaksanakan bagi mengetahui punca pelajar menggunakan telefon pintar dan implikasi penggunaan telefon bimbit terhadap diri mereka. Berdasarkan temu bual yang telah dilakukan bersama pelajar yang menggunakan telefon pintar dalam bilik darjah, terdapat beberapa punca pelajar menggunakan telefon pintar semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Antaranya ialah

pelajar menggunakan telefon pintar untuk membalas pesanan *Whatsapp*, menghilangkan rasa mengantuk, membuat kajian dan membuat carian *Google*. Berikut merupakan transkripsi temubual yang dijalankan bersama dengan pelajar.

*Soalan 1: Apakah tujuan anda menggunakan telefon pintar semasa guru mengajar?*

Pelajar	Respon Pelajar
Pelajar 1	<i>Saya buka fon sebab nak reply chat orang. Saya ada buat kerja part time. Saya jual tudung, jadi dropship je la. Kadang saya buka fon sebab rasa mengantuk. Saya buka facebook.</i>
Pelajar 2	<i>Saya pakai fon untuk buat research, cari idea berkaitan untuk projek tahun akhir saya. Ermm, lepas tu saya buka whatsapp nak reply chat kawan-kawan saya, keluarga saya. Haa, nak ambil gambar projek saya untuk buat report. Dan pakai untuk selfie.</i>
Pelajar 3	<i>Saya pakai untuk buat research, untuk google, whatsapp dan buat kerja yang cikgu bagi. Selalu saya pakai untuk buka group Whatsapp saja.</i>

Jadual 1: Transkripsi temu bual pelajar untuk soalan pertama

*Soalan 2: Anda rasa apa kesan penggunaan telefon pintar semasa guru mengajar terhadap diri anda?*

Pelajar	Respon Pelajar
Pelajar 1	<i>Saya jadi tak fokus dengar cikgu mengajar. Jadi terlalu taksu dengan telefon. Sentiasa nak buka telefon tengok apa yang menarik kat Whatsapp dengan Facebook. Hujung-hujung apa yang diajar tak dapat nak tangkap.</i>
Pelajar 2	<i>Telefon ni melalaikan saya. Saya tak menumpukan perhatian semasa guru bercakap. Tapi telefon ni ada baiknya juga. Saya pakai untuk cari bahan dekat Google. Macam untuk kelas Pendidikan Islam, ada ayat dalam Bahasa arab yang saya tak faham, saya google lah. Saya buat masa cikgu mengajar sebab tak sempat nak buat kat rumah. Kerja tu nak kena hantar hari tu juga.</i>
Pelajar 3	<i>Saya boleh rujuk google untuk cari tahu apa yang saya tak tahu. Contoh macam fabrik dan cara nak jahit jenis fabrik tu. Tapi fon ni ganggu juga sebab masa nak belajar ada sahaja teks yang masuk.</i>

Jadual 2: Transkripsi temu bual pelajar untuk soalan kedua

### Analisis Tinjauan Masalah

Analisis dilakukan setelah pemerhatian dan temu bual dijalankan. Fokus pemerhatian adalah untuk melihat tingkah laku pelajar terutama dalam penggunaan telefon pintar semasa guru mengajar. Manakala bagi temu bual, fokus adalah pada tujuan dan kesan penggunaan telefon pintar terhadap diri pelajar.

### Pemerhatian

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan terhadap pelajar diploma Tahun 2 Program Seni Reka Fesyen, 3 orang pelajar yang duduk di bahagian belakang kelas dilihat sering menggunakan telefon secara bersembunyi bagi mengelakkan diketahui oleh guru. Terdapat pelajar yang ditegur oleh guru ketika ditangkap menggunakan telefon semasa guru mengajar. Namun teguran tersebut hanya berkesan selama beberapa minit sebelum pelajar memulakan lagi tindakan menggunakan telefon secara bersembunyi. Pemerhatian yang dijalankan mendapati tindakan guru untuk menegur pelajar menyebabkan tumpuan diberikan kepada pelajar tersebut sehingga mengganggu fokus pelajar lain yang tengah menumpukan perhatian terhadap pengajaran guru. Hal ini juga bermakna, teguran yang dilakukan oleh guru kurang berkesan kerana pelajar mengulang semula tingkah laku tersebut selepas beberapa minit. Justeru, guru perlu memikirkan kaedah lain untuk mengawal tingkah laku pelajar agar tidak mengganggu pelajar lain yang fokus dengan pengajaran guru.

Selain itu, penggunaan telefon pintar dalam bilik darjah juga menyebabkan pelajar hilang tumpuan. Perkara ini dipersetujui oleh Azzyati Ahmad (2015) bahawa tumpuan pelajar akan terjejas sekiranya banyak masa digunakan bagi melayari laman web tertentu, menjawab email atau berSMS

serta dapat mengalih fokus rakan yang duduk berhampiran dan juga rakan sekelas yang lain. Kesannya dapat dilihat ketika dua orang pelajar yang duduk di bahagian belakang kelas kelihatan terkejut dan tidak dapat menjawab soalan yang ditanya oleh guru. Perkara ini akan mengganggu usaha guru untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif untuk pelajar. Pelajar akan ketinggalan dalam pembelajaran mereka kerana lebih fokus dengan telefon daripada menumpukan perhatian dalam pengajaran guru. Perkara ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Nurul Amalina (2016) iaitu meyoriti pelajar tidak mampu berjauhan dengan telefon bimbit dan sentiasa ingin mengetahui maklumat terkini dan semasa melalui telefon bimbit mereka. Bahkan kegagalan pelajar untuk menjawab soalan guru akan menyebabkan guru beranggapan bahawa sesi pengajaran tidak berkesan dan pelajar tidak mendapat input daripada pengajarannya. Bukan itu sahaja, soalan yang ditanya oleh guru mungkin boleh menjadi soalan yang bakal ditanya dalam peperiksaan. Sekiranya pelajar gagal menjawab semasa pengajaran, dikhuatiri pelajar juga akan gagal menjawab dalam peperiksaan sebenar dan akhirnya mempengaruhi tahap pencapaian pelajar. Oleh itu, guru perlu merancang kaedah yang lebih berkesan dalam mengawal penggunaan telefon di kalangan pelajar agar semua pelajar dapat menumpukan perhatian dalam pembelajaran mereka dan tidak tertinggal input penting daripada guru.

### **Temu Bual**

Berdasarkan temu bual yang dilakukan, terdapat beberapa tujuan penggunaan telefon pintar semasa proses pengajaran dan pembelajaran oleh pelajar. Seorang pelajar menggunakan telefon pintar untuk menghilangkan rasa mengantuk ketika guru mengajar. 2 orang pelajar menggunakan telefon pintar untuk mencari bahan bagi kajian mereka dan bagi membuat tugas yang diberikan oleh guru. 3 orang pelajar menyatakan bahawa tujuan penggunaan telefon pintar adalah untuk membalas pesanan Whatsapp sama ada dari keluarga dan rakan. Hal ini turut diperhatikan dalam kajian Fariza Khalid *et.al* (2016) iaitu dari sudut penggunaan telefon pintar untuk tujuan umum, dapatan menunjukkan penggunaan tertinggi adalah bagi kategori untuk tujuan sosialisasi. Tujuan penggunaan telefon pintar boleh dikategorikan kepada tujuan positif dan tujuan negatif. Tujuan positif termasuklah telefon digunakan untuk mencari bahan kajian dan bahan tugas yang diperlukan manakala tujuan negatif ialah menggunakan telefon untuk membalas pesanan teks rakan dan keluarga yang boleh dilakukan selepas sesi pengajaran dan pembelajaran tamat. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa tujuan penggunaan telefon pintar dalam kalangan pelajar diploma program seni reka fesyen adalah sebagai alat mengalihkan rasa mengantuk semasa guru mengajar, mencari bahan kajian pelajar, melengkapkan tugas yang diberi oleh guru dan membalas pesanan teks daripada rakan dan keluarga.

Penggunaan telefon pintar semasa proses pengajaran dan pembelajaran juga pasti mendatangkan kesan kepada pelajar sama ada kesan positif mahupun negatif bergantung kepada integriti pelajar apabila diberi kemudahan untuk membawa telefon ke sekolah. Berdasarkan temu bual, 2 orang pelajar menyatakan telefon pintar menyebabkan ketagihan iaitu menyebabkan mereka tidak dapat mengalihkan pandangan daripada memegang telefon dan melihat kandungan telefon. 3 orang pelajar mengatakan penggunaan telefon pintar semasa guru mengajar menyebabkan mereka tidak dapat menumpukan perhatian. 2 orang pelajar menyatakan telefon pintar membantu mereka dalam menyiapkan tugas yang diberi oleh guru. Seorang pelajar menggunakan telefon untuk mencari maklumat berkaitan mata pelajaran yang diajar. Perkara ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Noor Syahida Shamsuddin *et. al.*, (2019) iaitu penggunaan telefon pintar untuk tujuan pembelajaran menunjukkan bahawa para pelajar paling banyak menggunakan untuk tujuan mencari nota atau bahan rujukan berkaitan kursus yang dipelajari dengan melayari Google Search, Chrome dan lain-lain. Kesan yang dikenalpasti dalam temubual adalah gabungan kesan positif dan kesan negatif. Kesan positif yang dikenalpasti ialah pelajar menggunakan telefon untuk mencari maklumat berkaitan projek tahun akhir mereka dan mencari maklumat untuk menyiapkan tugas mereka. Namun kesan buruk yang dikenalpasti ialah pelajar membina suatu ketagihan terhadap telefon dan pelajar tidak menumpukan perhatian terhadap pengajaran guru.

### **Tindakan Yang Dijalankan**

Kaedah yang akan dilaksanakan untuk membantu guru mengawal penggunaan telefon pintar di bilik darjah adalah kaedah pemugaran bilik darjah. Kaedah ini terbentuk hasil daripada cadangan pelajar yang ditemui bual. Cadangan-cadangan mereka digabungkan dan dibentuk menjadi satu kaedah yang mengandungi dua aktiviti intervensi. Pemugaran bermaksud pemulihan. Pemugaran dilaksanakan bagi membantu mengawal tingkah laku pelajar yang cenderung menggunakan telefon pintar ketika guru mengajar. Terdapat dua aktiviti yang akan dilaksanakan iaitu memperkenalkan peraturan bilik darjah dan peranan guru sebagai guru disiplin. Aktiviti ini dijalankan setelah perbincangan dengan guru yang

terlibat. Guru bersetuju untuk melaksanakan intervensi ini bagi melihat sama ada intervensi ini berkesan dalam mengurus isu bilik darjah iaitu penggunaan telefon pintar secara tidak bertanggungjawab dalam kalangan pelajar diploma seni reka fesyen. Aktiviti memperkenalkan peraturan bilik darjah dilaksanakan terlebih dahulu iaitu selama 2 hari. Dalam tempoh 2 hari, guru merekodkan pemerhatian terhadap tingkah laku pelajar. Pada hari ketiga, guru melaksanakan aktiviti peranan guru sebagai guru disiplin iaitu dengan mengambil telefon pelajar sebelum pengajaran bermula.

## **CADANGAN PENAMBAHBAIKAN YANG AKAN DILAKSANAKAN UNTUK MENANGANI ISU**

Berikut merupakan aktiviti yang dijalankan untuk membantu guru mengawal penggunaan telefon pintar di bilik darjah.

### **Aktiviti 1: Memperkenalkan Peraturan Bilik Darjah**

Bagi membantu guru mengawal penggunaan telefon pintar dalam bilik darjah, peraturan bilik darjah diperkenalkan. Jika sebelum ini, tiada peraturan ditentukan oleh guru dan pelajar bebas melakukan apa sahaja tanpa hukuman, guru boleh mula memperkenalkan peraturan baru. Peraturan ini perlu diumumkan sebelum guru memulakan pengajaran. Peraturan yang diperkenalkan ialah pelajar yang menggunakan telefon pintar semasa guru mengajar akan dikenakan denda. Denda yang boleh dikenakan ialah berupa wang ringgit atau hukuman membersihkan kelas selama seminggu. Guru menetapkan jumlah denda yang akan dikenakan sekiranya pelajar tertangkap dan pelajar setuju dengan jumlah RM10 setiap kali ditangkap dan duit tersebut akan dimasukkan ke tabung kelas. Pelajar akan diberi pilihan sama ada untuk membayar denda atau membersihkan kelas selama seminggu.

### **Pemerhatian**

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, semasa guru mengumumkan peraturan bilik darjah, pelajar kelihatan tertanya-tanya dan ada pelajar yang bertanyakan kepada guru apa peraturan yang dimaksudkan. Guru meneruskan dengan menerangkan peraturan bilik darjah kepada murid. Semasa guru menerangkan peraturan tersebut, pelajar mengeluh dan agak terkejut ketika guru menyatakan denda dan hukuman yang akan dikenakan sekiranya ditangkap menggunakan telefon tanpa penerangan guru. Setelah pelaksanaan aktiviti ini, tiada pelajar yang ditangkap menggunakan telefon. Pelajar juga kelihatan patuh akan peraturan yang direka oleh guru. Walau bagaimanapun, terdapat pelajar yang kelihatan menunduk kepala selang beberapa minit guru mengajar. Pelajar tersebut disyaki sedang menggunakan telefon secara curi-curi namun apabila guru dengan sengaja berjalan ke arah meja pelajar, pelajar dengan cepat mengambil buku nota dan menyalin nota yang ditulis oleh guru. Pelajar tidak dapat dikenakan denda atau hukuman kerana pelajar tidak menggunakan telefon ketika guru datang untuk memeriksa. Disebabkan itu, aktiviti memperkenalkan peraturan bilik darjah boleh diaplikasikan tetapi dengan pengawasan ketat daripada guru.

### **Refleksi**

Dalam aktiviti memperkenalkan peraturan bilik darjah, terdapatnya kesan positif dan kesan negatif yang dapat dikenal pasti. Kesan positif daripada pelaksanaan peraturan ini ialah penurunan kadar penggunaan telefon pintar dalam kalangan pelajar. Kekangan daripada aktiviti ini pula ialah guru tidak dapat memerhatikan semua pelajar ketika mengajar dan masih terdapat pelajar yang menggunakan telefon pintar secara bersembunyi tanpa ditangkap oleh guru. Memandangkan terdapat kemungkinan pelajar masih lagi menggunakan telefon tanpa pengetahuan guru, cadangan yang boleh diberikan untuk menambah baik aktiviti ini ialah dengan mentransformasikan kaedah pengajaran guru dan menerapkan elemen penggunaan teknologi (telefon pintar) dalam pembelajaran pelajar. Misalnya, guru boleh merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang memerlukan pelajar untuk menggunakan telefon mereka. Dalam pembelajaran teori, guru boleh meminta pelajar untuk berada dalam kumpulan dan membentuk sebuah peta i-think berdasarkan topik yang diberikan. Pelajar dikehendaki untuk menggunakan telefon mereka untuk mencari maklumat yang berkaitan dan akan membentangkan hasil kerja mereka kepada rakan yang lain dalam aktiviti *stay-stray*. Dengan ini, guru akan dapat memanfaatkan penggunaan telefon pelajar di samping berhasil menerapkan kaedah pembelajaran abad ke-21 yang mementingkan aspek teknologi dalam pengajaran guru. Pelajar juga dapat menggunakan telefon mereka untuk tujuan pembelajaran dan bukan hanya untuk membalas pesanan *Whatsapp*.

### **Aktiviti 2: Peranan Guru Sebagai Guru Disiplin**

Untuk aktiviti guru sebagai guru disiplin, guru akan bertindak seperti guru disiplin yang 'merampas' telefon pelajar. Tindakan yang perlu dilakukan oleh guru ialah menahan telefon pelajar sebelum memulakan pengajaran. Pelajar akan diminta untuk menyerahkan telefon mereka sebelum memasuki bilik darjah. Guru akan meminta pelajar untuk meletakkan telefon mereka dalam mod senyap atau dipadamkan. Telefon diletakkan dalam kotak dan kotak tersebut diletakkan di hadapan kelas iaitu di meja guru. Pelajar hanya dibenarkan untuk mengambil telefon mereka selepas tamat kelas dan hanya ketika dibenarkan oleh guru.

### **Pemerhatian**

Dari pemerhatian yang dilakukan, ketika guru melaksanakan tindakan ini, semua pelajar menurut arahan guru dan meletakkan telefon mereka dalam kotak yang telah disediakan oleh guru. Pelajar yang sering menggunakan telefon secara bersembunyi juga menumpukan perhatian kepada pengajaran guru. Pelajar-pelajar yang duduk di bahagian belakang kelas juga dapat menjawab soalan yang ditanya oleh guru. Hal ini menunjukkan bahawa tanpa gangguan telefon pintar, pelajar mampu memberi tumpuan sepenuhnya dan mendapat input daripada pengajaran guru. Guru juga dapat membentuk persekitaran pembelajaran yang kondusif tanpa gangguan daripada tingkah laku pelajar yang taksud dengan telefon pintar. Guru tidak lagi perlu memberhentikan pengajaran untuk menegur pelajar yang hanya fokus menggunakan telefon tetapi tidak fokus menyerap ilmu yang disalurkan oleh guru. Justeru, aktiviti guru sebagai guru disiplin dilihat berhasil mengalihkan perhatian pelajar daripada menggunakan telefon pintar kepada menumpukan perhatian terhadap penyampaian ilmu oleh guru.

### **Refleksi**

Dalam aktiviti peranan guru sebagai guru disiplin, pelajar kelihatan agak tenang berbanding ketika guru memperkenalkan peraturan bilik darjah. Hal ini mungkin disebabkan pelajar sudah boleh mengagak bahawa guru akan memperketatkan lagi peraturan sedia ada. Untuk aktiviti guru sebagai guru disiplin, pelajar menurut arahan yang diberikan oleh guru. Pelajar kelihatan mengeluarkan telefon dari beg sekolah dan meletakkan dalam kotak yang disediakan oleh guru. Pelajar juga tidak meminta kepada guru untuk menggunakan telefon mereka sepanjang guru mengajar. Pelajar mematuhi peranan guru sebagai guru disiplin yang bertindak dengan menahan telefon pelajar sehingga kelas tamat. Aktiviti ini boleh dikatakan berkesan kerana pelajar tidak lagi dapat menggunakan telefon mereka dan tiada gangguan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Suasana pembelajaran kondusif juga dapat diwujudkan tanpa gangguan tingkah laku bermasalah.

## **REFLEKSI KESELURUHAN KAJIAN**

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, punca utama pelajar menggunakan telefon ialah untuk membalas pesanan teks Whatsapp daripada keluarga dan kawan-kawan mereka. Telefon pintar juga digunakan untuk mencari bahan kajian bagi projek tahun akhir mereka. Memandangkan pelajar ialah pelajar diploma tahun 2 yang bakal menamatkan pengajian mereka, pelajar dikehendaki untuk menyediakan dan menyiapkan projek tahun akhir sebagai salah satu syarat untuk bergraduasi. Oleh itu, penggunaan telefon dalam kalangan pelajar diploma tahun 2 tidak dapat dielakkan. Selain itu, telefon pintar juga digunakan untuk mengambil gambar projek mereka. Gambar-gambar ini kemudiannya akan dimasukkan dalam laporan projek pelajar. Walaubagaimanapun, tindakan pelajar menggunakan telefon semasa guru tengah mengajar disifatkan sebagai tidak wajar kerana pelajar telah menggunakan masa belajar untuk membuat tugas lain. Perkara ini akan menyebabkan pelajar tidak fokus dan ketinggalan dalam input yang cuba disampaikan oleh guru. Seterusnya, pelajar yang menggunakan telefon semasa sesi pengajaran dan pembelajaran juga menyedari kesan daripada tingkah laku mereka. Bahkan pelajar-pelajar ini tahu bahawa tindakan mereka adalah tidak wajar namun masih melakukannya. Antara implikasi yang dinyatakan oleh pelajar-pelajar ini ialah mereka menjadi taksud untuk menggunakan telefon. Mereka mempunyai keinginan untuk memeriksa pesanan teks Whatsapp setiap masa sehingga mengganggu tumpuan mereka dalam kelas. Bagi pelajar-pelajar ini, mereka juga cuba mempertahankan pandangan mereka iaitu dengan mengatakan mereka menggunakan telefon untuk melakukan tugas-tugas lain yang perlu dihantar pada hari yang sama. Apapun alasan yang diberikan oleh pelajar, tindakan melakukan kerja lain sewaktu guru mengajar adalah tidak patut kerana tugas yang diberikan seharusnya disiapkan di rumah. Disebabkan itu, kaedah pemugaran bilik darjah dilaksanakan untuk membantu guru mengawal penggunaan telefon pintar semasa PdP berlangsung.

Dalam kaedah pemugaran bilik darjah, terdapat dua aktiviti yang dilaksanakan. Aktiviti tersebut ialah memperkenalkan peraturan bilik darjah dan aktiviti peranan guru sebagai guru disiplin. Dalam aktiviti memperkenalkan peraturan bilik darjah, guru belum pernah membuat apa-apa jenis peraturan di bilik darjah. Disebabkan itu, pelajar kelihatan agak terkejut dengan peraturan yang dibuat oleh guru. Hasil daripada aktiviti ini, terdapat penurunan dalam kes pelajar menggunakan telefon ketika guru mengajar iaitu dari tiga orang pelajar kepada satu orang pelajar. Pelajar kelihatan menumpukan perhatian semasa guru mengajar. Hanya seorang pelajar disyaki menggunakan telefon secara bersembunyi tanpa pengetahuan guru. Pelajar tidak dapat dikenakan denda atau hukuman kerana ketika guru berjalan ke arah pelajar untuk memeriksa pelajar, pelajar sebaliknya menulis nota yang diajarkan oleh guru. Dalam aktiviti peranan guru sebagai guru disiplin pula, pelajar mematuhi arahan guru dan memberikan telefon mereka untuk disimpan oleh guru sementara proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Sepanjang dijalankan, tiada pelajar yang meminta kepada guru untuk menggunakan telefon mereka. Pelajar juga lebih menumpukan kepada pengajaran guru.

Selepas penerapan peraturan bilik darjah dan peranan guru sebagai guru disiplin, guru tidak lagi perlu mengambil masa untuk menegur pelajar. Pelajar juga dapat belajar dalam suasana tenang kerana guru dapat memberi fokus sepenuhnya untuk mengajar pelajar. Guru juga mempunyai lebih masa untuk memberi tumpuan pada kelemahan pelajar dalam topik yang diajar. Bahkan guru akan mempunyai masa yang mencukupi untuk merancang aktiviti pembelajaran yang menarik minat pelajar. Dengan ini dapatlah dirumuskan bahawa aktiviti memperkenalkan peraturan bilik darjah dan peranan guru sebagai guru disiplin dapat membantu guru mengawal penggunaan telefon pintar di bilik darjah semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

## CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Disebabkan kaedah pemugaran bilik darjah iaitu bagi aktiviti pengenalan peraturan bilik darjah dan aktiviti peranan guru sebagai guru disiplin mendatangkan hasil yang memberangsangkan, dicadangkan agar aktiviti ini dilaksanakan secara menyeluruh iaitu bagi semua program yang terdapat di Kolej Vokasional Matang. Kaedah ini mudah dilaksanakan dan dapat dilakukan pada bila-bila masa mengikut keperluan guru. Walaubagaimanapun, untuk melaksanakan aktiviti peraturan bilik darjah, guru perlu melaksanakannya secara konsisten agar pelajar tahu bahawa peraturan ini diaplikasikan sepanjang waktu pembelajaran iaitu dari kelas 7.30 pagi sehingga 4.30 petang. Untuk pengkaji akan datang, dicadangkan untuk mengkaji berkaitan penggunaan telefon pintar dalam kalangan pelajar dan kesan ke atas keputusan peperiksaan pelajar. Selain itu, dicadangkan juga kepada pengkaji akan datang untuk mengkaji potensi penggunaan telefon pintar dalam aktiviti pembelajaran pelajar. Cadangan ini selaras dengan keperluan pembelajaran abad ke 21 yang memerlukan aplikasi teknologi. Memandangkan pelajar mengatakan mereka menjadi taksu dengan telefon pintar, pengkaji akan datang juga boleh mengkaji berkenaan ketagihan pelajar dalam menggunakan telefon pintar.

## RUJUKAN

- Abdul Said Ambotang. (2019, Nov 13). Impak penggunaan telefon pintar terhadap pelajar. *Press Reader*. <https://www.pressreader.com/malaysia/utusan-borneo-sabah/20191113/282067688756663>
- Azzyati Ahmad (2015). Kajian menunjukkan pelajar tidak mampu guna telefon dan belajar secara serentak. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kajian-menunjukkan-pelajar-tidak-mampu-guna-telefon-dan-belajar-secara-serentak-62357>
- Fariza Khalid, Md Yusoff Daud & Mohd Khalid Mohamad Nasir. (2016). Perbandingan penggunaan telefon pintar untuk tujuan umum dan pembelajaran dalam kalangan pelajar universiti. *International Conference on Education and Regional Development*. 31 Oktober-1 November. Universiti Kebangsaan Malaysia. 173-182
- Hasfarina Abas. (2012). *Tahap, amalan dan masalah pengurusan bilik darjah guru-guru sekolah menengah daerah Segamat*. [Tesis Ijazah Sarjana Yang Tidak Diterbitkan]. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nurhazieya Asyikin Ya'akup. (2012, May 5). *Kajian mengenai kesan penggunaan telefon bimbit di kalangan pelajar*. Slide Share. <https://www.slideshare.net/nurhazieyaasyikin/kajian-mengenai-kesan-penggunaan-telefon-bimbit-di-kalangan-pelajar>



- Nurul Amalina (2016), *Implikasi penggunaan telefon bimbit di bilik kuliah dalam kalangan pelajar komunikasi UPM* [Tesis Ijazah Sarjana Muda Yang Tidak Diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia.
- Norbaidurah Ithnain, Shazli Ezzat Ghazali & Norrafizah Jaafar. (2018). Ketagihan telefon pintar dalam kalangan mahasiswa. *Malaysia Journal of Youth Studies*. 18, 135-147  
<http://www.iyres.gov.my/images/MJYS/2018/MJYS%20Vol%2018%20June%202018-135-147.pdf>
- Noor Syahida Shamsuddin, Rosamalina Mohd & Safiah Binti Awang (2019). Perbandingan Penggunaan Telefon Pintar Untuk Tujuan Umum Dan Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Semester 1. *Proceeding of the Malaysia TVET on Research via Exposition*.  
[https://www.researchgate.net/publication/348833354\\_Perbandingan\\_Penggunaan\\_Telefon\\_Pintar\\_Untuk\\_Tujuan\\_Umum\\_Dan\\_Pembelajaran\\_Dalam\\_Kalangan\\_Pelajar\\_Semester\\_1\\_Di\\_Politeknik\\_Sultan\\_Mizan\\_Zainal\\_Abidin\\_Dungun\\_Terengganu](https://www.researchgate.net/publication/348833354_Perbandingan_Penggunaan_Telefon_Pintar_Untuk_Tujuan_Umum_Dan_Pembelajaran_Dalam_Kalangan_Pelajar_Semester_1_Di_Politeknik_Sultan_Mizan_Zainal_Abidin_Dungun_Terengganu)
- Paliza Deraman & Norarziana Sasudin. (n.d.). Kajian persepsi penggunaan telefon pintar dalam pembelajaran di kalangan kolej komuniti Termeloh. *E-Proceedings National Innovation and Invention Competition through Exhibition (iCompEx'18)*. <https://docplayer.info/141053074-Kajian-persepsi-penggunaan-telefon-pintar-di-dalam-pembelajaran-di-kalangan-kolej-komuniti-temerloh.html>
- Rashiqah Ilmi Abd Rahim. (2016, Ogos 14). Majoriti belia negara ketagih internet, media sosial, berdepan risiko masalah mental. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/08/182970/majoriti-belia-negara-ketagih-internet-media-sosial-berdepan-risiko>
- Tang, L.S. & Manisah Mohd Ali. (2020, Nov 15). Penggunaan telefon pintar dan tahap nomofobia dalam kalangan murid berkeperluan khas di sekolah menengah. *Malaysian Journal of Society and Space*, 16(4), 164-178. <https://doi.org/10.17576/geo-2020-1604-12>

## **AMALAN TERBAIK PENTAKSIRAN PDPR DI SEBUAH PRASEKOLAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU**

**SITI SALEHA BINTI SAMSURI, PhD**

IPG Kampus Tun Hussein Onn  
sitisaleha@iptho.edu.my

### **ABSTRAK**

Kajian bertujuan untuk mengkaji amalan terbaik pelaksanaan pentaksiran PdPR di sebuah prasekolah Institut Pendidikan Guru (IPG) dan cabaran yang dihadapi. Rekabentuk kajian ini adalah kajian kes kualitatif yang dijalankan di sebuah prasekolah IPG. Peserta kajian terdiri daripada seorang guru prasekolah dan 5 orang ibu bapa yang terlibat dalam pentaksiran murid. Kaedah pengumpulan data adalah secara temu bual menggunakan set protokol separa temu bual dan semakan dokumen. Data kajian dianalisis dalam bentuk naratif iaitu hasil temu bual yang ditranskripsikan secara verbatim. Semakan dokumen meliputi semakan RPH, modul PdPR, hasil tugas murid dan pelaporan pentaksiran perkembangan murid. Dapatan kajian mendapati pentaksiran formatif PdPR yang dilaksanakan guru dikongsi bersama dengan ibu bapa terutama penetapan kriteria kejayaan yang jelas melalui amalan pemerhatian ibu bapa di rumah menggunakan senarai semak standard prestasi dalam setiap aktiviti pembelajaran murid di rumah. Pertimbangan profesional secara berfasa dilaksanakan bagi membuat tindakan susulan untuk pemantapan tahap penguasaan murid dalam PdPR.

Kata kunci: Pentaksiran prasekolah, Pengajaran dan Pembelajaran di rumah (PdPR), murid prasekolah.

### **PENGENALAN**

Pendidikan prasekolah merupakan pendidikan awal bagi kanak-kanak umur empat hingga enam tahun yang diberikan bagi mereka mendapatkan pengalaman dan persediaan diri untuk bersekolah formal di Tahun 1. Matlamat utama pembelajaran di prasekolah adalah untuk mendapat kemahiran asas Membaca, Mengira, Menulis dan Menaakul (4M) selain daripada meningkatkan perkembangan secara holistik dari semua aspek domain perkembangan kanak-kanak. Justeru pentaksiran dan penilaian terhadap kedua-dua matlamat dalam pembelajaran di prasekolah tersebut perlu dilaksanakan dengan berkesan supaya tiada keciciran pembelajaran dan persediaan awal ke Tahun 1 sekolah rendah dalam kalangan murid prasekolah.

Pentaksiran di prasekolah melibatkan proses pengumpulan maklumat yang berkaitan perkembangan dan kemajuan murid dalam pembelajaran mereka menggunakan pelbagai kaedah (KPM, 2017). Tujuan pentaksiran adalah untuk mengumpul maklumat tentang perkembangan murid bagi membantu guru membuat penilaian terhadap mereka dengan tujuan mengenal pasti tindakan susulan yang sesuai bagi mencapai objektif pembelajaran di prasekolah. Dengan cabaran pembelajaran murid secara Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) semasa tempoh pandemik Covid-19 ini, guru prasekolah memerlukan cara dan kaedah yang lebih sesuai dan kreatif dalam membuat pentaksiran pembelajaran murid terutama bagi menilai keberhasilan pembelajaran murid di rumah. Dapatan kajian Mardziah Abdullah et al. (2019) menunjukkan masih ada kalangan ibu bapa yang mahukan konsep peperiksaan bagi menilai kemajuan 4M anak mereka walaupun stail guru prasekolah lebih kepada kaedah pengumpulan portfolio dan laporan berbentuk deskriptif. Dengan situasi yang berlaku sekarang dalam masa pandemik Covid-1, pelaksanaan PdPR seharusnya diperkemaskan supaya tiada keciciran pembelajaran berlaku dalam kalangan murid terutamanya murid prasekolah.

Peranan ibu bapa di rumah dalam menyediakan persekitaran pembelajaran secara fizikal dan psikososial murid adalah sangat penting. Proses pentaksiran yang menjadi tanggung jawab guru sepenuhnya di kelas prasekolah kini perlu dilaksanakan oleh ibu bapa kerana aktiviti pembelajaran murid berlaku di rumah. Pentaksiran berterusan secara pemerhatian merupakan kaedah pentaksiran yang utama dalam penilaian perkembangan tahap keberhasilan kemenjadian murid di prasekolah.

Justeru itu, guru perlu merancang pentaksiran dan pelaksanaan pemerhatian dilakukan oleh ibu bapa semasa bimbingan pembelajaran dilakukan. Penguasaan guru berkaitan pedagogi terbeza terutamanya dalam memilih standard pembelajaran dan merancang bahan serta alat pentaksiran dengan kemahiran ibu bapa menjadi penentu kejayaan proses pembelajaran murid di rumah (Siti Saleha Samsuri, 2020). Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi memperlihatkan amalan terbaik dalam merancang dan pelaksanaan proses pentaksiran dan penilaian guru terhadap tahap perkembangan pembelajaran murid di sebuah prasekolah IPG yang melibatkan ibu bapa murid di rumah semasa slot PdPR.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Panduan jelas berkaitan pembelajaran murid semasa PdPR telah diberikan melalui dokumen rasmi Manual Panduan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah Tahun 2020 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kaedah dan pelaksanaan PdPR dijelaskan dengan baik namun tiada penjelasan berkaitan pentaksiran kemajuan dan perkembangan pembelajaran murid dijelaskan dalam manual tersebut. Ini memungkinkan ada guru yang tidak cakna tentang kepentingan pentaksiran dan impaknya kepada perkembangan dan pencapaian pembelajaran murid semasa tempoh PdPR ini. Ini dijelaskan oleh dapatan kajian Mardziah Abdullah et al.(2019), pentaksiran tidak berlaku di prasekolah setiap hari di prasekolah dan guru hanya menyediakan pentaksiran sekiranya ada perjumpaan bersama ibu bapa atau waris murid.

Kegagalan dalam membuat pentaksiran dan penilaian yang baik terhadap setiap murid prasekolah semasa PdPR menyebabkan jurang kemahiran asas yang memberi kesan negatif kepada pembelajaran di Tahun 1. Walaupun semua guru prasekolah telah didedahkan tentang kaedah, penyediaan instrumen dan proses penilaian terhadap perkembangan pembelajaran murid prasekolah dengan baik semasa latihan perguruan, guru-guru masih bermasalah dalam membuat pentaksiran di prasekolah, hanya seorang daripada empat peserta kajiannya yang dapat melengkapkan laporan pentaksiran dengan sempurna (Mardziah et al., 2019). Guru-guru dikatakan masih kurang berkemahiran dalam pentaksiran kerana kekurangan masa disebabkan banyak pengurusan prasekolah lain yang terpaksa ditangani ( Nor Asnira Mohd Norwi, 2018).

Perubahan pelaksanaan kurikulum semasa memerlukan pelaksanaan secara *backward design* dimana kepentingan pentaksiran secara formatif iaitu berterusan dilaksanakan dirancang terlebih dahulu selepas merungkai kurikulum(PPPM 2013-2025). Semasa peringkat merancang lagi, keperluan guru menentukan instrumen, melaksana PdP dan mentaksir, merekod, menganalisis, mengambil tindakan susulan, dan melapor perlu dijalankan (KPM, 2018). Namun ini berkemungkinan membuatkan ia bermasalah kepada guru jika proses pembelajaran murid berlaku di rumah kerana dapatan kajian Norshafinaz Abdul Sani & Faridah Yunus (2018) dalam keadaan di prasekolah, guru masih bermasalah dalam melaksanakan pentaksiran. Mereka sukar menentukan kaedah, strategi dan pelaksanaan pengajaran yang sesuai terutama dalam pembelajaran pranonumerasi. Oleh yang demikian, kajian harus dilakukan bagi meninjau amalan guru prasekolah yang terbaik dalam membuat pentaksiran di prasekolah semasa PdPR supaya dapat dijadikan panduan kepada guru prasekolah yang lain.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk

1. mengenal pasti amalan terbaik pelaksanaan guru dalam membuat pentaksiran pembelajaran murid prasekolah semasa PdPR di sebuah prasekolah IPG; dan
2. mengenal pasti isu dan cabaran pelaksanaan pentaksiran terhadap murid prasekolah semasa PdPR.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian menggunakan rekabentuk kajian kes kualitatif yang dijalankan di sebuah prasekolah IPG. Sampel kajian bertujuan di sebuah prasekolah yang dikaji berdasarkan penilaian pengkaji sendiri

terhadap amalan pelaksanaan pentaksiran yang dianggap terbaik. Temu bual bersama peserta kajian terdiri daripada seorang guru dan 5 orang ibu atau bapa murid di prasekolah yang dikaji. Temu bual berfokus dilaksanakan terhadap kumpulan ibu atau bapa murid secara *google meet* dan ditranskripsikan secara verbatim. Pengumpulan dan analisis data bagi semakan dokumen pula adalah melalui bukti dan hasil laporan pentaksiran yang telah dilaksanakan, gambar, rakaman video aktiviti PdPR dan rancangan pengajaran harian.

Semua data temu bual terhadap guru dan ibu murid dikodkan dan dihuraikan secara naratif dalam penulisan kajian ini berserta dengan bukti sokongan bergambar. Kaedah ini menurut Noraini Idris (2013) bertujuan untuk memahami persoalan, proses dan situasi dengan lebih mendalam. Data dianalisis bagi menimbulkan tema yang disahkan secara triangulasi dari semua data terkumpul dihuraikan dengan tersusun berkaitan kaedah, instrumen dan eviden yang digunakan dalam pelaksanaan pentaksiran secara autentik dan tatacara penilaian tahap perkembangan dan kemajuan murid ditunjukkan sebagai bahan bukti kajian. Kesahan dan kebolehpercayaan secara triangulasi data utama dan sokongan dengan pengesahan semula peserta kajian terlibat (*participant checking*) dan kepercayaan pengkaji juga adalah orang yang terlibat secara langsung dan pakar bidang prasekolah (*member checking*) menjadi prosedur kesahan kajian ini.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini berdasarkan hasil temu bual bersama peserta kajian dan analisis dokumen mengikut persoalan kajian yang dibina. Dapatan kajian dihuraikan mengikut objektif kajian seperti berikut:

1. Amalan pelaksanaan pelaksanaan guru dalam membuat pentaksiran pembelajaran murid prasekolah semasa PdPR

Secara asasnya pengetahuan pedagogi guru tentang pelaksanaan dan pentaksiran dalam PdP di prasekolah menjadi penentu kepada keberhasilan kemenjadian murid. Pentaksiran menjadi keutamaan dalam melihat kejayaan guru dalam melaksanakan PdPC dan ia dilaksanakan secara berterusan. Dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan pentaksiran di prasekolah dikaji adalah tersusun dan bersistematik. Bukti dari paparan dan semakan dokumen menunjukkan guru memperlihatkan keteraturan dalam melaksanakan pentaksiran semasa PdPR.

Guru melaksanakan PdPR menggunakan modul PdPR yang telah disusun setiap hari dalam seminggu mengikut tema mingguan. Panduan tugas yang jelas dalam modul tersebut iaitu muka surat hadapan, panduan pelaksanaan PdPR oleh ibu bapa, jadual waktu PdP sehari, RPH, tatacara tugas mengikut lima hari PdPR dan tugas aktiviti pembelajaran bersepadu melalui aktiviti projek, seni kreatif serta lembaran kerja disusun secara teratur. Setiap aktiviti dan tugas di lembaran kerja, guru sertakan sekali panduan bimbingan ibu bapa, kriteria kejayaan dan standard prestasi yang perlu ditanda oleh ibu bapa untuk mentaksir pencapaian perkembangan pembelajaran anak mereka.

Kaedah pelaksanaan pentaksiran dijelaskan dalam panduan modul dengan eviden yang perlu dihantar semula kepada guru dan ia mudah diikuti oleh ibu bapa. Kejelasan dan keteraturan modul tersebut ditulis secara ringkas dengan kata kerja secara eksplisit dapat difahami ibu bapa dengan jelas cara mentaksir anak mereka dengan betul serta dapat memenuhi kehendak guru. Mereka jelas berkaitan hasil eviden pentaksiran dan cara menanda standard prestasi mengikut pencapaian sebenar anak mereka.

Mudah fahamlah panduan yang ada dalam modul tu senang, nak buat apa..nak hasilkan apa tapi ada jugak ayat tu kurang faham..macam nak tengok pencapaian anak pun saya tahu dah, kita baca kat bawah tu anak patut boleh dapat apa.

KIB2/SK2:58

Ada kriteria kejayaan, objektif anak nak belajar apa jadi saya tahu anak nak kena pandai apa masa belajar tu..tapi masalah saya tu saya kadang tak boleh nak ajar anak..kena tunggu malam baru buat tapi anak saya buat hal la plak tak nak buat.

KIB3/SK2: 98

Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian ibu bapa bersetuju bahawa mereka mula faham berkaitan pentaksiran dan penilaian untuk perkembangan pembelajaran anak mereka di prasekolah. Mereka juga faham bahawa pembelajaran prasekolah adalah untuk menilai perkembangan secara holistik melalui tunjang-tunjang pembelajaran yang ada dalam kurikulum prasekolah. Contohnya dalam aktiviti seni kreatif dan projek, mereka membantu bimbing bersama-sama anak dan merasa sangat gembira dengan keseronokan anak-anak membuat aktiviti terutama setelah melihat hasilnya. Ibu bapa juga boleh memerhati proses pembelajaran dan mentaksir serta membuat penilaian yang betul dengan menyemak kriteria kejayaan dan tahap prestasi yang dicapai dalam setiap tunjang pembelajaran. Peningkatan dan kemajuan anak-anak dalam pembelajaran juga mereka dapat pelajari secara tidak langsung.

Saya lebih jelas prasekolah ni untuk apa sebab masih peringkat awal jadi nak tengok perkembangan macam fizikal, sosial..saya ni pun macam risau bila tak sekolah, anak saya tak jumpa kawan main sama-sama.

KIB1/SK2: 67

Kefahaman dan kejelasan ibu bapa terhadap kaedah pentaksiran semasa PdPR memudahkan guru untuk membuat pertimbangan profesional terhadap penilaian tahap prestasi anak mereka dalam pembelajaran. Kaedah pentaksiran secara pemerhatian, lisan dan penulisan mula difahami oleh ibu bapa murid melalui standard prestasi yang diberikan seperti ditunjukkan dalam Rajah 1. Namun dapatan kajian menunjukkan ada ibu bapa masih kurang faham tentang pernyataan atau huraian sesetengah standard prestasi tersebut. "...ada ayat tu saya selalu macam kurang faham la mungkin saya pun bukan cikgu..kalau boleh cikgu dapat tulis dengan jelas ikut fahaman kita" (KIB2/SK3: 233). Walau bagaimanapun perkara tersebut tidak menjadi masalah kepada ibu bapa kerana guru sentiasa membantu dari semasa ke semasa bagi mengatasi masalah tersebut.

Biasanya ibu bapa terus berhubung dengan guru secara personal atau melalui kumpulan telegram yang telah diwujudkan mengikut tiga kelompok tahap murid pada semester 1 iaitu kelompok 1- tahap tinggi, kelompok 2 - tahap sederhana dan kelompok 3 - tahap rendah. Manakala di semester 2, perubahan peningkatan prestasi murid setiap kelompok murid telah distruktur semula mengikut peningkatan tahap kepada dua tahap iaitu kelompok 1 - tinggi dan kelompok 2 - tahap sederhana. Setiap kelompok diberikan modul yang berbeza dari segi aras aktiviti pembelajaran bersepadu (*hands-on* dan *minds-on*) dan tugasan lembaran kerja bagi tunjang pembelajaran teras.

saya beri aktiviti AP tu sama je tapi klu yang macam tugasan tu saya ikut aras dalam kumpulan tulah. Jadi yang aras rendah tu kita bantu ibu bapa supaya boleh bimbing betul-betul macam cara menulis tu salah, saya akan bagi tahu *parent* kena ajar anak cara macam ni. yelah semua tu kena tunjuk dengan ibu bapa supaya mereka tahu cara tulis yang betul..barulah tulisan anak tu cantik.

PG/SK3: 121

### Bahasa Melayu

Siri Bacaan dan Aktiviti Bertema

**Tema / Alam Sekitar**

Subtema:  
**Kenderaan Darat**

**Panduan Ibu-bapa:**  
Baca bersama bu / ayah di rumah. Keras bertaggung. Kenderaan Darat. Warnakan gambar. Tulis semua perkataan dan ayat mudah yang dapat.

Ditulis oleh:  
Sulwa Binti Ibrahim  
Guru Cemerlang Pra-Sekolah KPM  
IPG Kampus Tunjungan Ombak, Johor

Mari kita lihat gambar-sabaran kenderaan di darat. Kamu pernah lihat ?

**Kelod**

**Motor**

**Bas**

**Traktor**

**Bekas**

**Lori**

Tahap Penguasaan  
ANAK-SAYA:  
TP1 | TP2 | TP3 |

Suaikan dengan betul.

Catat dan  
Tulis ayat baca bersama anak, anak pilih dan sukakan gambar.

• Kereta

• basikal

• bas

• lori

• motosikal

• traktor

Tahap Penguasaan Anak-Saya  
TP1 | TP2 | TP3 |

Arahan -  
Baca dan tulis semua dengan kemas.  
Warnakan gambar.

Ini kereta.

Ini kereta papa.

Kereta papa baharu.

Siri Bacaan dan Aktiviti Bertema

Baca bersama anak  
Siri Bacaan dan Aktiviti Bertema  
"Kenderaan Darat"  
dan laksanakan aktiviti Bertema  
yang disertakan.

**SLOT PAGI** →

PROJEK  
**TEMA:  
KENDERAAN  
DARAT**

**SLOT AKTIVITI**  
**PEMBELAJARAN KENDIRI BERSTRUKTUR**

- Jom buat aktiviti Pengayaan Kad Selak KVKV
- Pendidikan Islam :  
~ Mempelajari tentang Solat Fardhu

Buka link ini :  
<https://www.youtube.com/watch?v=6PJJKa1bgul>

**Objektif Pembelajaran**

- Menyebut nama solat fardhu.
- Menyatakan bilangan rakaat solat fardhu.

Latihan Pengayaan Bahasa Melayu  
Kad Selak KVKV

Ini		Zali	
		pipi	
susu	peti	sudu	
		milo	siku

Tamat!  
Kamu sudah  
aja dan bacak

KOD	KONSTRUK	STANDARD PRESTASI		
		TAHAP PENGUSAHAAN	TANDA ( ✓ ) TAHAP PENGUSAHAAN	TAFSIRAN
BM 6	Kemahiran menulis ( BM3.2)	1		Boleh menulis huruf dengan cara yang betul.
		2		Boleh menulis perkataan dan frasa
		3		Boleh menulis ayat mudah dengan kemas

Rajah 1 Contoh tugasan aktiviti PdPR

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa secara tidak langsung guru telah memberi kemahiran mengajar dan cara mentaksir perkembangan anak mereka dengan betul melalui arahan dalam tugasan aktiviti dan standard prestasi yang disertakan. Maklum balas ibu bapa dalam hal ini sangat berterima kasih kepada guru kerana membantu mereka tidak mengira masa jika diperlukan terutama jika ada perkara yang mereka kurang faham dengan aktiviti PdPR anak mereka. "...kalau masih tak faham jugak emak bapak boleh hubungi saya guna telegram tu" (GP/SK2:49). Cara ini juga memberi keyakinan kepada ibu bapa secara jelas tentang cara membimbing anak mereka dalam melaksanakan PdPR dengan betul.

Ketekalan dalam pentaksiran yang dilaksanakan oleh ibu bapa boleh disemak oleh guru melalui rakaman video atau gambar yang sering dihantar oleh ibu bapa dalam kumpulan telegram. Bilangan ahli kumpulan yang kecil menyebabkan ibu bapa merasa selesa untuk berkongsi tentang aktiviti PdPR anak mereka. Semakan melalui kumpulan *what apps* untuk semua murid bersama semua ahli jawatankuasa prasekolah dapat menunjukkan kegembiraan murid bersama ibu bapa melaksanakan aktiviti PdPR dengan menunjukkan hasil pembelajaran masing-masing. Mereka sentiasa berlumba menunjukkan hasil yang terbaik dan guru serta ahli jawatankuasa prasekolah sentiasa memberi pujian, emoji penghargaan dan komen yang positif supaya mereka terus berusaha menjadi yang terbaik.

Dapatan kajian menunjukkan guru berupaya membuktikan tanpa pengajaran secara segerak dalam *google meet* contohnya juga berjaya dilaksanakan dan setiap perkembangan murid dapat ditaksir secara formatif dengan baik dengan kerjasama sepenuhnya oleh ibu bapa. Kepentingan pentaksiran PdPR yang teratur dan jelas difahami oleh ibu bapa menyebabkan ibu bapa juga sedar akan perubahan dan peningkatan tahap pencapaian pembelajaran anak mereka bagi setiap tunjang pembelajaran dengan baik. "baguslah cara ni cikgu sebab saya nampak anak saya dah capai apa..kalau buat satu aktiviti tu saya tahu dah nak belajar apa ada kriteria kejayaan sekali saya boleh nampak" (KIB3/SK3: 315). Kriteria kejayaan dinyatakan dalam RPH yang disertakan seperti dalam Rajah 2.

**Rancangan Pengajaran Harian ( RPH ) dalam PdPR Prasekolah  
Minggu 22**

Hari / Tarikh	SELASA ( 6 JULAI 2021 )
Tunjang	<b>SLOT PAGI : PENDIDIKAN ISLAM SLOT AP : KETERAMPILAN DIRI , PKJR</b>
Fokus	PI1.0 AL QURAN <b>KD2.0</b> MENCAPAI EMOSI YANG POSITIF FK 5.0 Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial ( PEERS) ( PKJR)
Standard Kandungan	<b>PI1.2</b> Menghafaz beberapa surah dari juzuk Amma. <b>KD2.3</b> Membina keyakinan untuk berkomunikasi. <b>FK5.3</b> Menjaga keselamatan diri dan mendemonstrasi kem,kecekapan psikososial dalam kehidupan harian
Standard Pembelajaran	<b>PI1.2.1</b> Menghafaz surah Al- Fatihah secara beradab <b>ELEMEN KETRAMPILAN DIRI dan PKJR</b> <b>KD 2.3.2</b> Bertanya dengan yakin <b>KD2.3.4</b> Bercerita dan memberi pendapat dengan yakin.
Kesepaduan & Bahan	( BM1.4.4 ) Berinteraksi menggunakan ayat mudah. <b>BAHAN</b> : Video Surah Al Fatihah , SLOT Aktiviti PKJR Jalan Raya Milik Semua Tajuk : “ Jom Kita Jalan-Jalan Sayang ”
Objektif Pembelajaran	Di akhir pembelajaran, murid dapat : <input type="checkbox"/> Menghafaz Surah Al Fatihah dengan baik. <input type="checkbox"/> Menggunakan jalan raya dengan betul. <input type="checkbox"/> Yakin dalam memberi pendapat sendiri.
Aktiviti	<b>SLOT AWAL PAGI</b> i. Murid menghafaz Surah AL Fathah ii. Murid memperdengarkan bacaan dan rakaman kepada guru.  <b>SLOT AKTIVITI PEMBELAJARAN dan PKJR</b> i. Ibu ayah membantu menyediakan aktiviti PKJR “ Jalan Raya Milik Semua” Jom Kita Jalan- Jalan Sayang- ii. Murid menggunting gambar kenderaan darat dengan cermat dan dipantau oleh ibubapa. iii. Murid menyusun kenderaan di ruang yang sesuai sambil berinteraksi dan memberi pendapat sendiri.
Kreteria Kejayaan	Saya dapat menghafaz surah Al fatihah dan melaksanakan aktiviti PKJR dengan baik.

Rajah 2. Kriteria kejayaan dinyatakan dalam RPH menjadi panduan kepada ibu bapa

Kelebihan adanya kriteria kejayaan dan standard prestasi yang disertakan bersama tugas aktiviti PdPR menjadikan ibu bapa tahu tujuan pembelajaran dan apa yang perlu anak mereka kuasai

sebagai hasil pembelajaran mereka. Mereka juga sentiasa mengulangi aktiviti contohnya menghafaz surah supaya anak mereka dapat hafal dan tahu ia penting digunakan semasa aktiviti solat pula. Eviden bagi pentaksiran yang mudah seperti rakaman video, gambar foto, hasil karya seperti model replika, kraftangan, dan hasil tugasan bertulis dihantar semula kepada guru melalui kumpulan *what apps* dan telegram mengikut kelompok kecil memudahkan pendokumentasian dilakukan oleh guru. Guru kemudian membuat analisis terhadap standard prestasi yang telah dicapai oleh semua murid dan menyemak pencapaian setiap murid supaya tindakan susulan boleh diambil. Perbincangan melalui telefon atau *whatapps* secara personal dengan ibu bapa sentiasa dilakukan.

Analisis data pentaksiran menggunakan instrumen senarai semak bagi setiap tunjang pembelajaran untuk setiap murid dijalankan. Perbincangan tentang hasil analisis bersama penyelararas prasekolah dan kemudiannya dibincangkan dalam mesyuarat penyelarasan aktiviti prasekolah dilaksanakan bagi tujuan penambahbaikan PdPR. Kepentingan perbincangan laporan setiap aktiviti dan program termasuk PdPR bagi menentukan keberhasilan kemenjadian murid prasekolah dapat dihasilkan supaya murid benar-benar bersedia untuk ke Tahun 1 pada tahun hadapan.

Jadual 1 Contoh Instrumen pentaksiran bagi Tunjang Kreativiti dan Estetika

BBil	Nama Murid	KE 1			KE 2			KE 3			Catatan Guru
		Menyanyikan lagu dari pelbagai repertoir (KE 1.1)			Memainkan alat muzik perkusi (KE 1.2)			Membuat pergerakan mengikut muzik (KE 1.3)			
		TP1	TP2	TP3	TP1	TP2	TP3	TP1	TP2	TP3	
1											
2											
3											
4											

\*Catatan : Tandakan (✓) di ruangan TP1,TP2 atau TP3 untuk Tahap Penguasaan Murid.

Pendokumentasian yang sistematik dapat memudahkan penilaian kualiti prasekolah dari aspek dimensi kurikulum dalam Standard Kualiti Prasekolah kebangsaan (SKPK) dengan lebih kemas dan tersusun. Segala instrumen dan eviden dapat disusun dalam padlet sebagai alat pendokumentasian bagi memudahkan semakan pemantauan sekiranya diperlukan.

## 2. Isu dan cabaran pelaksanaan guru dalam membuat pentaksiran pembelajaran murid prasekolah semasa PdPR

Dapatan kajian berkaitan isu dan cabaran dalam pentaksiran di prasekolah adalah mengenai data internet yang bermasalah bagi melaksanakan pembelajaran secara segerak oleh murid prasekolah di rumah. Mereka juga mengalami masalah kekurangan peranti untuk pembelajaran kerana berkongsi dengan abang atau kakak yang juga sedang belajar secara PdPR. Guru berjumpa dalam *google meet* sekiranya diperlukan terutama semasa membuat taklimat penting berkenaan hal ehwal prasekolah dan pembelajaran murid. Guru mengambil pendekatan tiada aktiviti PdP secara segerak dijalankan tetapi sepenuhnya menggunakan modul yang dihasilkan.

memanglah banyak masa nak hasilkan modul ni, nak *print* lagi tapi saya puas hati sebab anak-anak dapat belajar. memanglah lama saya ambik masa nak buat modul..saya *print* satu-satu bagi semua dengan bahan atau alat tulis sekali saya bagi.

PG/SK3: 711



Dapatan kajian mendapati cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan pentaksiran di prasekolah yang dikaji adalah kekangan beberapa ibu bapa murid yang masih lagi kurang bekerjasama dalam membimbing anak secara berterusan disebabkan urusan kerja. Bimbingan kadang kala bersama dengan abang atau kakak murid yang ada di rumah atau dengan ibu bapa secara tidak konsisten menyebabkan hasil pentaksiran yang dilaksanakan oleh mereka kurang ketekalannya. Data yang diberi kadang kala kurang lengkap dan tahap prestasi kadang kala menaik dan menurun. "ada ibu bapa yang sibuk bekerja diganti oleh abang atau kakak menyebabkan hasil tu kadang tak konsisten." (PG/SK4: 583). Namun begitu dalam sesi temu bual dengan ibu bapa mendapati mereka bersetuju bahawa melalui modul pembelajaran secara sendiri yang diberikan, anak mereka telah dapat meningkat prestasi pembelajarannya terutama dalam penguasaan kemahiran asas 3M.

Cabaran seterusnya adalah berkaitan penetapan masa belajar PdPR yang tidak konsisten dan mengikut *mood* anak. Semua peserta kajian ibu bapa yang ditemu bual bersetuju bahawa kesukaran yang jelas adalah yang berkaitan masa pembelajaran anak kerana masalah tingkah laku atau mood anak yang berubah-ubah. Jika ibu bapa sudah menetapkan masa atau jadual belajar mengikut kesesuaian masa ibu bapa mengikut kelapangan masa mereka tetapi *mood* anak pula hendak bermain menyebabkan konflik berlaku dalam proses pembelajaran PdPR. PdPR tidak dapat dilaksanakan mengikut perancangan dan tertangguh. Hal ini menyebabkan data dan laporan pentaksiran agak terganggu.

Cabaran juga dihadapi dari ibu bapa seorang murid yang terlalu sibuk dengan kerja sehingga aktiviti PdPR tidak dilaksanakan setiap hari tetapi dibuat pada hujung minggu menyebabkan masalah tumpuan anak terhadap pembelajarannya terganggu. Banyak tugas sekaligus menyebabkan hasilnya kurang baik. Walau bagaimanapun guru sentiasa memotivasikan ibu bapa supaya dapat memberi bimbingan PdPR dengan sebaik mungkin melalui kata-kata motivasi dalam kumpulan *whatsapp* dan guru akan memuat naik video atau gambar murid lain yang gembira dan berjaya sebagai satu cara galakan kepada ibu bapa lain supaya dapat membantu menyiapkan tugas yang diberikan.

## PERBINCANGAN

Konsep PdPR secara modul adalah alternatif bagi masalah utama seperti kesukaran untuk melaksanakan PdPc secara dalam talian. Namun begitu modul yang lengkap dengan panduan kaedah, instrumen dan eviden pentaksiran kepada ibu bapa dapat membantu guru membuat penilaian perkembangan pembelajaran murid dengan baik. Mardziah Abdullah et al. (2019) menjelaskan guru prasekolah perlu menguasai ilmu pentaksiran yang sesuai dengan keadaan muridnya. Dalam hal ini jelas menunjukkan bahawa peserta kajian guru yang dikaji dalam kajian ini telah melaksanakan amalan pentaksiran dan penilaian murid prasekolah mengikut kesesuaian kesemua murid yang ada.

Dapatan kajian ini menunjukkan struktur yang jelas berkaitan kejelasan bimbingan dan panduan pentaksiran kepada ibu bapa secara tidak langsung telah memberi pengetahuan dan kemahiran berkaitan pendidikan prasekolah itu sendiri terutama memahami objektif pembelajaran prasekolah untuk meningkatkan perkembangan murid secara holistik. Hal ini diakui oleh kumpulan ibu bapa yang dikaji yang merasa gembira kerana dapat mengajar anak mereka sendiri dengan betul terutama bagi menguasai kemahiran 3M. Amalan pelibatan ibu bapa dalam proses pembelajaran anak-anak sebenarnya telah menjadi keutamaan dalam proses meningkatkan kualiti sekolah seperti yang disarankan dalam PPPM 2013-2025. Oleh yang demikian, pentaksiran dan penilaian perkembangan pembelajaran murid perlu juga dikuasai oleh ibu bapa bagi mereka memahami pencapaian pembelajaran supaya lebih terarah dan berkesan untuk anak mereka.

Interaksi guru dan ibu bapa adalah sangat penting dalam menjayakan amalan pentaksiran yang lebih autentik dan bermakna dalam meningkatkan hasil pembelajaran murid di prasekolah. Walaupun dapatan kajian menunjukkan PdPR secara segera tidak dapat dilaksanakan secara dalam talian disebabkan masalah internet yang terhad oleh semua murid, guru tetap menggunakan alatan digital sebagai medium perhubungan dengan ibu bapa seperti kelompok kecil ibu bapa murid dalam telegram dan kumpulan *Whatapps* bersama warga yang terlibat dalam prasekolah tersebut bagi memudahkan PdPR dapat dilaksanakan dengan berkesan. Siti Saleha Samsuri (2020) menjelaskan interaksi guru, ibu bapa dan murid dalam penggunaan teknologi secara online dan pembelajaran murid secara e-pembelajaran memerlukan pendekatan belajar cara belajar yang betul, boleh menguasai medium yang tepat dan ia bersesuaian dengan kemahiran masing-masing. Beliau juga menyarankan

pemilihan masa berkomunikasi perlu mengikut keselesaan dan dirundingkan dengan cara yang berkesan.

Kepelbagaian pendekatan dan aktiviti PdP yang lebih kontemporari dengan amalan kesepaduan tunjang pembelajaran memerlukan banyak pemerhatian dilakukan terhadap perkembangan murid prasekolah secara holistik. Disebabkan aktiviti PdPR berlaku di persekitaran rumah murid, guru perlu kreatif dalam merancang dan membuat pentaksiran serta penilaian proses pembelajaran murid. Ia perlu distrukturkan supaya berjaya dalam meningkatkan pencapaian pembelajaran untuk semua murid. Oleh yang demikian, Shafinaz Abdul Sani & Faridah Yunus (2018) menyatakan sokongan supaya guru prasekolah perlu lebih kreatif dalam membuat catatan hasil PdP supaya pentaksiran dapat dilakukan dan seterusnya boleh menambah baik PdP jika ada kekurangan.

## KESIMPULAN

Amalan pentaksiran secara formatif dan autentik proses pembelajaran murid prasekolah semasa PdPR perlu difahami oleh guru dan ibu bapa murid supaya amalan perkongsian semasa proses PdPR di rumah dapat dilaksanakan dengan berkesan. Keutamaan pada peringkat prasekolah adalah penguasaan kemahiran asas 4M yang menjadi sangat penting kerana ia merupakan satu yang amat dipentingkan dalam proses menyediakan murid ke Tahun 1. Selain itu, pentaksiran berterusan yang bersifat autentik ini penting dijalankan bagi meningkatkan motivasi pembelajaran murid supaya berada di tahap yang optima. Pengesanan awal terhadap tahap perkembangan atau pembelajaran murid prasekolah juga perlu dijalankan untuk tujuan pelaksanaan intervensi awal sekiranya berlaku masalah dalam perkembangan pembelajaran mereka. Justeru, kreativiti dan kemahiran guru dalam melaksanakan proses pentaksiran dan penilaian perkembangan murid perlu ditingkatkan supaya pendidikan prasekolah mencapai matlamatnya iaitu dapat memperkembangkan potensi murid secara bersepadu dan menyeluruh melalui persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyeronokkan terutama dalam tempoh pelaksanaan PdPR.

## RUJUKAN

- Jadira C Joannes Ajuni (2016). Prasekolah amalan pengajaran berkualiti guru prasekolah. Seminar psikologi kebangsaan-iii 2016. ISBN 978-967-0582-48-9  
<http://conferences.cseap.edu.my/spkiii2016/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2010). Pelaksanaan kurikulum prasekolah kebangsaan Pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna - Modul pentaksiran perkembangan murid di prasekolah.
- Mardziah Abdullah, Mariani Md Nor & Fonny Dameaty Hutagalung (2019). Tadbir urus pentaksiran murid dalam kalangan guru prasekolah. *Jurnal kurikulum dan pengajaran Asia Pasifik*. Julai 2019 Bil.7, Isu 3.
- Noraini Idris (2013). Penyelidikan dalam pendidikan. Edisi kedua. McGraw Hill Education.
- Nor Asnira Mohd Norwi (2018). Cabaran dan masalah-masalah dalam pentaksiran di prasekolah di Malaysia. [cge.unespadang.ac.id/asset/file/files/ICGE%20I/EDUCATION%20MODELS/2.%20Nor%20Asnira%20binti%20Mohd%20Norwi.pdf](http://cge.unespadang.ac.id/asset/file/files/ICGE%20I/EDUCATION%20MODELS/2.%20Nor%20Asnira%20binti%20Mohd%20Norwi.pdf)
- Norshafinaz Abdul Sani & Faridah Yunus (2018). Amalan perancangan, pelaksanaan dan pentaksiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran pramerit di tadika swasta. *Jurnal pendidikan Malaysia* 43(2)(2018): 101-110.
- Siti Saleha Samsuri (2020). Konsep pedagogi terbeza dalam proses pengajaran dan pembelajaran di rumah semasa perintah kawalan pergerakan Covid-19. Pembelajaran berasaskan kes program TS25 2018-2020, IPGKTHO.

## HUBUNGAN KECERDASAN EMOSI DAN PENCAPAIAN AKADEMIK GEOGRAFI MENENGAH RENDAH DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SAINT COLUMBA (M) MIRI

**DR. ONG SZE CHONG<sup>1</sup>, SUBAH ANAK NYARENG<sup>2</sup>, PAU KEK MING<sup>3</sup>**

SMK Saint Columba, Miri, Sarawak, Jalan Dato' Abang Indeh, 98000, Miri, Sarawak, Malaysia<sup>1,2</sup>  
Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Chung Hua Miri, Jalan Chia Tze Chin, 98000, Miri, Sarawak<sup>3</sup>  
Malaysia

szechong@yahoo.com<sup>1</sup>, subahnyareng@gmail.com<sup>2</sup>, kekming@yahoo.com.my<sup>3</sup>

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan kecerdasan emosi dan pencapaian akademik Geografi murid tingkatan 1, tingkatan 2 dan tingkatan 3 di Sekolah Menengah Kebangsaan Saint Columba (M) Miri. Seramai 400 orang murid yang dipilih secara rawak daripada 21 buah kelas. Pencapaian akademik ialah keputusan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) mata pelajaran Geografi pada pertengahan tahun 2021. Reka bentuk kajian ini merupakan adaptasi daripada Inventori Kecerdasan Emosi Salovey dan Mayer (1990). Pengkaji telah menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen untuk mengumpulkan data kajian. Data kajian dianalisis secara analisis deskriptif (frekuensi, peratus dan min). Statistik inferensi Ujian-t dan korelasi Pearson telah digunakan untuk menghurai dan menguji hipotesis kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa profil kecerdasan emosi murid yang tertinggi ialah kecerdasan emosi mengurus emosi sendiri. Skor min tertinggi domain kecerdasan emosi ialah domain mengurus emosi sendiri dalam kalangan murid lelaki ( $M = 30.23$ ) dan murid perempuan ( $M = 29.86$ ). Skor min yang tertinggi domain kecerdasan emosi bagi murid bumiputera ( $M=30.63$ ) dan bukan bumiputera ( $29.47$ ) ialah mengurus emosi sendiri. Analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi murid dengan skor min pencapaian murid dalam Geografi. Nilai Ujian-t menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dari segi skor pencapaian Geografi. Analisis Ujian-t ini juga telah membuktikan bahawa terdapat perbezaan tahap kecerdasan emosi antara murid Bumiputera dan murid bukan Bumiputera. Impak utama daripada kajian ini ialah pembinaan tahap kecerdasan emosi yang tinggi dapat mengukuhkan murid mencapai kejayaan dalam pencapaian akademik Geografi.

**Kata Kunci:** hubungan, kecerdasan emosi, murid

### ABSTRACT

*The aim of this study is to examine the relationship of emotional intelligence and Geography academic achievement. A total of 400 form 1, form 2 and form 3 students in the SMK Saint Columba (M) Miri, Sarawak were randomly selected as a sample of the study. Academic achievement was based on the results of the Geography subject Mid Year Classroom Assessment. Research design was adaptation of the design that has been used by Salovey dan Mayers Emotional Intellingence Inventory (1990). The researcher used the questionnaire as an instrument to collect data. The data was analysed using descriptive (frequencies, percentages, means) and inferential statistical analysis (t-Test and Pearson Correlation). The result showed that the highest emotional intelligence is managing emotion. Pearson result showed that there is a correlation between emotional intelligence and academic achievement. t-Test also showed that there is a significant difference between gender and academic achievement in the Geography subject. The impact of this study is that the effective learning style and creation of positive emotional intelligence reinforces students to achieve excellent result in the Geography subject.*

**Keywords:** *relationship, emotional intelligence, students*

### PENGENALAN

Geografi merupakan disiplin ilmu yang mengkaji tentang organisasi ruang dan persekitaran yang melibatkan saling kaitan dan interaksi antara manusia dengan manusia, manusia dengan alam

sekitar dan antara komponen alam sekitar di peringkat tempatan dan global. Seseorang itu boleh memahami bentuk fizikal dan budaya setiap tempat dan perkaitannya dengan unsur alam sekitar di permukaan bumi melalui ilmu geografi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019a). Guru mata pelajaran Geografi yang baik ialah seorang guru yang mempunyai kepelbagaian kemahiran mengajar dan pengetahuan yang mendalam terhadap setiap murid di dalam bilik darjah yang diajarnya. Pengetahuan berkaitan kecerdasan emosi murid adalah amat diperlukan untuk membantu guru memilih pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran (PdPc) yang sesuai dengan ciri muridnya (Zamri 2015). Anjakan paradigma ibu bapa telah menyedari bahawa anak-anak bukan hanya sekadar menimba ilmu pengetahuan dalam bidang akademik tetapi juga kecerdasan emosi. Guru merupakan perancang dan pengawal kepada proses PdPc sama ada dalam atau luar bilik darjah. Guru perlu bijak merancang PdPc mengikut keperluan individu dan kumpulan (Habsah 2014).

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah berusaha meningkatkan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan murid yang ingin meningkatkan tahap pendidikan mereka. KPM telah melaksanakan pelbagai usaha untuk membina murid yang berkualiti. Sehubungan itu, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menjadi teras pendidikan di negara kita yang bermatlamatkan pembinaan insan yang menyeluruh dan berketrampilan, seimbang dan bersepadu berpaksikan kepatuhan dan kepercayaan kepada Tuhan.

Guru harus mengenal pasti dan memahami setiap murid adalah berbeza-beza. Oleh demikian, guru harus mengambil inisiatif dan usaha untuk mengenal pasti dan memahami perbezaan murid serta membantu menggembelngkan potensi dan bakat murid ke tahap optimum. Perbezaan murid menuntut guru mempertimbangkan keperluan, kebolehan, kesungguhan dan kecenderungan murid. Guru perlu mempelbagaikan sumber dan kaedah pengajaran untuk memenuhi keperluan pembelajaran setiap murid. Pelbagai gaya pembelajaran dalam proses pembelajaran menuntut guru menyediakan peluang yang dinamik di dalam sekolah. Ini menepati dengan pandangan Arniza dan Zamri (2018), Zaida (1998) dan Keefe (1982) yang menyatakan amalan PdPc di dalam bilik darjah atau Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dapat diharapkan menjadikan lebih bermakna. Oleh itu, kesesuaian gaya PdP guru dan kecerdasan emosi murid perlu dipertingkat.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Guru seharusnya faham dalam kecerdasan emosi murid agar ilmu yang hendak disampaikan kepada murid dapat disalurkan dan diterima dengan baik. Hal ini kerana peranan utama guru adalah menyampaikan ilmu pengetahuan dan memperkembangkan kemahiran kepada murid (Zamri et al., 2015). Keadaan guru mata pelajaran Geografi lemah dalam memahami latar belakang kecerdasan emosi murid tentunya merumitkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdPc) atau Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) kerana guru tidak berupaya menggunakan pendekatan, kaedah dan teknik PdPc yang berkesan untuk menyampaikan ilmu kepada murid. Guru harus memainkan peranan sebagai pemimpin konstruktivisme yang mampu mencetuskan pemikiran murid. Justeru, ketidakupayaan guru memahami latar belakang kecerdasan emosi murid dengan baik akan mengakibatkan penyampaian ilmu dalam mata pelajaran Geografi tidak mencapai objektif dengan tepat.

Kajian tentang hubungan kecerdasan emosi dan pencapaian akademik Geografi murid tingkatan 1, tingkatan 2 dan tingkatan 3 di Sekolah Menengah Kebangsaan Saint Columba (M) Miri masih kurang dikaji untuk tujuan penyelidikan. Kekurangan penyelidikan dalam mata pelajaran Geografi memberi impak yang besar dalam perkembangan mata pelajaran Geografi di sekolah pada hari ini. Kecerdasan emosi telah dikenal pasti elemen utama dalam menentukan keberkesanan proses pembelajaran dalam alaf baru ini (Zamri 2014). Setiap murid dalam keadaan yang berlainan kerana dipengaruhi oleh faktor kecerdasan kognitif, budaya, jantina, geografi dan lain-lain. Justeru, pengkaji berpendapat perlu dibuat satu kajian terperinci tentang kecerdasan emosi dan pencapaian Geografi dalam kalangan murid tingkatan 1, tingkatan 2 dan tingkatan 3 di sekolah ini.

Kajian berkaitan dengan kecemerlangan murid dalam pembelajaran bahasa di Malaysia banyak dijalankan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (Saemah & Zamri 2016). Guru perlu berusaha menghasilkan proses PdPc yang lebih menjurus kepada perbezaan individu. Proses PdPc harus lebih menarik, berkesan dan kondusif untuk setiap murid. Perkembangan potensi individu dan kesesuaian ciri-ciri murid harus diambil kira dalam proses PdPc. Gaya pembelajaran untuk setiap individu murid banyak dipengaruhi oleh faktor status sosioekonomi, kognitif dan alam sekitar

(Shahabuddin & Rohizani, 2003). Kecerdasan emosi murid yang positif dalam PdPc mata pelajaran Geografi diharap berupaya mempertingkatkan keupayaan murid, terutama dalam meningkatkan kemahiran komunikasi, berfikiran aras tinggi dan keupayaan bekerjasama dalam kumpulan.

Dengan itu, kajian ini memfokuskan kepada penyelidikan tentang hubungan kecerdasan emosi murid dan pencapaian akademik Geografi murid tingkatan 1, tingkatan 2 dan tingkatan 3 berdasarkan jantina dan kaum di Sekolah Menengah Kebangsaan Saint Columba (M) Miri.

Jadual 1.1 Rumusan Laporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Mata Pelajaran Geografi Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 3, Pertengahan Tahun 2021

Rumusan Laporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Mata Pelajaran Geografi Pertengahan Tahun 2021										
Bil.	Tingkatan	Bilangan Murid Mencapai Tahap Penguasaan (TP)						Jumlah	TP 3-TP 6	% TP 3 – TP 6
		TP 1	TP 2	PT 3	PT 4	PT 5	PT 6			
1	Tingkatan 1	1	2	64	67	0	0	134	131	97.76
2	Tingkatan 2	24	30	75	4	0	0	133	79	59.39
3	Tingkatan 3	30	30	30	43	0	0	133	73	54.88

Jadual 1.1 menunjukkan bahawa tidak ada murid-murid Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 3 mencapai Tahap Penguasaan 5 dan Tahap Penguasaan 6. Seramai 283 orang murid (70.75%) mencapai Tahap Penguasaan 3 dan Tahap Penguasaan 4 manakala seramai 117 orang murid (29.25%) mencapai Tahap Penguasaan 1 dan Tahap Penguasaan 2.

Tahap Penguasaan (TP) merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Terdapat enam TP yang menunjukkan aras penguasaan yang disusun secara hierarki dan digunakan untuk tujuan rujukan pencapaian murid bagi setiap mata pelajaran. TP ini mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ditetapkan dalam kurikulum (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019b).

Tahap Penguasaan 1 mentafsirkan murid tahu perkara asas, boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas. Tahap Penguasaan 2 mentafsirkan murid menunjukkan kefahaman dengan menjelaskan sesuatu perkara yang dipelajari dalam bentuk komunikasi. Tahap Penguasaan 3 mentafsirkan murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran atau tugas pada suatu situasi. Tahap Penguasaan 4 mentafsirkan murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran atau tugas iaitu mengikut prosedur atau secara analitik dan sistematik. Tahap Penguasaan 5 mentafsirkan murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran atau tugas pada situasi baharu dengan mengikut prosedur atau secara analitik dan sistematik serta tekak dan bersikap positif. Tahap Penguasaan 6 mentafsirkan murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara analitik, sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif dalam penghasilan idea baharu serta boleh dicontohi.

Jadual 1.2 Rumusan Pencapaian Tahap Penguasaan (TP) Murid Pada Pertengahan Tahun Geografi 2021

Rumusan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Mata Pelajaran Geografi Pertengahan Tahun 2021			
Bil.	Tahap Penguasaan (TP)	Bil. Orang Murid	Peratus (%)
1	6	0	0
2	5	0	0
3	4	114	28.50
4	3	169	42.25
5	2	62	15.50
6	1	55	13.75
Jumlah		400	100

Jadual 1.2 menunjukkan bahawa tidak ada murid mencapai Tahap Penguasaan 5 dan Tahap Penguasaan 6. Seramai 114 orang murid (28.50%) mencapai Tahap Penguasaan 4 manakala seramai

169 orang murid (42.25%) mencapai Tahap Penguasaan 3. Seramai 62 orang murid (15.50%) mencapai Tahap Penguasaan 2. Seramai 55 orang murid (13.75%) mencapai Tahap Penguasaan 1.

### MODEL KECERDASAN EMOSI SALOVEY DAN MAYER

Kecerdasan ialah kesempurnaan akal untuk berfikir, mengerti, kepandaian, kepintaran dan kecerdikan (Kamus Dewan, 2005). Menurut Salovey dan Mayer (1990), kecerdasan emosi ialah kemampuan, keupayaan atau kebolehan seseorang mengendalikan perasaan sendiri dan mampu memahami perasaan orang lain bagi membuat penilaian dan perbandingan serta menggunakan pengetahuan ini ke arah tindakan yang betul. Kecerdasan emosi dalam kajian ini adalah berdasarkan penghuraian Salovey dan Mayer (1990).

Pengkaji mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai kemahiran-kemahiran mendiskriminasi serta mengawal antara emosi diri sendiri atau emosi individu lain dan seterusnya mengoptimumkan kebaikan maklumat ini sebagai garis panduan pemikiran dan perlakuan seseorang itu.

Jadual 1.3: Lima jenis Ciri Kecerdasan Emosi Salovey dan Mayer

Jenis Kecerdasan Emosi	Ciri-ciri
Mengenali emosi sendiri	berupaya untuk menyedari emosinya semasa emosi itu menguasai dirinya. mengetahui dan memahami emosinya yang bakal perlahan-lahan menguasai minda akibat tekanan yang dialami dan seterusnya menguasainya. mampu menguasai emosinya dengan baik.
Mengurus emosi sendiri	keupayaan individu itu menentukan emosi negatif menguasai diri untuk sementara waktu sahaja dengan memastikan emosi negatif dapat ditangani dengan segera dan bijaksana kemahiran memikir kembali rangsangan, mencabar fikiran yang menimbulkan emosi negatif dan mengalih tumpuan masalah. tujuan adalah untuk membentuk diri dengan mengikiskan sikap rasa tidak selesa dan berwas-was. tidak berkeupayaan dalam berkemahiran ini bakal menghadapi tekanan. bertindak mengikut emosi dan menguruskan emosi dengan baik serta bijaksana.
Memotivasikan emosi negatif	percaya diri sendiri mempunyai kemampuan untuk melaksanakan tugas yang telah diarahkan. boleh mencabar fikiran yang menimbulkan emosi negatif. menjadikan emosi sebagai alat untuk meningkatkan kemampuan diri untuk berfikir, merancang dan menyelesaikan. lebih efektif dan produktif dalam segala pelaksanaan tugas.
Mengenali emosi orang lain	bersikap empati iaitu mampu memahami perasaan dan masalah orang lain. boleh membantu dengan cara yang lebih rasional dan positif serta membina kemesraan dan keserasian dengan orang lain dari pelbagai latar belakang. kemahiran membaca makna daripada unsur-unsur bukan verbal.
Mengendali perhubungan	mengenali emosi orang lain dapat dilakukan apabila seseorang murid memiliki kemampuan pengurusan sendiri dan empati. bakal membentuk pengaruh interpersonal yang membolehkan seseorang murid mencorak dan membentuk pertemuan yang berlaku menjadi sesuatu yang positif, memberi idea kepada orang lain, mewujudkan hubungan yang erat, mempengaruhi orang lain dan membantu orang lain mendapatkan ketenangan.

Sumber: Salovey dan Mayer (1990)


Pengkaji menggunakan Model Kecerdasan Emosi Salovey dan Mayer (1990) bagi menilai kecerdasan emosi murid. Berdasarkan Jadual 1.3, model ini mengemukakan lima domain, iaitu mengenali emosi sendiri, mengurus emosi sendiri, memotivasikan emosi negatif, mengenali emosi orang lain dan mengenali perhubungan. Kecerdasan emosi mengenali emosi sendiri menghuraikan murid yang menyedari dan memahami emosinya semasa emosi menguasai dirinya. Kecerdasan emosi mengurus emosi sendiri menghuraikan murid yang mengenal pasti dorongan yang menimbulkan emosi negatif dan cara mengatasinya. Murid- murid yang mempunyai kecerdasan emosi memotivasikan emosi negatif ialah individu yang percaya diri sendiri mempunyai keupayaan untuk melaksanakan tugas yang telah ditetapkan dan dapat mencabar fikiran yang menimbulkan emosi negatif sebagai alat untuk meningkatkan keupayaan diri. Kecerdasan emosi mengenali emosi orang lain ialah murid yang bersikap empati dengan orang lain. Kecerdasan emosi mengendali perhubungan menggambarkan murid yang memiliki keupayaan pengurusan sendiri dan empati bagi membentuk hubungan interpersonal.

## KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian ini hasil daripada kecerdasan emosi murid di dalam bilik darjah yang menjadi ciri asas kepada pencapaian akademik Geografi. Konsep ini diadaptasikan daripada Model Kecerdasan Emosi Salovey dan Mayer (1990) untuk membentuk satu kerangka konseptual kajian yang digunakan dalam kajian ini. Pemboleh ubah bersandar menumpukan kepada lima domain, iaitu mengenali emosi sendiri, mengurus emosi sendiri, memotivasikan emosi negatif, mengenali emosi orang lain dan mengenali perhubungan. Manakala pemboleh ubah bebas, iaitu demografi murid yang mencorakkan pencapaian akademik Geografi murid tingkatan 1, tingkatan 2 dan tingkatan 3.

Pencapaian akademik dalam kajian ini adalah berdasarkan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) berbentuk Kuiz Geografi pada pertengahan tahun 2021. Pencapaian PBD dikategorikan kepada tahap penguasaan 1, tahap penguasaan 2, tahap penguasaan 3, tahap penguasaan 4, tahap penguasaan 5 dan tahap penguasaan 6.

Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian



*Model Kecerdasan Emosi Salovey dan Mayer (1990)*

Berdasarkan Rajah 1.1, kerangka konseptual kajian beranggapan bahawa kecerdasan emosi mempunyai peranan dalam pencapaian akademik. Kecerdasan emosi terbahagi kepada lima domain iaitu mengenali emosi sendiri, mengurus emosi sendiri, memotivasikan emosi negatif, mengenali emosi orang lain dan mengendali perhubungan.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini ingin mencapai empat objektif yang berikut :

- i. Mengenal pasti profil kecerdasan emosi dalam kalangan murid.
- ii. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi berdasarkan jantina.
- iii. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dan pencapaian akademik Geografi.
- iv. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan pada pencapaian akademik Geografi berdasarkan jantina dan kaum.

## PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini ingin mencari jawapan terhadap persoalan berikut :

- i. Apakah profil kecerdasan emosi dalam kalangan murid mengikut jantina dan kaum ?
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam kecerdasan emosi berdasarkan jantina?
- iii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian Geografi ?
- iv. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan pada pencapaian akademik Geografi berdasarkan jantina dan kaum ?

## HIPOTESIS KAJIAN

- i. Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi berdasarkan jantina murid.
- ii. Ho2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian Geografi.
- iii. Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada pencapaian Geografi berdasarkan jantina murid.
- iv. Ho4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada pencapaian Geografi berdasarkan kaum murid.

## METODOLOGI KAJIAN

### Reka Bentuk Kajian

Kajian dijalankan adalah secara tinjauan dengan mengedarkan borang soal selidik. Kaedah tinjauan dipilih kerana kaedah tinjauan bersesuaian dengan bilangan sampel yang besar dan dapat menjimatkan masa serta tenaga berbanding dengan kaedah kualitatif (Mohd. Majid, 2005). Soal selidik adalah berbentuk soalan tertutup kerana lebih mudah dikendalikan dan jawapan telah disediakan oleh pengkaji. Kaedah soal selidik juga dapat mengurangkan ralat penghitung dan membolehkan jawapan responden dibandingkan (Mohd. Sheffie, 1995). Kajian ini melihat lima pemboleh ubah kecerdasan emosi terhadap jantina dan kaum serta pencapaian dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) mata pelajaran Geografi pada pertengahan tahun 2021.

Tumpuan kajian ialah persampelan rawak yang dipilih secara berkelompok. Satu set instrumen digunakan untuk menilai hubungan antara kecerdasan emosi dan pencapaian Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) mata pelajaran Geografi pada pertengahan tahun 2021.

### Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri daripada murid tingkatan 1, tingkatan 2 dan tingkatan 3. Persampelan rawak dan dipilih secara berkelompok dengan memilih 19 orang murid bagi setiap kelas sebagai responden kajian. Kemudian responden dibahagikan kepada jantina, kaum dan pencapaian akademik. Menurut Mohd. Sheffie (1995), penggunaan persampelan rawak berstrata meningkatkan peluang kepada pengkaji memperoleh data yang mewakili populasi dan meninggikan ketepatan keputusan.

### Instrumen Kajian

Pengkaji menggunakan bentuk kajian kuantitatif untuk mengumpulkan data kajian. Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu A – Latar belakang murid, B – Mengukur kecerdasan emosi murid. Bahagian A, iaitu soal selidik maklumat diri murid ini mengandungi tiga item yang bermatlamat untuk mendapat maklumat berkaitan jantina, kaum dan keputusan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) mata pelajaran Geografi pada pertengahan tahun 2021. Maklumat yang diperolehi akan dihubungkan dengan aspek-aspek kecerdasan emosi dan pencapaian Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) mata pelajaran Geografi.

Bahagian B adalah mengukur kecerdasan emosi murid. Soal selidik berdasarkan Inventori Soal Selidik Kecerdasan Emosi Salovey dan Mayer (1990). Soal selidik mengandungi 33 soalan dan terbahagi kepada lima domain, iaitu mengenali emosi sendiri, mengurus emosi sendiri, memotivasikan emosi negatif, mengenali emosi orang lain dan mengendali perhubungan yang dinyatakan dalam Jadual 1.4. Responden dikehendaki menjawab setiap item berdasarkan Skala Likert 1 hingga 5.



Jadual 1.4

Taburan item domain kecerdasan emosi

Domain Emosi	Nombor Item
1. Mengenali emosi sendiri	2,6,9,15,19,22
2. Mengurus emosi sendiri	1,7,12,14,20,21,27,31
3. Memotivasikan emosi negatif	3,8,10,17,23,28
4. Mengenali emosi orang lain	5,18,25,26,29,32,33
5. Mengendali perhubungan	4,11,13,16,24,30

Skor kecenderungan emosi dihitung dan dijumlahkan skor-skor item bagi 33 item tersebut pada skala. Sehubungan itu, skor maksimum bagi kecenderungan emosi sebanyak 149 dan skor minimum adalah 86. Nilai *Cronbach Alpha* oleh pengkaji terdahulu seperti Noorlida (2004) mencatatkan 0.708 dan Feizah (2004) menyatakan 0.7868.


### Prosedur Pengumpulan Dan Penganalisan Data

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kajian kuantitatif, iaitu borang soal selidik. Menurut Merriam (1997), data seperti ini dapat meningkatkan lagi kesahan generalisasi dapatan kajian. Sehubungan dengan itu, penggunaan kajian kuantitatif mengumpul data dapat membantu mengukuhkan dapatan kajian dari aspek kesahan dan keyakinan terhadap data dan maklumat yang diperolehi.

Semua data dan maklumat kajian dimasukkan dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Sosial Science (SPSS Windowsb versi 16.0)* untuk memperolehi statistik deskriptif seperti kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai, graf bar dan statistik inferensi, Anova-satu hala dan pekali korelasi Pearson bagi demografi subjek. Data-data deskriptif kajian ini melibatkan jenis kecerdasan emosi Salovey dan Mayer (1990).


## DAPATAN KAJIAN

### Profil Responden



Berdasarkan Graf 1.1, seramai 400 orang murid tingkatan 1, tingkatan 2 dan tingkatan 3 dipilih secara rawak sebagai responden dalam kajian ini. Nisbah antara murid lelaki dan murid perempuan adalah sama rata iaitu 1:1, iaitu seramai 200 orang murid lelaki dan 200 orang murid perempuan telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini.


**Graf 1.2. Kaum**



Responden yang dipilih dalam kajian telah ditapis nisbah antara kaum bumiputera dan bukan bumiputera, iaitu 1:1. Daripada analisis Graf 1.2 jelas menunjukkan bahawa responden bumiputera adalah 200 orang murid manakala responden bukan bumiputera adalah 200 orang murid.


Pengkaji telah membuat penapisan nisbah antara jantina dan kaum murid yang dipilih secara rawak supaya dapatan kajian mempunyai kesahan yang tinggi mewakili kecerdasan emosi populasi.

**Graf 1.3. Tahap Emosi**



Berdasarkan Graf 1.3, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti murid adalah pada tahap kecerdasan emosi yang sederhana iaitu 280 orang murid daripada 400 orang murid (70.00%). Sementara itu, seramai 105 responden atau 26.25% daripada 400 orang murid adalah pada tahap kecerdasan emosi yang tinggi dan hanya 15 orang murid atau 3.75% daripada jumlah murid adalah pada tahap kecerdasan emosi yang rendah. Dapatan analisis deskriptif ini jelas menunjukkan bahawa secara puratanya tahap kecerdasan emosi murid-murid tingkatan 1, tingkatan 2 dan tingkatan 3 di Sekolah Menengah Kebangsaan Saint Columba (M) adalah pada tahap yang sederhana.

**Graf 1.4. Tahap Kecerdasan Emosi Ikut Jantina**



Berdasarkan Graf 1.4 menunjukkan dapatan kajian tahap kecerdasan emosi murid berdasarkan perbezaan jantina. Dapatan analisis deskriptif berdasarkan Graf 1.4 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang ketara tahap kecerdasan emosi antara murid perempuan dan murid lelaki. Ini menunjukkan bahawa peratusan tahap kecerdasan emosi yang tinggi dan sederhana antara murid perempuan dan murid lelaki adalah hampir sama. Namun, analisis inferensi akan ditafsir untuk menguji sama ada dapatan kajian tidak wujud perbezaan tahap kecerdasan emosi antara jantina adalah signifikan di bawah paras kepercayaan 5%.

**Huraian Secara Inferensi Dalam Pengujian Hipotesis Kajian**

Dalam analisis data secara inferensi, pengkaji telah menggunakan kaedah korelasi Pearson dan ujian- t bagi menguji 3 hipotesis kajian. Berikut adalah keputusan kajian tentang 3 hipotesis kajian.

**Ho1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi berdasarkan jantina murid.**

**Jadual 1.5  
 Min dan Sisihan Piawai skor  
 kecerdasan emosi berdasarkan jantina murid**

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	T
Lelaki	200	122.90	13.893	-0.744
Perempuan	200	123.88	12.570	

$K > .05$

Hipotesis nul 1 diuji dengan menggunakan kaedah Ujian-t. Berdasarkan Jadual 1.5 menunjukkan bahawa keputusan min skor kecerdasan emosi lelaki ialah 122.90 adalah lebih rendah daripada min skor kecerdasan emosi perempuan. Perbezaan ini adalah tidak signifikan memandangkan  $T_{kir}$  ialah -0.744 adalah lebih rendah daripada  $T_{gent} = 1.966$  ( $k > 0.05$ ). Jadi, hipotesis ini diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi antara murid lelaki dan murid perempuan pada nilai keertian 0.05.

**Ho2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian Geografi.**

**Jadual 1.6**  
**Keputusan ujian korelasi Pearson bagi melihat hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian Geografi**

Pemboleh ubah	Nilai r
Markah Geografi	-0.177
Skor kecerdasan emosi	

$K < 0.01$

Jadual 1.6 menunjukkan dapatan analisis ujian korelasi Pearson bagi melihat hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian Geografi. Berdasarkan Jadual 1.6 di atas, keputusan kajian mendapati nilai  $r = -0.177$ ,  $K = 0.000 < 0.01$ . Oleh itu, hipotesis nul 2 ini telah ditolak. Keputusan ini telah menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi murid dengan skor min pencapaian murid dalam Geografi. Nilai r yang rendah menunjukkan bahawa kecerdasan emosi dan pencapaian dalam Geografi mempunyai hubungan yang lemah. Namun, kolerasi antara kecerdasan emosi dan pencapaian Geografi ini telah diuji kesignifikannya pada aras keyakinan  $\alpha = 0.01$ .

**Ho3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada pencapaian Geografi berdasarkan jantina murid.**

**Jadual 1.7**  
**Min dan Sisihan Piawai skor pencapaian Geografi berdasarkan jantina murid**

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	T
<b>Lelaki</b>	200	1.64	.770	3.906
<b>Perempuan</b>	200	1.36	.687	

$K > .05$

Jadual 1.7 menunjukkan dapatan analisis Ujian-t bagi menguji sama ada terdapat perbezaan yang signifikan pada pencapaian Geografi berdasarkan jantina murid. Keputusan kajian mendapati bahawa skor min pencapaian murid lelaki ialah 1.64 adalah lebih tinggi sedikit sahaja daripada skor min motivasi perempuan iaitu 1.36. Perbezaan ini adalah signifikan memandangkan  $T_{kir}$  ialah 3.906 adalah lebih tinggi daripada  $T_{gent} = 1.966$  ( $k < 0.05$ ). Oleh itu, hipotesis nul ini ditolak iaitu terdapat perbezaan yang signifikan antara murid lelaki dengan murid perempuan dari segi skor pencapaian Geografi pada aras keyakinan  $\alpha = 0.05$ .

**Ho4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada pencapaian Geografi berdasarkan kaum murid.**

**Jadual 1.8**  
**Min dan Sisihan Piawai skor kecerdasan emosi berdasarkan kaum murid**

Kaum	N	Min	Sisihan Piawai	T
<b>Bumiputera</b>	200	1.38	.535	-3.341
<b>Bukan Bumiputera</b>	200	1.62	.889	

$K > .05$

Jadual 1.8 menunjukkan dapatan analisis Ujian-t bagi menguji sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kecerdasan emosi murid mengikut kaum murid. Skor min antara murid

bumiputera dan murid bukan bumiputera menunjukkan perbezaan yang amat ketara iaitu murid bumiputera mempunyai skor min 1.38 dan murid bukan bumiputera mempunyai skor min 1.62. Nilai  $T_{kir}$  adalah -3.341 manakala nilai  $T_{gent} = 1.966$ . Ini menunjukkan nilai  $T_{kir}$  adalah lebih tinggi daripada nilai  $T_{gent} = 1.966$ . Oleh itu, hipotesis nul ini telah ditolak iaitu terdapat perbezaan yang signifikan pada pencapaian Geografi berdasarkan kaum murid pada aras keyakinan  $\alpha = 0.05$ .

## PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi antara murid lelaki dan murid perempuan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi mengikut kaum. Dapatan kajian menunjukkan murid bumiputera lebih tinggi kecerdasan emosi berbanding murid bukan bumiputera. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan antara kecerdasan emosi murid dengan skor min pencapaian murid dalam Geografi. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara murid lelaki dengan murid perempuan dari segi skor pencapaian Geografi. Murid yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi cenderung menjadi murid yang lebih berjaya, mampu mengawal emosi, berkeyakinan dan berkebolehan menyelesaikan masalah dalam kehidupan termasuk pencapaian akademik. Guru perlu melihat kecerdasan emosi sebagai kemahiran mendiskriminasi serta mengawal antara emosi diri sendiri atau emosi individu lain dan seterusnya mengoptimalkan kebaikan maklumat ini sebagai garis panduan pemikiran dan perlakuan seseorang murid dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Kemahiran Geografi.

## KESIMPULAN

Dapatan kajian keseluruhan menunjukkan bahawa murid mengaplikasikan pelbagai kecerdasan emosi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Aspek kecerdasan emosi murid merupakan suatu perkara yang perlu diambil kira oleh guru dalam mengenal pasti dan memahami ciri-ciri perbezaan dalam kalangan murid yang pelbagai. Pemahaman tentang ciri-ciri murid khususnya kecerdasan emosi membantu guru mengatur strategi yang bersesuaian dengan keperluan murid agar murid dapat menguasai isi pembelajaran Geografi secara berkesan. Sehubungan dengan itu, guru seharusnya kreatif dalam merancang pengajaran dan berbagai-bagai aktiviti serta tugas untuk murid agar proses pengajaran dan pembelajaran yang optimum dapat diwujudkan. Kesedaran bahawa kejayaan seseorang murid untuk mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan memerlukan penglibatan dan kerjasama semua pihak.

Pengkaji dapat merumuskan bahawa kelima-lima domain kecerdasan emosi ini penting dalam meningkatkan kecerdasan emosi murid. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa domain unsur kecerdasan spiritual juga perlu kerana kecerdasan spiritual mempengaruhi kepada peningkatan kecerdasan emosi. Hal ini akan berlaku melalui penghayatan terhadap nilai-nilai murni yang akhirnya terkesan dalam tingkah laku individu tersebut.

## RUJUKAN

- Arniza Mokhtar & Zamri Mahamod. 2018. *Kemahiran bernilai tambah: Teori dan amali*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Feizah Mohd. Zain. 2004. Kecerdasan emosi di kalangan pelajar tingkatan empat: satu kajian tinjauan. Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Habsah Mohamed. 2014. Hubungan gaya pengajaran guru terhadap gaya pembelajaran dan pencapaian pelajar tingkatan empat di Putrajaya. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Pendidikan Malaysia.
- Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. 2003. *Pedagogi: Asas pendidikan*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan*. 2005. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keefe, J.W. 1982. Assessing student learning style: an overview. Dlm. Keefe J.W. (pnyt). *Student learning styles and brain behavior*. hlm. 12-16. Reston: National Association of Secondary School Principals.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019a. *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Geografi Tingkatan 1*. Era Visi Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019b. *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah*. Putrajaya.
- Mohd. Majid Konting. 2005. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Shaffie Abu Bakar. 1995. *Metodologi penyelidikan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Noorlida Hashim. 2004. Satu kajian: hubungan di antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik. Projek Sarjana Pendidikan Universtisi Kebangsaan Malaysia.
- Saemah Rahman & Zamri Mahamod. 2016. *Kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salovey, P., & Mayer, J.D. 1990. Emotional intelligence. *Imagination, cognition and personality* 9: 185 – 211.
- Shahabuddin Hashim & Rohizani Yaakub. 2003. *Psikologi pembelajaran dan personaliti*. PTS Publications dan Distributor Sdn.Bhd.
- Zaida Mustafa, Anuar Moin & Kamaruddin Hashim. 1998. Laporan kajian gaya pembelajaran guru pelatih Maktab Perguruan Teruntum, Kuantan: Satu kajian Perbandingan.
- Zamri Mahamod. 2015. *Strategi pembelajaran: Inventori cara belajar Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mahamod, Ruslin Amir & Mohamed Amin Embi. 2015. *Kepelbagaian pelajar dan perbezaan pengajaran*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mahamod. 2014. *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

## PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENGGUNAAN BUKU '*INTRODUCTION TO ENGINEERING MATHEMATICS FOR POLYTECHNIC STUDENTS*' DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH

NORSUZANA BINTI ZAKARIA<sup>1</sup>, NADZIRAH BINTI RASDI<sup>2</sup>, NORHAFIZAH BINTI ARSHAD<sup>3</sup>

Politeknik Sultan Idris Shah, 45100 Sg. Air Tawar, Selangor<sup>1,3</sup>  
Kolej Komuniti Taiping, No. 25 Laluan Kamunting 3, 34600 Kamunting, Perak<sup>2</sup>  
norsuzana@psis.edu.my<sup>1</sup>, nadzirah@kktaiping.edu.my<sup>2</sup>, hafizah\_arshad@psis.edu.my<sup>3</sup>

### ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meninjau persepsi pelajar terhadap penggunaan buku *Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students* dalam pengajaran dan pembelajaran. Buku yang dihasilkan ini berperanan sebagai bahan rujukan utama kepada pensyarah dan pelajar serta digunakan sepenuhnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi kursus *Engineering Mathematics 1 (DBM10013)*. Tinjauan telah dijalankan ke atas 135 orang pelajar Semester 1 jurusan Diploma Kejuruteraan Awam (DKA), Diploma Kejuruteraan Elektronik Komunikasi (DEP), Diploma Kejuruteraan Elektronik Komputer (DTK) dan Diploma Alam Sekitar (DAS) bagi Sesi Dis 2020 di Politeknik Sultan Idris Shah. Kajian tinjauan ini dijalankan secara kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik berkaitan persepsi pelajar terhadap penggunaan buku *Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students*. Skala Likert 1 hingga 4 digunakan sebagai instrumen kajian. Data dianalisis merujuk kepada skor min yang diperolehi bagi setiap item penilaian di dalam soal selidik yang terdiri daripada empat bahagian skop penilaian iaitu butir peribadi responden, kandungan buku, rekabentuk dan persembahan buku serta penilaian keseluruhan buku. Dapatan kajian telah menunjukkan pencapaian skor min pada tahap yang tinggi terhadap semua item penilaian di dalam soal selidik. Skor min yang diperolehi adalah di antara 3.62 hingga 3.82. Dapatan ini membuktikan penghasilan buku ini telah memberikan impak dan implikasi yang positif kepada pelajar dari segi kesesuaian isi kandungan, mudah untuk digunakan sebagai bahan rujukan utama pembelajaran di samping dapat meningkatkan kefahaman pelajar terhadap konsep matematik yang dipelajari. Dapat disimpulkan bahawa secara keseluruhannya persepsi pelajar terhadap penggunaan buku *Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students* adalah sangat positif dan dilihat sebagai bahan rujukan utama di dalam pengajaran dan pembelajaran yang dapat membantu meningkatkan kefahaman pelajar bagi kursus *Engineering Mathematics 1 (DBM10013)*.

**Kata Kunci:** Buku *Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students*, *Engineering Mathematics 1*, Persepsi pelajar.

### 1.0 PENGENALAN

Pengajaran merupakan satu proses pemindahan maklumat dan kemahiran kepada pelajar manakala pembelajaran pula didefinisikan sebagai satu proses perolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat, serta pembentukan sikap dan kepercayaan. Dengan ini, pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan memerlukan penglibatan kedua-dua pihak secara aktif di mana pendidik memahami peranan, pelajar dan persekitarannya manakala para pelajar pula perlu memiliki kesanggupan menerima semua maklumat yang disampaikan melalui pelbagai strategi PdP yang dirancang. Perkara ini disokong oleh Shahril @ Charil Marzuki (2004) yang mendefinisikan pengajaran berkesan sebagai kebolehan dan kemampuan guru untuk menyampaikan maklumat pengajaran dengan baik dan juga berkesan, di mana secara tidak langsung dapat memotivasikan diri pelajar untuk terus cemerlang mencapai kejayaan.

Menurut Ahmad Zanzali & Daud (2010) variasi dalam bahan bantu mengajar adalah aspek penting yang perlu diberi perhatian untuk menarik minat pelajar dan mempertingkatkan kefahaman mereka semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Perkembangan teknologi pada masa kini tidak

dinafikan memberi cabaran besar kepada pendidik dalam merancang strategi pengajaran yang bukan sahaja memberangsangkan malah boleh menarik minat pelajar terhadap pengajaran. Salah satu bahan pengajaran yang dilihat sebagai medium konvensional dan masih kekal digunakan dari dahulu hingga kini adalah penggunaan buku. Penggunaan buku walaupun dilihat sebagai perantara pengajaran dan pembelajaran yang kurang memberi impak terhadap teknologi semasa, peranannya mampu membawa impak yang positif kepada pelajar terhadap hasil pembelajaran.

Buku modul seperti juga buku teks adalah merupakan bahan dan sumber pengajaran dan pembelajaran yang penting di dalam kelas. Oleh itu menurut UNESCO definisi buku teks ialah “*a book which is an exposition of generally accepted principles in one subject, intended primarily as a basis for instruction in classroom or pupil-book-teacher situation*” (Abdul Rahman Mahamad, 2001, hlm 2). Buku teks yang dihasilkan haruslah mempunyai kualiti dan isi kandungan yang tepat kerana buku teks merupakan medium penyampaian maklumat yang berkesan sekaligus memainkan peranan penting dalam penyebaran ilmu kepada para pelajar. Oleh itu adalah perlu untuk meninjau pandangan pelajar terhadap penggunaan buku dalam P&P untuk memastikan buku rujukan yang dihasilkan itu berkualiti dan mampu memenuhi kehendak kurikulum yang telah ditetapkan.

## 2.0 PENYATAAN MASALAH

Kursus *Engineering Mathematics 1* (DBM10013) merupakan kursus teras yang ditawarkan oleh Jabatan Matematik, Sains dan Komputer di Politeknik Malaysia bagi pelajar Diploma Semester 1 jurusan Kejuruteraan. Pelajar perlu memperolehi sekurang-kurangnya gred C bagi kursus ini iaitu status lulus bagi melayakkan pelajar mengambil kursus *Engineering Mathematics 2* pada semester seterusnya. Hal ini termaktub di dalam silibus kursus di mana *Engineering Mathematics 1* merupakan kursus pra-syarat bagi kursus *Engineering Mathematics 2*. Kursus ini terdiri daripada 5 topik utama iaitu Asas Algebra, Trigonometri, Nombor Kompleks, Matriks dan Vektor dan Skalar.

Kursus *Engineering Mathematics 1* sering dianggap sebagai kursus yang sukar oleh pelajar walaupun topik yang terkandung di dalam kursus ini merupakan topik asas matematik yang pernah dipelajari semasa persekolahan menengah. Hasil semakan pencapaian SPM bagi subjek Matematik di dapati majoriti pelajar memperolehi keputusan sederhana baik. Ini menunjukkan tahap penguasaan pelajar terhadap matematik adalah lemah dan perlu diperbaiki dari segi pemahaman terhadap konsep asas matematik. Noor Erma Abu & Leong, (2014) dalam kajiannya juga menyatakan pelajar sentiasa beranggapan bahawa subjek matematik merupakan pelajaran yang agak sukar untuk dikuasai. Di dapati juga faktor minat dan kurang tumpuan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas memberi implikasi terhadap pencapaian akhir bagi kursus ini. Terdapat banyak kajian yang menyokong bahawa minat mempelajari sesuatu akan menghasilkan pembelajaran yang berkesan dan sekaligus mendorong ke arah kecemerlangan akademik (Ismail, 1992; Abu Bakar, 1994; Noraznida dan Siti Zubaidah, 2018). Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi meningkatkan minat dan pemahaman pelajar terhadap matematik seperti bengkel teknik menjawab soalan, bengkel penggunaan kalkulator, pendekatan pengajaran secara latih tubi dan sebagainya. Namun pelajar masih lagi melakukan kesilapan semasa menjawab soalan matematik. Perkara ini disokong oleh Mohd Faiq et al. (2018) dalam kajiannya, menyatakan bahawa pelajar sering melakukan miskonsepsi langkah penyelesaian apabila pelajar tidak dapat melihat proses penyelesaian yang berlaku dengan jelas. Menurut Mohd Faiq et al. (2018) lagi, terdapat 4 kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar dalam pengiraan matematik iaitu kesalahan enkod dimana pelajar salah salin soalan atau jawapan, kesalahan proses dimana kesalahan yang berlaku semasa proses penyelesaian, kesalahan kefahaman dimana pelajar tidak dapat menguasai konsep matematik, dan kesalahan bacaan dimana pelajar tidak faham kehendak soalan. Oleh itu, penghasilan buku rujukan atau modul boleh mengurangkan kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar, ini kerana pelajar boleh merujuk penyelesaian jawapan yang diberikan di dalam buku.

Abdullah & Hashim (2010) dalam kajiannya, menyatakan penggunaan buku rujukan atau buku teks adalah sangat penting dalam sesi pembelajaran. Penggunaan bahan bantu mengajar seperti buku teks dapat membantu guru menyampaikan isi pelajaran dengan lebih mudah, menarik dan berkesan serta dapat memberi ransangan kepada pelajar supaya dapat memahami sesuatu konsep matematik dengan mudah (Idris & Salleh, 2010). Pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian (PdPDT) juga mempunyai kesan negatif seperti pelajar kurang fokus dan cepat bosan semasa PdPDT berlangsung (Kirin et al, 2021). Ini kerana, bukan semua pelajar mampu untuk menerima pembelajaran secara dalam



talian, masih terdapat sebilangan pelajar yang memerlukan bimbingan secara konvensional untuk mereka memahami isi kandungan (Berita Harian). Pelajar yang lemah sukar untuk menerima pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian (PdPDT), terutama yang melibatkan kursus yang memerlukan kemahiran mengira yang baik. Oleh itu, kepentingan penggunaan buku rujukan atau buku teks tidak dapat disangkal lagi, ini kerana dengan membuat latihan yang diarahkan pensyarah di dalam buku rujukan atau buku teks dapat mengekalkan tumpuan pelajar dan pelajar dapat memahami isi kandungan pembelajaran. Buku rujukan atau buku teks yang lengkap dengan penyelesaian jawapan matematik dapat membantu pelajar yang lemah untuk menguasai konsep asas matematik.

Matematik adalah satu kursus yang perlu membuat latihan untuk menguasainya, dan bukan sekadar mendengar atau hanya melihat pembelajaran (Idris & Salleh, 2010). Justeru itu, dengan membuat banyak latihan matematik akan menyebabkan pelajar menjadi lebih cekap dan dapat meningkatkan kemahiran pelajar dalam menyelesaikan soalan matematik. Oleh yang demikian, pelajar tidak akan hilang semangat untuk terus berusaha mendapatkan ilmu pengetahuan. Behnke (2018) dalam kajiannya menyatakan buku teks yang berkualiti dapat memberi kesan yang baik kepada pembelajaran, supaya pembelajaran menjadi lebih bermakna serta dapat mengekalkan tumpuan pelajar dalam mempelajari ilmu pengetahuan. Soalan dan latihan di dalam buku teks dapat menentukan keberkesanan penggunaan buku teks dalam pembelajaran (Rezat, 2013). Ini kerana, soalan latihan yang berbentuk peperiksaan dapat melatih pelajar membiasakan diri dengan soalan peperiksaan (Normieza Mohd Yusoff, 2019). Penggunaan buku teks juga dapat membantu pelajar untuk menjalankan pembelajaran sendiri (Zhang & Zhu, 2014). Pembelajaran sendiri amat penting kerana setiap pelajar mempunyai tahap keupayaan penerimaan ilmu pengetahuan yang berbeza, Oleh itu, pembelajaran yang menggunakan buku membawa banyak manfaat dan lebih senang diterima oleh semua tahap pelajar.

Penghasilan buku *Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students* adalah merupakan usaha yang telah dibuat sebagai salah satu medium bahan bantu mengajar yang berperanan sebagai sumber rujukan utama kepada pensyarah dan pelajar di Politeknik Sultan Idris Shah bagi kursus *Engineering Mathematics 1* (DBM10013). Latihan yang diberikan di dalam buku *Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students* adalah berbentuk soalan-peperiksaan akhir semester di politeknik, maka pelajar akan dapat membiasakan diri dengan soalan-soalan peperiksaan dan dapat menguasai semua topik matematik. Penulisan buku ini juga secara tidak langsung menyumbang kepada pertambahan bahan rujukan yang sedia ada dan menggalakkan budaya menghasilkan penulisan ilmiah di kalangan staf akademik. Penulisan buku ini juga diharapkan dapat menambah baik sistem kualiti penyampaian perkhidmatan pendidikan terhadap pelajar khususnya dan mampu memberi implikasi positif kepada Politeknik Sultan Idris Shah.

### 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk meninjau persepsi pelajar terhadap penggunaan buku *Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students* dalam pengajaran dan pembelajaran bagi kursus *Engineering Mathematics 1* (DBM10013) di Politeknik Sultan Idris Shah.

### 4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang berbentuk tinjauan ini dijalankan secara kuantitatif. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan data. Tinjauan ini melibatkan seramai 135 orang responden yang terdiri daripada pelajar Diploma Semester 1 bagi program *Diploma Kejuruteraan Awam (DKA)*, *Diploma Kejuruteraan Elektronik Komunikasi (DEP)*, *Diploma Kejuruteraan Elektronik Komputer (DTK)* dan *Diploma Alam Sekitar (DAS)* Sesi Disember 2020 yang mengambil kursus *Engineering Mathematics 1* (DBM10013). Kesemua pelajar ini dibekalkan dengan buku *Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students* pada awal semester yang digunakan pada setiap kali pertemuan kuliah. Buku ini menjadi bahan rujukan utama kepada pelajar dan pensyarah bagi sesi pengajaran dan pembelajaran selama satu semester.

Borang soal selidik yang digunakan sebagai instrumen kajian melibatkan 2 bahagian iaitu:

- i. Bahagian A  
Bahagian ini berkaitan dengan butir peribadi responden
- ii. Bahagian B  
Bahagian ini berkaitan dengan persepsi responden terhadap penggunaan buku *Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students* dalam pengajaran dan pembelajaran dari segi:
  - a. Kandungan buku
  - b. Rekabentuk dan persembahan
  - c. Penilaian keseluruhan

Sebanyak 12 item soal selidik telah dibina dan data dianalisis dengan merujuk kepada nilai skor min bagi setiap pecahan bahagian item yang dikaji. Format Skala Likert telah digunakan bagi soal selidik yang disediakan iaitu dari skala 1 hingga 4 seperti ketetapan berikut:

- 1 = Sangat Tidak Setuju (STS)
- 2 = Tidak Setuju (TS)
- 3 = Setuju (S)
- 4 = Sangat Setuju (SS)

Skor min yang diperolehi akan diinterpretasikan berdasarkan skala Likert empat mata yang diadaptasi daripada Riduwan (2012) seperti dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min Skala Likert Empat Mata

Skala	Tahap
1.00 – 1.50	Sangat Rendah / Kurang Kaitan
1.51 – 2.50	Rendah
2.51 – 3.50	Sederhana
3.51 – 4.00	Tinggi

Bagi menyokong skor yang diperolehi daripada soal selidik pengkaji juga membuat analisa pencapaian keputusan peperiksaan akhir peratusan pelajar yang mencapai Gred B dan ke atas bagi dua sesi pengajian iaitu Sesi Jun 2020 (tanpa penggunaan buku) dan Sesi Disember 2020 (selepas penggunaan buku *Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students*).

## 5.0 ANALISA DATA DAN KEPUTUSAN

### 5.1 Analisis Item Soal Selidik Pelajar

#### 5.1.1 Bahagian A (Butir Peribadi Responden)

Jadual 2: Butir Peribadi Responden (Jantina)

Responden (Pelajar)	Lelaki		Perempuan		Jumlah Sampel
	Bilangan	Peratusan (%)	Bilangan	Peratusan (%)	
DAS	19	39.6	29	60.4	48
DKA	32	61.5	20	38.5	52
DEP	5	45.5	6	54.5	11
DTK	16	66.7	8	33.3	24
Jumlah	72	53.3	63	46.7	135

Jadual 2 menunjukkan responden dari dua jabatan iaitu Jabatan Kejuruteraan Awam dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik yang terdiri daripada program Diploma Alam Sekitar (DAS), Diploma Kejuruteraan Awam (DKA), Diploma Kejuruteraan Elektronik Komunikasi (DEP), Diploma Kejuruteraan Elektronik Komputer (DTK) bagi semester 1. Responden daripada jabatan kejuruteraan awam menunjukkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 74% daripada keseluruhan responden. Peratusan penglibatan pelajar lelaki adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 53.3% manakala pelajar perempuan sebanyak 46.7% daripada jumlah keseluruhan sampel kajian.

Jadual 3: Butir Peribadi Responden (Bangsa)

Responden (Pelajar)	Bangsa						Jumlah Sampel
	Melayu	Peratusan %	India	Peratusan %	Cina	Peratusan %	
DAS	45	93.8	3	6.3	0	0	48
DKA	46	88.5	6	11.5	0	0	52
DEP	9	81.8	2	18.2	0	0	11
DTK	21	87.5	1	4.2	2	8.3	24
Jumlah	121	89.6	12	1.5	2	8.9	135

Jadual 3 menunjukkan peratusan tertinggi sebanyak 89.6% responden terdiri daripada kalangan pelajar melayu.

### 5.1.2 Bahagian B (Persepsi Responden Terhadap Penggunaan Buku *Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students* dalam Pengajaran dan Pembelajaran)

Jadual 4: Skop Kandungan Buku

Bil.	Item	Skor Min	Tahap
1.	Isi kandungan buku <i>Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students</i> memenuhi silibus <i>Engineering Mathematics 1</i> (DBM 10013).	3.82	Tinggi
2.	Penggunaan Bahasa Inggeris yang mudah difahami.	3.62	Tinggi
3.	Isi kandungan yang tepat dan lengkap.	3.70	Tinggi
4.	Nota bagi setiap topik dalam buku <i>Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students</i> diolah dengan jelas dan sistematik.	3.71	Tinggi
5.	Soalan contoh dan soalan latihan yang terkandung dalam buku <i>Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students</i> adalah menepati keperluan untuk menghadapi peperiksaan akhir.	3.72	Tinggi
6.	Soalan contoh dan jawapan yang diberikan pada setiap topik dapat membantu saya memahami konsep matematik dengan mudah serta dapat meningkatkan kemahiran saya untuk menyelesaikan masalah matematik.	3.76	Tinggi

Jadual 5: Skop Rekabentuk dan Persembahan Buku

Bil.	Item	Skor Min	Tahap
7.	Rekabentuk buku <i>Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students</i> ringkas dan kreatif.	3.66	Tinggi
8.	Cetakan warna grafik dan imej yang menarik bagi buku <i>Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students</i> dapat menarik perhatian saya untuk memahami konsep matematik serta dapat mengekalkan momentum pembelajaran dengan lebih berkesan.	3.62	Tinggi
9.	Penggunaan jenis tulisan dan font size pada buku <i>Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students</i> adalah sesuai dan jelas.	3.73	Tinggi
10.	Buku <i>Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students</i> merupakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang mudah difahami dan mesra pengguna.	3.74	Tinggi

Jadual 6: Skop Penilaian Keseluruhan Buku

Bil.	Item	Skor Min	Tahap
11.	Buku <i>Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students</i> sesuai digunakan oleh pelajar kejuruteraan yang mengambil kursus <i>Engineering Mathematics 1</i> (DBM10013).	3.79	Tinggi
12.	Penggunaan buku <i>Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students</i> mampu meningkatkan pengetahuan dan merangsang minat saya untuk mempelajari kursus <i>Engineering Mathematics 1</i> (DBM10013).	3.73	Tinggi

Jadual 4 hingga 6 menunjukkan skor min bagi persepsi responden terhadap penggunaan buku *Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students* mengikut item di dalam soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan skor min tertinggi iaitu sebanyak 3.82 bagi item penilaian pertama iaitu responden sangat bersetuju bahawa isi kandungan buku *Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students* memenuhi silibus *Engineering Mathematics 1* (DBM10013). Skor min terendah iaitu sebanyak 3.62 bagi item penilaian berkaitan cetakan warna grafik dan imej bagi buku tersebut dalam menarik perhatian pelajar memahami konsep dan mengekalkan momentum pembelajaran dengan lebih berkesan dan penggunaan Bahasa Inggeris yang mudah difahami. Walau bagaimanapun skor ini masih berada di dalam tahap tinggi.

Jadual 7: Persepsi Responden Terhadap Penggunaan Buku *Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students* Mengikut Bahagian Skop Penilaian

Bahagian	Skop Penilaian	Skor Min	Tahap
A	Kandungan buku	3.72	Tinggi
B	Rekabentuk dan persembahan	3.69	Tinggi
C	Penilaian keseluruhan	3.76	Tinggi

Jadual 7 menunjukkan skor min bagi persepsi responden terhadap penggunaan buku *Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students* mengikut bahagian skop penilaian di dalam soal selidik. Dapatan menunjukkan responden telah memberikan penilaian di tahap tinggi bagi ketiga-tiga bahagian utama skop penilaian yang dikaji. Ini menunjukkan penggunaan buku ini telah memberikan implikasi atau kesan positif kepada pelajar yang mengambil kursus *Engineering Mathematics 1* ini sebagai bahan pembelajaran utama dalam proses PdP.

## 5.2 Analisa Perbandingan Pencapaian Pelajar

Jadual 8: Jadual Peratusan Pelajar yang mencapai Gred B dan ke atas bagi Peperiksaan Sesi Jun 2020 dan Sesi Disember 2020

SESI PENGAJIAN	JABATAN	PROGRAM	JUMLAH PELAJAR	BILANGAN PELAJAR YANG MENCAPAI GRED B DAN KE ATAS	PERATUS MENCAPAI GRED B DAN KE ATAS MENGIKUT SESSI PENGAJIAN
SESI JUN 2020	JABATAN KEJURUTERAAN AWAM	DAS	31	23	75
		DKA	58	49	
	JABATAN KEJURUTERAN ELEKTRIK	DEP	61	41	
		DTK	39	29	
SESI DIS 2020	JABATAN KEJURUTERAAN AWAM	DAS	57	37	82
		DKA	73	61	
	JABATAN KEJURUTERAN ELEKTRIK	DEP	33	29	
		DTK	38	34	

Jadual 8 menunjukkan analisa pencapaian pelajar untuk kursus *Engineering Mathematics 1* (DBM10013) bagi Sesi Jun 2020 (tanpa penggunaan buku) dan Sesi Disember 2020 (selepas penggunaan buku *Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students*). Didapati terdapat peningkatan peratusan pencapaian Gred B dan ke atas bagi keputusan peperiksaan akhir *Engineering Mathematics 1* (DBM10013) iaitu meningkat daripada 75% kepada 82%. Peningkatan pencapaian prestasi baik (Gred B dan keatas), dapat membuktikan bahawa buku *Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students* sesuai digunakan sebagai bahan rujukan utama dalam pembelajaran *Engineering Mathematics 1* (DBM10013). Justeru itu, secara keseluruhannya jelas menunjukkan persepsi pelajar terhadap buku *Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students* adalah sangat positif dan baik serta secara tidak langsung telah memberi impak terhadap peningkatan pencapaian pelajar bagi kursus *Engineering Mathematics 1* (DBM10013).

## 6.0 KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan persepsi positif pelajar terhadap penggunaan buku *Introduction to Engineering Mathematics for Polytechnic Students* dalam pengajaran dan pembelajaran bagi kursus *Engineering Mathematics 1* (DBM10013) di Politeknik Sultan Idris Shah. Maklumbalas responden daripada soal selidik menunjukkan bahawa buku ini sesuai digunakan sebagai bahan rujukan utama dalam pembelajaran, isi kandungan buku yang lengkap dan memenuhi kehendak silibus, bahasa yang mudah difahami, contoh dan soalan latihan yang sesuai dalam membantu pelajar mengulangkaji pelajaran di samping membantu pelajar meningkatkan kefahaman terhadap kursus.

Ini membuktikan bahawa buku yang dikatakan sebagai bahan pengajaran konvensional masih lagi diterima sebagai medium berkesan dalam suatu proses pengajaran dan pembelajaran walaupun terdapat pelbagai kaedah pengajaran interaktif yang direka bentuk pada masa kini sejajar dengan perkembangan teknologi semasa. Dapatan kajian ini disokong oleh Tew (2007) yang mendapati bahawa walaupun pada masa kini terdapat peningkatan kelas secara dalam talian yang menggunakan video PdP sebagai medium utama namun pelajar masih lagi berpandangan bahawa pembelajaran menggunakan buku adalah lebih efektif berbanding video PdP secara dalam talian. Pembelajaran menggunakan buku merupakan proses pembelajaran sendiri di mana pelajar mempunyai autonomi sepenuhnya untuk menjalani proses pembelajaran mengikut tahap kemampuan diri (Scott Ronald, 2020).

## 7.0 RUJUKAN

- Abdullah, Christina Andin @ Nur Qistina & Hassim, Irwan (2010) *Kajian Tentang Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar-Pelajar Yang Menginap Di Kolej 17 Utm Skudai, Johor*. pp. 1-8. (Unpublished)
- Abdul Rahim Mohd Saad (1996). *Mereka bentuk teks pengajaran secara efisien dan efektif*. Shah Alam: Fajar Bakti
- Abdul Rahman Mahamad (2001). *Buku Teks dan Proses Penerbitan*. Kuching.
- Abu Bakar Nordin (1994). *Reformasi Pendidikan dalam Menghadapi Cabaran 2020*. Kuala Lumpur: Cetaktama Press.
- Ahmad Zanzali, Noor Azlan & Daud, Nurdalina (2010). *Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Di Kalangan Guru Pelatih UTM Yang Mengajar Matapelajaran Matematik*. pp. 1-6. (Unpublished)
- Behnke, Y. 2018. Textbook Effects and Efficacy. *The Palgrave Handbook of Textbook Studies* 383–398. doi:10.1057/978-1-137-53142-1
- Berita Harian, (2020). COVID-19: Pendidikan menerusi dunia maya cabaran baharu buat guru Kuala Lumpur: Berita Harian Online.
- Idris, Abdul Razak & Salleh, Nor Asmah (2010). *Pendekatan Pengajaran Yang Digunakan Oleh Guru Sekolah Menengah Di Daerah Johor Bahru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik*. pp. 1-7. (Unpublished)
- Ismail Reduan (1992). Faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan pengajaran dan pembelajaran matematik di kalangan murid sekolah rendah. *Jurnal Akademik*.
- Kirin, A., Ahmad Sharifuddin, Mohd Hisyam Abdul Rahim, Shakila Ahmad, Sharifah Khadijah, & Abdullah Sulaiman. (2021). Impak Pengajaran dan Pembelajaran Secara Online: Kajian Kes Terhadap Pelajar Sekolah Rendah, Menengah dan Universiti Semasa Pandemik Covid-19: -. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 2(1), 127-136.

- Mariani Rosli (2004). Penerbitan Buku Teks Untuk Sekolah Rendah. *Kertas kerja yang dibentangkan dalam Kursus Penerbitan Buku Teks 2004, Di Hotel Regency, Port Dickson 5-8 Disember 2004*
- Mohd Faiq Muhammad Amin, Muhammad Asnawi Othman, Aede Hatib Musta'amal @ Jamal, & Diyana Zulaika Abdul Ghani (2018) *Modul buku aktiviti bentuk lazim bercampur untuk subjek matematik*. In: Prosiding Inovasi dalam Pembelajaran dan Pengajaran. UTM Skudai. <http://eprints.utm.my/id/eprint/83926/>
- M. Nazri Abdul Rahman, Norlidah Alias, Saedah Siraj, Zaharah Hussin (2013). *Inovasi Kreativiti dalam Rekabentuk Buku Teks Sekolah Menengah: Aplikasi Pendekatan Interpretive Structural Modeling (ISM)*. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik
- Noor Erma Abu & Leong, Kwan Eu (2014). Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru Dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. Vol. 2, No.1, 1 -10
- Noraznida Husin & Siti Zubaidah Md Nor (2018). Faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Program Pengajian di IPTS: Kajian di Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Proceeding of the 5th International Conference on Management and Muamalah 2018 (ICoMM 2018).
- Normieza Mohd Yusoff (2019). Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Buku Modul Nota & Latihan Dbm 1013 Basic Algebra. *Green Technology & Engineering Seminar 2019*. 113-117
- Rezat, S. (2013). The textbook-in-use: Students' utilization schemes of mathematics textbooks related to self-regulated practicing. *ZDM - Mathematics Education* 45(5): 659–670.
- Riduwan (2012). *Skala Pengukuran Variable-variable: Penelitian Alfabeta*, Bandung
- Salleh, A. R. (2010). *Pendekatan Pengajaran Yang digunakan Oleh Guru Sekolah Menengah Di daerah Johor Bahru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Skudai*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Scott Ronald Bartholomew (2020). *A Study Analyzing Five Instructional Methods for Teaching Software to Junior High Students*. Theses and Dissertations
- Shahril @ Charil Marzuki (2004). Amalan Pengajaran Yang Berkesan: Kajian Di Beberapasekolah Menengah Di Wilayah Persekutuan Dan Selangor. *Jurnal Pendidikan*, Universiti Malaya.
- Tew, C. (2007). WebTVWire.com. <http://www.webtvwire.com/the-growth-of-internet-video-are-video-search-engines-the-next-to-boom/> (dicapai pada 5/12/2020).
- Zhu, Y. & Fan, L. (2006). Focus on the representation of problem types in intended curriculum: A comparison of selected mathematics textbooks from Mainland China and the United States. *International Journal of Science and Mathematics Education* 4(4): 609–626.

## PELAKSANAAN PEMBELAJARAN KOLABORATIF MENGGUNAKAN APLIKASI JAMBOARD DALAM MENYATAKAN PENDAPAT TENTANG BAHAN RANGSANGAN

**CARMELA EDWIN<sup>1</sup>, MAGDELINE ANAK NOR, PhD<sup>2</sup>**

Institusi Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Jalan Bakam 98009 Miri Sarawak  
carmelaedwin@gmail.com<sup>1</sup>, magsmks@yahoo.com.my<sup>2</sup>

### ABSTRAK

Pendidikan merupakan salah satu bidang yang mendapat tempas buruk daripada penularan wabak COVID-19 dan telah menyebabkan kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan wabak COVID-19. Keadaan ini telah menyebabkan semua sekolah di seluruh negara tidak beroperasi secara bersemuka dan menggantikannya dengan Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PDPR). Proses PDPR telah dilakukan dengan pelbagai cara bagi memastikan murid mendapat pendidikan yang sewajarnya dengan mengambil kira aspek yang diutamakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan dihasratkan melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam melahirkan murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Oleh yang demikian, penerapan unsur PAK-21 dalam PdP akan dapat membudayakan PAK-21 dalam pembelajaran secara PDPR. Satu usaha yang dilaksanakan ialah pembelajaran kolaboratif dalam proses PDPR iaitu menerapkan unsur Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dengan menggunakan aplikasi Jamboard. Melalui kajian ini, ia akan menunjukkan pelaksanaan penggunaan aplikasi Jamboard dalam membantu murid untuk menyatakan pendapat tentang bahan rangsangan. Kajian ini juga menunjukkan murid dapat berkomunikasi walaupun dalam mod PDPR. Penggunaan aplikasi Jamboard dalam membudayakan pembelajaran kolaboratif dapat membekalkan murid dengan kemahiran TMK yang akan berguna dalam mendepani arus perubahan dalam pendidikan masa kini. Kajian ini boleh dijadikan panduan oleh guru pada masa akan datang untuk terus mempelbagaikan kaedah yang mampu meningkatkan keberkesanan PDP terutamanya dalam penerapan unsur TMK pengajaran dan pembelajaran.

**Kata kunci:** Kolaboratif, PDPR, TMK, PAK-21 dan aplikasi *Jamboard*

### ABSTRACT

*Education is one of the parts that has been badly affected by this situation and has led the government to implement the Movement Control Order (MCO) to curb the spreading of the COVID-19 epidemic. This situation has also caused all schools across the country not to operate face to face and replace it with Home-based Teaching and Learning (PDPR). The PDPR process has been done in various ways to ensure that students continue to receive proper education by taking into account aspects that have been prioritized by the Ministry of Education Malaysia (MOE) and intended through the National Education Philosophy (FPK) in producing students who are balanced in terms of physical, emotional, spiritual and intellectual. Therefore, the application of PAK-21 elements in Teaching and Learning Process (PdP) will continue to be implemented including cultivating PAK-21. One of the efforts that can be implemented is to create collaborative learning in the PDPR process, which is to apply the elements of Information and Communication Technology (ICT) by using the Jamboard application. This study shows the implementation process of Jamboard application in helping students to express opinions about stimulus materials and communication between students can be done even in PDPR mode. It also can cultivate collaborative learning and provide students with ICT skills that is useful in facing the current changes in education. In addition, it can be used as a guidance by teachers in the future to diversify methods that can boost the effectiveness of PDP.*

**Keywords:** *collaborative, home-based teaching and learning (PDPR), ICT, PAK-21 and Jamboard.*

## PENGENALAN

Kajian ini lebih memberi fokus kepada isu berkaitan dengan situasi semasa yang berlaku di sekolah. Isu yang akan dibincangkan dalam kajian ini ialah berkaitan dengan pengamalan pembelajaran kolaboratif dalam proses pembelajaran dari konteks Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PDPR). Kaedah pembelajaran kolaboratif dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam bilik darjah amatlah mudah untuk dilaksanakan secara bersemuka. Kajian kes ini akan mengupas dengan lebih lanjut tentang Pelaksanaan Pembelajaran Kolaboratif dengan mengintegrasikan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam proses pembelajaran secara PDPR.

## ISU YANG DIFOKUSKAN

Proses pembelajaran secara Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PDPR) memerlukan murid untuk mengikuti pembelajaran dari rumah masing-masing. Situasi ini sedikit sebanyak akan dapat mendatangkan kesan yang tidak baik kepada perkembangan mental para murid. Bagi membuktikan pernyataan itu, Pakar Psikologi Klinikal *International Universit of Malaya-Wales*, Dr Mimi Fitriana Zain menjelaskan dalam wawancara Sinar Harian (2020) bahawa pembelajaran melalui paparan skrin dalam jangka waktu yang lama akan mendatangkan kesan kepada kesihatan mental, fizikal, emosi dan sosial remaja. Situasi seperti itu akan lebih mudah untuk berujung kepada perkara yang tidak baik seperti tidak mengikuti kelas PDPR dengan konsisten dan akan menyebabkan tertinggal dalam pelajaran. Oleh yang demikian, sebelum sesuatu perkara itu terjadi dengan lebih serius lagi, terdapat kaedah yang boleh mengekalkan keterujaan dan minat murid untuk terus mengikuti kelas PDPR tanpa ada gangguan yang boleh menjejaskan fokus mereka dalam pelajaran yang diikuti. Selain itu, kajian ini juga akan menjelaskan penggunaan teknologi dalam memastikan sesuatu proses pembelajaran itu berjalan dengan lancar dan berkesan. Penggunaan teknologi dan komunikasi (TMK) dalam proses pembelajaran mampu menaikkan keupayaan prestasi akademik murid (Brown, Englehardt dan Mathers, 2016).

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian dijalankan untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Kajian dilaksanakan untuk:

- i. Melaksanakan pembelajaran kolaboratif dalam PDPR untuk menyampaikan pendapat tentang bahan rangsangan dalam kalangan murid.
- ii. Menggunakan aplikasi *Jamboard* untuk melaksanakan Pembelajaran Kolaboratif bagi menyampaikan pendapat tentang bahan rangsangan dalam kalangan murid.

## PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan utama dalam kajian kes ini ialah:

- i. Adakah pembelajaran kolaboratif dapat dilaksanakan dalam mod PDPR bagi menggalakkan perbincangan dalam kalangan murid untuk menyampaikan pendapat tentang bahan rangsangan.
- ii. Adakah pelaksanaan pembelajaran kolaboratif dapat dilakukan dengan menggunakan aplikasi *Jamboard* bagi menggalakkan perbincangan dalam kalangan murid untuk menyampaikan pendapat tentang bahan rangsangan.

## KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan pelajar Tingkatan 5A2. Tingkatan 5A2 terdiri daripada 25 orang murid iaitu 18 orang pelajar perempuan dan 7 orang pelajar lelaki. Kebanyakan pelajar merupakan pelajar yang berbangsa Kenyah iaitu seramai 13 orang, Kayan 6 orang, Iban 2 orang, Penan 2 orang dan seorang pelajar berbangsa Cina. Pelajar-pelajar dalam kelas ini merupakan pelajar yang diajar sendiri oleh pengkaji bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Ekoran daripada format baharu peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk kertas Bahasa Melayu yang telah diperkenalkan dan mula dilaksanakan pada tahun 2021, terdapat banyak perubahan yang melibatkan topik pembelajaran.



Situasi ini memerlukan pelbagai kaedah untuk mendedahkan murid dengan format-format baharu yang terdapat dalam kertas peperiksaan Bahasa Melayu. Oleh sebab yang demikian, penglibatan murid dalam PDPR amatlah penting agar tahap penguasaan mereka dalam pembelajaran dapat ditingkatkan. Namun begitu, pendapat beberapa pihak juga diminta dalam menerangkan isu yang berkaitan dengan fokus kajian iaitu pihak pengurusan sekolah (Pengetua) wakil warga sekolah (Kerani), wakil guru (Guru Bahasa Melayu), wakil komuniti (ibu bapa) dan seorang pelajar.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian kes merupakan kajian kualitatif. Hal ini dikatakan demikian kerana ia akan dapat membolehkan pengkaji berinteraksi secara langsung dengan responden bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan kajian yang dilaksanakan. Menurut Patton (1990) data dan maklumat dalam kajian kualitatif akan dapat diperolehi dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan perbincangan atau perbincangan bersama respon berpandukan soalan-soalan yang sudah disediakan. Kajian kes berbentuk kualitatif ini juga akan mampu membekalkan maklumat kepada pengkaji untuk memahami persoalan "mengapa" sesuatu isu itu berlaku dan perbincangan bersama responden akan dapat menjawab persoalan yang dibangkitkan (Weinreich U, 2011).

### **Tinjauan Masalah**

#### **Pemerhatian**

Kaedah pemerhatian merupakan salah satu instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat dalam kajian. Secara umumnya menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012) pemerhatian terbahagi kepada dua iaitu pemerhatian secara terus (*direct observation*) dan pemerhatian melalui penglibatan langsung (*participation observation*). Pemerhatian yang digunakan untuk memperoleh maklumat dalam kajian ini ialah pemerhatian secara terus. Pemerhatian dilakukan terhadap hasil proses pembelajaran yang dilakukan ketika mengaplikasi pembelajaran kolaboratif menggunakan aplikasi *Jamboard*.

#### **Temu bual**

Kaedah temu bual digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat tentang isu yang dibincangkan. Temu bual yang dijalankan ialah temu bual berstruktur. Temu bual akan dilaksanakan berdasarkan soalan-soalan yang telah disediakan sebelum proses temu bual. Namun demikian, soalan yang ditanya berdasarkan latar belakang responden yang ditemu bual. Setiap soalan yang disoal telah disediakan terlebih dahulu sebelum sesi temu bual dijalankan. Menurut Taylor dan Bogdan (1984), dengan menggunakan kaedah temu bual, pengkaji akan dapat memperoleh maklumat yang disampaikan oleh responden berdasarkan pengetahuan, situasi dan pengalaman yang dilalui. Selain itu, perbincangan akan dapat dilakukan dalam keadaan yang lebih selesa secara komunikasi dua arah.

## **HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN**

### **Analisis Tinjauan Masalah**

Sepanjang pelaksanaan proses pembelajaran secara PDPR bagi pelajar Tingkatan 5A2, saya dapati kehadiran murid semakin berkurang dari hari ke hari. Hal ini dikatakan demikian kerana, minat murid untuk mengikuti pembelajaran secara PDPR telah berkurang ekoran daripada situasi semasa yang tidak mengizinkan untuk pembelajaran secara bersemuka. Murid akan lebih bosan dalam pembelajaran dari rumah kerana tidak mempunyai aktiviti yang dapat dilaksanakan. Keadaan ini menjelaskan bahawa minat pelajar terhadap pembelajaran secara PDPR telah berkurang dan menyebabkan mereka tidak memberikan tumpuan terhadap pembelajaran secara PDPR dan akhirnya kehadiran secara keseluruhan dalam kelas PDPR turut berkurang.

Pernyataan ini telah disokong oleh Woolfolk (1998) dalam (Zulzana, Mohamed dan Roslina, 2011) yang turut menjelaskan bahawa minat merupakan salah satu aspek yang mampu mempengaruhi tahap pembelajaran seseorang pelajar. Hal ini dikatakan demikian, sekiranya murid itu mempunyai minat terhadap sesuatu perkara, maka setiap tugas akan mudah untuk dilakukan tanpa diarahkan oleh guru atau ibu bapa. Noraini Omar (2008) telah membuktikan pernyataan itu dengan menjelaskan sikap pelajar terhadap pembelajaran mempengaruhi pencapaian mereka dalam sesuatu mata pelajaran itu.

Kaedah pembelajaran telah mempengaruhi motivasi pelajar untuk belajar seperti yang dinyatakan oleh Woolfolk (1995) dalam (Azizi, Yusof dan Kamaliah, 2007). Motivasi yang ada dalam diri pelajar akan dapat membolehkan mereka untuk bertindak tanpa diberikan arahan oleh sebarang pihak. Oleh yang demikian, sesuatu pembelajaran yang berkesan perlulah dilaksanakan oleh guru bagi meningkatkan motivasi murid dalam belajar. Menurut Sharil (2002) Pembelajaran berkesan amat penting bagi memastikan murid untuk menguasai sesuatu topik, konsep dan kemahiran yang diajar.

### **Pemerhatian**

Melalui kaedah pemerhatian, kehadiran PDPR murid SMK Bakun secara keseluruhan telah menurun dari hari ke hari. Ini telah dibuktikan dengan peratus kehadiran murid yang mengikuti kelas setiap hari. Peratus ini telah dikongsikan oleh Tuan Pengetua dalam proses temu bual yang telah dilakukan.

<b>TARIKH</b>	<b>PERATUS KEHADIRAN MURID PDPR</b>
15/6/2021	27.22%
16/6/2021	22.62%
17/6/2021	20.95%
21/6/2021	17.54%

Jadual 1: Peratus Kehadiran PDPR SMK Bakun 2021

### **Temu bual**

Temu bual telah dilaksanakan bersama lima orang responden bagi mendapatkan pandangan mereka berkenaan dengan isu yang melibatkan PDPR. Temu bual berstruktur digunakan bagi mendapatkan pendapat responden tentang isu yang melibatkan PDPR. Hasil temu bual telah direkodkan bagi tujuan transkripsi iaitu ditukar dari rakaman audio akan ditukarkan kepada bentuk tulisan.

Perkongsian yang diberikan oleh pengetua menunjukkan penglibatan murid dalam PDPR semakin berkurang.

*“Seperti mana yang kita buat GM semalam kan, dengan Unit Akademik semalam yang Bahagian PPD bagitahu iaitu PDPR di bahagian kita luar bandar ini, dia punya PDPR tu sudah lumpuh sudah. Jadi kalau ikut laporan harian kita, PDPR kita semakin merosot. Kalau kita lihat dekat sini, iaitu dari segi kehadiran pelajar. Walaupun guru melaksanakan kelas, tetapi sambutan daripada ibu bapa amat amat kurang sekali. Saya bagitahu dia punya peratus. Peratus penglibatan murid kita.”*

Pernyataan oleh pengetua telah menunjukkan bahawa kehadiran murid dalam PDPR semakin menurun dari hari ke hari. Ini jelas menunjukkan murid tidak mempunyai motivasi untuk mengikuti proses pembelajaran secara dalam talian.

### **Tindakan yang dijalankan.**

#### **Pelaksanaan Pembelajaran Kolaboratif dalam PDPR**


Tindakan yang dilaksanakan bagi mencapai objektif kajian ini ialah menggunakan kaedah yang dapat meningkatkan motivasi murid untuk mengikuti PDPR. Mempelbagaikan kaedah pembelajaran merupakan salah satu kaedah yang dapat meningkatkan motivasi murid dalam melakukan sesuatu dengan menerapkan pembelajaran kolaboratif dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Hal ini dapat dilaksanakan dengan melibatkan murid secara berkumpulan bagi melakukan sesuatu tugas. Keadaan ini telah dibuktikan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Hartley (1977) dalam (Shahril, 2002). Pelajar dalam setiap kumpulan akan dapat berbincang bagi menghasilkan perbincangan berkaitan dengan topik yang dipelajari. Seiring dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang ingin melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, pembelajaran abad ke-21 telah memberi penekanan kepada beberapa aspek yang lebih menjurus kepada murid-murid itu sendiri. Salah satu elemen penting dalam membudayakan pembelajaran abad ke-21 ialah pembelajaran kolaboratif seperti yang dinyatakan oleh Pejabat Pendidikan Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21 (2015). Dengan penerapan pembelajaran kolaboratif dalam

proses PdP, situasi tersebut telah melengkapkan diri murid dengan pelbagai kemahiran dan mendatangkan kebaikan dari segi penguasaan topik pembelajaran.


### **Murid diperkenalkan dengan aplikasi Jamboard dan cara penggunaannya.**



Satu sesi khas yang dilaksanakan bagi mendedahkan murid dengan penggunaan aplikasi *Jamboard*. Murid-murid diminta mengikuti sesi tersebut menggunakan *Google Meet*. Dalam sesi itu juga, murid-murid turut diperkenalkan dengan kebaikan menggunakan Jamboard yang dikenali sebagai papan putih digital atau dalam Bahasa Inggeris iaitu *Digital Whiteboard*. Selain itu, para murid juga diberi penerangan tentang cara memuat turun aplikasi tersebut. Pada akhir sesi tersebut, murid-murid diminta mengambil gambar paparan skrin telefon masing-masing bagi menunjukkan mereka sudah memuat turun aplikasi berkenaan.



Gambar 1: Sesi Memperkenalkan Aplikasi Jamboard kepada Pelajar 5A2



Gambar 2: Gambar Paparan Peranti Pelajar Memuat Turun Aplikasi *Jamboard*

Gambar-gambar di atas menunjukkan paparan skrin telefon murid-murid yang sudah memuat turun aplikasi Jamboard. Murid bukan sahaja diberi penerangan secara lisan, malah murid juga diberi peluang untuk mencuba sendiri aplikasi itu dalam telefon pintar masing-masing sebelum mengikuti sesi pembelajaran PDPR yang sebenar.


### **Melaksanakan sesi pembelajaran PDPR menggunakan aplikasi Jamboard.**

Oleh hal yang demikian, pembelajaran kolaboratif telah dilaksanakan dalam proses pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Melayu secara PDPR. Pembelajaran kolaboratif yang diertikan di sini ialah, murid-murid akan dibahagikan dalam beberapa kumpulan mengikut bilangan murid yang mengikuti kelas PDPR pada hari tersebut. Sebelum melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan proses pembelajaran, guru mata pelajaran telah memberi penerangan tentang perisian yang akan digunakan oleh mereka dalam melakukan aktiviti perbincangan dalam tujuh kumpulan. Perbincangan yang dilakukan oleh murid dalam kumpulan masing-masing. Terdapat tujuh orang murid yang dapat

mengikuti PDPR dan murid dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan 1 terdiri daripada 3 orang murid dan kumpulan 2 terdiri daripada 4 orang murid. Murid diminta menyatakan pendapat tentang gambar yang diberikan dalam kumpulan masing-masing. Dalam kumpulan masing-masing murid dapat bekerjasama untuk mengeluarkan pendapat tentang bahan rangsangan yang diberikan dalam setiap kumpulan.

Melalui aktiviti pembelajaran secara kolaboratif ini, murid dapat memaparkan kerjasama yang ada dalam kumpulan bagi menghasilkan perbincangan dengan berkesan seterusnya mampu menghormati pendapat rakan yang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana, murid akan dapat melihat pendapat atau idea yang dikongsikan oleh rakan mereka dalam paparan *Jamboard* tersebut. Seterusnya mencapai matlamat yang sama dalam setiap kumpulan iaitu mengeluarkan hasil pendapat tentang satu bahan yang sama. Pernyataan ini disokong oleh pendapat yang diberikan oleh National Education Association (NEA) (2010) yang menunjukkan ciri-ciri kemahiran kolaboratif seperti kemampuan untuk bekerjasama dalam kumpulan dengan menghormati pandangan dan sumbangan setiap ahli kumpulan bagi mencapai satu matlamat yang sama.

Gambar berikut merupakan paparan skrin yang ada pada telefon pintar murid-murid yang menunjukkan hasil perbincangan yang dilakukan oleh murid-murid melalui telefon masing-masing.



Gambar 3: Paparan Skrin telefon pintar murid-murid yang menunjukkan hasil perbincangan (Kolaboratif)

### **Cadangan penambahbaikan yang akan dilaksanakan bagi menangani isu.**

#### **Pelaksanaan Aktiviti 1: Pemerhatian**

Pada peringkat awal pendedahan penggunaan aplikasi tersebut, pelajar kurang memahami sepenuhnya kerana belum sepenuhnya melaksanakan proses pembelajaran menggunakan kaedah tersebut. Terdapat juga sesetengah pelajar yang mempunyai masalah untuk memuat turun aplikasi berkenaan. Seterusnya tidak dapat menggunakan aplikasi tersebut dalam proses pembelajaran. Pada mulanya, pelajar kelihatan kurang memahami dalam penggunaan. Namun dengan bantuan dan bimbingan guru mereka dapat mengenal pasti setiap "*features*" yang ada dalam aplikasi berkenaan. Pelajar yang kurang menguasai penggunaan aplikasi Jamboard pada peringkat awal disebabkan mereka lebih faham dan telah biasa dalam menggunakan kaedah lain untuk berbincang dengan rakan yang lain. Selain itu, murid kurang membuat eksplorasi sendiri terhadap aplikasi yang sudah dimuat turun. Dengan begitu, mereka kurang mahir dalam menggunakan segala kemudahan yang terdapat dalam aplikasi Jamboard.

#### **Pelaksanaan Aktiviti 2: Refleksi**

Dengan melibatkan penggunaan jamboard dalam PdP sebenar telah menunjukkan kefahaman murid dalam memanfaatkan kemudahan teknologi itu untuk berbincang. Situasi ini jelas ditunjukkan dalam perbincangan yang telah dilakukan oleh murid dengan begitu lancar. Murid-murid terlihat seronok apabila melakukan perbincangan bersama dengan rakan, ekoran daripada jawapan rakan

dalam kumpulan masing-masing dapat dilihat oleh mereka. Setiap kumpulan yang dibentuk dapat menjawab tugas yang diberikan dalam masa yang ditetapkan. Perbincangan dalam kalangan murid-murid secara dalam talian tidak menghalang mereka untuk kekal berkomunikasi secara maya dalam menyatakan pendapat masing-masing. Selain itu, komunikasi yang berkesan dalam kalangan murid juga mampu melahirkan idea yang bervariasi. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap pernyataan yang diberikan dapat dilihat oleh ahli kumpulan mereka. Murid-murid juga dilihat lebih selesa dan bebas menyatakan pendapat masing-masing dengan menggunakan aplikasi yang dikawal sendiri oleh mereka melalui telefon pintar tanpa dilihat oleh orang lain seperti keadaan dalam kelas sebenar iaitu menulis di papan putih di hadapan kelas.

## **REFLEKSI KESELURUHAN KAJIAN**

Secara keseluruhan, kajian ini dapat menerapkan nilai-nilai murni dalam diri murid iaitu murid dapat bersikap lebih positif, menghormati pendapat yang diberikan oleh rakan, mengamalkan nilai toleransi dan tidak mementingkan diri sendiri dalam menyampaikan idea serta pendapat bagi menghasilkan satu hasil kumpulan yang variasi. Kaedah pembelajaran kolaboratif menggunakan aplikasi Jamboard juga telah menjadikan murid lebih aktif dalam mengemukakan idea serta berkongsi pendapat dengan rakan kumpulan mereka sekali gus merencanakan lagi perbincangan dalam kalangan murid. Situasi ini selari dengan kriteria murid yang terdapat dalam Standard Kualiti Pembelajaran Malaysia Gelombang 2 (Standard 4) iaitu murid sebagai pembelajar yang aktif dan akan membolehkan murid untuk menguasai pengetahuan dan kemahiran di samping mengamalkan nilai-nilai positif dalam diri seperti yang dinyatakan oleh Cikgu Hailmi (2017) dalam laman webnya. Keadaan seperti ini membuktikan bahawa keadaan semasa yang agak terhad pelaksanaan PdP iaitu secara dalam talian tidak menghalang guru-guru untuk terus membudayakan pembelajaran kolaboratif yang merupakan salah satu elemen penting dalam pembelajaran abad ke-21. Hal ini dikatakan begini supaya penggunaan alat TMK dalam proses PdP dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh guru dan murid bagi melaksanakan proses pembelajaran terutamanya dalam mod PDPR ini.

## **CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA**

Dalam usaha melakukan sesuatu perkara, kekurangan merupakan sesuatu hal yang agak sukar untuk dipisahkan daripada manusia. Oleh hal yang demikian, cadangan kajian seterusnya adalah untuk lebih meneliti keadaan atau latar belakang murid yang berbeza. Hal ini dikatakan begini kerana masih terdapat murid-murid yang tidak mempunyai akses Internet yang baik untuk memuat turun aplikasi ini. Kaedah lain mungkin dapat dilaksanakan bagi memastikan semua murid dalam sebuah kelas itu untuk turut terlibat sama. Pembahagian kumpulan murid juga harus sentiasa diberi perhatian kerana murid terdiri daripada pelbagai tahap pencapaian dan prestasi. Selain itu, tidak dapat dinafikan tempoh masa yang begitu singkat dalam menjalankan kajian kes ini. Segala perancangan akan dapat dilaksanakan seperti yang dirancang sekiranya pengurusan dari segi masa dapat diuruskan dengan begitu baik. Hal ini dikatakan begitu kerana "Pengurusan Masa" adalah kunci kejayaan sesuatu tugas yang dilakukan. Dalam kajian ini, saya menghadapi sedikit masalah dari segi pengurusan masa yang tidak terurus sehingga terdapat sesetengah bahagian tugas yang tidak dapat disempurnakan seperti yang sepatutnya. Dalam kajian yang akan datang, pengurusan masa merupakan perkara utama yang harus diberi perhatian bagi memastikan semua perancangan dapat diselesaikan dengan baik.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, perubahan akan sentiasa berlaku dalam bidang pendidikan khususnya dalam proses pembelajaran yang melibatkan murid dan guru. Oleh yang demikian, guru yang memainkan peranan utama dalam bidang pembelajaran haruslah sentiasa peka dengan setiap perubahan yang berlaku dalam pendidikan bagi memastikan setiap keperluan murid dapat dipenuhi seiring dengan perkembangan semasa dalam pendidikan dengan melibatkan penggunaan kemudahan TMK dalam proses pembelajaran. Dengan begitu, guru dan murid-murid akan dilengkapi dengan ilmu dan kemahiran yang seterusnya akan mempersiapkan diri mereka bagi menghadapi sebarang masalah sekali gus cabaran masa hadapan dalam bidang pendidikan. Situasi ini dibuktikan dengan pernyataan daripada Burke, Lawrence, El-Sayed dan Apple (2009) yang menjelaskan bahawa pendidikan akan

sentiasa melalui proses perubahan yang berterusan. Oleh yang demikian, kemahiran dan ilmu pengetahuan hendaklah dikuasai oleh guru kerana penemuan kecerdasan pelbagai oleh Gardner (1983) dalam kajian yang dilaksanakan oleh Suriati, Sobihatun dan Ariffin (2015) membuktikan bahawa penggunaan teknologi dapat membantu mengembangkan lagi kebolehan yang ada dalam diri murid terutamanya dari segi pembelajaran.

## RUJUKAN

- Azizi Yahaya, Yusof Boon & Kamaliah Noordin (2007). Hubungan antara Konsep Kendiri, Motivasi dan Gaya Keibubapaan dengan Pencapaian Pelajar. *Jurnal Pendidikan*.
- Burke, K., Lawrence, B., El-Sayed, M., & Apple, D. (2009) Process education: Past, Present, and Future. *International Journal of Process Education*, 1(1).  
[http://www.pcrest2.com/institute\\_resources/TI/pe.htm](http://www.pcrest2.com/institute_resources/TI/pe.htm).
- Cikgu Hailmi (2017) SKPMg2 - Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2. <https://www.cikguhailmi.com/2017/01/skpmg2-standard-kualiti-pendidikan-malaysia-gelombang-2.html>.
- Kamarul Azmi Jasmi (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia. [https://www.researchgate.net/publication/293097563\\_Metodologi\\_Pengumpulan\\_Data\\_dalam\\_Penyelidikan\\_Kualitatif](https://www.researchgate.net/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatif).
- Mahdzir Khalid (2021). Malaysiakini: Ulasan PDPR - mana murldnya? Diterbitkan dalam web melalui <https://youtu.be/BNKf4NZ7y8A>.
- National Education Association (NEA) (2010). Preparing 21<sup>st</sup> Century Students for a Global Society: An Educator's Guide to the "Four Cs". <http://www.nea.org/assets/docs/A-Guide-to-Four-Cs.pdf>.
- Noraini Omar (2008). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan Lima. *Jurnal Pendidikan, Institut Perguruan Abdul Razak, Sarawak*.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods* 2<sup>nd</sup> edition. Newbury Park, CA: Sage Publication, INC.
- Pejabat Pendidikan Daerah Muar (2015). *Garis Pandun Pelaksanaan Abad ke-21*. [https://www.academia.edu/32686549/PEMBELAJARAN\\_ABAD\\_KE-21](https://www.academia.edu/32686549/PEMBELAJARAN_ABAD_KE-21).
- Shahril @ Charil bin Marzuki (2002). *Amalan Pengerahan Guru yang Berkesan: Kajian di Beberapa Sekolah di Malaysia*.
- Sinar Harian (2020). Dr. Mimi Fitriana Zain: Pembelajaran Online boleh beri kesan kesihatan mental. WACANAQURAN. <https://www.sinarharian.com.my/article/112917/KHAS>.
- Suriati Abdul Aziz, Sobihatun Nur Abd. Salam dan Ariddin Abd. Mutalib (2015). Memahami TPACK Dalam Pendidikan Guru: Model Konsep Persempahan Bersepadu. *Jabatan Teknologi Pendidikan Guru Kampus Ipoh*.
- Taylor, SJ & R. Bogdan (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meaning*. Second Edition. John Wiley and Sons. Toronto.
- Uriel Weinreich (2011) *Language in Contact*. John Benjamin Publishing Company.
- YM Raja Abdullah Raja Ismail dan Daud Ismail (2018). APLIKASI "KONSEP 4C" PEMBELAJARAN ABAD KE-21 DALAM KALANGAN GURU PELATIH PENGAJIAN AGAMA INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS DATO' RAZALI ISMAIL. *Jabatan Pendidikan Islam dan Moral IPGK Dato' Razali Ismail, Malaysia & Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah & Peradaban Islam Universiti Sultan Zainal Abidin Malaysia*. *Asian People Journal (APJ)*.
- Zulzana, Z. , Mohamed S., Roslina A.T. (2011) Hubungan antara Minat, Sikap dengan Pencapaian Pelajar dalam Kursus CC301 - Quantity Measurement. <https://www.researchgate.net/deref/http%3A%2F%2Fwww.polipd.edu.my%2Fv3%2Fsites%2Fdefault%2Ffiles%2F1EduSem12.pdf>.



**Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak**  
**Jalan Bakam,**  
**98009 Miri, Sarawak, Malaysia**  
**Web: [ipgks.moe.edu.my](http://ipgks.moe.edu.my)**

**ISSN 1511-9033**

eISSN 2811-4558



9 7 7 2 8 1 1 4 5 5 0 0 3